



**PENYATA RASMI PARLIMEN  
DEWAN RAKYAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS  
PENGAL KEDUA  
MESYUARAT KETIGA**

---

---

**Bil. 61**

**Isnin**

**25 November 2019**

---

**K A N D U N G A N**

<b>JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN</b>	(Halaman 1)
<b>RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT</b>	(Halaman 27)
<b>RANG UNDANG-UNDANG:</b>	
Rang Undang-undang Perbekalan 2020	
<u><b>Jawatankuasa:-</b></u>	
<u><b>Jadual:-</b></u>	
Maksud B.45	(Halaman 28)
Maksud B.27	(Halaman 134)
<b>USUL-USUL:</b>	
Waktu Mesyuarat dan Urusan Dibebaskan Daripada Peraturan Mesyuarat	(Halaman 28)
Anggaran Pembangunan 2020	
<u><b>Jawatankuasa:-</b></u>	
Maksud P.45	(Halaman 28)
Maksud P.27	(Halaman 134)

**MALAYSIA**  
**DEWAN RAKYAT**  
**PARLIMEN KEEMPAT BELAS**  
**PENGAL KEDUA**  
**MESYUARAT KETIGA**  
**Isnin, 25 November 2019**  
**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**  
**DOA**

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

---

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih. *Bismillahi Rahmani Rahim.* Tuan Yang di-Pertua, suhu politik tanah air kita makin hari makin panas, jadi saya hendak mohon untuk soalan saya ini saya hendak pasang 20 saat sahaja. Izinkan saya, saya mohon keizinan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

*[YB. Tanah Merah memasang rakaman muzik]*

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Ok, Tanah Merah soalan nombor 1.

*[Dewan Ketawa]*

**1. Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan jumlah siswazah yang masih menganggur sejak dua tahun lalu dan apakah puncanya.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Tanah Merah yang mengemukakan persoalan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat dan seluruh Ahli-ahli Dewan, pendaftaran pencari kerja yang berdaftar dengan *JobMalaysia* sehingga Oktober 2019 ialah seramai 290,898 orang pendaftar aktif pencari kerja yang terdiri daripada 210,868 orang adalah siswazah-siswazah.

Akan tetapi mereka ini bukan bermakna mereka ini siswazah menganggur yang tidak ada kerja tetapi mereka ini termasuk antaranya ialah siswazah yang pertama kali berdaftar untuk mencari kerja, yang dia belum ada kerja tetapi juga terdiri daripada mereka yang hendak beralih pekerjaan, hendak meningkatkan mereka punya pekerjaan dan juga hendak beralih tempat pekerjaan dan sebagainya untuk mendapat khidmat melalui *JobMalaysia*.

Jadi itulah dia, kalau Yang Berhormat hendakkan angka yang tepat saya masih belum memperoleh angka yang tepat pencari kerja siswazah yang pertama kali berdaftar dengan

*JobMalaysia*, itu masih belum diberikan kepada saya tetapi apa pun bagi saya bahawa sebahagian mereka itu pencari kerja daripada siswazah ini yang pertama kali itu yang proses biasa, proses peralihan daripada alam mereka keluar daripada universiti dalam tempoh enam bulan. Selalunya memang itulah mereka akan mencari pekerjaan tetapi daripada pemantauan kita selepas daripada enam bulan itu sebahagian besarnya mereka telah pun mendapatkan pekerjaan.

Sehingga Oktober 2019, seramai 41,090 orang siswazah telah pun berjaya ditempatkan dalam berbagai-bagai sektor melalui berbagai-bagai jenis pekerjaan melalui program yang dibuat oleh *JobMalaysia* dan juga oleh Kementerian Sumber Manusia.

Kalau ditanya puncanya saya sebutkan tadi puncanya ialah bukan punca tetapi dia merupakan proses peralihan biasa bagi seorang siswazah yang lepas daripada belajar sudah tentu akan ada wujud satu *time period* yang tertentu yang mereka itu dianggap sebagai penganggur. Terima kasih.

**Dato' Sri Ikmal Hisham bin Abdul Aziz [Tanah Merah]:** Terima kasih, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri yang memberi jawapan. Apa pun jumlah pengangguran dalam kalangan siswazah amat membimbangkan. Jadi berharap sangatlah kerajaan ambil langkah-langkah.

Jadi soalan tambahan saya ialah adakah kementerian bercadang untuk mewujudkan satu gerakan bersepadu dengan kementerian lain dan GLC bagi mengatasi masalah graduan menganggur memandangkan ada pandangan mengatakan dalam isu perlu ada polisi *intervention*, dengan izin dari seluruh kementerian, agensi dan GLC dan apakah benar pengangguran dalam graduan berlaku kerana kegagalan institusi pendidikan awam melahirkan graduan yang bersesuaian dengan kehendak pasaran. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih, soalan tambahan daripada Yang Berhormat Tanah Merah. Ya, memang kita sedang bergerak ke arah tersebut dan antaranya ialah dengan penubuhan Jawatankuasa Pemerkasaan TVET di peringkat Kabinet yang dipengerusikan oleh Menteri Pendidikan dan membabitkan sembilan kementerian yang *core* dalam TVET dan juga ada beberapa kementerian semuanya 14 kementerian yang terlibat dalam untuk hendak melihat soal yang berkaitan untuk hendak memastikan supaya tawaran pekerjaan yang diberikan oleh majikan itu harus diikuti oleh institusi-institusi pendidikan khususnya melalui TVET itu sendiri, insya-Allah.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Adakah kerajaan meneruskan konsep Skim Latihan 1Malaysia yang dibuat dahulu, kalau tidak suka perkataan 1Malaysia itu boleh tukar perkataan lain. Kedua, kita menuju IR 4.0 dan dunia sudah berubah kepada IR mungkin 5.0, apakah langkah-langkah kementerian untuk memastikan bahawa apa yang diambil oleh siswazah di universiti itu *compatible* ataupun boleh mendapatkan pekerjaan apabila mereka telah bergraduasi. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Kita mempunyai agensi di bawah Kementerian Sumber Manusia khususnya Talent Corp. yang membantu untuk memastikan supaya graduan-graduan ini akan dapat latihan yang secukupnya termasuk antaranya ialah penggantian kepada Skim Latihan 1 Malaysia dan sebagainya, ada dia punya kaedah-kaedah yang dibuat oleh pihak Talent Corp.

■1010

Apa yang disebut tadi, bahawa kita sememangnya bergerak kepada IR4.0 walaupun negara lain, Jepun umpamanya sedang berfikir tentang IR5.0, tetapi kita masih belum terlambat untuk ke arah tersebut kerana kita harus melihat bahawa kebanyakan pelaburan yang datang ke negara kita ini, kurang membawa teknologi tinggi. Sudah tentu kita perlu selepas ini melihat kepada teknologi tinggi yang akan dibawa ke negara Malaysia, untuk kita sesuaikan dengan IR4.0 dan juga IR5.0, *insya-Allah*.

**2. Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan penjelasan berkaitan isu kebersihan di Sungai Ichat, Parit Fall dan Robinson Fall di Cameron Highlands yang kian tercemar. Nyatakan tindakan yang diambil oleh pihak kementerian supaya sungai-sungai ini dapat dipelihara serta dibersihkan untuk dibuka kembali sebagai salah satu tempat tarikan pengunjung ke Cameron Highlands.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Cameron Highlands. *Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Isu pencemaran Sungai Ichat, Parit Fall dan Robinson Fall adalah berpunca daripada sikap warga setempat yang tidak prihatin dalam menjaga kebersihan alam sekitar terutamanya sumber air. Sungai Ichat terletak di dalam kawasan tanaman persendirian manakala Parit Fall dan Robinson Fall berada di hulu kawasan pertanian.

Pencemaran di kawasan ini adalah disebabkan oleh sisa-sisa pertanian dan juga sisa domestik. Perkara berkaitan dengan pengurusan sumber air, terletak di bawah bidang kuasa kerajaan negeri, selaras dengan Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(2), Jadual 9. Setiap negeri mempunyai perundangan berkaitan sumber air yang tersendiri termasuk hal-hal berkaitan dengan larangan pencemaran di kawasan sumber air yang membolehkan penguatkuasaan dilaksanakan.

Dalam aspek pemuliharaan sungai yang dijalankan oleh Jabatan Pengairan dan Saliran (KATS) selaku kementerian, memberi perhatian secara khusus mengenai isu pembersihan serta mendalamkan parit sungai untuk mengurangkan risiko banjir sahaja. Skop kerja yang terlibat di bawah program tersebut adalah kerja pengorekan sungai, muara sungai, pembinaan struktur, hakisan tebing sungai, membuang kelodak, sampah, sisa pepejal, pemotongan rumput, menaik taraf dan penyelenggaraan aset struktur kawalan banjir yang bertujuan mengurangkan risiko banjir.

Di bawah program ini, KATS membantu kerajaan negeri dengan menyalurkan peruntukan bagi melaksanakan kerja-kerja untuk mengurangkan risiko banjir di seluruh negara. Bagi menangani isu di ketiga-tiga sungai ini, penguatkuasaan serta kawalan pencemaran di punca perlu dilaksanakan oleh pihak kerajaan negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Bagi menangani isu pencemaran sungai dengan cara mendidik warga setempat, untuk melihat kepentingan dan keperluan menjaga sumber air dan impak bakal dihadapi sekiranya pencemaran sungai terus berlaku.

Para petani juga seharusnya digalakkan untuk mengamalkan *good agriculture practice* bagi mengawal sisa pencemaran sebelum masuk ke sungai. Usaha bagi mengatasi isu pencemaran di kawasan berkenaan melibatkan pelbagai agensi seperti Pihak Berkuasa Tempatan, Pejabat Tanah dan Galian, NGOs dan juga masyarakat setempat. Terima kasih.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Berdasarkan kajian yang telah dijalankan oleh pihak Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), telah didapati antara – baru-baru ini, racun kimia wujud di dalam air di Cameron Highlands. Antara racun makhluk perosak ditemui termasuk *endosulfan*, *endrine ketone*, *aldrin* dan DDE. Oleh sedemikian, apakah tindakan yang akan diambil oleh pihak kementerian terhadap para pekebun yang menggunakan racun makhluk perosak yang telah diharamkan sehingga mengakibatkan pencemaran sungai di Cameron Highlands?

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang saya maklumkan tadi, Perlembagaan Persekutuan, Perkara 74(2), Jadual 9, setiap negeri mempunyai perundangan berkaitan dengan sumber air termasuk hal-hal berkaitan dengan larangan pencemaran air. Boleh merujuk kepada elemen sumber air negeri Pahang di mana ini adalah tanggungjawab kerajaan negeri. Ini di mana, pihak yang seperti mana saya maklumkan tadi, pihak kementerian kami hanya memberikan tumpuan kepada banjir sahaja. Terima kasih.

**Tuan Lim Lip Eng [Kepong]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Ini isu sungai juga, tetapi sungai di Kuala Lumpur. Saya hendak bertanya, adakah kementerian bergabung tenaga dengan PBT iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) dalam usaha membersihkan Sungai Klang di Kuala Lumpur? Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Kepong. Seperti mana yang saya beritahu tadi, setiap negeri mempunyai kuasa masing-masing. Akan tetapi, walau bagaimanapun, pihak JPS akan bekerjasama dengan kerajaan negeri sekiranya sungai-sungai yang terlibat adalah sungai yang di bawah kuasa JPS. Ini di mana, kalau – perparitan di bawah PBT. Walau bagaimanapun, kita akan bekerjasama. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Satu lagi boleh? Tuan Yang di-Pertua? Satu soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua? Pendek sahaja tadi jawapannya.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Mohon tambah soalan lagi, Tuan Yang di-Pertua.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tentang Cameron Highlands?

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Ya, Cameron Highlands.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Tentang sungai.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalannya bukan sungai, tetapi sungai di Cameron Highlands.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Cameron Highlands, Cameron Highlands.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Ya, ya boleh.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, silakan.

**Dato' Tuan Ibrahim bin Tuan Man [Kubang Kerian]:** Terima kasih. Saya sudah meneliti sungai ini dan saya pun sudah pergi ke sungai ini. Saya dapati bahawa sungai ini memang tidak ada sebarang kehidupan. Ikan tidak ada, sebarang benda tidak ada. Timbalan Menteri tadi jawab bahawa ini tanggungjawab kerajaan negeri. Isunya ialah pembuangan sisa dan penggunaan racun. Saya fikir kementerian perlu bertindak lebih tegas bukan menyerahkan ini kepada kerajaan negeri, sebab kawalan kepada sungai memang di bawah kerajaan negeri, tetapi elemen pencemaran penggunaan racun yang berlebihan, pembuangan sisa racun ke dalam sungai dan seumpamanya adalah merupakan tanggungjawab pihak kementerian.

Saya fikir satu koordinasi perlu dibuat. Mohon penjelasan.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya rasa soalan itu umum sahaja ya, sebab tak sebut nama sungai mana. *[Disampuk]* Sungai? Sungai Ichat? Okey.

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Cerita ini Cameron Highlands, Menteri.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Okey, okey. Bukan tadi tidak disebut, dia sebut umum sahaja. Okey, kalau sebut nama sungai itu mungkin lebih spesifik lagi dijawab. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Kubang Kerian, sebenarnya berkenaan dengan keracunan ataupun berkenaan dengan air, racun di sungai adalah di bawah kementerian lain. Bukan kementerian kami. Kementerian kami hanya – seperti mana yang saya katakan tadi, berkenaan dengan banjir. Itu sahaja, terima kasih.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

*Buah betik, buah bidara*

*Soalan Tampin, nombor tiga.*

**3. Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan sejauh manakah kemajuan yang telah dilakukan oleh kementerian dalam proses membaik pulih perumahan generasi kedua FELDA yang terbelang. Apakah ada tindakan baharu yang dilakukan oleh kementerian dalam memastikan generasi kedua FELDA ini mendapat rumah dan adakah kementerian mempunyai data yang tepat berkenaan keperluan perumahan di kalangan generasi kedua FELDA.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Berpantun juga pagi ini.

*Dua tiga kucing berlari,*

*Jawapan tiga saya beri.*

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) telah diumumkan semasa pembentangan Bajet 2013 dengan sasaran 20,000 unit rumah dalam tempoh lima tahun dan melibatkan peruntukan sebanyak RM1.5 bilion ketika itu.

Walau bagaimanapun, sehingga tahun 2018, kerajaan terdahulu hanya menyalurkan sejumlah RM200 juta untuk FELDA melaksanakan projek tersebut. Dengan peruntukan terhad, FELDA hanya mampu meneruskan pembinaan 38 projek PGBF melibatkan 8,314 buah rumah sahaja. Melalui pembentangan kertas putih FELDA, kerajaan telah meluluskan peruntukan geran sebanyak RM250 juta kepada FELDA untuk menyiapkan 20 tapak Projek Perumahan Generasi Baharu FELDA (PGBF) melibatkan 4,794 unit rumah yang tahap kemajuannya telah mencapai 70 peratus dan ke atas.

Sehingga kini, daripada 20 projek tersebut, sebanyak sembilan projek yang melibatkan 1,698 unit rumah telah mendapat pentauliahian perakuan siap dan pematuhan dengan izin, *Certificate of Completion and Compliance (CCC)*.

■1020

Daripada jumlah tersebut, 1,070 unit atau 63 peratus telah diserahkan kunci manakala 628 unit rumah masih dalam proses penyerahan kepada peserta. Di samping itu terdapat 11 projek melibatkan 3,096 unit rumah masih dalam pembinaan. Sebanyak 660 unit dijangka dapat disiapkan dan diserahkan pada bulan Disember 2019 dan baki sebanyak 2,436 akan disiapkan secara berperingkat pada tahun 2020.

Usaha kerajaan untuk menyiapkan rumah-rumah yang terbengkalai ini akan dapat memberikan manfaat langsung kepada generasi baharu FELDA. Tumpuan kerajaan pada masa ini adakah untuk menyiapkan PGBF yang berada pada tahap kemajuan kerja 70 peratus ke atas. FELDA juga sedang menjalankan penilaian *outcome* sebagai satu kaedah untuk mengukur prestasi dan pencapaian projek PGBF yang telah dilaksanakan.

Data daripada hasil kajian ini dijangka akan dapat membantu FELDA menyediakan pelan tindakan yang lebih komprehensif dan mampan dalam menyelesaikan isu perumahan generasi baru FELDA. Sekian, terima kasih.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri kerana memberi jawapan yang agak baik. Soalan saya ialah apakah faktor yang mempengaruhi berlakunya pembinaan rumah generasi kedua ini terbengkalai dan bagaimana kementerian memastikan permasalahan perumahan generasi kedua ini tidak akan berlaku lagi masalah yang akan datang. Berapakah unjuran yang akan disasarkan oleh kementerian dalam mengatasi permintaan rumah generasi kedua dan bagaimana FELDA akan menyelesaikan masalah itu, sama ada membina rumah ataupun meracik-racik tanah di FELDA. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Ahli Yang Berhormat Tampin. Pertama sekali faktor tentang berlakunya rumah terbengkalai ini, seperti mana kita nyatakan dalam Kertas

Putih FELDA, apabila perancangan untuk menyediakan perumahan PGBF diumumkan, tidak ada satu perancangan yang diteliti dibuat. Pemilihan lokasi juga tidak mengambil kira keperluan setempat. Jadi inilah antara punca-punca yang membawa kepada terbengkalainya projek-projek yang dilaksanakan sebelum ini, selain daripada peruntukan yang tidak mencukupi sepertimana yang dimaklumkan dalam Bajet 2013.

Kedua, bagaimana untuk memastikan perkara ini tidak berlaku. Itulah yang kita sedang lakukan ya. Saya jawab bersekali soalan nombor dua. Soalan nombor tiga berkaitan dengan unjuran dan soalan nombor empat berkaitan dengan bagaimana kaedah yang akan dilakukan oleh FELDA untuk menangani isu perumahan ini.

Pertama sekali kita telah belajar daripada kesilapan lalu tentang perumahan generasi baru FELDA ini yang tidak dirancang dengan teliti. Maka daripada itu FELDA sepertimana saya sebut tadi sedang melakukan penyelidikan, kajian, bagaimana *outcome* projek-projek PGBF ini untuk kita terus mengenal pasti sama ada apa yang telah dilaksanakan ini mencapai kehendak generasi baharu FELDA. Daripada situlah kita akan merangka apakah kaedah yang terbaik untuk kita menangani isu perumahan generasi baru FELDA ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** *[Bangun]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan yang kedua Yang Berhormat Maran.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Kawasan saya ada 12 FELDA dan sekarang ini masalah menyiapkan projek generasi kedua ini ia satu masalah dan juga kerajaan berhadapan dengan masalah kekurangan peruntukan dan perlu peruntukan tambahan. Di samping itu, satu lagi masalah yang mungkin kita hadapi ialah bagaimana generasi kedua ini akan dapat memiliki rumah ini. Jadi apakah, soalan saya apakah kerajaan bercadang untuk mengadakan pinjaman khas ataupun peruntukan khas bagi membantu generasi kedua untuk mereka memiliki rumah nanti. Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Ahli Yang Berhormat, seperti mana saya nyatakan tadi, di situlah kita ingin melihat, kajian yang sedang dilakukan oleh pihak FELDA pada ketika ini adalah untuk mengenal pasti bagaimanakah kaedah-kaedah yang terbaik, apakah isu-isu yang dihadapi, supaya kita dapat merangka satu cara, satu mekanisme yang baik untuk memastikan bahawa generasi baru akan mendapat manfaat dari perancangan FELDA berkaitan dengan perumahan tersebut. Jadi, saya rasa pada ketika ini pun kita telah ada skim *rent-to-own*, sewa yang akan kemudiannya boleh ditukarkan kepada pembelian. Yang ini merupakan salah satu usaha untuk memastikan mereka yang tidak mampu dapat memiliki rumah di kawasan FELDA.

Jadi sepertimana saya jelaskan tadi, kita sedang melihat secara holistik apakah kaedah, apakah cara, apakah mekanisme yang terbaik untuk memastikan sebarang keputusan yang dibuat memberi manfaat yang terbaik kepada generasi baharu FELDA. Sekian, terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Seterusnya Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff. Dipersilakan.

4. **Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah jaminan pelaksanaan Dasar Rahmatan Lil Alamin sebagai dasar pentadbiran Islam baharu negara akan mampu meningkatkan martabat syariat Islam dan membela hak umat Islam.

**Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Puan Hajah Fuziah binti Salleh]:**  
*Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi taala wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih juga kepada Yang Berhormat Rantau Panjang dan tahniah di atas anugerah yang baru diterima baru-baru ini.

Tuan Yang di-Pertua, aspirasi kerajaan untuk merealisasikan Dasar Rahmatan Lil Alamin sebagai dasar yang inklusif dalam pentadbiran Islam di Malaysia telah diperakui dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia (MKI) kali yang ke-65 yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri pada 14 Mac 2019.

Keputusan MKI ini seterusnya telah diperkenankan oleh Mesyuarat Majlis Raja-Raja Ke-254 pada 4 Julai 2019. Bagi memantapkan pelaksanaan dasar ini dari aspek pengurusan dan pentadbiran, merentas pelbagai agensi di peringkat pusat dan negeri, pada 25 Oktober 2019, Mesyuarat Jemaah Menteri telah bersetuju terhadap pelaksanaan dasar pentadbiran melalui pendekatan *rahmatan lil alamin* untuk dilaksanakan ke arah mewujudkan kehidupan yang lebih harmoni dan sejahtera dalam kalangan rakyat pelbagai agama dan bangsa di negara ini.

Bagi merealisasikan matlamat dasar pentadbiran *rahmatan lil alamin* ini, kerajaan sedang merangka sebuah *blueprint* negara rahmah yang menggariskan ciri-ciri sebuah masyarakat dan negara yang menjadi matlamat *rahmatan lil alamin* iaitu sebuah negara yang dinaungi dengan pentadbiran dan kepimpinan yang berintegriti, tadbir urus yang baik, memiliki masyarakat yang berilmu, berakhlak dan penyayang.

Hubungan etnik dan penganut pelbagai agama yang harmoni, kedudukan ekonomi yang mampan, pembangunan dan alam sekitar yang lestari, kebajikan dan keselamatan rakyat terpelihara serta bersifat menyantuni kemanusiaan, ehsan dan peradaban bermatlamatkan kesejahteraan sejagat. Aspirasi yang terkandung dalam *blueprint* negara rahmah ini juga adalah seiring dengan matlamat Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 dan agenda antarabangsa 17 matlamat, *Sustainable Development Goals* (SDG). *Blueprint* ini telah meletakkan lima prinsip *maqasid* syariah iaitu menjaga agama, nyawa, akal, keturunan dan harta sebagai prinsip panduan bagi memastikan segala perancangan dan hala tuju bergerak seiring dengan syariat Islam.

Bagi sesi libat urus pula, sebanyak sembilan sesi libat urus telah diadakan bersama kementerian, jabatan dan agensi iaitu Kementerian Kesihatan Malaysia, Kementerian Pendidikan Malaysia, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat, Kementerian

Kewangan Malaysia, Kementerian Pertahanan, taska berteraskan *maqasid* syariah, aplikasi *maqasid* dalam *Malaysia Standard* 1900 bersama Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Komunikasi dan Multimedia dan Kementerian Luar Negeri.

Dasar pentadbiran Islam melalui pendekatan rahmah bukanlah bertujuan menghapuskan hak orang Islam atau melonggarkan mana-mana undang-undang yang menjamin kepentingan Islam, sebagaimana yang termaktub dalam Perkara 3(1) Perlembagaan Persekutuan. Malah dengan terlaksananya dasar ini, ia dijangka akan berupaya mengangkat martabat Islam dan umatnya kerana nilai-nilai *rahmatan lil alamin* sebagaimana yang ditunjukkan oleh Rasulullah SAW dan prinsip-prinsip *maqasid* syariah akan dijadikan asas dalam pembentukan dasar kerajaan, sekali gus mampu memberi implikasi positif terhadap pentadbiran negara dalam memartabatkan syiar Islam dan membela hak umat Islam. Sekian terima kasih.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Di antara tanggungjawab besar pemerintah adalah menegakkan '*amar maaruf, nahi mungkar*'.

#### ■1030

Kita lihat dalam negara kita ini, pelanggaran terhadap syariah semakin berleluasa termasuk pengabaian solat, zina, arak, LGBT, murtad, sumbang mahram, pendedahan aurat dan sebagainya.

Jadi saya ingin tahu sejauh mana usaha kementerian melalui perancangan *blueprint*, dan sejauh mana pelaksanaannya untuk melaksanakan terutama pindaan undang-undang yang berkaitan dengan untuk memartabatkan Islam termasuk pindaan RUU 355, ataupun pinda akta yang berkaitan seperti Akta Kerja, untuk membolehkan supaya syariah Islam dapat ditegakkan, dan supaya hak umat Islam dapat dibela. Minta penjelasan.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Rantau Panjang di atas soalan tambahan.

Tuan Yang di-Pertua, di bawah *Rahmatan Lil Alamin* ini, ataupun *blueprint* Negara *Rahmah* ini, agensi-agensi agama di bawah Jabatan Perdana Menteri meletakkan tujuh kluster untuk bagaimana kita menjalankan kerja-kerja kita ke hadapan, ke arah pelaksanaan yang disebut tadi iaitu satu Negara *Rahmah*. Dia ada tujuh kluster, kluster yang tujuh ini ialah:

- (i) kluster undang-undang;
- (ii) kluster dakwah;
- (iii) pengurusan masjid;
- (iv) kluster sosioekonomi;
- (v) kluster pengurusan haji, dan pengurusan halal;
- (vi) kluster berkenaan pendidikan; dan
- (vii) kluster penyelidikan, dan pembangunan pemikiran *maqasid syariah*.

Tujuh kluster ini ada modal-modalnya dan ada intervensi-intervensinya.

Jadi, kalau daripada sudut apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Rantau Panjang tadi, di bawah kluster perundangan, kita sedang teliti setiap undang-undang yang perlu kita pinda, perbaiki termasuklah Rang Undang-undang 355 tersebut, perlu kita kaji. Juga termasuk berkenaan dengan Mahkamah Syariah daripada tiga *layer* kepada empat *layer* kepada lima *layer*. Termasuk juga mungkin pembentukan Jabatan Pendakwa. Banyak perkara yang perlu kita lakukan dan sedang kita kaji di bawah setiap kluster.

Jadi apa yang disebut oleh Yang Berhormat Rantau Panjang itu ada di dalam perancangan kita ke arah membentuk *blueprint* Negara *Rahmah* tadi. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Dasar *Rahmatan Lil Alamin* ini sepatutnya merapatkan lagi perpaduan di antara kaum kerana ia menganjurkan kita menghormati antara satu sama lain, kasih antara satu sama lain, mencari kebaikan, *husnuzon* dan juga membantu satu sama lain- *thaut*, bukan kita mencaci, kata orang ini tak baik, atau pun kata orang ini najis dan sebagainya.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, bagaimanakah kerajaan akan menangani isu salah faham atau pun meningkatkan kefahaman orang-orang yang bukan Islam mengenai dasar *Rahmatan Lil Alamin* dan yang keduanya, bagaimana kerajaan akan meningkatkan kefahaman, keyakinan dan semangat melaksanakan dasar *Rahmatan Lil Alamin* ini iaitu kehidupan al-Quran dan Sunah Rasulullah SAW di kalangan anak-anak muda yang akan memimpin kerajaan dan negara ini satu hari nanti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Puan Hajah Fuziah binti Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Bagaimana kita melalui *blueprint* Negara *Rahmah* ini? Kalau kita tengok definisi “Negara *Rahmah*” ini- definisi “Negara *Rahmah*” ini seperti yang dibentangkan tadi daripada aspek pentadbiran, daripada aspek kepimpinan, daripada aspek pembangunan yang lestari, pembangunan ekonomi, sosioekonomi dan sebagainya, dia sebenarnya merangkumi semua ciri-ciri *civil society* yang kita semua faham.

Jadi bagaimana kita nak sampai ke arah itu? Antara tugas-tugas khas di dalam kluster dakwah seperti Yang Berhormat Bagan Serai katakan tadi, dalam kluster dakwah, antara perkara yang kita akan lakukan ialah mewujudkan ejen-ejen *rahmah*. Ejen-ejen *rahmah* ini terdiri juga daripada kalangan pelajar-pelajar dan kalangan orang muda supaya mereka dapat membawa mesej *Rahmatan Lil Alamin* bahawa Islam mengajar kita untuk hormat-menghormati, dan Islam tidak pernah mengajar kita untuk memecahbelahkan.

Islam mengajar kita ke arah kemakmuran dan kedamaian. Islam tak pernah mengajar kita ke arah peperangan dan benci-membenci. Jadi, semua ciri-ciri itu akan dilaksanakan melalui kluster-kluster yang disebut tadi- tujuh kluster. Kluster dakwah juga memainkan peranan, membentuk ejen-ejen dakwah, ejen-ejen *rahmah*, duta-duta *rahmah* untuk menyampaikan mesej ini.

Juga orang muda, pelajar juga merupakan ejen-ejen *rahmah* yang kita akan bina supaya dapat menyampaikan mesej *rahmah*. Ini satu proses, Tuan Yang di-Pertua. Dia tidak akan

berlaku semalaman terutamanya bila ada pihak-pihak yang ingin membawa agenda perkauman dan sebagainya. Akan tetapi *in syaa Allah* dengan wawasan yang jelas dan juga *blueprint* yang jelas, *in syaa Allah* kita cuba sedaya upaya untuk membangunkan satu Negara *Rahmah* seperti yang kita impikan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**5. Tuan P. Prabakaran [Batu]** minta Menteri Wilayah Persekutuan menyatakan, pembangunan yang pesat dan tidak terkawal menyebabkan tidak berlaku keseimbangan di antara kawasan penduduk dan kawasan hijau. Adakah kementerian telah mengambil kira keadaan trafik, alam sekitar, infrastruktur dan sosial ketika kelulusan diberikan kepada pemaju di sesuatu kawasan.

**Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan [Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat Batu, di dalam menilai sesuatu permohonan perancangan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) akan merujuk kepada Pelan Bandaraya Kuala Lumpur 2020 yang telah diwartakan sebagai dokumen rujukan utama dalam membuat keputusan dan memberi kelulusan berkenaan dengan permohonan kebenaran perancangan yang diterima.

Selain daripada itu, dalam mempertimbangkan cadangan pembangunan yang diterima, pelbagai kriteria penilaian perancangan perlu diambil kira bagi memastikan proses permohonan dinilai secara menyeluruh dan tepat oleh pihak DBKL.

Antara perkara yang disebutkan ialah syarat-syarat yang ditentukan sebelum kelulusan akan ditentukan cadangan-cadangan seperti jajaran jalan dan kelebaran jalan, lorong-lorong, persimpangan jalan, garis-garis bangunan, jenis-jenis bangunan, ketinggian bangunan, kepadatan pembangunan – nisbah plot, kawasan lapang, padang, rizab sekolah, rizab sungai dan perparitan, rizab pembedungan, kemudahan-kemudahan awam, surau, masjid, rumah ibadat, dan sebagainya.

Sekiranya pihak DBKL menerima permohonan cadangan pembangunan yang akan menyumbang kepada penjanaan trafik yang tinggi, syarat penyediaan *Traffic Impact Assessment* (TIA) akan dikenakan kepada pemohon untuk dikemukakan. Input daripada laporan TIA tersebut yang merupakan ramalan impak trafik yang akan dijana masa depan oleh pembangunan yang dicadangkan, hendaklah diambil kira oleh pihak pemaju dalam membuat penambahbaikan infrastruktur sedia ada di kawasan tersebut, bagi menampung pembangunan yang dicadangkan.

Selain daripada itu, bagi kawasan-kawasan sensitif alam sekitar yang melibatkan kawasan bukit dan cerun, pihak pemaju akan disyaratkan untuk mematuhi Garis Panduan Perancangan Aspek Kawalan Perancangan Pembangunan di Kawasan Lereng Bukit bagi memastikan kawalan yang dikenakan ke atas pembangunan di kawasan ini. Ianya juga bagi memastikan cadangan pembangunan di kawasan tidak memberi impak yang negatif kepada kawasan persekitaran.

Serahan atau *submission* bagi pelan-pelan perparitan, parit-parit induk dan kolam-kolam tadahan air hujan adalah berdasarkan kepada cadangan sistem pengurusan air hujan ataupun Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) bagi mengatasi banjir kilat atau limpahan air di kawasan-kawasan pembinaan dan kawasan-kawasan di sekitarnya. Terima kasih.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya berkaitan dengan jalan-jalan yang rosak sekitar pembangunan berpunca daripada kenderaan berat keluar masuk ke sesuatu kawasan yang sedang dibangunkan contoh di Jalan Ipoh, di mana sepanjang Jalan Ipoh ini ada Projek MRT. Jalan raya tersebut contoh seperti- macam naik trak dekat safari. Memang kemik rim tayar kenderaan.

■1040

Apakah, DBKL pun tidak menampung kos yang kerap apabila melibatkan jalan rosak sekitar pembangunan. Perkara ini akan merisikokan nyawa dan kenderaan pengguna. Apakah cara kementerian untuk mengatasi masalah sebegini?

**Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Kita sedar bahawa kawasan Parlimen Batu ini adalah kawasan yang agak pesat sedang membangun dengan pembinaan banyak apartmen, *service apartment*, *residential commercial* dan sebab itu kita telah mengenakan supaya kajian TIA dijalankan di kawasan yang berkenaan termasuklah adakah nantinya akan dibuatkan supaya pelebaran jalan dan sebagainya.

Tentang isu yang dibangkitkan tadi ialah tentang banyaknya kenderaan-kenderaan berat di kawasan jalan yang disebutkan; baik Jalan Ipoh, Jalan Kuching, jalan dalaman Sentul sendiri yang begitu pesat dengan kenderaan. Sebenarnya pihak DBKL menjalankan penyelenggaraan yang berkala di kawasan tersebut. Mungkin oleh kerana saya ada juga menyediakan sedikit makluman di mana buat setakat ini sebanyak RM1.2 milion telah pun disediakan untuk penyelenggaraan jalan di kawasan Parlimen baru termasuklah jalan yang disebutkan tadi.

Soal tentang yang lain ini ialah soal pelebaran jalan akan dilakukan bagi kawasan-kawasan di pasar borong, dekat dengan jalan sebanyak RM2 juta tetapi belum dapat dilaksanakan lagi kerana kerja-kerja ukur sempadan dan longkang sudah selesai, barulah kita akan jalankan pembaikan jalan di kawasan tersebut. Itu sahaja, terima kasih.

**Dato' Sri Ismail Sabri bin Yaakob [Bera]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banjir kilat ini selalu berlaku di Kuala Lumpur. *Act of god*, apabila berlaku tidak dilindungi oleh pihak insurans. Jadi mana-mana yang pemilik kenderaan dan sebagainya, akhirnya mereka menanggung kerugian sendiri. Walaupun itu *act of god* tetapi ianya menjadi bencana kerana kegagalan manusia merancang juga. Di dalam kes di Kuala Lumpur, mungkin kerana kegagalan di pihak DBKL. Jadi adakah pihak DBKL bersetuju untuk menyediakan dana sebagai pampasan ataupun *ex-gratia* sekalipun kepada mangsa-mangsa yang terlibat dengan banjir kilat dan sebagainya untuk memberikan sedikit bantuan kepada mereka.

**Datuk Dr. Shahrudin bin Md Salleh:** Terima kasih. Memang berlaku banjir kilat kerana memang di luar kawalan kita. Sebenarnya saya sendiri pun tidak ada maklumat tentang perkara

itu sama ada pampasan boleh diberikan kepada mangsa yang terlibat dalam banjir kilat ini. Mungkin saya boleh berikan nanti dalam jawapan bertulis. Terima kasih.

**6. Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]** minta Menteri Sumber Manusia menyatakan pembangunan dalam TVET merupakan usaha penting untuk peningkatan guna tenaga negara. Sejauh manakah pelaksanaan TVET yang telah dilaksanakan oleh kerajaan dahulu yang melibatkan tujuh kementerian atau apakah terdapat perubahan dasar baru dalam perkara ini.

**Timbalan Menteri Sumber Manusia [Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih rakan saya Yang Berhormat daripada Maran. Berkaitan dengan soalan Yang Berhormat, Kementerian Sumber Manusia, saya percaya Yang Berhormat lebih berpengalaman daripada saya sebab berada di kerusi saya satu ketika dahulu.

Kita di dalam Kementerian Sumber Manusia melalui Akta 652, Yang Berhormat sedia maklum bahawa telah pun mewujudkan Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK). Selepas daripada kerajaan baharu ini, kita telah pun memperkasakan MPKK itu sendiri, dahulunya hanya ada dua jawatankuasa kecil, sekarang ini kita telah tambah menjadikan enam. Itu hasil daripada *report* yang dibuat oleh *PricewaterhouseCoopers*. Kita mengambil maklum untuk kita mengambil langkah-langkah yang perlu bagi usaha untuk kita nak memperkasakan TVET itu sendiri.

Kita telah pun, melalui MPKK telah pun menyiapkan *blueprint* pembangunan insan berkemahiran, memperkasakan modal insan melalui TVET dipacu oleh industri. Ini yang telah pun dilakukan mengikut Akta 652 iaitu Menteri boleh melantik, membentuk sebuah Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan. Kemudian dalam masa yang sama, sebuah Jawatankuasa Khas Pemerksaan TVET telah pun ditubuhkan oleh Kabinet yang dipengerusikan oleh Yang Berhormat Menteri Pendidikan. Ini telah pun membabitkan sembilan kementerian dan sembilan orang Menteri dan bersama juga dilantik wakil-wakil daripada pihak industri yang duduk di dalam Jawatankuasa Khas Kabinet Pemerksaan TVET untuk dalam usaha untuk kita nak memperkasakan TVET pada masa yang akan datang dalam hendak berhadapan dengan revolusi IR 4.0.

Ini saya fikir adalah suatu yang baru yang telah pun diwujudkan oleh Kabinet dan ini sedang digerakkan. Saya harap bahawa apa yang telah pun diperolehi daripada Majlis Pembangunan Kemahiran Kebangsaan (MPKK) ini juga sedang diteliti untuk dihantar, untuk diteliti oleh Jawatankuasa Khas Kabinet ini untuk memastikan supaya ada perkara-perkara yang telah pun dapat dicapai daripada wakil-wakil dari kementerian yang berada di dalam MPKK ini juga akan dapat diguna pakai untuk menentukan garis masa depan TVET di negara kita ini, Insya-Allah.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Abd Muttalib [Maran]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Timbalan Menteri. Kalau kita lihat ada kajian mengatakan bahawa kemasukan pelajar-pelajar *secondary* ke TVET di negara maju cukup tinggi. Umpamanya di

Jerman – 59 peratus, Belanda – 68 peratus, Australia – 62 peratus, *even* Indonesia lebih 51 peratus sedangkan negara kita hanya 28 peratus. Ini antaranya adalah persepsi di negara kita mengatakan bahawa TVET ini pendidikan untuk pelajar-pelajar lemah. Itu antara sebabnya dan apakah sebab-sebab lain? Apakah langkah kerajaan untuk memastikan supaya TVET ini menjadi perhatian atau menjadi galakan kepada anak-anak kita? Terima kasih banyak.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. 28 peratus itu mungkin diambil daripada pencapaian kita melahirkan pekerja mahir di negara kita iaitu kita telah pun capai 28 peratus. Akan tetapi dari segi jumlah penyertaan anak-anak kita dalam institusi TVET ini, saya fikir mungkin lebih daripada itu. Akan tetapi saya akui bahawa ia masih rendah. Ini kerana persepsi masyarakat hari ini, ibu bapa, guru-guru di sekolah rendah, sekolah menengah dan sebagainya masih lagi melihat laluan akademik, tidak kepada laluan teknikal, laluan kemahiran ini.

Jadi sebab itu, sekarang ini di peringkat kerajaan telah pun melihat ini merupakan satu keperluan. Mereka yang memiliki diploma dalam kemahiran ini boleh mengambil ijazah di peringkat universiti melalui projek MTUN itu sendiri. Ini akan lebih menyemarakkan selepas daripada ini untuk masyarakat lebih berkeyakinan kepada pendidikan TVET dan sekarang ini sudah pun berganjak ke arah itu.

Semalam saya telah pun mengadakan pertemuan dengan Jabatan Agama Islam Negeri Kedah dengan memanggil lebih daripada 70 pusat tahfiz yang beroperasi di negeri Kedah untuk melihat supaya pusat tahfiz juga boleh mengambil peranan untuk menjadikan tahfiz TVET di setiap tahfiz tersebut sebab untuk memastikan supaya anak-anak tahfiz ini juga ada masa depan untuk masuk dalam sektor pekerjaan, Insya-Allah.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita lihat jawapan Menteri untuk tahfiz pun ke arah TVET, tahniah saya ucapkan. Akan tetapi hari ini kita tengok ada lebih kurang 1,901 institusi pengajian swasta dan juga awam yang melibatkan 2,480 kursus yang ditawarkan dan semacam ada perlumbaan di antara pusat-pusat kemahiran TVET. Harapnya bukan setakat sijil tetapi kemahiran dan juga kebolehpasaran terjamin.

Soalan saya, apakah status keberhasilan dalam pelaksanaan program-program yang telah diusahakan oleh kementerian berkenaan TVET sebab kita tidak mahu hanya melihat kepada kuantiti sahaja tetapi kepada kualiti. Apatah lagi dengan cadangan Yang Berhormat Timbalan Menteri sebentar tadi untuk pelajar tahfiz juga untuk ke arah TVET. Terima kasih.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar:** Baik, terima kasih Yang Berhormat. Untuk pengetahuan Tuan Yang di-Pertua dan juga semua Ahli Dewan, lebih kurang 94 peratus mereka yang melalui laluan pendidikan TVET ini boleh masuk dalam pasaran pekerjaan, lebih tinggi daripada mereka yang keluar daripada laluan akademik.

## ■1050

Oleh sebab itu, mereka yang mendapat ijazah dalam bidang-bidang tertentu akan tetapi akhirnya apabila di keluar daripada universiti dia turun ke peringkat diploma untuk memastikan supaya dia memiliki diploma yang berkaitan dengan TVET dalam bidang pengajian dia di peringkat ijazah sebelum diturunkan untuk memastikan supaya dia boleh mendapat peluang pekerjaan yang lebih baik pada masa yang akan datang.

Jadi *insya-Allah* kita sedang bergerak ke arah tersebut iaitu melalui memastikan supaya kualiti ini oleh kerana kita pentingkan kualiti oleh sebab itu kita berikan semua NOSE itu dilakukan oleh pihak-pihak industri melalui Industri Lead Body (ILB). Jadi mereka yang melakukan, maknanya apa yang diperlukan oleh industri itulah yang akan dibawa dan akan dicadangkan kepada kita dan akan diluluskan oleh Majlis Pembangunan Kemahiran (MPK) di bawah Kementerian Sumber Manusia ini *Insya-Allah*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya dapat soalan tambahan. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri berkaitan pengiktirafan untuk TVET, sebab walaupun tahun 2025 nanti sudah ada satu *blueprint* ke arah tahun 2025 melalui enam buah kementerian yang melaksanakannya TVET tetapi yang paling penting ini adalah pengiktirafan kepada kelayakan mereka ini, bagaimana Yang Berhormat Timbalan Menteri melihat *Malaysian Board Of Technologist* (MBOT) dengan *Board of Engineer Malaysia* dan bagaimana kementerian Yang Berhormat memperkasakan BOT ini?

Oleh kerana TVET nanti dia akan pergi kepada *technologist*, *technologist* ini yang harus diperkasakan dan bagaimana usaha Yang Berhormat Timbalan Menteri dan kementerian untuk memperkasakan BOT ini seperti ia dapat menyetarakan *level* di antara *Board of Engineer Malaysia* dengan *Malaysian Board of Technologist* (MBOT)? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Mahfuz bin Haji Omar]:** Ya, terima kasih kepada Yang Berhormat atas soalan yang sangat baik dan kita sentiasa untuk memperkasakan *Malaysian Board of Technologist* (MBOT) ini sendiri. Hari ini ada program dan saya akan rasmi pada jam dua petang nanti iaitu satu program yang dianjurkan oleh *Malaysian Board Of Technologist* (MBOT) dan kita sentiasa bergerak ke arah untuk mendekatkan antara *Board of Engineer Malaysia* dengan *Malaysian Board Of Technologist*. *Board of Engineer Malaysia* ini berada di bawah JKR. *Board of Technologist* di bawah Kementerian Sumber Manusia. Dahulu di bawah kementerian yang lain jadi oleh sebab-sebab itu, kita sedang bergerak oleh kerana MBOT ini masih baharu berada dalam Kementerian Sumber Manusia kita akan lihat perkara ini dan mereka sudah pun mempunyai perencanaan dan perancangan untuk diperkasakan dan supaya kita tidak ada sesuatu permasalahan dengan pihak *Board of Engineering Insya-Allah*.



**7. Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]** minta Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menyatakan apakah inisiatif kerajaan untuk meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara serta apakah tindakan kerajaan terhadap mereka yang mempertikaikan tugas dan tanggungjawab Sultan, tentera, polis dan lain-lain.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut.

Dalam usaha kerajaan bagi meningkatkan semangat patriotik dan cintakan negara, kerajaan melalui Jabatan Perpaduan Negara dan Intergrasi Nasional (Perpaduan) telah melaksanakan perlembagaan inisiatif seperti berikut:

Pertama, Menyemai nilai-nilai murni dan nilai-nilai kebersamaan kepada lebih 35,000 orang kanak-kanak di bawah umur enam tahun melalui sebanyak 1,781 buah tadika perpaduan di seluruh negara agar mereka didik dan dibimbing mengenai kepelbagaian yang wujud di negara ini agar nilai-nilai murni dapat dipupuk dalam kalangan mereka sejak dari peringkat awal lagi.

Kedua, pelbagai program dilaksanakan untuk menyemai rasa cinta akan negara dan memupuk semangat perpaduan dan keharmonian dalam kalangan generasi muda melalui penubuhan Kelab Rukun Negara (KRN) di peringkat sekolah dan Sekretariat Rukun Negara (SRN) di institusi pengajian tinggi awam dan swasta dengan kerjasama Kementerian Pendidikan Malaysia.

Ketiga, aktiviti silang budaya seperti Kem Silang Budaya dan 1 SRN 1 Komuniti turut dilaksanakan melalui KRN dan SRN bagi memberi pendedahan, penerapan, serta penghayatan terhadap prinsip rukun negara secara praktikal kepada generasi muda melalui penggunaan modul silang budaya bagi menggalakkan interaksi dan komunikasi dalam amalan hidup seharian.

Keempat, kerjasama strategik dan kolaborasi dengan Kementerian Pendidikan Malaysia terus digerakkan melalui Program Rancangan Integrasi Murid Untuk Perpaduan (RIMUP) yang memberi tumpuan kepada pelaksanaan program mengikut Kluster dan secara bersepadu bagi meningkatkan kefahaman dan penghayatan terhadap lima prinsip rukun negara.

Kelima, menggalakkan silang kerjaya dalam kefahaman budaya di syarikat-syarikat swasta dan *government link companies (GLC)* melalui penyertaan mahasiswa bumiputera dan bukan bumiputera dalam Program Latihan Industri Perpaduan (PLIP) yang merupakan satu platform bagi para mahasiswa lebih memahami mengenai kepelbagaian masyarakat Malaysia apabila melangkah ke dunia pekerjaan sebenar yang lebih mencabar.

Keenam, mewujudkan jaringan kerjasama strategik dengan badan-badan bukan kerajaan (NGO), badan-badan korporat syarikat-syarikat swasta dan *government link companies (GLC)* dalam melaksanakan program-program yang menyemarakkan semangat patriotisme seperti Merdeka Fund Run, Run For Unity, Say Something Nice, Raising Nasional Flag, Merdeka Fiesta, Konvoi Muhibah yang bertujuan menyebarkan mesej dan slogan perpaduan dan cintakan negara.

Pada masa yang sama, kerajaan akan sentiasa mempertahankan kedaulatan institusi diraja serta tugas dan tanggungjawab pasukan tentera dan polis seperti yang termaktub dalam

perlembagaan dan undang-undang sedia ada. Sistem kenegaraan Malaysia ini telah berjalan dengan baik selama 62 tahun sehinggakan Malaysia telah maju ke hadapan melalui pembangunan yang pesat, mempunyai sistem pertahanan dan keselamatan negara yang baik, dan telah menunjukkan prestasi yang baik dalam banyak aspek di persada antarabangsa. Maka ini membuktikan bahawa semangat kesetiaan rakyat kepada raja dan negara dan kepercayaan rakyat terhadap badan-badan beruniform telah terpelihara sekian lama dan akan terus dimartabatkan di bawah Malaysia baharu.

Kerajaan juga turut menggalakkan media massa supaya menyebarkan pemahaman mengenai Institusi Diraja, kerjaya tentera dan polis kepada rakyat agar institusi dan pasukan beruniform ini sentiasa dihormati dan dipandang tinggi. Selain itu, kerajaan juga akan mendakwa di mahkamah di bawah undang-undang yang sedia yang sedang berkuat kuasa. Mana-mana pihak yang sengaja mahu mempertikaikan tugas dan tanggungjawab sultan, tentera, polis dan lain-lain sehingga menimbulkan sensitiviti kaum dan agama dan membawa kepada kebencian, kebimbangan dan kegusaran rakyat dan perpecahan dalam negara. Sekian, terima kasih.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan yang menyeluruh tersebut. Saya lihat ada sekurang-kurangnya ada enam hingga tujuh program yang dilaksanakan untuk memastikan adanya rasa cinta dan semangat patriotik kepada negara.

Soalan tambahan saya apakah pihak kerajaan ada cadangan untuk memperbanyakkan lagi dokumentari ataupun siri-siri drama dan juga filem yang berkenaan dengan bidang polis, ketenteraan dan sebagainya seperti filem *Paskal* yang berjaya menarik minat oleh kerana saya lihat amat penting supaya semangat ini tidak hanya bermusim semasa bulan kemerdekaan ataupun semasa pasukan bola sepak kita meraih kemenangan akan tetapi dia mestilah sebagai sesuatu yang berterusan. Justeru apakah cadangan pihak kerajaan untuk memastikan supaya adanya dokumentari ataupun filem yang berkenaan.

Soalan kedua ialah apakah pihak kerajaan melihat bahawa perlunya ada perikatan ataupun pertalian di antara – apa yang dilaksanakan di pihak kementerian terutamanya dari segi perpaduan dengan apa yang disebutkan oleh pihak Yang Berhormat Menteri dalam soalan nombor empat tadi yang berkait *Rahmatan Lil Alamain* yang sebenarnya praktikalnya juga adalah kepada isu-isu yang berkait dengan perpaduan, saling hormat-menghormati kepada semua institusi dan juga keseluruhan rakyat Malaysia yang pelbagai kaum. Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Saya menerima baik cadangan Yang Berhormat tentang perlunya mengadakan lebih banyak lagi dokumentasi dan wayang dan filem-filem sebagainya yang menitikberatkan dan juga menjelaskan kepada rakyat tentang fungsi dan tugas polis dan tentera.

Saya percaya filem-filem sebegini akan mendapat menyemarakkan lagi semangat cintakan negara dan juga menghormati badan-badan beruniform dan saya akan membawa cadangan ini dan berbincang juga dengan kementerian komunikasi untuk mewujudkan filem-filem

seperti ini yang akan membantu lagi menyemarakkan perasaan cintakan negara. Sekian Terima kasih.

■1100

Bahagian kedua soalan tersebut, tadi Yang Berhormat ada merujuk kepada soalan nombor empat – adalah penting perpaduan wujud di kalangan rakyat berbilang kaum dan agama di negara kita. Saya kurang pasti apa jawapan soalan empat tadi. Walau bagaimanapun, kerajaan melalui JKMPKA akan terus mengadakan aktiviti-aktiviti supaya persefahaman antara rakyat berbilang kaum di negara ini terus kekal dan juga terdapat hubungan yang lebih erat dalam rakyat berbilang kaum dan agama di negara kita. Sekian terima kasih.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya mengikuti jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri telah pun memperakui bahawa kerajaan hari ini telah pun menerapkan nilai-nilai keharmonian yang ada. Jadi dalam jawapan tadi, saya melihat bahawa kalau diikutkan tidak ada masalah apa pun negara kita ini tetapi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, dalam kita memperkukuhkan kesetiaan kita kepada negara adakah pihak kementerian sebelum kita memulakan Dewan, adakah baiknya kita menyanyikan lagu Negaraku dan juga kita membaca Rukun Negara agar terserap dalam jiwa kita bahawa kita memegang undang-undang yang ada di negara dan kecintaan kita kepada negara.

Soalan kedua saya, apakah pandangan Yang Berhormat Menteri terhadap tindakan sesetengah pihak mengibarkan bendera Malaysia secara terbalik dan sejauh manakah ia merupakan satu simbolik protes terhadap negara dan Yang di-Pertuan Agong serta apakah langkah-langkah diambil oleh pihak kementerian untuk mengatasi masalah ini? Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat atas soalan tersebut. Memang banyak usaha yang dilakukan sebagaimana yang saya terangkan tadi untuk memupuk perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum di negara kita. Mengenai cadangan Yang Berhormat tentang adakah baiknya dinyanyikan lagu Negaraku dan juga membaca Rukun Negara, saya berpendapat itu adalah satu cadangan yang amat baik. Mungkin...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** *[Menyampuk]*

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** ...Mungkin boleh Tuan Yang di-Pertua membuat *ruling* yang berpatutan. Bagi menjawab bahagian kedua soalan Yang Berhormat tentang adanya sesetengah pihak yang sengaja mengibarkan bendera secara terbalik dan sebagainya. Dalam perkara ini, kerajaan akan mengambil tindakan tegas terhadap pihak-pihak yang terlibat. Saya juga percaya sebelum ini tindakan-tindakan telah diambil kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab yang sengaja menimbulkan isu-isu yang boleh membangkitkan rasa kemarahan di kalangan rakyat pelbagai kaum di negara kita. Sekian terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat...

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Boleh tambah satu?

**Tuan Yang di-Pertua:** Baiklah satu.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Secara ringkas.

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** ... Tuan Yang di-Pertua. Ada satu ungkapan yang sangat popular. *'Ikut apa yang saya cakap jangan ikut apa yang saya buat'* satu. Manakala ungkapan ini agak bercanggah dengan Islam di mana Allah SWT menyebut [*Membaca sepotong ayat al-Quran*]. Amat besar kemurkaan Allah terhadap siapa yang bercakap perkara yang tidak dilaksanakannya. Apakah Yang Berhormat Menteri berpandangan bahawa untuk memberikan kesan dalam usaha untuk kita menyatupadukan rakyat, memupuk semangat patriotik cintakan negara, saling menghormati, menghormati pasukan beruniform dan sebagainya akan lebih berkesan sekiranya seruan itu dibuat oleh mereka yang benar-benar menghayati patriotisme itu dan juga saling hormat-menghormati? Terima kasih.

**Tuan Waytha Moorthy a/l Ponnusamy:** Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perasaan patriotik ini sebenarnya perlu wujud di kalangan semua rakyat. Saya percaya kebanyakan rakyat Malaysia sangat cintakan negara. Ini kita dapat lihat di peringkat akar umbi apabila masyarakat di peringkat akar umbi berinteraksi sesama mereka, kita dapati hubungan mereka sangat rapat di peringkat akar umbi. Akan tetapi ada kalanya sesetengah pihak membangkitkan isu-isu yang boleh menimbulkan kemarahan tetapi kita tidak perlu memberikan banyak perhatian kepada pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab malah kita harus lebih memberikan tumpuan kepada perkara-perkara baik yang berlaku di peringkat akar umbi ini yang amat membawa kepada perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum. Sekian, terima kasih.

**8. Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]** minta Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli menyatakan perkembangan projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kemaman dan bila projek ini dijangka siap.

**Timbalan Menteri Air, Tanah dan Sumber Asli [Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji]:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Tuan Yang di-Pertua, kerajaan telah meluluskan projek Pembangunan lembangan Sungai Bersepadu di Sungai Kemaman untuk dilaksanakan oleh Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli melalui Jabatan Pengaliran dan Saliran dalam Rancangan Malaysia Kesebelas dengan siling kos projek sebanyak RM300 juta.

Projek tersebut masih dalam peringkat reka bentuk untuk penyediaan dokumen tender serta memuktamadkan jajaran pengambilan tanah. Pelaksanaan kerja-kerja fizikal bagi projek ini dijangka akan dimulakan pada tahun 2021 di mana tempoh pelaksanaan projek ini adalah tiga tahun. Terima kasih.

**Tuan Che Alias bin Hamid [Kemaman]:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri dengan jawapan yang diberikan. Saya yakin ini merupakan salah satu daripada projek yang cukup bermanfaat bukan sahaja kepada rakyat Kemaman malah seluruh negeri Terengganu. Saya dimaklumkan bahawa di Kemaman terdapat dua projek besar yang melibatkan RTB iaitu rancangan tebatan banjir ini. Pertamanya, Projek Lembangan Sungai

Bersepadu di Sungai Kemaman dan yang kedua, Rancangan Tebatan Banjir di Kemasik. Jadi soalan tambahan saya, sejauh manakah perkembangan projek RTB di Kemasik ini dan bilakah ia akan dimulakan serta apakah langkah pengawalan banjir yang menyeluruh dilakukan oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan masalah banjir yang setiap tahun berlaku secara efektif lebih-lebih lagi di negeri Pantai Timur. Sekian terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Kemaman. Dia ada dua soalan. Soalan yang pertama, saya sebutkan semua berkenaan dengan status projek tebatan banjir di negeri Terengganu. Pertama, Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Kemaman, Terengganu yang saya sebutkan tadi RM300 juta. Status peringkat reka bentuk terperinci, jangka laksana 2021, tempoh pelaksanaan 44 bulan.

Kedua, Projek Rancangan Tebatan Banjir Kemasik bernilai kos RM60 juta, status peringkat penyediaan dokumen tender dan pengambilan tanah, jangka laksana 2021, tempoh pelaksanaan 36 bulan. Ketiga, Projek Tebatan Banjir Guntung Luar, Setiu, Terengganu. Kos RM5 juta. Iklan tender 26 November 2019. Jangka laksana 2021, tempoh pelaksanaan 16 bulan.

Keempat Projek Tebatan Banjir Gong Kiat, Kuala Terengganu. Kos RM7 juta. Status mesyuarat pra pembinaan pada 23 Oktober 2019. Jangka laksana 2019. Tempoh pelaksanaan 18 bulan. Kelima, Projek Tebatan Banjir Kuala Terengganu Utara dan kawasan sekitar Terengganu, kos RM10 juta, status peringkat reka bentuk terperinci. Jangka siap reka bentuk 2021.

Manakala soalan yang kedua berkenaan kawalan banjir, di bawah kementerian kami, di bawah JPS kita ada agensi yang membuat – di bawah yang Program Ramalan dan Amaran Banjir Negara (PRAB) di mana JPS akan bekerjasama dengan NaDMA untuk memberi atau memaklumkan kepada kawasan yang terbabit sekurang-kurangnya dua hari lebih awal jika berlaku banjir. Terima kasih.

■1110

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi ada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengatakan bahawa antara projek tebatan banjir ialah Gong Kiat yang akan dilaksanakan pada tahun 2019. Persoalan saya, hari ini sudah masuk hampir bulan 12 bila secara spesifiknya ia akan dilaksanakan. Ini kerana kawasan tersebut memang merupakan kawasan dilanda banjir. Terima kasih.

**Tengku Zulpuri Shah bin Raja Puji:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Maklumat yang saya terima adalah sepatutnya dilaksanakan, kalau ikut daripada maklumat ini sepatutnya dilaksanakan mungkin kena buat semakan semulalah. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Seterusnya saya menjemput Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan dari Sipitang hari ini nombor 9.

**Tuan Yang di-Pertua:** Silakan Yang Berhormat Menteri.

**9. Tuan Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]** minta Menteri Belia dan Sukan menyatakan apakah perancangan untuk agenda pembangunan belia secara menyeluruh, termasuk penyediaan kemudahan sukan di luar bandar seperti menentukan "satu daerah, satu kompleks sukan" memandangkan belia sebagai pelapis pimpinan masa depan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Malaysia perlu bersedia untuk pelaksanaan undi 18 dan belia 30, di mana akan ada penambahan 7 juta orang pengundi muda dan kita mengkategorikan anak muda bagi mereka di bawah umur 30 tahun untuk memastikan bahawa kita dapat meremajakan pertubuhan-pertubuhan belia dan akhirnya dapat mencungkil bakat kepimpinan muda pada umur yang lebih muda. Dengan itu ada beberapa perkara yang akan Kementerian Belia dan Sukan lakukan untuk memastikan bahawa kepimpinan anak muda itu dapat diserlahkan pada umur yang sangat muda.

Pertama sekali ialah dengan pelaksanaan Program MFLS atau dikenali sebagai *Malaysia Future Leaders School* di mana dalam tempoh masa 6 bulan ini, kita telah berjaya melatih dalam 26,000 orang anak muda dalam 22 kem wawasan di seluruh Malaysia bersama juga dengan Kem PLKN yang diguna pakai oleh kami. Di sini kita melatih anak muda untuk berfikir kritis, gaya kepimpinan, pengucapan awam dan dengan izin, *team building* di antara rakyat yang berbilang bangsa dan agama supaya akhirnya mereka dapat mewakili negara pada masa yang akan datang. Pada masa yang sama, pelaksanaan dana belia ataupun Geran Belia telah pun direformasi, di mana sekarang ia tertumpu pada pelaksanaan program dan bukan sahaja kepada dana pentadbiran semata-mata.

Kita juga berikan *matching* insentif kepada pertubuhan-pertubuhan belia yang merangkumi lebih banyak wanita, membawa masuk lebih banyak kepimpinan muda bawah 30 tahun dan pada masa yang sama mempunyai kepimpinan yang berbilang bangsa dan agama. Ini 3 insentif yang akan diberikan kepada mereka. Pada masa yang sama kita melipatgandakan usaha untuk mencungkil bakat kepimpinan anak muda melalui Program Felo Perdana, Felo Korporat dan juga Parlimen Belia. Parlimen Belia pada tahun akan datang juga akan memfokuskan kepada mereka yang datang daripada kategori sekolah dan juga wanita, khususnya untuk memastikan bahawa suara mereka tidak akan di samping kan.

Sambil kita bincangkan usaha untuk mencungkil bakat kepimpinan muda kita tak boleh lupakan kumpulan belia berisiko. Dengan itu pada tahun akan datang kita akan memperkasakan Program Riben Kuning di mana peluang kedua akan diberikan kepada kumpulan belia yang berisiko khususnya di mana mereka akan diberikan laluan khas untuk menyertai Institusi TVET Negara, tidak kira program diploma yang agak panjang dua tahun ataupun kursus pendek yang akhirnya akan memastikan mereka ditempatkan dalam pekerjaan-pekerjaan, khususnya dalam sektor swasta. Dengan jalinan kerjasama dengan syarikat gergasi seperti MRCB.

Dalam industri sukan pula, khususnya untuk membangunkan sukan luar bandar, kita akan memastikan dana sukan luar bandar ini akan diperhebatkan, di mana pengagihan infra sukan akan difokuskan dekat kawasan luar bandar dan juga kawasan separa bandar dan bandar

yang mempunyai kumpulan belia berisiko yang paling tinggi dengan sistem *traffic light* yang akan kita wujudkan. Ada banyak lagi yang akan kita bentangkan tetapi dalam 3 minit tak cukuplah Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

**Tuan Haji Yamani Hafez bin Musa [Sipitang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri di atas jawapan dan penjelasan yang diberikan. Saya tertarik juga dengan penjelasan berkaitan dengan usaha pembangunan dan pemerksaan belia secara menyeluruh seiring dengan lulusnya Rang Undang-undang Pertubuhan Belia dan Pembangunan Belia (Pindaan) 2019 yang di antaranya menurunkan had umur dalam takrif belia daripada 40 kepada 30 tahun di Dewan yang mulia ini pada bulan Julai yang lepas.

Mungkin saya cuma ingin lebih spesifik lagi. Saya cuma menanya tentang soalan tambahan saya ini berkaitan tentang pentingnya golongan belia untuk turut sama dalam terlibat mengambil bahagian dalam pembangunan ekonomi negara. Jadi saya ingin bertanya, apakah inisiatif daripada pihak KBS dalam memainkan peranan untuk memastikan keterlibatan belia secara langsung dalam kegiatan pembangunan ekonomi, sesuai dengan konteks Wawasan Kemakmuran Bersama 2030. Kita faham juga pembangunan dan pemerksaan belia ini melibatkan semua kementerian, bukan sahaja Kementerian Belia dan Sukan tetapi mungkin kita ingin jawapan yang bagaimana Kementerian Belia dan Sukan boleh mengkoordinasi dengan kementerian-kementerian lain dari segi pemerksaan belia dari segi hal ehwal ekonomi. Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Perkara mustahak adalah untuk memastikan setiap keputusan yang dilaksanakan oleh kerajaan ada wakil kepimpinan anak muda yang disertakan supaya akhirnya suara mereka tidak akan dasingkan. Pada pertengahan tahun ini, Yang Amat Berhormat Tun Dr. Mahathir telah pun bersetuju untuk melantik 3 wakil anak muda untuk disertakan dalam Jawatankuasa Ekonomi tertinggi negara dikenali sebagai dengan izin, *National Economic Action Council*. Mereka ini mewakili *Start-up* dan juga datang daripada rakyat berbilang bangsa dan agama juga. Ia tidak boleh terhenti di Jawatankuasa Ekonomi Tertinggi Negara dia patut merentasi semua sistem pentadbiran negara.

Sebab itu kita lihat lebih banyak anak-anak muda dilantik sebagai ahli majlis dan juga ketua kampung yang sebelum ini ada had umur, sekarang kita telah pun turunkan supaya akhirnya lebih banyak anak muda boleh disertakan sekali. Pada masa yang sama, kita juga ingin memastikan bahawa anak muda dapat membantu sektor korporat dan politik untuk memastikan bahawa suara mereka akan diambil kira. Sebab itu kita telah pun memperhebatkan usaha untuk melaksanakan Felo Perdana dan buat pertama kali melaksanakan Program Felo Korporat di mana anak-anak muda yang terpilih ditempatkan dalam pejabat CEO ataupun *chairman* ataupun pengurusan tertinggi syarikat-syarikat gergasi di Malaysia supaya akhirnya suara mereka boleh diambil kira dalam proses pentadbiran negara.

Kami juga akan memastikan bahawa hubungan yang agak baik dapat dirancakkan dengan kementerian-kementerian lain untuk memastikan bahawa ekonomi anak muda itu tidak

akan disampingkan bersama dengan Kementerian Kewangan, Ekonomi, Sumber Manusia untuk memastikan bahawa isu yang paling dekat di hati anak muda itu adalah pekerjaan, kos sara hidup, perumahan dapat dikendalikan dengan baik. Terima kasih Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya Tuan Yang di-Pertua, di antara perkara yang akan menjadi tarikan kepada orang-orang muda ialah kepimpinan melalui teladan dan juga bercakap benar. Yang Berhormat, di antara janji *Buku Harapan* iaitu ialah untuk menawarkan siaran percuma melalui RTM ke semua liga sukan utama di seluruh dunia. Jadi, janji ini bilakah akan diselesaikan sebagai contoh. Kedua, Yang Berhormat telah berjanji bahawa Yang Berhormat hendaklah menunjukkan kepada belia Yang Berhormat ini ialah orang yang pegang janji dan akan menunaikan apa Yang Berhormat cakap.

Yang Berhormat cakap baru-baru ini akan ambil tindakan kepada DAP kerana Ronnie Liu telah bercakap kasar kepada Perdana Menteri. Akan tetapi Yang Berhormat telah mendiamkan diri. Yang Berhormat kata selepas Tanjong Piai hendak jawab. Jadi, apakah harapan anak muda untuk melihat pemimpin belia mampu menunaikan janjinya. Kalau Yang Berhormat tidak tunai janji sepenuhnya, buat sikit-sikit pun tak apalah, asalkan tunjuk Yang Berhormat tunaikan janji dan bukan mendiamkan diri. Macam puak-puak kami, tengok kami berani, kami tak takut punya. Okey terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Ini soalan dia sentiasa nakal tetapi berkaitan dengan anak muda merupakan soalan pertama khususnya berkenaan EPL percuma ini. Saya rasa perkara yang paling mustahak yang perlu dilaksanakan sekarang dalam industri bola sepak negara adalah untuk memperkasakan Program *National Football Development Programme*. Program pembangunan akar umbi, di mana peruntukan yang jauh lebih tinggi telah pun diperuntukkan bagi mereka. Sebelum ini RM15 juta, sekarang telah pun dinaikkan kepada RM45 juta, di mana buat pertama kali kita boleh memberikan peruntukan khas bagi golongan wanita dalam bola sepak, khususnya dalam pembangunan akar umbi. Supaya akhirnya mereka dapat mewakili negara dan berprestasi lebih tinggi. Saya rasa ini perkara...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini *Buku Harapan* ini orang muda sokong harapan kerana buku itu. Jadi, sekarang ini bila hendak buat ini janji ini kalau Yang Berhormat tak buat pun tak apa, *no problem*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Seperti yang saya tekankan tadi ia berkenaan isu *priority*. Kalau tanya anak muda di luar sana, saya yakin mereka mahu melihat program pembangunan akar umbi bola sepak negara dapat dipertingkatkan lagi dan RM45 juta ini peningkatan 3 kali ganda, adalah perubahan yang agak besar.

#### ■1120

Soalan kedua yang agak ringkas tidak kena mengena, kita perlukan satu sama yang lain, kita menyelesaikan masalah ini dalam Majlis Presiden Pakatan Harapan. Terima kasih.



**Tuan Yang di-Pertua:** Saya jemput Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Pantun.

*Apa agaknya hendak dicari;  
Sudah terang lagi bersuluh;  
Di mana agaknya Menteri Ekonomi;  
Soalan Pontian nombor sepuluh.*

**10. Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]** minta Menteri Hal Ehwal Ekonomi menyatakan, jumlah secara terperinci aset negara yang telah dijual kepada kepentingan asing dalam bentuk peratusan, dan ringgit, sama ada oleh Khazanah, PNB, KWSP, PETRONAS, Sime Darby, LTAT, TH, FELDA atau entiti yang lain mulai 10 Mei 2018 hingga hari ini. Berapa pula aset yang dibeli oleh entiti tersebut dalam tempoh itu.

**Timbalan Menteri Hal Ehwal Ekonomi [Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin]:** Ini pantun serang hendap ini.

*Tanam durian tanam buluh;  
Ini jawapan nombor sepuluh.*

Untuk menjawab soalan Ahli Yang Berhormat, Kementerian Hal Ehwal Ekonomi akan menumpukan jawapan ini kepada institusi yang berada di bawah bidang tanggungjawab kementerian ini khususnya Khazanah Nasional Berhad, PTRONAS dan FELDA.

Bagi tempoh Mei 2018 hingga sekarang, aset yang telah dijual kepada kepentingan asing oleh Khazanah hanya melibatkan dua pelupusan sahaja iaitu 16 peratus pegangan dalam IHH Healthcare Berhad, IHH bernilai RM8.42 bilion, dan sebahagian daripada pembangunan bersepadu- DUO di Singapura melalui pegangan M+S Private Limited bernilai RM1.575 bilion USD Singapura.

Pelupusan-pelupusan ini telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri semasa pengumuman Peringkat Dasar untuk Belanjawan 2020. Tiada pelupusan kepada pihak asing yang dilaksanakan oleh PETRONAS dan FELDA dalam tempoh berkenaan.

Antara Mei 2018 hingga Jun 2019, Khazanah telah melaksanakan enam pelaburan baharu dalam pelbagai sektor termasuk dalam pasaran awam di India dan China. Jumlah keseluruhan pelaburan ini adalah sebanyak RM6.4 bilion. Pelaburan tersebut adalah seperti berikut, di antara bulan Mei 2018 hingga Disember 2018;

- (i) Ann Financial Co. bernilai RM2.552 bilion;
- (ii) IHH *Healthcare* bernilai RM1.442 bilion;
- (iii) *Prince Court Medical Centre* bernilai RM1.087 bilion; dan,
- (iv) CIMB Group bernilai RM635 juta.

Seterusnya, bagi bulan Januari 2019 hingga Jun 2019, pelaburan dalam pasaran awam di negara China adalah sebanyak RM553 juta, dan di pasaran awam di India sebanyak RM84 juta.

Bagi PETRONAS pula, pada April tahun ini, PETRONAS telah melaksanakan pembelian saham dalam sebuah syarikat berpangkalan di Singapura ialah Amplus Energy Solutions Pte.

Limited sebagai salah satu langkah strategik PETRONAS untuk mengembangkan perniagaan serta memasuki pasaran industri hiliran *renewable energy*- RE, dengan izin. Sekian, terima kasih.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk menyelaraskan jawapan secara bertulis kepada soalan saya sebab baru dijawab Khazanah, PETRONAS dan FELDA.

Jadi, saya mohon jawapan untuk PNB, KWSP, Sime Darby, LTAT dan Tabung Haji. Tentunya sebagai Kementerian Hal Ehwal Ekonomi, tentu ada data-data ini walaupun melibatkan kementerian-kementerian yang lain. Itu yang pertama.

Kedua, tadi disebut IHH, Prince Court, CIMB disebut itu pelaburan. Bukankah itu sebenarnya penjualan aset.

Seterusnya Boustead Heavy Industries Corporation Berhad sebanyak RM72.4 peratus keuntungan jatuh. Pharmaniaga (Pharmaniaga Berhad), sebanyak RM97 peratus keuntungan jatuh. MSM milik FGV rugi. Petronas Gas milik PETRONAS untung jatuh sebanyak 13.6 peratus. MISC milik PETRONAS untung jatuh sebanyak 22 peratus. Apakah yang akan dibuat dengan kerugian ataupun keuntungan yang jatuh ini? Terima kasih.

**Dr. Mohd Radzi bin Md Jidin:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Pertama sekali kami akan usahakan apa yang diminta oleh Yang Berhormat Pontian bersama pihak kementerian lain. Saya cuba usahakan.

Kedua, pelaburan berkaitan dengan IHH dan Prince Court tadi sebenarnya ini adalah jawapan yang ditanya oleh Ahli Yang Berhormat. Apabila ditanya pelaburan yang pernah dibuat. Jadi, pelaburan IHH ini adalah semasa mereka melakukan pertukaran saham dengan Acibadem dari Turki pada waktu itu, dan ia dilaksanakan sebelum penjualan kepada Mitsui. Itu pertama.

Begitu juga dengan Prince Court. Ini adalah senarai pelaburan antara bulan Mei 2019 hingga bulan Jun 2019. Prince Court ini Khazanah beli daripada PETRONAS sebelum dilupuskan tempo hari turut kepada IHH juga.

Seterusnya, adalah berkaitan dengan prestasi syarikat-syarikat yang dinyatakan oleh Yang Berhormat. Seperti mana yang kita sedia maklum, keadaan dunia cabaran dalam ekonomi global dan cabaran dalam ekonomi tempatan juga, memberi kesan kepada prestasi syarikat-syarikat secara umumnya.

Oleh yang demikian, kerajaan sedang berusaha keras untuk memastikan bahawa ekonomi negara akan terus tumbuh dengan baik dan cemerlang supaya kesannya bukan sahaja dapat dirasai oleh syarikat-syarikat yang dinyatakan oleh Ahli Yang Berhormat tetapi juga dapat dirasai oleh rakyat secara keseluruhannya. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Soalan tambahan kedua kalau ada. Di sebelah kanan- tidak ada? Ada- tidak ada? Jadi kita beralih ke soalan seterusnya, saya menjemput Yang Berhormat Putatan.

**11. Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]** minta Menteri Industri Utama menyatakan, apakah kementerian berhasrat untuk meluaskan lagi skim pinjaman kepada pekebun-pekebun kecil kelapa sawit di negeri Sabah yang pada ketika ini skim ini hanya dihadkan kepada Skim Tanam Semula dengan nilai peruntukan yang diberikan oleh kementerian sebanyak RM500 juta dengan kadar 2 peratus. Jika dahulu peruntukan ini juga diluaskan kepada dua bidang kelapa sawit iaitu Skim Tanaman Semula dan juga Skim Tanam Baru, saya membawa suara negeri Sabah agar skim pinjaman ini juga diberikan untuk tanaman baru khusus untuk negeri Sabah.

**Timbalan Menteri Industri Utama [Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Salam sejahtera. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, dan terima kasih Yang Berhormat Putatan.

Buat masa ini kementerian belum ada cadangan untuk meluaskan skim pembiayaan bagi tanaman semula kepada skim tanaman baru untuk para pekebun kecil kelapa sawit. Ini adalah kerana aktiviti peluasan penanaman sawit dilihat bukan lagi langkah utama yang efektif dalam meningkatkan pengeluaran hasil sawit negara.

Langkah yang sedang diambil perhatian oleh kementerian adalah meningkatkan lagi produktiviti pengeluaran hasil sawit negara melalui penggunaan sumber sedia ada tanpa penambahan peluasan kawasan baru yang telah menimbulkan pelbagai polemik dan tuduhan yang tidak berasas dari negara-negara luar.

Untuk makluman, kerajaan telah menetapkan had keluasan tanaman sawit adalah pada 6.5 juta hektar sahaja untuk memastikan industri sawit tidak lagi dikaitkan isu *deforestation* ataupun penyahhutan. Justeru pada masa ini, pembukaan kawasan baru untuk tanaman sawit adalah bukan keutamaan bagi kementerian. Sekian, terima kasih.

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih dengan jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan seterusnya, apakah status terkini pembiayaan skim tanaman semula ini. Apakah ciri-ciri pada pembiayaan ini yang sebenarnya boleh membantu pekebun-pekebun kecil? Terima kasih.

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang baik.

Untuk makluman Yang Berhormat, sekarang ini kita telah pun menerima kurang lebih 203 permohonan pembiayaan mudah untuk tanaman semula oleh pekebun kecil sawit. Untuk makluman Yang Berhormat Putatan, di Sabah sahaja kita menerima hampir 70 permohonan untuk pembiayaan mudah tanam semula pekebun kecil sawit ini.

Untuk makluman Dewan, seperti mana yang telah saya jelaskan sewaktu penggulungan tempoh hari, ciri-ciri utama yang membantu pekebun kecil ini ialah kita meletakkan satu moratorium untuk pembayaran semula iaitu para pekebun kecil yang mendapat manfaat daripada pinjaman ini mereka hanya perlu bayar pada bulan ke-49. Iaitu setelah empat tahun, dan dalam permohonan ini hanya tiga sahaja dokumen yang diperlukan iaitu lesen, kad pengenalan dan juga geran. Tidak ada sebarang cagaran ataupun tidak ada sebarang penjamin.

Jadi, ini merupakan pembiayaan mudah yang bertujuan untuk membantu pekebun kecil dalam usaha kerajaan agar mereka mendapat manfaat daripada bantuan yang kita sediakan kepada mereka. Terima kasih.

**Dato' Mohd Nizar bin Haji Zakaria [Parit]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya hendak bertanya, apakah usaha yang dilakukan oleh pihak kementerian bagi menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh para pekebun kecil selain daripada mempergiatkan usaha penanaman semula. Adakah pihak kementerian berhasrat untuk memperkenalkan skim tanaman semula yang melibatkan tanaman selain daripada kelapa sawit supaya para pekebun kecil yang tidak mengusahakan tanaman kelapa sawit juga tidak dipinggirkan. Terima kasih.

■1130

**Datuk Seri Shamsul Iskandar @ Yusre bin Mohd Akin:** Terima kasih Yang Berhormat di atas soalan yang dikemukakan.

Untuk makluman Yang Berhormat, kementerian akan bekerjasama dengan Kementerian Industri Asas Tani dalam usaha kita untuk memastikan agar berlakunya apa yang kita panggil sebagai integrasi tanaman. Seperti Yang Berhormat sedia maklum, Kementerian Kewangan telah pun mengumumkan RM150 juta untuk melaksanakan program integrasi tanaman ini. Selain daripada kita memberikan pembiayaan mudah ini, saya percaya dengan adanya pendekatan integrasi tanaman seperti mana yang diperuntukkan oleh kerajaan, ini akan membantu pekebun kecil dalam usaha mereka untuk mendapatkan pendapatan yang lebih selain daripada *core* ataupun tanaman asal mereka. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Dengan itu tamatlah sesi soal jawab lisan.

***[Masa bagi Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan tamat]***

## **RANG UNDANG-UNDANG DIBAWA KE DALAM MESYUARAT**

### **RANG UNDANG-UNDANG RACUN (PINDAAN) 2019**

#### **Bacaan Kali Yang Pertama**

Rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Racun 1952; dibawa ke dalam Mesyuarat oleh Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Haji Dzulkefly bin Ahmad]; dibaca kali yang pertama; akan dibaca kali yang kedua pada Mesyuarat ini.

**USUL****WAKTU MESYUARAT DAN URUSAN  
DIBEBASKAN DARIPADA PERATURAN MESYUARAT****11.32 pg.****Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tuan Mohamed Hanipa bin Maidin]:**

Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan:

“Bahawa mengikut Peraturan Mesyuarat 12(1), Majlis Mesyuarat pada hari ini tidak akan ditangguhkan sehingga selesai dibahaskan dan diputuskan dalam peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan dan Kementerian Kerja Raya bagi Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Usul Anggaran Perbelanjaan Pembangunan 2020 dan selepas itu Majlis Mesyuarat akan ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi, hari Selasa, 26 November 2019.”

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Dato' Kamarudin Jaffar]:** Saya sokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa usul seperti yang dikemukakan tadi hendaklah disetujui.

*[Usul dikemuka bagi diputuskan; dan disetujui]*

**RANG UNDANG-UNDANG****RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2020****DAN****USUL****ANGGARAN PEMBANGUNAN 2020****Jawatankuasa**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula pertimbangan atas “Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dan Anggaran Pembangunan 2020 dalam Jawatankuasa sebuah-buah Majlis.” **[Hari Kedua belas]**

**[Majlis bersidang dalam Jawatankuasa]**

**[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**Maksud B.45 [Jadual] -****Maksud P.45 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

**Tuan Pengerusi:** Sekarang giliran Kementerian Belia dan Sukan. Kepala Bekalan B.45 dan Kepala Pembangunan P.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan terbuka untuk dibahas. Seperti biasa Ahli Yang Berhormat, saya ingin maklumkan tempoh masa perbahasan di peringkat Jawatankuasa Rang Undang-undang Perbekalan 2020 dihadkan selama 10 minit sahaja bagi setiap Ahli Yang Berhormat untuk berbahas dan seperti biasa juga akan dikurangkan kalau ramai yang hendak berbahas. Seperti biasa juga, tempoh masa Yang Berhormat Menteri Belia dan

Sukan dan Yang Berhormat Menteri Kerja Raya menjawab adalah dalam lingkungan 60 minit. Sekian, terima kasih.

Sekarang saya menjemput pembahas yang pertama, Yang Berhormat Beluran. Silakan Yang Berhormat.

**11.34 pg.**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh dua butiran. Butiran pertama ialah Naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri – 00601.

Saya ingin merujuk kepada sebuah kompleks sukan yang dibina oleh kementerian di pekan Beluran dalam kawasan Parlimen Beluran dengan kos RM5 juta. Dikatakan ketika itu peruntukan ini cuma boleh membuat *running track* dengan padang dan pagar. Oleh sebab itu ada klausa *5 years ago*, 5 tahun yang lalu dan sehingga sekarang ini kompleks sukan itu masih dalam keadaan ada padang, padang bola *very good*, baik. Ada trek larian juga berkualiti tinggi, ada pagar. Itu merupakan keadaannya hingga sekarang.

Saya yakin Kementerian Belia dan Sukan ini *aware of the problem*, mengetahui maklum tentang keadaan kompleks sukan. Kompleks sukan yang tidak mempunyai astaka, ia macam seseorang pakai seluar tiada baju, tiada astaka. Tentu sekali keperluan astaka ini mendesak untuk kompleks sukan ini. Sudah 5 tahun dibina, dikatakan ketika itu *we only have this money RM5 million* so kita akan buat dahulu kompleks sukan yang asas ada padang, ada trek larian, kemudian akan disyorkan dengan peruntukan untuk membina astaka tetapi sehingga sekarang astaka belum dibina Tuan Pengerusi.

Oleh sebab itu saya mohon agar kementerian melihat keperluan untuk membina astaka untuk kompleks sukan pekan Beluran ini. Tentu kalau kita bina astaka, kita memerlukan tempat duduk, kapasiti 500, 1,000 kapasiti tempat duduk, kita perlukan pejabat pentadbiran, kita perlukan bilik mesyuarat, kaunter tempahan, bilik pengawal keselamatan, bilik solat, tandas, tandas OKU, bilik gimnasium, stor peralatan sukan, bilik MNE, bilik media, bilik kawalan dan sebagainya. Saya difahamkan kesemua ini memerlukan peruntukan lebih kurang RM5 juta lagi, *it's about RM4.998 million*, maknanya perlu RM5 juta lagi untuk 'membajukan', *proper* kompleks sukan yang ada di pekan Beluran ini. Jadi barulah kita boleh katakan bahawa Parlimen Beluran mempunyai sebuah kompleks sukan yang lengkap, ada padang, ada trek larian, ada pagar dan ada astaka yang mempunyai kemudahan-kemudahan yang saya sebutkan tadi.

Jadi saya mohon RM5 juta daripada peruntukan yang ada ini RM43.722 milion yang diuntukkan untuk baik pulih sukan. *Please*, tolong letakkan sedikit RM4.9 million, RM4.9 juta untuk membaiki, menaik taraf Kompleks Sukan Beluran ini. Saya pohon agar kementerian melihat keperluan ini supaya dapat kita banggakan. Kerajaan dulu bina kompleks sukan separuh dan kerajaan sekarang ini lengkapkan Kompleks Sukan Pekan Beluran ini. *Please*, RM4.9 juta diperlukan.

Jadi Tuan Pengerusi, begitu juga naik taraf kompleks sukan komuniti. Banyak gelanggang futsal yang dibina di kawasan saya, ada belas-belas banyaknya juga memerlukan sedikit peruntukan untuk baik pulih. Keadaan pagar, keadaan simen yang pecah dan sebagainya perlu dibaik pulih. Saya mohon agar yang ini juga akan dilihat oleh kementerian.

Tuan Pengerusi, setakat itu perbahasan saya terhadap kementerian ini. Terima kasih.

**11.38 pg.**

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Machang, pencelahan. Mana Menteri dan Timbalan Menteri? Macam mereka tak kisah langsung tentang apa yang kita nak katakan di Dewan ini.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Saya baru perasan memang tidak ada. Sepatutnya ada.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Biasalah, dia anggap enteng. Itu sebab orang minta peruntukan pun dia tidak tahu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, oleh kerana Menteri dan Timbalan Menteri tidak ada, boleh kita ubah kementerian sekarang sebab mereka tidak ada hendak respons kepada ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kita sokong pindah kementerian lain.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dia harap pegawai, pegawai tidak boleh bercakap.

**Tuan Pengerusi:** Teruskan, teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jadi saya minta supaya tukar kementerian Tuan Pengerusi sebab kalau tidak Menteri tidak ada macam mana hendak cakap.

**Tuan Pengerusi:** Menteri hadir, baru sekejap tadi dia ada. Ya, teruskanlah, teruskan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Sorry, sorry* ini memang sifat Kerajaan PH.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Arau, banyak masa saya dah habis.

**Tuan Pengerusi:** Saya takkan tambah ya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya akan terus kepada Butiran 030700 – SIC Sdn. Bhd. (Sepang International Circuit Sdn. Bhd.). Terdapat peruntukan untuk 2020 ini dalam bajet baru-baru ini RM37,500,000. Tahun 2019 tidak ada. Saya hendak tanya apakah rasionalnya daripada kosong terus ada peruntukan baru RM37 juta lebih ini.

## ■1140

Apakah sukan Formula One akan diperkenalkan balik ataupun dilangsungkan balik di SIC ini? Juga, adakah ia melibatkan kos-kos penyelenggaraan dan sebagainya? Boleh tidak Yang Berhormat Menteri, saya minta – itulah Yang Berhormat Menteri tidak ada, Timbalan Menteri pun tidak ada. Berapa banyak *event* yang akan dijalankan di peringkat antarabangsa, di SIC untuk tahun 2020 seperti MotoGP, sama ada di peringkat *international*, di peringkat Asia ataupun ASEAN? Berapakah jangkaan pulangan yang dijangka *return of investment* (ROI) untuk SIC ini?

[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa**]

Kedua, Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara. Sejak diperkenalkan pada tahun 1986 lagi, SUKMA ini, negeri Kelantan tidak pernah menjadi tuan rumah untuk Sukan Malaysia, sukan yang paling berprestij dalam negara kita. Ini adalah ekoran daripada prasarana yang tidak memenuhi piawaian ataupun standard yang ditetapkan yang membolehkan untuk Kelantan menganjurkan SUKMA. Jadi, saya minta pihak kementerian melihat perkara ini dan peruntukan-peruntukan yang ada ini boleh disalurkan ke negeri Kelantan untuk menyediakan *venue* ataupun prasarana bagi membolehkan Sukan Malaysia ini dijalankan di negeri Kelantan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi...

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Yang Berhormat Machang, Boleh tidak mencelah sedikit? Rantau Panjang. Ya, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Machang. Saya tertarik dengan cadangan Yang Berhormat Machang supaya Kerajaan Malaysia memberikan perhatian dengan cadangan Yang Berhormat Machang supaya kerajaan Malaysia memberikan perhatian untuk menyediakan infra yang selengkapnya untuk membolehkan Kelantan menjadi tuan rumah sukan SUKMA.

Jadi, cadangan Kelantan kalau boleh untuk jadi tuan rumah sukan SUKMA pada tahun 2024, kompleks sukan ini sangat diperlukan. Jadi, apa pandangan Yang Berhormat Machang supaya disegerakan peruntukan ini untuk membolehkan dalam tempoh empat tahun ini, supaya dapat dilengkapkan kemudahan-kemudahan yang perlu untuk membolehkan Kelantan menjadi tuan rumah untuk pertama kalinya bagi tahun 2024? Apa pandangan?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Masukkan sebahagian daripada ucapan saya, Tuan Pengerusi. Saya amat bersetuju sebab tempoh empat tahun ini adalah bukan satu jangka masa yang panjang untuk menyediakan prasarana. Maka, eloklah jika dimulakan bermula dengan tahun depan. Bukan sahaja kompleks sukan, tetapi prasarana-prasarana sukan yang lain juga perlu dilihat seperti kolam renang dan stadium tertutup juga perlu diadakan di negeri Kelantan.



Seterusnya Butiran 020200 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia. Tuan Pengerusi, apakah pihak kementerian merasakan inisiatif kepada badan pemikir pembangunan belia ini sudah tidak diperlukan kerana peruntukan tahun lepas sebanyak RM2 juta lebih, sekarang ini langsung tidak ada peruntukan ataupun ada alternatif lain yang difikirkan oleh pihak kementerian untuk menggantikan institut ini? ni juga saya perlukan suatu penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri.

Butiran 00601 – Naiktaraf Belia dan Sukan. Seperti pencelahan daripada Yang Berhormat Rantau Panjang tadi. Saya hendak tanya, ada tidak untuk butiran ini termasuk untuk kompleks sukan di negeri Kelantan? Kalau ada, sila nyatakan jumlahnya. Kalau tidak ada, mengapakah tidak ada? Ini kerana kompleks sukan di negeri Kelantan ini perlu dibaik pulih dan juga perlu kepada dinaiktarafkan kompleks ini.

Butiran 00119 – Projek Pembangunan Biro Tatanegara yang berkaitan dengan Butiran 031000 – Malaysia Future Leaders School (MFLS). Pada bulan Februari 2019 yang lepas, Yang Berhormat Menteri telah menyebut bahawa Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia (MFLS) akan bermula pada bulan Jun dan akan menggantikan Program Latihan Khidmat Negara (PLKN) dan juga BTN. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah modul yang akan diperkenalkan di dalam program yang baharu ini? Kita hendak tahu ini sebab kita ada kebimbangan. Oleh sebab, ternyata sebelum daripada ini, BTN dan juga PLKN ini ternyata berjaya menerapkan semangat nilai-nilai perpaduan, kecintaan kepada negara dan juga semangat patriotik yang begitu tinggi.

Jadi, saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, apakah – Selamat datang Yang Berhormat Menteri. Separuh sudah saya berjalan ini. Akan tetapi, tidak apalah, pegawai ada catat. Jadi, itulah yang saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Menteri, apakah *significant* ia digantikan? Jadi, tidak semestinya apabila bertukar kerajaan, semua kena ganti ataupun salin nama. Apa yang baik perlu kita teruskan.

Seterusnya, Butiran 020100 – Belia dan sukan ini kadar pengangguran belia ini barangkali untuk masa terkini, sudah mencatat lebih daripada 11 peratus. Saya hendak tanya pihak Yang Berhormat Menteri, apakah langkah-langkah yang telah dibuat oleh Kementerian Belia dan Sukan di dalam menangani masalah ini?

Sebagai mana yang kita tahu, bahawasanya terdapat banyak institusi dan pusat-pusat latihan seperti IKBN. Ternyata IKBN ini telah berjaya mewujudkan modal-modal insan yang kebolehpasaran kerjanya amat tinggi. Kita harap ia dapat diperbesarkan lagi. Apakah modul-modul terkini yang terdapat di institusi latihan ini? Begitu juga dengan masalah belia-belie yang berada di luar bandar, belie-belie yang menganggur ada tidak *engagement* yang telah dibuat dengan mereka untuk menggalakkan mereka menyertai institusi-institusi latihan yang terdapat di bawah Kementerian Belia dan Sukan?

Maka, pandangan saya, peranan Majlis Belia Daerah dan juga Jabatan Belia di peringkat daerah perlu dipertingkatkan lagi untuk menyantuni belie-belie yang berada di luar bandar ini

agar mereka berminat untuk menyertai institusi-institusi latihan yang terdapat di bawah Kementerian Belia dan Sukan ini.

Apakah status terkini Dasar Belia Negara 2015 yang dilaksanakan dahulu? Apakah pencapaian yang berjaya diraih melalui dasar yang diperkenalkan ini? Apakah perancangan khusus pihak kementerian untuk pembangunan belia dalam tempoh 10 tahun yang akan datang?

Ini saya harap Yang Berhormat Menteri dapat jelaskan apakah terdapat sebarang *blueprint* khusus Dasar Pembangunan Belia yang baharu yang difikirkan oleh pihak kementerian, yang dirangka oleh pihak kementerian? Pada bulan Ogos 2019, Yang Berhormat Menteri – saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, ada melantik 13 orang pegawai penyelarasan sukan negeri di bawah seliaan Kementerian Belia dan Sukan (KBS) untuk semua negeri kecuali Sarawak. apakah jawatan pegawai penyelarasan sukan negeri ini – jawatan yang sedia ada ataupun jawatan baharu yang telah diwujudkan oleh pihak kementerian? Apakah peranan mereka ini?

Ini kerana apa yang saya tahu, mereka ini bukanlah mempunyai latar belakang sukan dan pengetahuan tentang sukan. Malah, apa yang saya dimaklumkan daripada 13 orang ini...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan sikit Yang Berhormat Machang?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Sikit, ya sikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat dah, masa sudah tamat dah. Saya minta Yang Berhormat Machang rumuskan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Memang masa sudah tamat, tetapi boleh minta penjelasan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Sila, sila, sila.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Raden [Kinabatangan]:** Ya, Yang Berhormat Machang. Sikit sahaja. Apakah Yang Berhormat Machang melihat bahawa pelantikan itu cuma untuk memenuhi keperluan politik? Memang tidak berlatarbelakangkan pun yang dilantik ini. Akan tetapi, pemegang-pemegang politik, parti politik di kalangan pemuda-pemuda yang dilantik.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan, itulah yang saya hendak sebut. Sebenarnya, daripada 13 orang itu, tujuh orang Ketua Armada Negeri, dua orang Exco Armada dan empat orang Ahli Armada. Ini kalau tidak benar sila Yang Berhormat Menteri jelaskan...

**Tuan Ramli bin Dato' Mohd Nor [Cameron Highlands]:** Wah...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Kalau benar apakah rasionalnya pelantikan ini, kerana mereka ini tidak mempunyai latar belakang dalam sukan ini?

■1150

Akhir sekali Tuan Pengerusi saya hendak tanya peranan-peranan yang dimaksudkan di sebalik pelantikan ini, adakah ianya untuk menguatkan kedudukan Yang Berhormat Menteri

sendiri sebagai Ketua ARMADA agar tidak dicabar. Adakah itu tujuan dan maksudnya. Kalau itu tujuan dan maksudnya maka kita berasa amat kecewa terhadap pelantikan-pelantikan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Machang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Putatan, kemudian Yang Berhormat Pengkalan Chepa, kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Masjid Tanah, kemudian Yang Berhormat Paya Besar.

**Datuk Haji Shabudin bin Yahaya [Tasik Gelugor]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Tasek Gelugor, yang lain saya akan catitkan masuk dalam turutan. Baik, terima kasih. Silakan Yang Berhormat Putatan.

**11.51 pg.**

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tentang Putatan saya ingin menyentuh satu sahaja iaitu velodrom ataupun stadium berbasikal. Pernah saya suarakan hari itu, kalau di Malaysia ini, kalau di Semenanjung velodrom ini sudah wujud saya rasa sudah 30 tahun, mungkin 40 tahun dan sudah pun melahirkan ramai bintang-bintang berbasikal seperti Rosman Alwi dan sebagainya. Akan tetapi sebenarnya velodrom belum ada satu pun dibina di Malaysia Timur, Sabah dan Sarawak. Ini menyebabkan kita tidak dapat mencungkil bakat daripada pelumba-pelumba basikal daripada dua negeri ini. Saya pohon agar Kementerian Belia dan Sukan dapat menimbangkan seseriusnya untuk membina sebuah velodrom di Sabah dan Putatan bersedia untuk menyediakan tanah untuk pembinaan velodrom. Saya pohonkan. Itu saja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Putatan. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Pengkalan Chepa.

**11.52 pg.**

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada beberapa butiran khususnya 030700. Umumnya peruntukan bagi Kementerian Belia dan Sukan pada tahun 2020 sangat tidak seimbang. Meskipun peruntukan pada tahun 2020 meningkat secara marginal lebih kurang 113 ribu, namun pengagihannya tidak sekata dan banyak ditumpukan kepada program-program khusus. Butiran bagi program khusus meningkat secara signifikan daripada RM28 juta pada tahun 2019 kepada RM231 juta pada tahun 2020 terutamanya kod pemberian dan kenaikan bayaran tetap. Butiran 030700, SIC Sdn. Bhd. Sehingga 24 Oktober 2019, *Sepang International Circuit* ialah sebuah syarikat milikan penuh Kementerian Kewangan, Menteri Kewangan Diperbadankan. Merujuk kepada penyata akaun memorandum pelaburan penyata kewangan

kerajaan persekutuan 2018, nilai buku SIC pada tahun 2017 dan 2018 adalah RM1. Berbanding modal saham diterbitkan sebanyak RM10 juta.

Malah tiada peruntukan disalurkan kepada SIC pada tahun 2018 tetapi sejumlah RM37.5 juta diperuntukkan pada tahun 2020. Jadi persoalan saya kenapa berlaku perubahan yang ketara sedemikian. Saya difahamkan SIC tidak lagi menganjurkan program kejohanan Formula One walau secara percuma kerana melibatkan kos yang tinggi, yang kini dianggarkan sebanyak RM280 juta. Namun SIC akan memfokuskan kepada perlumbaan motosikal seperti Moto GP, Moto 2 dan Moto 3. Saya ingin bertanya kenapa kos penganjuran perlumbaan motosikal tersebut dan keuntungan yang diraih oleh SIC sebelum ini. Jika SIC tidak menerima peruntukan kerajaan pada tahun 2018, bagaimana mereka boleh beroperasi.

Perlumbaan-perlumbaan yang dianjurkan di SIC dianggap sebagai pemacu kepada sektor pelancongan. Namun begitu saya juga difahamkan ia menjadi hab permotoran. Apakah sebenarnya rancangan kementerian terhadap SIC? Adakah terdapat apa-apa kerjasama dengan badan-badan permotoran di dunia untuk membangunkan kapasiti teknologi dan perkongsian pintar dalam industri permotoran negara, sejauh mana golongan belia didedahkan dengan dunia permotoran. Kemudian Butiran 030800, *Malaysia Future Leader School* (MFLS). Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah mewujudkan MFLS. Satu inisiatif yang sangat bagus untuk mempersiapkan belia kepimpinan negara pada masa akan datang. Program ini berjangka panjang dan mula disasarkan kepada pelajar sekolah menengah yang berusia 15 hingga 17 tahun pada tahun ini dan mempunyai kriteria khusus iaitu kecemerlangan kurikulum dan ko kurikulum di samping kemantapan sahsiah serta kecergasan fizikal yang baik.

Saya juga difahamkan program ini telah bermula semenjak 2019 tetapi mengapa tiada sumber peruntukan yang diperuntukkan kepada MFLS pada tahun ini. Seterusnya mengapa program MLFS ini telah ditempatkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan, mengapa tidak di bawah Kementerian Pendidikan. Para pelajar yang terlibat dengan MFLS pada tier satu akan diberikan pengecualian menghadiri kelas oleh pihak sekolah, walhal mereka ialah para pelajar yang akan menduduki peperiksaan seperti PT3 dan juga SPM. Tidakkah pembelajaran mereka juga akan terganggu. Saya merujuk kepada laman web mflskbs dinyatakan mereka yang telah terpilih mengikuti *tier 3* akan diberi peluang untuk mengikuti program *internship* dalam dan luar negara serta program *in house training* di GLS dan syarikat swasta.

Mengapa program tersebut disusun begitu walhal mereka baru menghabiskan SPM dan bagi pelajar yang berusia 17 tahun dan mungkin akan menyambung pengajian di peringkat universiti. Program ini juga dikatakan menggantikan program PKLM oleh Biro Tatanegara. Apakah perbezaan dan perubahan signifikan yang terdapat dalam MLFS dibandingkan dengan MFS. Saya tertarik dengan misi MLFS iaitu untuk melahirkan ramai kepimpinan yang bebas berkepentingan politik. Apakah jaminan kementerian bahawa mereka yang terlibat dengan program ini tidak akan dipengaruhi dan tidak dipergunakan sebagai kaderisasi politik. Kemudian Butiran 030800. Tuan Pengerusi, saya minta penjelasan kementerian apakah perincian bagi

butiran ini kerana tiada peruntukan kepada tahun 2019 tetapi sebanyak RM41.96 juta diperuntukkan untuk tahun 2020.

Selain itu saya juga ingin bertanya adakah ia termasuk peruntukan RM20 juta untuk program *e-sports*. Pada tahun 2019, Kementerian Kewangan memperuntukkan RM10 juta kepada Malaysia Digital Ekonomi Corporation untuk *e-sport*. Apakah perkara yang telah dihasilkan oleh MDEC untuk *e-sport*. Kemudian pada tahun ini Kementerian Kewangan pula menyalurkan dana sejumlah RM20 juta dan untuk kementerian dan RM20 juta lagi untuk MDEC. Apakah objektif dan kerjasama agensi yang akan dihasilkan daripada peruntukan sebanyak RM40 juta ini. Saya juga ada membaca kenyataan Yang Berhormat Menteri pada Ogos 2018 untuk menjadikan Malaysia sebagai negara *e-sport our house* di Malaysia.

Justeru apakah fasiliti, pelaburan dan cadangan pembangunan *one stop centre* yang telah diterokai. Kemudian juga Butiran 020200, Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia. Saya minta dijelaskan mengapa tiada peruntukan untuk institut ini pada tahun 2020. Adakah ia telah dimansuhkan atau dimandatkan kepada agensi lain. Institusi ini mesti menjadi sebuah institusi penyelidikan yang strategik untuk mengkaji dan merancang pembangunan belia di Malaysia. Juga perlu memanfaatkan hasil penyelidikan dan menyebarkan hasil daripada dapatan kajian untuk berkomunikasi dengan pemegang taruh yang lain serta masyarakat secara umumnya.

Saya ingin meminta perincian daripada kementerian apakah dapatan penyelidikan yang signifikan telah dihasilkan oleh institusi ini sepanjang tahun 2018 dan 2019. Berapa banyak geran penyelidikan yang telah dikeluarkan daripada mana-mana pihak pada tahun 2018 dan 2019, apakah rangkuman sasaran yang akan diunjurkan daripada skor indeks belia Malaysia pada tahun 2019 dan 2020. Selain daripada indeks belia Malaysia, adakah terdapat indeks-indeks yang mengukur pembangunan belia yang lain. Selain itu saya juga ingin bertanya mengenai aplikasi pemetaan belia Malaysia dan juga sistem e-belia. Adakah pihak kementerian telah membangunkan satu data raya yang menghimpun dan seterusnya memberi akses kepada umum mengenai profil belia termasuk statistik kecenderungan dan kemahiran belia. Adakah data-data sedia ada dimanfaatkan sepenuhnya untuk merancang dasar dan hala tuju pembangunan belia di Malaysia.

Kemudian, Butiran 020100 Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, lebih daripada RM30 juta telah dikurangkan daripada butiran ini. Secara jelasnya sebanyak RM15 juta dikurangkan bagi kod perkhidmatan dan bekalan dan RM16 juta dikurangkan bagi kod pemberian dan kenaikan bayaran tetap.

#### ■1200

Mengapa pengurangan dilakukan walhal fungsi bagi butiran ini sangat penting. Tiga fungsi penting bagi butiran ini merangkumi perkara asas dalam pembangunan belia iaitu kepimpinan, keusahawanan dan juga kesukanan. Saya mencadangkan agar pihak kementerian meningkatkan pemfokusan kepada pemerkasaan aspek kesukarelawanan dalam kalangan belia.

Dalam petunjuk prestasi, saya agak terkejut apabila melihat sasaran prestasi utama bagi peratusan usahawan belia yang dilahirkan sangat rendah iaitu enam peratus pada tahun 2018 dan tujuh peratus pada tahun 2019 dan lapan peratus pada tahun 2020. Negara sedang menuju ke atas transformasi ekonomi digital dan negara keusahawanan tetapi sasaran untuk melahirkan usahawan dalam kalangan belia sangat rendah. Mengapa perkara ini berlaku dan adakah Kementerian juga sedar bahawa ekonomi *gig* banyak membantu peluang pekerjaan kepada golongan belia tetapi ia tidak menyelesaikan isu *under employment*?

Saya juga ingin mendapatkan penjelasan mengenai Parlimen Belia. Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada semua Ahli Parlimen Belia Malaysia kerana telah mengambil bahagian penting dalam mencorakkan masa depan negara.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat, minta rumuskan. Ada 30 saat lagi.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** Persidangan terakhir yang dijalankan adalah pada bulan September lalu difahamkan terdapat empat usul telah dibahaskan iaitu mengenai kesihatan mental, TVET, sosioekonomi anak muda dan pengurusan sisa pepejal. Apakah hasil daripada usul yang dibahaskan ini dan sejauh manakah usul perbahasan yang telah dibahaskan sebelum ini telah dilaksanakan oleh Kerajaan Persekutuan. Tuan Pengerusi, sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Masjid Tanah diikuti oleh Yang Berhormat Paya Besar kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Tasik Gelugor, kemudian Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Sekijang. Silakan Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tuan Pengerusi, bahagian GPS tak adapun Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Itu dalam bahagian yang kesebelas nanti, ada turutan di bawah. Saya baru terima makluman.

**12.02 tgh.**

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih atas ruang yang diberikan untuk Masjid Tanah mengambil bahagian dalam perbahasan pada hari ini. Saya ingin menyentuh Butiran B030800 – Program Pembangunan Belia dan Sukan yang saya lihat pada tahun 2019 ada kosong tetapi pada tahun 2020, ia menaik RM41.9 juta. Jadi, syabas dan tahniah saya ucapkan kepada Kementerian. Ini adalah satu berita baik khusus sekali untuk orang kampung macam saya yang mana kita mengharapkan program-program belia dan sukan ini dapat diperkasakan oleh belia kita lagi terutama belia-belia di kampung untuk melalui program-program dan juga sukan-sukan yang boleh kita salurkan kepada mereka dan ianya melibatkan program di akar umbi sebab hari ini kita tengok, pada tahun ini apabila tidak ada jumlah peruntukan yang disalurkan kepada akar umbi,

mereka ini agak lesu dan mereka tidak ada program malah ini telah pun menjarakkan belia dan juga pimpinan masyarakat yang sedia ada.

Ini adalah satu perkara yang tidak sihat tetapi apabila melihat pertambahan RM41.9 juta itu, saya amat gembira dan saya harap ianya dapat digerakkan lagi program-program belia di akar umbi malah kita juga dapat membantu persatuan-persatuan belia dan tidaklah persatuan-persatuan belia ini hanya mengharapkan bantuan daripada Ahli Parlimen ataupun ADUN ataupun daripada pihak-pihak yang lain kerana mereka benar-benar berharap dengan peruntukan ini, mereka dapat sekurang-kurangnya melaksanakan aktiviti di akar umbi.

Saya juga benar-benar berharap agar pihak Kementerian Belia dan Sukan juga dapat melihat supaya ada juga pembangunan belia untuk usahawan bagi program-program ini. Jadi kita tengok hari ini, belia banyak yang ada berniaga macam-macam seperti *online* dan sebagainya tetapi tidak ada daripada segi program usahawan itu saya tidak nampak. Jadi saya harap sekiranya dapat diberikan dalam bentuk mungkin ada geran ataupun apa juga bentuk bantuan terutama sekali dalam bentuk usahawan kepada anak-anak muda ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh kepada Maksud Pembangunan, Butiran 00601 – Naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan. Saya lihat di sini ada RM43.7 juta. Saya mohon jasa Yang Berhormat Menteri untuk tengok juga permohonan daripada Masjid Tanah untuk fasa kedua Kompleks Belia dan Sukan Masjid Tanah yang mana kita tengok hari ini, semalam saya baru buat program bersama dengan masyarakat dalam Parlimen Masjid Tanah, semua orang *dok* pegang kertas, *dok* kipas sebab tidak ada *aircond* dan sebagainya. Saya mengharapkan juga ada lagi pertambahan bantuan untuk kita memperbesarkan lagi kawasan-kawasan dan juga menambahkan lagi fasiliti sukan di dalam Kompleks Sukan Masjid Tanah itu.

Hari ini kalau kita tengok saya punya kompleks sukan itu dah boleh menjana, maksudnya boleh berdiri sendiri sebab setiap minggu ada sahaja program, ada sahaja acara dijalankan di kompleks sukan itu untuk keperluan masyarakat setempat. Jadi dengan adanya pertambahan fasiliti, saya yakin dan percaya ianya dapat membawa impak yang baik kepada masyarakat Parlimen Masjid Tanah dan saya juga ingin memberi perhatian betapa pentingnya fungsi pejabat belia dan sukan daerah. Jadi dengan adanya pertambahan belia untuk pejabat daerah, ini dapat menggerakkan sama program kemasyarakatan sebab saya rasa bertuah kerana di Pejabat Belia dan Sukan Daerah Alor Gajah, mereka mempunyai staf dan juga sokongan yang cukup baik dan saya tidak pernah berhadapan masalah dengan mereka malah mereka membantu menggerakkan saya di akar umbi apabila sahaja diminta untuk memberi bantuan untuk menggerakkan belia-belia dan juga program-program kesukanan. Saya mendapat sokongan dan juga bantuan 150 peratus! Jadi saya harap pihak Kementerian Belia dan Sukan juga dapat melihat mereka ini bukan hanya di Alor Gajah tetapi juga di daerah-daerah lain dalam negeri Melaka.

Seterusnya saya ingin menyentuh untuk Butiran 02400 – Gelanggang Sukan yang saya lihat ada pertambahan daripada RM92 juta naik kepada RM175.6 juta dan ini saya juga cukup

gembira kerana apabila kita pergi ke kampung-kampung, kita berjumpa dengan MPKK dan juga masyarakat kampung, antara perkara yang menjadi keluhan kepada mereka adalah tempat untuk anak muda mereka bermain sukan. Kadang-kadang dia tunjuklah tempat nak main takraw. Tempatnya ada tetapi simen dah rongak dan keperluan-keperluannya tidak sempurna. Begitu juga dengan gelanggang futsal tidak ada. Jadi saya benar-benar berharap agar dapat diberikan juga perhatian untuk keperluan dalam masyarakat Parlimen Masjid Tanah kerana sebagaimana Yang Berhormat tahu, negeri Melaka adalah negeri belia. Perkara itu cukup sinonim dan Masjid Tanah juga saya boleh andaikan adalah Parlimen Belia sebab saya datang juga diangkat daripada belia. Jadi saya harap ianya dapat diberikan perhatian.

Seterusnya saya ingin melihat kepada Butiran 0200 - ...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, penjelasan. Kenapa negeri Melaka negeri belia? Yang saya tahu negeri beliau, bukan belia. Beliau.

[Ketawa]

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ketua penembak babi negara.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** [Ketawa] Ya, Yang Berhormat Arau seperti biasa suka mengusik. Belia dan beliau berada di mana-mana, terima kasih. Butiran 0200 – Kompleks Rakan Muda Daerah Sukan, Air dan Udara iaitu naik RM6.8 juta daripada RM700,000 pada tahun 2019. *This is very good*, tahniah juga kerana saya suka sukan udara dan saya bertemu dengan persatuan-persatuan sukan udara ini, mereka melahirkan hasrat, maksudnya fasiliti dan saya juga mengharapkan supaya Yang Berhormat juga dapat melihat sukan luncur udara ini, *paragliding* dan sebagainya kerana kadang-kadang mereka nak bertanding di luar negara, nak membawa nama Malaysia tetapi kadang-kadang mereka tidak diberikan perhatian atau tidak diberikan sebarang bentuk sumbangan. Jadi dengan adanya perhatian Kementerian Belia dan Sukan bagi perkara ini, saya amat gembira dan saya juga ingin tahu apakah perancangan dan apakah fokus Kementerian Belia dan Sukan terutama sekali dalam sukan udara ini.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri kepada Pesuruhjaya Sukan. Saya minta maaf sebab tadi saya tak sempat nak tengok butiran ini dan saya berhadapan dengan masalah. Benda ini pun saya pernah sentuh sebelum ini yang mana apabila kita hendak berhubung dengan Pejabat Pesuruhjaya Sukan ini mengambil masa yang cukup lama dan saya berhadapan dengan masalah apabila kita nak *register* persatuan-persatuan sukan ini, *it's take about more than one year*, hampir lebih daripada satu tahun untuk didaftarkan. Ini merencatkan, membantutkan pertumbuhan kelab-kelab sukan terutama sekali dalam Parlimen Masjid Tanah dan juga untuk *dodgeball* Malaysia kerana kami nak bergerak, kami nak membuat pelbagai program dan hari ini *dodgeball* Malaysia, kita baru buat Majlis Sukan-sukan Sekolah Wilayah Persekutuan, baru sahaja minggu lepas. Alhamdulillah *turn out* sangat baik dan kita dah selesai di Negeri Sembilan, kita dah selesai di Selangor tetapi kita nak pergi ke negeri-negeri lain.



## ■1210

Akan tetapi kalau tidak ada kelab sukan, persatuan sukan ini diluluskan macam mana kita hendak bekerjasama dengan mereka, itu satu. Saya, dekat Parlimen Masjid Tanah beberapa kelab sukan juga berhadapan dengan perkara yang sama termasuklah pembangunan sukan bola sepak yang saya sendiri *initiate* kan bersama dengan anak muda belia iaitu *Masjid Tanah Junior* yang setiap hari Sabtu kami berlatih di Kompleks Sukan Rakan Muda, Masjid Tanah yang mana lebih daripada 130 orang anak-anak kecil yang bawah 12 tahun yang kita *initiate* kan tetapi persatuan ini pun tidak lepas, Yang Berhormat.

Jadi saya harap perhatian dapat diberikan untuk pesuruhjaya sukan ini...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Bawah 12, tidak cukup umur.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Tidak apalah, kita tidak pandang politik sahaja macam Yang Berhormat Jelebu tetapi kita memandang kepada pembangunan, pembangunan sukan untuk rakyat Malaysia... *[Tepuk]*

Yang Berhormat Jelebu itulah masalah bila Yang Berhormat Jelebu asyik fikir politik, politik, politik, itu yang mental, Yang Berhormat... *[Dewan ketawa]*

Kita hidup ini kita hendak bangun negara kita..

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Hai, balas dendam nampak.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** ...Bangun negara kita dengan bermula daripada anak muda kecil. Jangan dipertikai- jangan dipertikai, dan jangan dipandang lekah anak muda yang baru di bangku sekolah...

**Tuan Ramli bin Mohd Nor [Cameron Highland]:** Sabar, sabar, sabar.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** ...Yang kecil-kecil itu ya, Yang Berhormat. Yang Berhormat ada anak kecil tidak?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Hai, marah nampak?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kenapa marah, kenapa marah?

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Jadi saya harap...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jangan sensitif sangat.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Jadi saya harap *Masjid Tanah Junior*- kita bukan sahaja- sebab saya dekat Masjid Tanah ini saya menasaskan untuk pembangunan sukan di mana kita ada enam teras iaitu bola sepak, kita hendak pergi ke bola jaring...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Selepas ini jumpa, Yang Berhormat Masjid Tanah.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Kita hendak pergi *dodgeball*, kita ada kenu, kita ada bola tampar dan banyak lagi perkara-perkara yang saya amat teruja dalam membangunkan bersama, bukan hanya sukan tetapi belia ke arah yang lebih baik supaya masa depan di negara kita ini dapat diperkasakan...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Masjid Tanah jangan jadi beliau.

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat..

**Datuk Wira Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Sekian, itu sahaja saya menyokong apa yang Kementerian Belia dan Sukan lakukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih, Yang Berhormat Masjid Tanah.

Sekarang saya jemput Yang Berhormat Paya Besar, kemudian Yang Berhormat Tasek Gelugor diikuti oleh Yang Berhormat Pasir Mas, Yang Berhormat Sekijang, Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Tampin. Sila, Yang Berhormat Paya Besar.

### 12.12 tgh.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Terima kasih, Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Timbalan Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Belia dan Sukan. Saya ucapkan terima kasih kerana dapat turut serta dalam membahaskan peringkat Jawatankuasa.

Yang Berhormat Menteri, saya hendak merujuk ucapan Yang Berhormat Menteri pada tarikh 2 Ogos 2018 semasa penggulungan ucapan Titah Diraja, Ke Bawah Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong. Yang Berhormat Menteri telah menggariskan satu pelan- tujuh pelan pemerksaan anak muda, satu sehingga tujuh. Saya sudah meneliti dan saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberi *update* yang terkini apakah tujuh pelan pemerksaan anak muda ini telah berjaya, selepas hampir dua tahun Yang Berhormat Menteri menerajui sebuah kementerian yang bagi saya amat penting sekali, Yang Berhormat Menteri.

Kita 67 peratus daripada populasi rakyat Malaysia berjumlah lebih kurang 21.46 juta merupakan anak muda, Yang Berhormat Menteri. Walaupun saya agak kecewa, Tuan Pengerusi dengan jumlah peruntukan yang diperuntukkan, hanya lebih RM1 bilion- ini tidak menggambarkan sebenarnya keperluan masa hadapan, Tuan Pengerusi. Oleh sebab kementerian ini- satunya adalah kementerian yang memberi jaminan kepada masa depan negara. Negara akan berasaskan kepada anak muda...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Boleh minta penjelasan?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya belum masuk butiran lagi.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Saya sudah boleh mahu mukadimah tangkap sudah. Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya memang terkilan dengan kerajaan yang ada pada hari ini sebab mereka tidak menitikberatkan, tidak melihat negara secara jauh dengan memberi peruntukan yang sedikit begini, dengan mengharapkan kebangkitan belia untuk menjurus, menembusi dimensi baru ke arah alaf yang kita tidak kenal pasti, saya rasa Yang Berhormat Paya Besar perlu mencadangkan kepada kerajaan agak memberi peruntukan yang lebih banyak kepada Kementerian Belia dan Sukan ini untuk dapat memupuk bangsa negara kita

menuju dimensi yang lebih baik pada masa yang akan datang, yang kita tidak tahu apa yang akan berlaku nanti. Terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya yakin, Yang Berhormat Kinabatangan sebagai Ahli Parlimen yang dahulunya muda, dan sekarang ini masih muda, harus mendukung impian anak-anak muda untuk melihat beberapa butiran yang ingin saya sebutkan kerana apa dalam tujuh pelan pemerkasaan anak muda Yang Berhormat Menteri, definisi umur belia- Yang Berhormat Menteri mencadangkan untuk merombak dan membersihkan persatuan belia yang dikatakan macai politik.

Ia berkait rapat dengan butiran yang saya ingin sebut iaitu butiran yang melibatkan peruntukan yang telah diumumkan oleh Yang Berhormat Bagan yang melibatkan YPC. Saya tidak nampak perkataan "YPC" pun dalam butiran Yang Berhormat Menteri. Adakah ini sebenarnya hanya gula-gula atau bagaimana Yang Berhormat Menteri harus sebutkan.

Saya juga ingin melihat bagaimana indeks belia Yang Berhormat Menteri, yang Yang Berhormat Menteri selalu cadangkan untuk melihat bagaimana anak muda membuat *policy makers*, dan bagaimana juga penurunan had umur mengundi ini daripada 21 tahun ke 18 tahun. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju supaya pendaftaran automatik ini di sama kuatkuasakan dengan umur 18 tahun.

Terakhir bagaimana *debating nations* ini Yang Berhormat Menteri? Ini kerana apa, pihak pembangkang hari ini tidak dibenarkan masuk sekolah, tidak dibenarkan masuk universiti. Yang Berhormat Marang hendak masuk ke UPM pada 19 November, akhirnya pada 18 November surat diberikan untuk dibatalkan. Adakah ini semua tujuh pelan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri setahun yang lepas hanya merupakan omongan-omongan kosong.

Saya hendak merujuk Yang Berhormat Menteri kepada IKBN di bawah Butiran 00100 dan Butiran 030900 – Elaun. Adakah Yang Berhormat Menteri berpuas hati dengan keadaan anak-anak muda di IKBN. Oleh kerana apa, IKBN ini merupakan satu sektor yang dilihat pilihan kedua bukan pilihan pertama. Adakah mereka mencukupi daripada segi kewangan mereka? Adakah mereka- makan dan minum mereka di sana mencukupi, dan saya yakin kalau IKBN ini menjadi pilihan utama saya minta Yang Berhormat Menteri untuk memperjelaskan bagaimana usaha kementerian untuk menjadikan IKBN ini sebagai satu pilihan pertama anak-anak muda terutamanya anak-anak muda luar bandar.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sila, Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Paya Besar, boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sebelum kita meneruskan perbahasan, saya ingin hendak mengumumkan *visitor*, tetamu kita.

Sukacita dimaklumkan bahawa bersama-sama kita di Dewan yang mulia ini delegasi dari *The Future of Asia Collaborative Economy and African (EEMS)*... [Tepuk] Di sebelah kiri saya. Kepada semua delegasi, Dewan ini mengalu-alukan kehadiran mereka ke Dewan yang mulia ini.

Semoga dengan kehadiran semua delegasi ini akan mengukuhkan lagi tali persahabatan dan perhubungan Malaysia dengan semua negara peserta.

*Honorable Members, it is with great pleasure, I would like to inform together with us in these August House is the delegation from The Future of Asia Collaborative Economy and African (EEMS). To the delegation, we welcome your visit to The House with hope that the visit by the delegation will further strengthen the relationship between all countries. Thank you, terima kasih... [Tepuk]*

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Mungkin juga kita boleh tanya, berapa peruntukan belia di negara dia orang.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, boleh Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila, Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kena tambah waktu Yang Berhormat Paya Besar sebab pengumuman Tuan Pengerusi panjang.

Yang Berhormat Paya Besar, saya hendak tanya pandangan Yang Berhormat Paya Besar bila masuk sahaja ke bahagian bekalan makanan di IKBN. Pagi tadi daripada malam tadi Yang Berhormat Paya Besar sampai pagi ini sudah *viral* seluruh negara, tentang pemberian kontrak oleh KBS kepada beberapa syarikat yang tidak masuk akal.

Maknanya yang tidak masuk akal yang saya hendak sebut ialah pemberian syarikat kepada syarikat Afasia Malaysia Sdn. Berhad kepada negeri Melaka, kepada IKBN Melaka, IKBN Selangor, IKBN Perlis sekali serentak yang nilainya hampir RM7 juta.

Kemudian, pemberian kontrak kepada syarikat Warisan Kurnia Sdn. Berhad dengan serentak kepada dua tempat- Negeri Sembilan RM3.2 juta, dan Pulau Pinang RM2.2 juta dalam topik yang sama.

Kemudian kepada satu syarikat BNR Setia Enterprise dua kontrak serentak Bachok, Kelantan dan juga Pahang dengan nilai kontrak hampir RM12 juta.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Paya Besar, adakah ini praktis kerajaan baru? Kalau kita tengok, sekarang ini saya ingat *viral* ini tidak betul tetapi bila saya masuk Dewan Rakyat pagi ini, saya diletak di atas meja saya dengan beberapa bukti kontrak yang sudah diagihkan kepada syarikat yang saya sebut.

Adakah ini merupakan praktis kepada kerajaan baru, dan saya hendak tanya, apakah kriteria satu syarikat bagi kepada tiga? Kita ada hampir 6,000 syarikat bumiputera yang layak untuk membekal makanan bermasak kepada semua Institut Kemahiran Belia Negara yang ada 27 seluruh negara. Yang Berhormat Paya Besar, saya hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tender terbuka kah runding terus?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ini saya hendak tanya ini.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Tender terbuka.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Soalan saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Paya Besar, kalau tender terbuka biasanya praktis kita apa tahu- praktis kita, syarikat tempatan. Kalau sudah kita tengok ya- daripada negeri Melaka - selatan tanah air; Selangor – tengah; kemudian Perlis – hujung.

■1220

Mana mungkin satu syarikat boleh *serve* tiga IKBN dalam masa dan kontrak yang sama Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Paya Besar. Jadi apa yang saya hendak tanya Yang Berhormat Paya Besar adakah ini merupakan satu lagi salah guna kuasa oleh Kerajaan Pakatan Harapan ataupun adakah pemilik-pemilik tiga buah syarikat ini merupakan kroni kepada Yang Berhormat Menteri ataupun kroni salah seorang daripada petugas-petugas ataupun pegawai-pegawai tinggi kerajaan di dalam KBS. Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Paya Besar, sila.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Yang Berhormat Paya Besar, minta laluan sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ada satu minit, 42 saat sahaja lagi.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Tuan Pengerusi, terima kasih. Saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Paya Besar satu lagi perkara. Bagi kemajuan tentang sukan ini, adakah boleh berlaku perkara-perkara yang mungkin dipolitikkan. Kita tidak mahu dalam kementerian belia ini termasuk dimainkan politik seperti lantikan-lantikan ketua ARMADA menjadi pegawai KBS di setiap negeri. Kita ada bukti lantikan-lantikan di setiap negeri daripada ketua-ketua ARMADA. Jadi ini mungkin salah satu menyebabkan sukan kita itu sendiri akan menjadi mundur sekiranya ia datang daripada politik-politik ini. Salah satu dalam manifesto berjanji tidak akan melantik orang-orang politik di dalam kementerian-kementerian. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Paya Besar. 49 saat lagi.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, tambah sedikit sebab Tuan Pengerusi mengalu-alukan tadi menggunakan *floor* saya, masa tidak disekat pun. Tuan Pengerusi, apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Lipis setelah saya bertanya dalam Dewan yang mulia ini dan Yang Berhormat Machang sudah bangkitkan, kita minta Yang Berhormat Menteri jawab.

Saya hendak fahamkan Yang Berhormat Jelebu membangkitkan tadi berkaitan pemberian kontrak walaupun Yang Berhormat Menteri sudah tidak sabar hendak menjawab, menjawab juga akhirnya secara tender terbuka. Saya hendak tanya, pelan pemerkasaan yang keenam RM1 bilion diperuntukkan untuk usahawan muda. Adakah mereka ini semua dikategorikan sebagai usahawan muda dan adakah syarikat-syarikat ini yang diberikan ini mengambil kira sebagai usahawan muda tetapi sekiranya Tuan Pengerusi, tender ini diberikan

kepada mereka yang ada berkepentingan dengan politik, saya anggap ia sama seperti mana yang berlaku tempoh hari.

Apa yang saya ingin sebutkan Tuan Pengerusi adalah, kita harus memikirkan tentang masa depan negara dan kita harus memikirkan apa yang disebutkan Yang Berhormat Jelebu ini harus diperjelaskan Dewan yang mulia ini. Saya berharap sangat Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri, ini hanya dakwaan bersifat politik bukan dakwaan yang ada asas kerana apa rakyat sedang menilai kita...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Paya Besar, saya hendak beritahu Yang Berhormat Paya Besar ini bukan dakwaan politik, saya ada bukti. Saya ada bukti. Ada pegawai daripada kementerian KBS letak bukti di atas meja saya pada pagi tadi Yang Berhormat Paya Besar. Ini bukan dakwaan politik seperti yang dilakukan oleh Pakatan Harapan.

**Datuk Wira Hajah Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]:** Habis sudah masa Yang Berhormat Paya Besar.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya tidak guna isu dalam *med-sos*, dalam media sosial. Saya guna fakta. Saya fikir kita punya rakan-rakan Pakatan Harapan di sebelah sana bersetuju dengan saya, *this is not normal practice done by KBS*.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya minta maaf, tidak setuju Yang Berhormat Jelebu. Tidak setuju.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Paya Besar, masa...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya berharap sangat ucapan Yang Berhormat Jelebu itu dimasukkan dalam ucapan saya dan saya minta Yang Berhormat Menteri untuk menjawab. Saya ada dua perkara Tuan Pengerusi yang saya kira yang harus diperjelaskan juga oleh Yang Berhormat Menteri berkaitan YPC tadi. Walaupun *Malaysia Future Leaders School* (MFLS) ada tetapi dekat mana YPC dan bagaimana duit diberikan kepada YPC dan adakah YPC ini sama juga seperti mana yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri tahun lepas, *machai* politik kepada Pakatan Harapan. Harus diperjelaskan dalam Dewan yang mulia ini. Saya harap perkara ini tidak akan berlaku.

Saya juga ingin sebutkan Tuan Pengerusi berkaitan isu e-Sports. Tahun lepas RM10 juta, berapa banyak telah dipakai, diguna dan tahun ini RM20 juta dan diletakkan di bawah butiran mana? RM10 juta pada tahun lepas telah digunakan dan bagaimana untuk sukan-sukan atau NGO-NGO yang bersifat e-Sports. Saya berharap sangat Tuan Pengerusi, apa yang kita buat harus memberi tumpuan kepada mereka yang berada dalam negara dan juga anak-anak yang berada di kawasan luar bandar kerana apa inilah masa depan negara dan saya yakin sangat semasa peringkat Jawatankuasa nanti, Yang Berhormat Menteri dapat menjawab persoalan-soalan yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tasik Gelugor.

**12.25 tgh.**

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *Walaikumsalam.*

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri saya ada beberapa perkara yang ingin dibincangkan iaitu yang pertama sekali dalam Butiran 020100 – Belia dan Sukan dan juga Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan.

Kalau kita melihat di dalam butiran ini, pihak kementerian ada memberikan peruntukan bagi tahun 2020 tetapi peruntukan ini didapati berkurangan berbanding dengan 2019. Sebagai contoh di dalam Butiran 020100, pada tahun hadapan 2020 peruntukan diberikan RM101,577,600 sedangkan sebelumnya ialah RM134 juta lebih. Jadi pengurangan ini telah menunjukkan bahawa bagi pembangunan belia dan sukan ini ada pengurangan dari segi peruntukan.

Bagi program belia dan sukan juga, peruntukan yang diberikan adalah sebanyak RM41 juta. Isu yang saya ingin bangkitkan di sini ialah kita lihat negara kita memberikan penumpuan untuk pembangunan belia kerana mereka adalah merupakan pewaris kepada negara. Mereka perlu dilengkapi dengan segala kemahiran, kepimpinan, daya boleh dan sebagainya. Jadi dalam hal ini, saya hendak menjuruskan lagi kepada isu pengurusan dan pentadbiran belia dan sukan di peringkat daerah-daerah.

Saya mendapat maklumat juga bahawa pegawai-pegawai atau kakitangan pejabat belia dan sukan di peringkat daerah adalah terlalu kurang. Ada yang dua, tiga orang sahaja pegawai yang berkenaan sedangkan mereka dibebani dengan tugas yang begitu banyak untuk pembangunan belia dan sukan. Justeru, saya ingin memohon kepada Yang Berhormat Menteri supaya dapat menilai semula dari segi penambahan kakitangan pegawai-pegawai di pejabat-pejabat sukan di peringkat daerah-daerah di dalam Malaysia khususnya di kawasan saya di Parlimen Tasek Gelugor atau Seberang Perai Utara, kita minta penambahan pegawai-pegawai ini supaya *delivery* bagi Kementerian Belia dan Sukan ini lebih berkesan. Itu dari segi penambahan kakitangan.

Kedua juga adalah berkaitan dengan peruntukan. Saya juga sering dimaklumkan oleh pejabat belia bahawa mereka sering tidak mempunyai peruntukan yang cukup untuk menjalankan aktiviti-aktiviti yang merupakan dasar yang telah pun diperkenalkan di peringkat negara bagi tujuan pengurusan belia sukan. Jadi, sudah sampai masanya di mana kita perlu memberikan penumpuan dan peningkatan kepada peruntukan untuk tujuan pembangunan belia-belia di dalam negara kita.

Seterusnya Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri sama ada peruntukan telah pun disediakan untuk pembangunan kompleks sukan komuniti di kawasan Parlimen Tasek Gelugor.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, tanah ataupun tapak yang berkenaan telah pun disediakan dan pejabat tanah dan daerah juga telah pun menyatakan kesediaan untuk pelaksanaan projek bagi kompleks sukan komuniti tersebut. Jadi halangan dari segi tapak tidak ada lagi cumanya ialah keputusan daripada pihak Kementerian Belia dan Sukan untuk melaksanakan. Saya mohon perkara ini dapat disegerakan untuk Parlimen Tasek Gelugor kerana ia adalah merupakan satu keperluan yang amat sangat bagi penduduk-penduduk di kawasan tersebut untuk mempunyai sebuah kompleks sukan.

Seterusnya Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Kita semua sedia maklum tadi Yang Berhormat Masjid Tanah juga ada menyebutkan tentang gelanggang-gelanggang sukan terutamanya gelanggang futsal. Dahulu gelanggang futsal banyak dibina apabila fenomena permainan sukan futsal ini berkembang dengan begitu pesat maka kita membina banyak gelanggang sukan futsal ini di kampung-kampung, di kawasan-kawasan pinggir bandar dan sebagainya. Cuma sekarang ini penyelenggaraannya menjadi masalah.

Apabila permohonan penyelenggaraan dibuat kepada pejabat belia dan sukan untuk membaik pulih ataupun untuk menambahkan infrastrukturnya, jawapannya ialah tidak ada peruntukan dan sebagainya.

#### ■1230

Maka gelanggang-gelanggang sukan futsal ini telah terbiar dan rosak begitu sahaja dan anak-anak muda kita tidak dapat menggunakan kemudahan tersebut. Jadi, diharapkan agar Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perhatian kepada membaik pulih dan menaik taraf gelanggang-gelanggang yang terdapat di kampung dan sebagainya. Ini kerana dari segi tapak ada individu yang bermurah hati memberikan ruang tapak dan sebagainya, tetapi sekarang ini kita cuma perlukan kos untuk membaik pulih dan menaik taraf.

Kemudian dalam Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri dalam tajuk ini atau dalam butiran ini dapat memberikan satu perhatian dan penumpuan tentang pengaruh rakan sebaya, *peer group*. Sekarang ini kita tengok program pembangunan pengaruh rakan sebaya ini sudah tidak ada lagi. Sedangkan dalam masyarakat, pengaruh rakan sebaya memainkan peranan untuk menentukan hala tuju pembangunan belia dan sikap serta sahsiah diri mereka.

Contoh yang paling jelas ialah apabila kita melihat isu basikal lajak. Basikal lajak ini dia tidak boleh main seorang-seorang. Jikalau naik seorang-seorang, tidak jadi. Dia mesti naik berkumpulan dan daripada seorang yang tahu, tiba-tiba lima lagi tahu, sepuluh orang lagi tahu, lima belas orang lagi sudah memiliki basikal lajak. Bagaimana perkara dan proses itu boleh berlaku? Ia berlaku melalui pengaruh rakan sebaya, pengaruh rakan pembimbing dan sebagainya.

Jadi, macam mana proses untuk kita menjadikan pengaruh rakan sebaya ini sebagai satu instrumen yang penting bagi membina kekuatan generasi belia muda remaja ini. Bukan hanya dalam hal-hal yang berkaitan dengan pembangunan sahsiah, tetapi ia juga mempengaruhi



dari segi pembangunan, ke boleh daya usahawan mereka. Juga boleh dimulakan, diasuh melalui rakan sebaya.

Mungkin kita boleh mewujudkan – macam kita buat kita buat projek hiburan dalam Astro itu. Apa vaganza? 'Gegarvaganza'. Dia ada seorang mentor dia, dia ada *protege* dia, dia ada ini semua. Mengapa perkara itu nampak berpengaruh sekali kaedah tersebut dan kenapa kaedah itu tidak boleh kita gunakan untuk membangunkan generasi belia melalui program rakan sebaya di bawah perkara ataupun Butiran 04007 tersebut. Apabila kajian pembangunan belia, janganlah ditinggalkan peranan atau fungsi *peer group* bagi membangunkan generasi belia tersebut.

Jadi, setakat itu Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Pandangan dan juga permohonan saya *insya-Allah* dan saya harap dapat pertimbangan. Terima kasih, saya menyokong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tasek Gelugor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Pasir Mas.

**12.34 tgh.**

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** *Bismillahir Rahmanir Rahim, Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi di atas peluang yang diberikan kepada saya. Pertama saya rakamkan tahniah di atas kenaikan peruntukan Mengurus daripada RM663 juta kepada RM670.9 juta dan perbelanjaan Pembangunan daripada RM377 juta kepada RM484 juta. Menjadikan keseluruhan perbelanjaan tahun 2020 ialah RM1.155 bilion.

Pertama saya soalkan di bawah Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara (MSN). Di mana peruntukan pada tahun 2019 ialah sebanyak RM88 juta tetapi pada tahun 2020 ialah sebanyak RM14 juta. Kenapa berlaku penurunan peruntukan yang begitu ketara, adakah dipindahkan kepada butiran yang lain ataupun terdapat pengurangan program yang begitu ketara.

Berikutnya di bawah Butiran 030400 – Penyelenggaraan Pejabat dan Kompleks Belia dan Sukan. Pada tahun 2019 sebanyak RM1.5 juta dan naik pada tahun 2020 ialah sebanyak RM4 juta. Saya ingin memohon penjelasan terhadap kenaikan peruntukan ini dan saya mohon supaya ada agihan yang diberikan kepada pejabat-pejabat Kementerian Belia dan Sukan di peringkat daerah-daerah. Di mana saya ambil contoh di – biasanya di peringkat daerah – bagaimana kakitangan yang begitu tidak mencukupi di jajahan saya iaitu daerah saya Pasir Mas. Di Pasir Mas ini ia *cover* sebanyak dua buah kawasan Parlimen iaitu Pasir Mas dan Rantau Panjang. Kakitangan cuma ada seramai lima orang sahaja untuk hendak mengawal ataupun mengendalikan program belia dan sukan ini yang meliputi seluruh kawasan Parlimen yang saya kira sangat-sangat tidak mencukupi. Di mana dengan keadaan pejabat yang sangat daif.

Semasa kita turun untuk melakukan kunjung hormat, kita melihat bagaimana kekurangan peruntukan ini menjadi satu sebab yang begitu ketara, pejabat yang begitu daif dan sebagainya. Saya mohon supaya pejabat-pejabat KBS di daerah-daerah ini dapat dinaik taraf di bawah

peruntukan yang telah disebut ini. Paling tidak sekurang-kurangnya untuk satu kawasan Parlimen diwujudkan satu pejabat KBS atau ditambahkan kakitangan supaya dapat mengendalikan program yang begitu banyak.

Butiran 030600 – *International Youth Centre*. Diperuntukan pada tahun ini sebanyak RM1 juta. Saya mahu minta penjelasan, apakah fungsi pusat ini yang saya lihat ia baru diwujudkan pada tahun 2020.

Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan. Tiba-tiba tahun ini mendapat RM41 juta, apakah *significant* peruntukan ini, mohon supaya Menteri dapat nyatakan secara terperinci. Apakah yang dirancang oleh kementerian dalam program ini. Saya ingin menyentuh di bawah butiran ini infrastruktur di negeri Kelantan khususnya. Di mana kita tahu bahawa SUKMA dirancang ataupun diminta oleh negeri Kelantan untuk diadakan pada tahun 2024. Maknanya dalam lima tahun daripada sekarang. Apakah perancangan jangka panjang yang dibuat oleh kerajaan bagi memastikan Kelantan bersedia untuk menjadi tuan rumah kepada SUKMA.

Suka untuk saya nyatakan bahawa sejak SUKMA diwujudkan pada tahun 1986, semua negeri telah mendapat peluang untuk menjadi tuan rumah kecuali negeri Kelantan. Malahan ada negeri juga telah menjadi tuan rumah sebanyak dua kali iaitu Sarawak, Pahang dan Perak. Ini bermakna semua negeri telah pun mempunyai kemudahan sukan yang dibangunkan ketika menganjurkan SUKMA kecuali negeri Kelantan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, Kelantan juga mempunyai *venue* yang berpotensi untuk dijadikan tempat pertandingan walaupun tidak mempunyai kompleks sukan yang canggih. Namun terdapat gelanggang dan padang di institusi pengajian tinggi awam (IPTA) seperti UiTM cawangan Machang, UMK Bachok, Jeli serta USM di Kubang Kerian yang boleh dinaik taraf dan dibaiki untuk menjadi *venue* pertandingan.

Dalam masa yang sama juga, boleh buat satu perundingan secara muafakat dengan kerajaan negeri Terengganu sebagai contoh bagi penganjuran bersama. Ini kerana kedudukan negeri Terengganu yang hampir dengan Kelantan dan mempunyai fasiliti sukan yang cukup untuk menganjurkan SUKMA. Kita boleh buat satu penganjuran bersama dan sebagainya boleh difikirkan oleh pihak kementerian. Tiga ciri implikasi kewangan ini ialah pertama kos penganjuran. Saya ambil contoh negeri Perak yang menjadi tuan rumah SUKAM pada tahun 2018. Kos penganjuran ialah sebanyak RM50 juta dan sebanyak RM15 juta untuk projek selenggaraan luar jangka yang disalurkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Kos pembinaan dan naik taraf kemudahan sukan SUKMA di negeri Perak sebagai contoh, Kerajaan Persekutuan memperuntukkan sebanyak RM160.9 juta dan disalurkan kepada pejabat setiausaha kerajaan melibat tiga projek bina baru, 35 buah projek naik taraf dan sembilan buah projek selenggaraan kecil. Jadi, kalaulah dianggarkan untuk dibuat di negeri Kelantan, kita menganggarkan bahawa pembiayaan oleh kerajaan negeri sekitar RM47 juta dan Kerajaan Persekutuan sekitar RM210 juta. Jadi, saya harapkan supaya dapatlah sekiranya pihak kementerian untuk membuat perancangan jangka panjang menaik taraf kemudahan sukan ini.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Pasir Mas boleh?

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Sila Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Pasir Mas, sebut fasal SUKMA ini saya minta Yang Berhormat Pasir Mas juga kena berhati-hati kerana kalau peruntukan atau tanggungan perbelanjaan ditanggung oleh kerajaan negeri, teruk kerajaan negeri. Contoh, SUKMA tahu 2012 bagi SUKMA di Pahang, hutang yang belum diselesaikan ada lagi pembekal yang belum dapat lagi pembayaran sehingga RM200 juta Yang Berhormat Menteri. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat membantu kerajaan negeri Pahang bagi menyelesaikan tanggungan hutang SUKMA tahun 2012. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau. Sila Yang Berhormat Pasir Mas.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Yang Berhormat Pasir Mas, Pasir Mas, Kalabakan ingin bertanyalah.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** 10 saat sahaja.

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Ya. Saya dari Sabah jadi saya ingin bertanya. Jika SUKMA diadakan di Kelantan, atlet-atlet wanita yang bukan Muslim adakah harus memakai pakaian patuh syariah, itu sahaja.

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih kepada Yang Berhormat Kalabakan. Sebelum itu saya mengalu-alukan Juruteknik Komputer Kementerian Pendidikan Malaysia, PPD Batu Pahat, negeri Johor. Selamat datang ke Dewan Rakyat [*Dewan Tepuk*].

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya, selamat datang. Dari Parlimen saya.

■1240

**Tuan Ahmad Fadhli bin Shaari [Pasir Mas]:** Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Kuala Krau. Berkenaan dengan soalan daripada Kalabakan saya rasa kita boleh buat perbincangan tidak ada masalah. Kita tidak pernah memaksa atlet *non* Muslim yang wanita untuk memakai sebagaimana Muslim, tetapi dari sudut tontonan itu kita boleh buat perbincangan saya nampak tidak ada masalah kita boleh buat dari semasa ke semasa. Sekarang pun kalau lihat di Kelantan pun kod berpakaian bagi Muslim dengan *non* Muslim tidak pernah di *implement* ke atas *non* Muslim apa yang kita *implement* kepada Muslim.

Terima kasih baik. Berikutnya saya cadangkan supaya dapat dilihat aspek di pembangunan Stadium Kelantan, Stadium Sultan Muhammad Ke-4 yang meliputi pasangan kerusi penonton, pembaikan trek sintetik, penambahan tempat duduk berbumbung, menaik taraf bilik persalinan dan sebagainya. Dalam isu di Terengganu saya ingin juga memberi pandangan apabila pihak Yang Berhormat Menteri saya lihat ada satu sedikit konfrontasi dengan kerajaan Terengganu dalam isu pakaian tadi. Saya mohon supaya dapat diselesaikan dengan cara

rundingan yang baik berkenaan dengan pemakaian atlet wanita yang saya nampak bahawa kita tidak mahu isu ini menjadi isu polemik politik yang berpanjangan.

Berikutnya saya ingin menyentuh berkenaan dengan peruntukan yang begitu besar dalam pembangunan belia dan sukan ini. Sebenarnya Yang Berhormat Menteri menjadi buah mulut bagaimana pelantikan pegawai penyelaras sukan negeri di bawah seliaan KBS untuk semua negeri kecuali Sarawak. 13 orang ini dari sudut faktanya merupakan pemegang jawatan parti politik iaitu tujuh orang ketua armada negeri, dua orang Exco Armada dan empat orang ahli Armada. Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan yang tulus dan telus. Adakah sebenarnya pelantikan penyelaras ini adalah kerana jawatan politik mereka atau ianya hanya sekadar satu kebetulan yang nampak macam terlalu berkebetulan.

Jadi seolah-olah mereka ini semuanya dilantik di atas dasar jawatan mereka di dalam parti politik. Berikutnya sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat kawan saya daripada Jelebu tadi berkenaan dengan skandal yang telah pun yang kalau boleh kita namakan sebagai skandal bahkan pembekalan atau melalui kontrak kepada syarikat-syarikat yang sama di beberapa buah negeri. Tadi saya rasa tidak disebut namanya. Kalau boleh saya sebut namanya ialah syarikat pemberian kontrak kepada syarikat Afsya Sdn. Bhd. serentak untuk tiga kontrak pembekalan, tiga buah negeri.

Di Melaka - RM2.048 juta, Selangor - RM2.5 juta, di Perlis - RM2.088 juta yang melibatkan bekalan kepada projek di bawah KBS. Adakah ia satu kebetulan? Di Negeri Sembilan kepada syarikat Warisan Kurnia Sdn. Bhd. dua kontrak serentak RM3.2 juta, Pulau Pinang - RM2.15 juta, di Bachok, Kelantan dan Pahang syarikat BNR Setia Enterprise dua kontrak serentak RM66.3 juta dan RM3.78 juta. Saya kira kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat memberikan penjelasan adakah boleh satu syarikat mendapat tiga kontrak serentak, dua kontrak serentak di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Siapakah, adakah ia menjadi suatu dasar baharu atau bagaimanakah tender ini diluluskan, runding terus dan sebagainya. Kalau boleh Yang Berhormat Menteri dapat berikan penjelasan dan berikutnya yang terakhir di bawah Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan ini juga saya ingin cadangkan supaya diperluaskan kepada Program Usahawan Belia dan menarik semula belia-belie di bandar yang telah datang ke bandar untuk pulang ke kampung halaman dengan membangunkan tanah-tanah yang begitu banyak di luar bandar. Kita bangunkan semula usahawan tani belia yang saya kira kalaulah usahawan tani ini dididik dengan ilmu yang baik, dengan ilmu yang betul *insya-Allah* mereka boleh menjadi usahawan tani yang berjaya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pasir Mas. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Sekijang.

**12.44 tgh.**

**Puan Hajah Natrah Ismail [Sekijang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*. Saya ingin menyentuh terus kepada kepala bekalan B.45 Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan yang mengalami penurunan peruntukan sebanyak RM125.75 juta. Apakah perancangan kementerian dalam menyediakan kemudahan sukan yang bertaraf dunia di negara ini. Adakah kementerian berhasrat meningkat aktiviti sukan yang baharu untuk diberikan fokus kepada acara Sukan SEA, Sukan Komanwel, mahupun Sukan Olimpik Negara.

Apakah halangan dan impak daripada hasil penurunan peruntukan ini selagi mana ia tidak merencatkan mutu sukan negara di persada dunia. Beralih kepada bekalan P.45 Butiran 02000 – Kompleks Rakan Muda Daerah (KRMD). Peruntukan bagi tujuan butiran ini telah ditingkatkan kepada RM6.8 juta. Saya ingin tahu apakah bentuk sukan udara yang ingin diberi perhatian. Saya juga ingin menarik perhatian pihak kementerian, terhadap sukan terjun negara ataupun *sky dive* di daerah Segamat khususnya di Parlimen Sekijang. Saya melihat bahawa sukan terjunan udara tidak diberikan perhatian oleh pihak kementerian walhal sukan ini sangat mendapat sambutan daripada penerjun-penerjun di serata dunia.

Saya difahamkan di daerah Segamat adalah satu-satunya kawasan yang berpotensi tinggi untuk dijadikan hab sukan lasak ataupun sukan ekstrem seperti sukan terjunan udara. Ini disebabkan oleh kedudukan geografinya yang sangat strategik, kekangan yang dihadapi adalah penekanan dari pihak kementerian dan dari galakkan dan peruntukan kepada sukan ini. Saya berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan untuk diberikan perhatian dan penekanan kepada sukan terjunan udara ini sekali gus berupaya meningkatkan ekonomi setempat. Untuk makluman menteri, kita di Segamat sudah adapun *airstrip* yang umurnya lebih daripada 50 tahun dan CAAM telah memberikan kebenaran untuk digunakan kawasan ini untuk sukan terjunan udara.

Kedua, Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti. Saya ingin tahu perincian kepada butiran ini di mana peruntukan ini menokok kepada RM10.15 juta. Pada tahun hadapan, adakah pihak kementerian mahu mewujudkan Kompleks Sukan Komuniti di setiap kawasan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung ataupun MPKK.

Buat masa ini rata-rata kawasan MPKK memiliki kemudahan sukan dalam usaha untuk menanam penglibatan komuniti dalam bina sukan namun terdapat beberapa kemudahan ini perlu di baik pulih mahupun di naik taraf ekoran daripada keadaan kemudahan yang ada telah rosak. Dalam pada itu, masih terdapat juga kawasan komuniti yang tidak mendapat limpahan kemudahan sukan ini misalnya di Kampung Tarimau di dalam kawasan Parlimen Sekijang. Tanah yang sedia ada di kawasan ini boleh didirikan sebuah Kompleks Sukan Komuniti yang mampu dimanfaatkan oleh beberapa buah kampung berdekatan seperti Kampung Kuari, Kampung Tengah, Kampung Sulih, Kampung Semen dan beberapa kampung lagi. Saya berharap agar pihak kementerian dapat mempertimbangkan perkara ini.

Yang terakhir terus kepada Butiran 02400 – Gelanggang Sukan, ini berkenaan dengan gelanggang sukan. Saya ingin tahu perincian butiran ini sama ada untuk tujuan pembinaan gelanggang sukan yang baharu ataupun untuk membaiki pulih gelanggang sukan yang sedia ada. Saya juga ingin mengutarakan kepada permasalahan yang dihadapi oleh di daerah Segamat khususnya di Parlimen Sekijang. Satu pembinaan mini stadium telah dirancang di Jalan Genuang, Segamat dan projek pembinaan mini stadium ini telah bermula semasa kerajaan yang lepas.

Namun apa yang berlaku pembinaan mini stadium ini masih belum siap dan saya difahamkan kerja-kerja pembinaan ini telah banyak kali terhenti disebabkan oleh kekurangan peruntukan untuk kerja-kerja pembinaannya. Saya berharap agar pihak kementerian dapat campur tangan dalam isu kelewatan pembinaan mini stadium ini agar projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya oleh warga daerah Segamat. Juga kita ada satu lagi Kompleks Belia dan Sukan sudah lama siap, sudah setahun lebih tetapi tidak ada apa serah menyerah. Kita tidak tahu apa statusnya sekarang, saya takut nanti sudah tumbuh lalang, tumbuh macam-macam pokok di situ baru hendak diserahkan. Saya juga diberitahu bahawa Pejabat Belia dan Sukan di daerah Segamat telah menyerahkan kepada Majlis Belia Sukan Daerah juga.

Jadi saya ingin supaya perkara ini diselesaikan dengan segera. Sebuah bangunan betul di tepi jalan tetapi telah kosong selama setahun lebih.

■1250

Jadi saya harap saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan supaya ambil berat terhadap apa sahaja kegiatan belia dan sukan di dalam daerah Segamat sendiri. Sekian, Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sekijang sekarang saya jemput Yang Berhormat Pontian kemudian diikuti dengan Yang Berhormat Tampin dan kemudian diikuti oleh Yang Berhormat Sibuti. Sila.

12.50 tgh.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** *Assalamualaikum warahmatulallah wabarakatuh.* Salam sejahtera Tuan Pengerusi dan Yang Berhormat Menteri.

Perkara pertama yang saya ingin timbulkan di sini ialah mengenai Institut Pembangunan dan Kecemerlangan Kepimpinan (i-LEAD) bernilai RM34.37 juta ini adakah ia dengan kewujudan (i-LEAD) ini maka Institut Penyelidikan Pembangunan Belia (iYRES) ditutup oleh kerana saya lihat sudah tidak ada sebarang peruntukan untuk iYRES. Saya harap (i-LEAD) ini akan membincangkan dan mengambil inisiatif antaranya ialah untuk menyelesaikan tiga perkara:

- (i) mengenai perumahan belia;
- (ii) pengangguran belia; dan
- (iii) masalah sosial belia.

Khusus tentang perumahan belia ini, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri bagaimana tentang projek yang telah kita laksanakan ketika era Barisan Nasional dahulu iaitu Rumah Transit Belia yang mana kita memberikan golongan muda B40 supaya mereka menyewa di unit-unit studio ataupun unit dua bilik untuk sementara mereka mendapat membeli rumah. Adakah program yang baik Rumah Transit Belia ini akan diteruskan oleh kerajaan sekarang? Kementerian Belia dan Sukan bolehlah bersama dengan KPKT.

Perkara kedua ialah tentang Butiran 020600 – Kemahiran Belia. Saya ingin cadangkan agar antara kemahiran bukan hanya kemahiran teknikal ataupun kemahiran mekanikal, *electrical* akan tetapi yang paling penting di antara kemahiran-kemahiran itu ialah kemahiran menjadi usahawan ataupun kemahiran berniaga. Ia boleh dilakukan bersama dengan Kementerian Pembangunan Usahawan. Dahulu kita ada Tabung Usahawan Belia. Saya tidak tahu kewujudan sama ada diteruskan ataupun tidak pinjaman dan latihan kepada usahawan belia. Kemudian ada satu lagi Tabung Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan jika boleh bekerjasama dengan KBS dan tentunya kemahiran ini boleh diteruskan dari segi mewujudkan kemahiran menjadi usahawan.

Di Pontian kita ada Kolej Kemahiran Belia Nasional (KKBN) dahulu di bawah KOBENA tetapi apabila KOBENA bermasalah, KKBN itu sudah tidak dapat diteruskan. Saya telah menulis surat kepada KBS boleh lihat dalam fail surat itu akan tetapi bukan kepada Yang Berhormat Menteri sebelum ini akan tetapi harap ia boleh diteruskan KKBN di Pulau Sebatang Pontian.

Perkara ketiga ialah gelanggang sukan. Berapa gelanggang sukan yang hendak dibina dengan RM175.6 juta ini? Apakah bentuk gelanggangnya? Adakah seperti gelanggang serba guna? Di Pontian antara kawasan yang paling banyak gelanggang futsal kita ada 19 gelanggang futsal dan saya harap Yang Berhormat Menteri lihat-lihatkan dari segi penyelenggaraan gelanggang-gelanggang itu dan elok jika kita dapat meneruskan gelanggang-gelanggang yang berkaitan.

Perkara Keempat, Projek Pembangunan Biro Tatanegara. Saya difahamkan Biro Tatanegara ini sudah ditiadakan akan tetapi dalam Butiran di sini ada ya RM7.57 juta dan saya mengharapkan agar BTN ini diteruskan yang tidak suka tentang BTN ini oleh kerana silap faham tentang apa tujuan BTN akan tetapi apabila kita berjalan di seluruh Malaysia kita nampak boleh lihat kem-kem bina negara pada papan tandanya masih ada dengan lain perkataan kem-kem bina negara di bawah BTN ini masih lagi wujud.

Yang Amat Berhormat Langkawi amat suka dahulu satu ketika tentang Biro Tatanegara dan beliau memastikan bahawa Wawasan 2020 dilatih di situ dan latihan sikap berteraskan sistem nilai juga terlatih di situ. Saya mengharapkan agar BTN ini diteruskan dan ada masa depan dengan peruntukan RM7.57 juta ini.

Yang kelima, Pusat Latihan Khas bernilai RM17.36 juta ini apa dia? Kem Wawasan Negara yang ada butiran ini apa dia? Apa beza Pusat Latihan Khas dan kem Wawasan Negara?

ini agak mengelirukan. Kita sudah ada kem di bawah BTN ini hendak buat lagi Pusat Latihan Khas, hendak buat lagi Kem Wawasan Negara. Cuba Yang Berhormat Menteri nyatakan apa benda itu? Adakah ini khas menyokong sesuatu pihak? Atau bagaimana kaedah kem Pusat Latihan Khas ini? Dan siapakah sasarannya?

Perkara keenam, bayar sewa RM18 juta. Siapa yang membuat bangunan Kementerian Belia dan Sukan ini sehingga terpaksa membayar sewa? Adakah bayar sewa itu kepada Putrajaya Holdings anak syarikat Petronas? Jika sewa kepada Putrajaya Holdings diumpama keluar poket kanan masuk poket kiri dan mungkin boleh ditiadakan butiran itu apabila berbincang.

Perkara ketujuh, Kajian Pembangunan Belia. Belia berpendapatan tinggi adalah merupakan hasrat sepatutnya kita laksanakan dan belia berpendapatan tinggi at Yang Berhormat Menteri ada mencadangkan supaya Gojek Motorbike Hailing ini. Adakah ia termasuk dalam usaha untuk belia berpendapatan tinggi? Pada saya yang lebih penting ialah kita ajar mereka *e-commerce* kalau kita lihat Go-eCommerce.my di bawah MDEC. Mereka melatih sekarang ini lebih daripada seramai 183 ribu usahawan digital.

Saya kira ini lebih sesuai untuk anak-anak muda di Malaysia supaya mereka boleh niaga atas talian dan diberikan latihan seumpamanya dan saya ingin mencadangkan supaya MDEC bekerjasama dan berusaha bersama dengan Kementerian Belia dan Sukan untuk memastikan anak-anak muda kita mahir tentang *e-commerce*, anak-anak muda kita mahir niaga atas talian *business online* dan kita jangan memberikan pilihan kepada anak-anak muda mencari pendapatan yang rendah seperti Motorbike Hailing ini. Saya bukan ingin berkata buruk mengenai perkara ini akan tetapi pada saya lebih elok jika kita beri latihan anak-anak muda untuk dapat pendapatan tinggi bukan hanya pendapatan secukup hidup.

Perkara kelapan MFLS. Apa bezanya dengan PLKN 2.0? PLKN 2.0 misalnya kita ada usaha menggabungkan kemahiran dan kenegaraan. Saya harap MFLS ini ada perkara-perkara begitu. Kemahiran dan kenegaraan di *combine*. Kita ada Fit for Life, Ted Talk, Malaysiaku, Be Safe Be Alert, i-upgarde, Spirituality, MyFuture, Khidmat Komuniti. Itu antara program-program dalam PLKN 2.0. saya harap jangan dibuang segala-galanya PLKN 2.0 ini. Dengan adanya MFLS maka ada komponen-komponen yang tertentu seperti latihan komputer, latihan usahawan perlu dimasukkan jika tempoh masanya sesuai. MFLS ini diberitahu kepada saya bahawa dibuat di kem-kem bina negara.

Perkara Kesembilan, belia dan sukan. Tentunya belia ada masalah sosial dia antaranya masalah dadah, masalah rempit, masalah LGBT, pergaulan bebas, judi *online* misalnya. Mungkin anak-anak muda terlibat tentang perkara ini. Saya ingin tahu statistik belia yang terlibat dalam beberapa perkara masalah sosial belia ini? Apakah langkah-langkah yang telah dibuat kementerian untuk memulihkan supaya anak-anak muda ini mempunyai akhlak yang tinggi.

Pemuda-pemudi kita boleh diharapkan untuk menjadi pemimpin masa depan dan anak-anak muda kita tidak terjerumus dengan najis dadah dan saya inginkan kementerian memberikan maklum balas segala perkara-perkara yang praktikal yang kita laksanakan untuk memastikan



anak-anak muda tidak terlibat dalam perkara-perkara yang saya sebutkan tadi dan khususnya tentang judi *online* dia telah sampai ke peringkat kampung-kampung dan juga pekan-pekan kecil dan tentunya saya harap KBS bersama dengan Kementerian Dalam Negeri bersama untuk membanteras judi *online*. Jika Yang Berhormat Menteri boleh melaksanakan perkara ini satu kejayaan yang baik.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya, Sila.

**Dato' Hasbullah bin Osman [Gerik]:** Judi *online* ini saya tertarik apabila Yang Berhormat Pontian bangkitkan. Kalau dahulu kita tidak pernah tengok dalam *handphone* kita yang Celcom sendiri tiap-tiap hari buat iklan tentang judi *online* maknanya Kementerian Komunikasi dan Multimedia, Kementerian Belia dan Sukan serta Kementerian Kewangan kena bersama untuk memastikan yang kerajaan punya ini jangan ada judi lah. Bagaimana pandangan Yang Berhormat Pontian?

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Ya tentunya perkara itu boleh dikekang tidak ada satu masalah di Malaysia ini yang tidak boleh dikekang. Pasti KDN dan KKMM dan Kementerian Belia dan Sukan boleh bersama-sama untuk memastikan perkara itu tidak berlaku.

Perkara kesepuluh yang akhir, Sepang International Circuit dapat RM37.5 juta. International Youth Centre dapat RM1 juta. Pada pandangan saya Sepang International Circuit (SIC) ini Yang Berhormat Menteri bagi pada swasta sahaja. Kenapa kita perlu menanggung RM37.5 juta sedangkan perkara yang lebih penting dalam butiran untuk mewujudkan International Youth Centre itu hanya diberikan RM1 juta?

Saya tidak nampak RM1 juta boleh mewujudkan International Youth Centre. Hendak wujudkan satu bangunan pun paling kurang paling murah pun RM10 juta jadi kalau kita katalah Sepang International Circuit mengambil separuh SIC di bawah swasta separuh daripadanya dan separuhnya boleh kita masukkan untuk mewujudkan International Youth Centre bukan hanya RM1 juta. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Pontian. Ahli-ahli Yang Berhormat sebelum kita berhenti rehat saya ingin memaklumkan selepas rehat akan dimulakan dengan Yang Berhormat Tampin, kemudian Yang Berhormat Sibuti, Yang Berhormat Rasah, Yang Berhormat Arau, Yang Berhormat Kalabakan, Yang Berhormat Kuala Krai, Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Kuala Krau, Yang Berhormat Hulu Selangor dan seterusnya dan selepas rehat akan memulakan dengan lima minit oleh kerana ramai lagi yang akan berbahas. Ahli Yang Berhormat.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Lebih sedikit untuk Sarawak Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ya?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Bagi lebih sedikitlah tujuh minit ke?

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Tujuh minit kalau boleh.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** ... tidak apa *alright*. Ahli-ahli Yang Berhormat majlis Dewan berhenti rehat. Terima kasih. Maaf, Majlis bersidang sebagai Majlis Mesyuarat.

**[Majlis Mesyuarat bersidang semula]**

**[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon)- *mempengerusikan Mesyuarat*]**

**[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 1.01 tengah hari]**

**[Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang]**

■1430

**[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) *mempengerusikan Jawatankuasa*]**

**2.30 ptg**

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sebelum saya menjemput Yang Berhormat Tampin untuk mengambil bahagian dalam perbahasan, Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan akan menjawab pada pukul 5 petang nanti. Sila Yang Berhormat Tampin.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Tuan Pengerusi, saya hendak mengambil kesempatan untuk mengalu-alukan kedatangan penduduk dari kawasan saya iaitu kawasan Kangar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, selamat datang ke Dewan yang mulia.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Pukul 4 petang atau pukul 5 petang, Tuan Pengerusi?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Pukul 5 petang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bukan...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Nak jawab dalam pukul 4 petang?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Pukul 4 petang.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang ini puak-puak Barisan kah, puak PH?

**Tuan Chang Lih Kang [Tanjong Malim]:** Hidup Pakatan!

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** So, Yang Berhormat Menteri, semuanya ada 32 Ahli-ahli Yang Berhormat. Okey saya – 4.30 petanglah kerana saya berikan peluang...

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Pukul 5 petang lah, pukul 5 petang. Kesian, lima minit. Pukul 5 petang lah, pukul 5 petang.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, 4.30 petang. Sila, Yang Berhormat Tampin.

**2.33 ptg.**

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Sebelum saya memulakan perbahasan, Dewan mengalu-alukan tetamu daripada Persatuan Komuniti Teluk Muroh, Lumut, Perak... [*Tepuk*]

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, selamat datang.

**Datuk Dr. Hasan bin Bahrom [Tampin]:** *Bismillahi Rahmani Rahim*. Saya akan membahaskan belanjawan untuk Kementerian Belia dan Sukan ini dalam beberapa perkara sahaja. Pertama, ialah Butiran 00601 – Naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri. Saya ingin bertanya, apakah peruntukan ini termasuk Kompleks Sukan di Tampin?

Untuk pengetahuan Menteri, Kompleks Sukan Tampin telah lama dan perlu dinaiktarafkan. Berdasarkan Tampin, tidak mempunyai kompleks sukan yang lengkap sedangkan penduduk Tampin memerlukan satu prasarana yang lengkap. Ketidakwujudan kompleks sukan yang lengkap menyebabkan sekolah-sekolah, badan-badan sukan, badan-badan belia terpaksa mencari tempat lain untuk mengadakan latihan ataupun perlawanan sukan.

Perkara kedua yang saya hendak sentuh ialah Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan, yang diperuntukkan meningkat mendadak kepada RM41.9 juta.

Saya ingin bertanya, apakah bentuk program yang akan dilaksanakan? Apakah ia terfokus kepada pembangunan sukan semata-mata ataupun ia termasuk juga program-program yang berbentuk keusahawanan sebagai mana yang kita perlukan kepada belia-belie yang terlibat di dalam keusahawanan? Bagaimana ia akan dilakukan, dan disalurkan kepada persatuan-persatuan belia?

Perkara yang seterusnya yang saya hendak sentuh ialah Butiran 02007 – Kompleks Sukan dan Komuniti. Saya ingin merakamkan tahniah di atas peruntukan tersebut. Saya fikir peruntukan ini amat penting kepada masyarakat untuk kita memastikan semua masyarakat terlibat daripada peringkat bawahan, sehinggalah peringkat yang lebih tinggi- profesional dalam kegiatan sukan? Walau bagaimanapun, kita dapati banyak padang-padang komuniti sama ada di kampung ataupun khususnya di taman-taman seolah-olah ada tetapi tidak ada. Ini kerana, kadang-kadang tidak boleh digunakan dan bagaimana ia diselenggarakan, serta bagaimana ia dilakukan?

Perkara keempat yang saya hendak sentuh ialah Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Tahniah di atas peruntukan tersebut. Namun, banyak gelanggang sukan khususnya di kampung-kampung ataupun di desa dan juga di taman-taman, kita dapati dikendalikan dengan tidak baik. Banyak gelanggang-gelanggang sukan khususnya gelanggang sukan di desa-desa ataupun tempat masyarakat luar bandar, tidak diurus dengan baik kerana tidak ada peruntukan yang diberikan. Saya yakin dan percaya, dengan peruntukan yang diberikan ini boleh membantu pembangunan ataupun untuk kita memperbaiki gelanggang sukan di kampung-kampung.

Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, Tampin terkenal dengan sukan hoki dan banyak kejohanan hoki di menangani oleh daerah Tampin. Namun, apa yang menyedihkan tidak

kedapatan padang yang selesa untuk digunakan, untuk melahirkan atlet sukan hoki yang terbaik untuk masa depan negara dan juga untuk pembangunan belia pada masa akan datang. Sekadar itu. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tampin. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti.

**2.37 ptg.**

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya terus pergi kepada Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Pada tahun lepas, saya ada menyentuh berkenaan tentang bagaimana Kementerian perlu melihat semula struktur pejabat belia dan sukan di Sarawak memandangkan banyak daerah baharu diwujudkan dan juga memandangkan kalau ambil contoh di kawasan Bahagian Miri yang sebesar negeri Johor, mempunyai tiga Parlimen tetapi, kakitangan yang kurang dan hanya mempunyai satu sahaja pejabat daerah. Maka, saya merasakan adalah perlu agar pihak Kementerian menambah pegawai dan juga pejabat-pejabat daerah baharu belia dan sukan perlu diwujudkan.

Kemudian, saya pergi kepada Butiran 01300 – Agensi Anti-Doping Malaysia (ADAMAS). Apakah persiapan pihak Kementerian untuk ke Sukan SEA? Adakah atlet-atlet kita bersih daripada masalah dadah? Selain itu juga, adakah pihak Kementerian akan mempunyai satu mekanisme untuk memastikan sukan e-sport ini juga dimasukkan ke dalam senarai *doping test* dadah bagi atlet-atlet sukan?

Juga, seterusnya saya ingin pergi kepada Butiran 030700 – Sepang International Circuit Sdn. Berhad. Saya melihat satu peruntukan yang agak besar sebanyak RM37,500,000 diberikan kepada Sepang. Apakah tujuan pemberian dana sebesar ini? Mengapakah pihak Kementerian tidak menggunakan dana ini untuk membangunkan khususnya sukan permotoran di seluruh Malaysia?

Selain itu juga, Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan. Diwujudkan pada tahun 2020 sebanyak RM41 juta telah diperuntukkan. Adakah dasar Menteri yang menyatakan ingin memasukkan e-sport sebagai satu sukan utama di Malaysia dimasukkan ke dalam butiran ini? Juga, apakah perancangan pihak Kementerian untuk memperkasakan lagi sukan e-sport ini?

Selain itu juga, saya ingin mengaitkan kepada Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Banyak perbincangan yang saya dengar tadi lebih menyebut kepada gelanggang-gelanggang sukan futsal yang telah dibina oleh kerajaan yang lepas tetapi dalam keadaan daif pada masa ini...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Peraturan Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi saya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Peraturan Mesyuarat mana.

## ■1440

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** 36(6). Bukan terhadap ahli yang berucap tapi saya melihat satu *posting* dalam *Facebook* yang telah ditularkan kepada saya oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang memperlekehkan sidang Dewan Rakyat pada hari ini kononnya mengatakan semasa usul kita membincangkan perbahasan Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tidak hadir. Hakikatnya Yang Berhormat Menteri hadir. Yang Berhormat Ayer Hitam pun tidak hadir.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** 36(6) itu perkara yang berlaku dalam Dewan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Biarkan saya bangkitan perkara ini. Ini sengaja dimainkan. Kita lihat baru ini telah dikeluarkan, dua minit Yang Berhormat Wee Ka Siong, perbahasan belanjawan 2020 di peringkat Jawatankuasa bagi Kementerian Belia dan Sukan....

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** Itu yang pagi tadi lah Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sedang berlangsung di Dewan Rakyat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** ..... tapi Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia Sukan. Yang Berhormat Arau *please sit down. Let me finish first.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Point of order. Against your point of order.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *I'm raising point of order* Yang Berhormat Arau.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Nanti, nanti Yang Berhormat Arau dengar dulu.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Peraturan 36 (12).

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, dengar dulu.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *I'm raising point of order.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Apa kena mengena dia sedang berbincang, masa dia sudah rugi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Nantilah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di mana? *Where is* Yang Berhormat Ayer Hitam *now?*

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Masa berjalan Yang Berhormat Jelutong.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *It is nothing to do with them.*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri ada di sini. Di mana Yang Berhormat Ayer Hitam?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** 36 (12)

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Perkara ini sengaja dimainkan daripada hari pertama....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tunggu dia masuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *All of you just said that there is no quorum.*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tunggu dia masuk, tunggu dia masuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *Where is* Yang Berhormat Ayer Hitam *now?*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Eh, tunggu dia masuk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri ada di sini sekarang, mana Yang Berhormat Ayer Hitam?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa tadi masa perbincangan Yang Berhormat Menteri *takdak*. Hei *you*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya, saya.....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ahli-ahli Yang Berhormat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Jelutong yang membangkitkan Peraturan Mesyuarat. Terima kasih kepada Yang Berhormat Arau atas kesabaran juga. Di depan saya ada seorang ahli Yang Berhormat telah membangkitkan Peraturan Mesyuarat 36(6) iaitu seseorang ahli tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *Stop masa, stop masa.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ke atas siapa-siapa ahli yang lain, okey? Memandangkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Jelutong adalah berkaitan dengan *Facebook posting* yang dibuat oleh Yang Berhormat Ayer Hitam yang menuduh di mana semasa perbahasan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan tidak ada dalam Dewan. Saya perlukan masa untuk mendapat kepastian. Selepas itu saya akan meminta Yang Berhormat Ayer Hitam untuk memberikan penjelasan. Sila Yang Berhormat teruskan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Boleh, boleh Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Tuan Pengerusi, 36(6) ini biasanya pada lazimnya apa yang berlaku di dalam Dewan, sangkaan jahat yang berlaku di dalam Dewan, apa yang disebut oleh ahli yang lain secara terus berlaku di dalam Dewan. Tidaklah merupakan ambil petikan daripada *Facebook* atau yang berlaku di luar dan hendak kita bawa di dalam Dewan ini sebagai 36(6). Jadi saya mohonlah Yang Berhormat Tuan Pengerusi mengambil kira ini. Itu yang pertama. Yang kedua, memang ketika permulaan perbahasan di peringkat Jawatankuasa Kementerian Belia dan Sukan, Yang Berhormat Menteri dan Yang

Berhormat Timbalan Menteri memang ketika itu tiada dalam Dewan. Yang Berhormat Menteri masuk dan dia memberi signal kepada kami orang...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih atas....

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kononnya Yang Berhormat ada....

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di mana Yang Berhormat Ayer Hitam sekarang? *Where is* Yang Berhormat Ayer Hitam?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di mana Yang Berhormat Ayer Hitam sekarang? Soal saya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelutong....

**Beberapa Ahli:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ahli Yang Berhormat, ya pada petang yang mulia ini tidak perlulah ada sesiapa yang sengaja menimbulkan kekecohan. Ini peringkat Jawatankuasa. Saya akan – Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krau atas pendapat. Sebab itu saya tidak buat keputusan. Saya cuma kata saya akan mengehendaki Yang Berhormat Ayer Hitam berikan penjelasan sama ada apa yang sebenarnya berlaku sebelum apa-apa *ruling* dibuat ya. Okey teruskan, jangan bazir masa. Ya.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** *Sentence, sentence* saya belum habis tadi Tuan Pengerusi dan ketika Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan dan suci hati dia memberikan isyarat kepada kami orang....

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat di mana Yang Berhormat Ayer Hitam sekarang soal saya. *Where is he?*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Jelutong, ini *floor* saya Yang Berhormat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Di mana Yang Berhormat Ayer Hitam sekarang?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa. Terima kasih Yang Berhormat Jelutong, sabar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** *You* sampai lewat, *you* sampai lewat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Menteri dengan suci hati memberi signal kepada bahawa beliau sedang, baru habis mesyuarat dan kami orang terima dan memang Yang Berhormat Menteri mengakui ketika permulaan Yang Berhormat Menteri dan Yang Berhormat Timbalan Menteri tiada dalam Dewan.

**Tuan Pengerusi Timbalan Yang di-Pertua [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak apa, tidak apa.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Jadi kami orang terima.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Saya kena dapatkan fakta yang benar dulu sebelum buat apa-apa keputusan.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Ada *press conference*, ada *press conference* dekat luar.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Okey, jangan bazir masa. Silakan Yang Berhormat Sibuti.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Masa saya dua minit tadi hilang tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, saya tambah dua minit.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Okey, terima kasih. [*Ketawa*]. Saya pun lupa apa hendak saya cakap tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Berkenaan tentang gelanggang sukan Yang Berhormat Menteri. 02400, banyak ahli Yang Berhormat yang bercakap tentang padang futsal yang daif. Begitu juga di kawasan Parlimen Sibuti dan juga kita masih memerlukan lebih banyak lagi naik taraf padang futsal dan juga saya ingin menyebut agar belia-belia di luar bandar mendapat gelanggang sukan yang bermaruah, yang mempunyai fasiliti yang mencukupi, lantai yang baik untuk mereka giat lagi bersukan. Tetapi saya ingin mencadangkan kepada pihak Yang Berhormat Menteri agar dalam butiran gelanggang sukan ini adalah wajar saya merasakan agar pihak Yang Berhormat Menteri ataupun kementerian dapat membina *gaming arena* di dalam gelanggang sukan ini memandangkan kita memberi tumpuan kepada *e-sport*. Walaupun demikian, tidak terdapat *gaming-gaming arena* ini di kawasan Parlimen Sibuti.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Yang Berhormat Sibuti boleh celah?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Okey.

**Tuan Syed Ibrahim bin Syed Noh [Ledang]:** Berkaitan, terima kasih. Berkaitan dengan gelanggang futsal juga tadi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Sibuti, saya juga telah bangkitkannya dalam perbahasan peringkat dasar dan saya lihat bahawa banyak daripada gelanggang-gelanggang futsal ini berada dalam keadaan yang sangat daif, mungkin kerana kualiti pada awalnya tidak dilakukan dengan cara yang terbaik ataupun mungkin tidak ada penyelenggaraan dan yang keduanya ialah kerana banyak daripada gelanggang futsal ini terutama di luar bandar, berada di lokasi yang jauh daripada kawasan penempatan untuk belia mahupun untuk penduduk.

Jadi saya minta pihak kementerian untuk benar-benar melihat berkenaan dengan kondisi gelanggang futsal ini dan memberikan peruntukan dan penjelasan yang tuntas supaya gelanggang-gelanggang ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya. Kalau tidak, ia menjadi satu yang terbenakalai, yang tidak dimanfaatkan. Malah ada yang jadi tempat duduk ayam dan mungkin kerbau.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Yang Berhormat Ledang, masukkan ke dalam ucapan bahas saya dan juga saya sangat bersetuju Yang Berhormat



Menteri, saya mencadangkan agar gelanggang-gelanggang sukan ini dapat dibina berdekatan terutamanya di kawasan luar bandar, perkampungan rumah panjang agar tapak-tapak futsal ini dapat dibina di kawasan rumah-rumah panjang yang berdekatan. Berbalik kepada *gaming* arena ini, saya merasakan, saya mencadangkan agar dapat ditempatkan *gaming* arena sekurang-kurangnya satu ataupun dua di setiap negeri supaya kita dapat mengadakan pertandingan *e-sport* yang lebih *grand* daripada biasa. Saya juga ingin ke Butiran 02000 – KRMD, sukan air dan udara.

Saya ingin berbalik kepada perbahasan saya pada tahun lepas berkenaan tentang perkara dan butiran yang sama. Saya belum melihat lagi pihak kementerian menyenaraikan apakah bentuk-bentuk sukan air yang perlu diberi tumpuan dan juga kalau di negeri Sarawak kita mempunyai sukan air yang sangat baik terutamanya Regatta; kayuhan, pam bot, pam ski kalau yang berada di kawasan Parlimen Sibuti. Apakah bentuk geran ataupun pembangunan sukan air yang dapat dibantu oleh pihak kementerian?

Saya ingin mengetahui bagi Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri. Saya ingin mendapat perincian untuk bagi negeri Sarawak dan juga berkaitan tentang Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Saya ingin mengetahui apakah bentuk kajian yang telah dijalankan oleh pihak kementerian dan juga apakah bentuk-bentuk sukan masa hadapan dan juga aktiviti-aktiviti belia yang boleh dijalankan oleh pihak Kementerian Belia dan Sukan.

Juga saya ingin pergi ke Butiran 03100 – *Malaysia Future Leaders School*. Saya menyokong dan juga menyambut baik program ini. Walaupun demikian, saya ingin mengetahui perincian khusus bagi negeri Sarawak, berapakah jumlah anak-anak belia Sarawak yang terpilih dan adakah pihak kementerian telah melihat potensi anak-anak luar bandar ataupun masyarakat-masyarakat minoriti yang kecil seperti masyarakat Penan dan juga bangsa-bangsa yang komuniti yang minoriti di Sarawak ini dapat mengambil bahagian di dalam program *Malaysia Future Leaders* ini dan juga adakah program *Malaysia Future Leaders* ini bersifat *by partition*, tidak mengira parti politik dan juga apakah cadangan pihak Yang Berhormat Menteri untuk melibatkan kedua-dua pihak ataupun mana-mana parti di dalam negara ini untuk terlibat di dalam *Malaysia Future Leaders*.

■1450

Selain daripada itu juga, berbalik kepada Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan. Saya ingin bertanyakan kepada pihak kerajaan dan juga Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan khusus Yang Berhormat Menteri berkaitan tentang belia dan juga dadah memandangkan banyak aktiviti dadah ini melibatkan para belia dan juga adakah program khusus pihak Yang Berhormat Menteri dan juga kementerian untuk memerangi dadah ini bagi membantu kementerian-kementerian yang lain yang turut sama untuk memerangi dadah. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sibuti. Ahli Yang Berhormat, memandangkan di hadapan saya ada 32 orang Ahli Yang Berhormat yang ingin

berbahas dan Yang Berhormat Menteri dijangka jawab pukul 4.30 petang, saya dengan ini mengehendkan masa kepada lima minit. Seterusnya saya menjemput Yang Berhormat Sungai Petani, selepas itu Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Objection, objection. No, no.* Saya minta tujuh minit sebab tak adil sepuluh minit dengan lima minit.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini bukan pasar malam, tidak boleh tawar menawar. Sila, Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bukan soal tawar menawar. Lima minit tak boleh, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila Yang Berhormat Sungai Petani. Jangan bazir masa. Yang Berhormat Arau, sila duduk. Sabar. Sekarang giliran Yang Berhormat Sungai Petani.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya patut nombor empat tadi diberi sepuluh minit tiba-tiba lima minit. Kalau selepas saya, okey lima minit, *no problem.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila, sila Yang Berhormat Sungai Petani.

## 2.51 ptg.

**Dato' Johari bin Abdul [Sungai Petani]:** Tuan Pengerusi, kementerian ini Kementerian Belia dan Sukan. Jadi sementara kita melihat pembangunan sukan, saya ingin menyentuh tentang pembangunan belia khususnya di Butiran 020100. Saya ingin melihat bagaimanakah kementerian mempunyai perancangan untuk membangunkan belia-belia kita di sini khususnya belia-belia yang keluar daripada sekolah dan juga pusat pengajian tinggi kerana kalau sekiranya belia-belia ini kita tidak didik mereka selepas mereka keluar daripada institusi pengajian tinggi khususnya, maka kita akan melihat belia-belia ini akan mengambil *direction* masing-masing sedangkan inilah satu-satunya kementerian yang diberi tanggungjawab untuk memastikan belia kita mengikut acuan kita, rasa kita dan sudah tentu pembangunan belia ini harus berlaku di peringkat bawah.

Jadi saya ingin bertanya Yang Berhormat Menteri, apakah perancangan Yang Berhormat Menteri untuk membangunkan balik persatuan-persatuan belia. Saya masih ingat lagi dahulu, dahulu kalau kita sebut sahaja persatuan belia, di kampung-kampung ini kita tengok macam cendawan. Akan tetapi sekarang ini nak cari persatuan-persatuan belia dah tak ada dah. Adakah kerana peruntukan ke ataupun kerana bimbingan ke ataupun tak ada moderator ke ataupun tidak ada mentor ke? Apa isu yang ada sekarang ini kerana lazimnya daripada persatuan-persatuan belialah kita akan melihat teretusnya pemimpin-pemimpin sama ada pemimpin politik ataupun pemimpin masyarakat ataupun juga pemimpin dalam arena perniagaan.

Yang keduanya, saya nak tahu juga tentang *Malaysia Future Leaders School* ini. Yang pertama sekali, apakah jenis ilmu yang diberikan kepada mereka? Siapakah yang kita *engage* untuk memberikan input-input dan akhirnya apakah yang kementerian harapkan daripada

produk-produk *Malaysia Future Leaders School* ini dan bagaimanakah ianya didedahkan kepada masyarakat supaya masyarakat tahu kalau jumlah yang kita peruntukkan ini Tuan Pengerusi, satu jumlah yang besar. Jadi, kita nak tahu apakah bentuk-bentuk perancangan yang ada dan *at the end of the day*, akhirnya, pencapaian yang macam mana yang kita harapkan kerana ianya supaya mengenali keadaan sekarang ini, apa juga *leaders* yang disebut tadi, *leaders* kita ini *leaders* yang betul-betul menjiwai hasrat dan kehendak rakyat Malaysia.

Yang ketiganya Tuan Pengerusi ialah tentang Butiran 00119 – Projek Pembangunan Biro Tatanegara yang kita peruntukkan RM7 juta. Ini bagi saya – suatu yang – adakah ianya melibatkan belia di peringkat mana? Adakah di peringkat lepasan universiti ataupun belia-belia di kampung atau belia macam mana dan setelah diberi peruntukan ini, apakah mereka ini, produk-produk ini apa nak jadi? Adakah kita menjurus mereka kepada motivasi untuk membangunkan semangat mereka terceburlah dalam bidang apa? Adakah dalam bidang sukan? Bidang kepimpinan ataupun dalam bidang kesukanan? Jadi ini saya minta satu penjelasan kerana tajuk dia itu, ‘Pembangunan Biro Tatanegara’ melihat seolah-olah ianya lebih kepada jati diri tetapi sudah tentu saya rasa kementerian akan memberikan jawapan yang lebih baik seperti yang saya harapkan.

Akhirnya oleh kerana lima minit sahaja Tuan Pengerusi, saya juga nak menyentuh tentang Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Saya difahamkan bahawa satu peruntukan yang agak besar telah pun diberikan di Sungai Petani untuk membangunkan kompleks sukan di sana. Cuma saya minta kepada Yang Berhormat Menteri, bilakah semua isu yang berkaitan dengan masalah-masalah pentadbiran itu dapat diselesaikan dan bilakah kompleks ini boleh dilaksanakan permit pembangunannya agar – kita di Sungai Petani ini Tuan Pengerusi, satu kawasan yang besar. Ada 600,000 orang penduduk di Kuala Muda dan bandarnya di Sungai Petani. Sungai Petani kongsi MP seramai tiga orang iaitu di Jerai, Sungai Petani dan juga Merbok.

Jadi, penduduk yang ramai ini mengharap satu kompleks yang selesa kerana di sinilah kita keluarkan juara-juara kita. Sebut sahaja juara apa pun, semua ada di Sungai Petani. Jadi kita perlukan satu kompleks yang besar dan harus dibina kompleks ini dalam keadaan yang sempurna dan atas kadar segera. Oleh yang demikian, saya ucapkan terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sungai Petani. Seperti yang dijanjikan sekarang saya jemput Yang Berhormat Arau, lepas itu Yang Berhormat Rasah.

**2.56 ptg.**

**Dato’ Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Semua orang akan merujuk di bawah tajuk yang sama iaitu Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Okey, yang pertama sekali ialah sukan untuk semua. Sukan untuk semua ini perlu digalakkan sebab

sukan berprestasi tinggi ini kita sudah ada badan-badannya tetapi sukan untuk semua ini kita boleh galakkan melalui majlis belia atau apa sahaja bentuk yang boleh menggerakkan orang ramai sukan untuk semua, maka kita akan bagi galakan. Yang Berhormat, rakyat Malaysia dengan Australia, Malaysia lebih banyak tetapi tiap-tiap kali ada acara Olimpik, Australia akan hantar satu kapal terbang 747 untuk atlet dan juga pegawai-pegawai pergi bertanding dan mereka mendahului kita, memang mendahuluilah kita lah daripada segi pingat kerana mereka meletakkan budaya sukan itu ialah sebahagian daripada kehidupan rakyat.

Di sana sebagai contoh masa saya bercakap tahun 90-an dahulu, kita ada 10,000 orang sukarelawan sukan tetapi masa itu mereka sudah ada 100,000 orang sukarelawan sukan dan sukarelawan sukan ini akan membantu rakyat tanpa mengenakan apa-apa caj tetapi dalam bentuk sukarelawan. Jadi, apabila sukan sudah menjadi budaya, jadi bila kita perkenalkan sukan berprestasi tinggi, ianya tidak jadi masalah bahkan negara-negara kecil, negara Caribbean, kita melihat bahawa mereka meletakkan sukan itu sebagai sebahagian daripada budaya rakyat. Pelari-pelari pecut dunia berada dari negara Caribbean kerana sukan itu budaya rakyat.

Jadi di Malaysia juga sekarang ini sudah kita menjurus ke arah tersebut tetapi sekarang ini kita kena galakkan. Peruntukan yang diberi untuk sukan untuk semua ini masih tidak mencukupi dan Yang Berhormat Menteri kalau Yang Berhormat Menteri cadangkan kepada pihak kerajaan, sudah pasti kami akan menyokong dengan hebatnya. Saya mula-mula saya dah nak geram juga dengan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan ini disebabkan beberapa kes tetapi bila kita menang bola dengan Indonesia itu, hati terubatlah. *[Dewan riuh]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Luka sudah pulih ya?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita lihat seluruh Parlimen ini terutamanya Yang Berhormat Jelutong tengok ...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Itu FAM bukan KBS.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** ... menonton melalui telefon dalam Parlimenlah, tidak ada masalah sebab semua kita gembira sebab kita menang dengan hebatnya. Okey? Jadi, beri perhatian kepada sukan untuk semua.

Yang keduanya ialah sukan berprestasi tinggi. Saya juga menyokong dan kita minta sebab kalau kita meletakkan matlamat untuk capai pingat, kita kena dapat jurulatih-jurulatih yang hebat di mana-mana sahaja di seluruh dunia untuk menggerakkan sukan dan saya ingin mengumumkan kepentingan saya bahawa saya ialah Presiden Persatuan Renang Malaysia, saya nak bagi tahu bahawa saya amat menyokong kalau kerajaan menambahkan peruntukan.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Arau boleh berenang ke?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Dan renang kita akan dapat pingat. Kita dah dapat pingat tetapi kita nak tukar *color* jadi *gold* dan kita akan menjadi persatuan sukan yang pertama di dunia untuk mendapat pingat *gold* acara terjun. Okey, yang berikutnya ialah – Yang Berhormat Menteri, lagi sekali saya nak bagi penekanan, jangan ketepikan Majlis Belia. Yang

Berhormat belajar supaya meraikan orang yang ada. Jangan ingat bahawa mereka ini kononnya orang Barisan Nasional kah, tidak!

■1500

Yang Berhormat, raikan sebab ini belia. Belia dia mudah mengikut sesuatu yang dia percaya dia boleh ikut. Contohnya macam Pakatan Harapan, Mohamed Sabu menang, kerana belia mengikut dan percaya pembohongan yang dibuat oleh Rafizi dan sebagainya maka mereka menang. Sekarang ini belia juga akan mengikut kalau sekiranya kita merai-raikan mereka. Raikan Majlis Belia tetapi jangan memandang remeh kepada Majlis Belia.

Kemudian Yang Berhormat di bawah sukan ini juga walaupun telah di bincang dengan hebat tetapi apakah mungkin kita meraikan satu Parlimen satu litar, basikal lajak ini supaya kita raikan mereka sebab masing-masing ada hobi-hobi yang boleh kita raikan. Kemudian, Yang Berhormat telah sebut tentang program belia, saya mencadangkan supaya Parlimen Belia ini dahulu kita bagi peruntukan RM10,000 sekarang tidak bagi.

Yang Berhormat, saya cadangkan kita bagi RM20,000 satu Ahli Parlimen Belia. Walaupun mereka Ahli Parlimen biasa di Parlimen sebelah sana tetapi juga mereka adalah bakal. Kalau kita raikan mereka sekarang, mereka akan ingat kita sampai bila-bila. Raikan mereka, mereka hendak sokong parti mana, sokong tidak ada masalah walaupun majoritinya menyokong Barisan Nasional.

*[Dewan Ketawa]*

Kemudian, eSport, eSport ini saya harap masuk di bawah Kementerian Belia sebab kita tidak tahu masuk di bawah kementerian mana dan kita masukkan di bawah Kementerian Belia dan kita menyokong supaya dinaikkan peruntukan kepada RM50 juta. Kemudian yang berikutnya ialah Kompleks Sukan Negeri-negeri.

Cuma eSport ini Yang Berhormat, dituduh kata Yang Berhormat bagi rundingan terus kepada satu pesta sukan yang dibuat baru-baru ini. Yang Berhormat, buat rundingan terus kepada syarikat swasta. Jadi ini tuduhan semasa kita buat pertandingan eSport, FIFA 2019 dan juga PES 2019.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Yang mana satu?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ini dituduh, Yang Berhormat Menteri jawablah tidak ada masalah.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Apa nama syarikat, sebab hendak jawab ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat Menteri jawab sebabnya bila orang tuduh saya hendak selamat sebab saya tidak hendak Yang Berhormat Menteri sebagai orang muda diperkotak-katikkan. Saya tidak mahu yang itu sebab saya menyokong orang muda di mana sahaja mereka dan sudah pasti satu hari mereka akan sokong saya.

*[Dewan ketawa]*

Akhir sekali, sebagai penutupnya Butiran 020100, saya menyokong Yang Berhormat Menteri ini beberapa tindakannya cukup hebat tetapi bila Yang Berhormat mungkir janji itu saya kecewa. Saya betul-betul kecewa sekarang. Yang Berhormat Menteri kata akan membuat perarakan kepada di Pejabat DAP kerana tidak ambil tindakan kepada Ronnie Liew dan juga beberapa orang yang lain. Tiba-tiba Yang Berhormat ditanya .....

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, ini tidak berkaitan dengan Kementerian Belia.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Butiran mana, butiran mana.

**Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]:** Yang Berhormat Arau, tidak berkaitan.

*[Dewan riuh]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Bagi saya habis ya, ayat penghabisan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Masa sudah tamat.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Arau, jangan jadi batu apilah, sudah.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Akan tetapi, Yang Berhormat kata selepas Tanjong Piai.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri, tidak buat sebab tidak ada peruntukan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Tidak jelas]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Selepas Tanjong Piai, Yang Berhormat diam. Yang Berhormat, buka mulut sedikit bahawa kami akan menyokong segala perkara yang betul sebab kita..

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Sudahlah yang bertumbuk sebelah sana sahaja.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat tahu bahawa kalah di Tanjong Piai..

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kata ayat terakhir..

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Setiausaha Agong, sekejap-sekejap. Kalau di Tanjong Piai kerana DAP sabotaj, BERSATU. Itu sebab kita kalah kalau tidak kita yang kalah dan saya minta supaya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, saya minta supaya Yang Berhormat tarik balik kenyataan itu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ini tidak berkaitan. Jangan bazir masa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Menteri Belia sebagai Ketua Armada yang hebat.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** *[Menutup pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Mungkin Yang Berhormat Menteri boleh pertimbangkan hantar Yang Berhormat Arau pergi acara terjun Sukan Olimpik.

*[Dewan ketawa]*

Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang bertumbuk UMNO lah, bukan sini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Presiden Persatuan Renang.

### 3.03 ptg.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana peluang yang diberikan kepada saya. Saya akan menyentuh beberapa perkara berkaitan dengan lebih spesifik kepada sukan dalam beberapa minit yang diberikan. Perkara pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada KBS kerana saya nampak jumlah peruntukan baik untuk peruntukan pembekalan mahupun peruntukan pembangunan ada kenaikan sedikit berbanding dengan tahun sebelumnya.

Di bawah Butiran 030700 – Sepang International Circuit Sdn. Bhd. Saya nampak kalau tahun sebelumnya kosong, kali ini ada RM37.5 juta diperuntukkan. Saya hendak tanya apakah tujuannya? Apakah ada perancangan daripada pihak kerajaan untuk membolehkan kita kembali menjadi antara penganjur kepada F1 – *Formula One* yang pernah suatu ketika saya masih ingat ketika saya di universiti dahulu, 20 tahun dahulu negara Malaysia menjadi negara kedua di Asia selepas Jepun yang menjadi tuan rumah kepada *Formula One*.

Satu kebanggaan, satu yang sangat membanggakan negara kita tetapi selepas itu mungkin disebabkan masalah-masalah tertentu yang menyebabkan penganjurannya mengalami kerugian dan sebagainya tetapi secara dasarnya kita kena mengakui hakikat bahawa kemampuan negara untuk ....

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, minta penjelasan. Ini saya menyokong.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Peraturan 37, minta maaf, Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya menyokong Yang Berhormat. Tidak boleh saya hendak sokong.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Tidak apa, tidak apa. Berapa minit sahaja tidak sempat masa. Terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya menyokong Yang Berhormat Rasah dengan hebatnya, kita ada ambil duit Petronas RM82 bilion...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Kita *spend* RM1 bilion untuk *Formula One*.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Yang Berhormat Arau, okey, terima kasih, terima kasih.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya menyokong ya peraturan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Peraturan Mesyuarat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Cuma saya berharap, kita kaji semula mungkin dari segi pengurusan, penganjuran dan sebagainya yang boleh diperbaiki dan boleh mendatangkan impak yang sangat positif. Bukan setakat pengunjung, peminat yang hadir daripada hari tersebut malahan penganjuran *Formula One* itu sendiri akan mengangkat nama baik, reputasi dan martabat negara menjadi antara negara yang mempunyai kemampuan yang tidak dimiliki oleh negara lain. Jadi saya kalau ada hasrat daripada kerajaan saya menyokong hasrat ini.

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah saya nampak di bawah butiran untuk tahun ini berbeza dengan tahun lepas. Kalau tahun lepas saya ingat ada satu tajuk kecil, Persiapan Menghadapi Olimpik 2020 tetapi tahun ini saya tidak nampak padahal kalau tidak silap saya ada. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri padahal Olimpik tahun depan tidak lama lagi kurang setahun atlet kita akan pergi Tokyo untuk menghadapi edisi Olimpik akan datang.

Jadi kenapa perkara tajuk tersebut dikeluarkan sebab kalau tahun lepas ada, patutnya tahun ini ada dengan peruntukan yang berganda dan hasrat kita untuk mencapai, untuk memburu emas pertama kita harap di bawah kerajaan baharu di bawah kepimpinan Yang Berhormat Menteri, KBS yang baru kita boleh mencapai hasrat lebih 30 juta rakyat Malaysia yang sudah bertahun-tahun sangat mendahagakan emas pertama untuk Malaysia.

Kalau tiga tahun dahulu ketika edisi Olimpik yang lepas, tiga kali kita masuk ke *final* di pertandingan badminton tetapi semuanya berakhir dengan pingat perak sahaja. Kita harap kali ini ada emas tidak kira dari apa acara termasuk acara terjun, terjun.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, acara renang, kita harap dapat emas.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Acara terjun, ya saya tahu acara terjun. Itu saya sokong Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sokong, Presiden, presidennya. Okey.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Saya sokong acara terjun untuk dapatkan emas pertama untuk Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Arau, hantar pergi.

[*Dewan ketawa*]

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Perkara seterusnya, saya harap Yang Berhormat Arau boleh berusaha berkali ganda untuk pastikan emas pertama atas tanggungjawab sebagai Presiden Persatuan Renang Malaysia.

Perkara seterusnya di bawah Butiran 02400 di bawah tajuk Gelanggang Sukan. Saya nampak peruntukannya bertambah daripada RM92.8 juta kepada RM175.6 juta. Saya hendak tanya apakah detil, adakah sudah ada pecahan untuk kegunaan RM175.6 juta ini sebab bagi saya ia penting untuk memastikan gelanggang sukan di seluruh negara, di bandar dan di desa sentiasa dalam keadaan yang baik dan sesuai untuk digunakan oleh rakyat kita. Saya hendak tanya, daripada pecahan ini berapa banyakkah Negeri Sembilan akan dapat?



Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan adalah, saya ambil kesempatan pada petang ini mengucapkan selamat bertanding, mengharumkan nama negara kepada semua atlet negara kita yang akan menyertai Kejohanan Sukan Sea yang bakal bermula kalau tidak silap pada 30 November ini. Semoga negara kita, atlet kita akan berjaya mencapai *target* sasaran yang diletakkan oleh kerajaan iaitu 70 emas, 51 perak dan 105 pingat gangsa dan semoga kita bukan setakat mencapai sasaran ini malah jauh lebih baik.

Oleh sebab akhirnya sekiranya atlet kita mencapai keputusan yang cemerlang, yang baik, nama negara kita akan harum. Kalau tidak di peringkat dunia pun paling kurang di Asia Tenggara. Saya terkejut tadi Yang Berhormat Arau tidak ucapkan selamat maju jaya kepada atlet walaupun sebagai presiden persatuan sukan.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila gulung.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Walaupun saya tidak terlibat tetapi saya mengucapkan selamat maju jaya kepada atlet sukan kita. Sekian, terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krai selepas itu Yang Berhormat Kalabakan. Sila.

### 3.09 ptg.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** *Bismillahi Rahmani Rahim.* Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran B.030800 – Program Belia dan Sukan. Saya ucap tahniah atas kenaikan ataupun atas kewujudan peruntukan baharu ini. Sukan berkaitan dengan Sukan Sea di Manila tahun 2019 yang akan berlangsung pada 30 November ini.

Tahun 2019 iaitu tahun ini sasaran emas hanya 70 pingat daripada 386 acara yang Malaysia sertai daripada 531 keseluruhan acara.

#### ■1510

Sebagaimana diumumkan Yang Berhormat Menteri dan tahun ini merupakan jumlah atlet teramai yang dihantar oleh Malaysia iaitu seramai 773 orang. Sukan SEA di Korat, Thailand kita dapat 68 pingat emas daripada sebanyak 474 acara yang kita masuk. Soalannya ialah kenapa sasaran kita agak rendah? Dengan penyertaan acara yang disertai dan dengan jumlah atlet yang ramai. Apakah KPI kementerian terhadap atlet yang bertanding? Adakah hanya sekadar pentas untuk menguji pemain?

Kedua ialah isu belia. Peluang pekerjaan yang semakin susah. Pengangguran di kalangan belia semakin serius, 10.9 peratus tahun 2018 berbanding 9.9 peratus tahun 2011. Ini berdasarkan statistik yang dikeluarkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Soalannya, apakah langkah pihak kementerian untuk membantu belia mendapatkan peluang pekerjaan? Adakah dengan menaikkan elaun latihan praktikal dapat membantu belia untuk mendapatkan pekerjaan? Atau sebaliknya akan menyebabkan belia ataupun graduan akan lebih susah untuk

mendapatkan tempat latihan praktikal? Oleh kerana bebanan elaun praktikal yang naik? Adakah majikan tidak terbeban dengan kos elaun praktikal ini?

Saya difahamkan isu berkaitan dengan persatuan sukan, bahawa ada persatuan sukan yang memohon untuk berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri, namun tidak diberikan ruang lagi setakat ini. Diharap Yang Berhormat Menteri tidak terlalu selektif dalam pendekatan yang hanya tertumpu kepada sukan yang Menteri minat. Akan tetapi sukan teras dan bukan teras yang lain juga penting kerana menyumbang emas kepada negara.

Tuan Pengerusi, Butiran P.02400 – Gelanggang Sukan. Negeri Kelantan merupakan satu-satunya negeri yang tidak pernah diberi peluang untuk menjadi tuan rumah SUKMA ataupun Sukan Malaysia. Negeri lain telah menganjurkan dan mendapat limpahan kemudahan sukan oleh kerana penganjuran SUKMA. Semoga cadangan Kelantan untuk menjadi tuan rumah SUKMA tahun 2024 menjadi kenyataan. Tiada lagi tindakan menganaktirikan Kelantan dalam penganjuran SUKMA ini. Untuk menghadapi SUKMA nanti, Kerajaan Persekutuan sudah boleh memikirkan jumlah agihan peruntukan pembangunan sebuah kompleks sukan bermula tahun 2020 sehinggalah terlaksananya SUKMA tahun 2024.

Saya memohon kerajaan memberi peluang sama rata agihan peruntukan pembangunan sukan ini, bagi mewujudkan satu kompleks sukan yang serba lengkap di Kelantan. Saya yakin pihak kerajaan negeri bersedia untuk mengenal pasti dan menyediakan tapak yang sesuai. Selain Kompleks Sukan Negeri yang saya cadangkan tadi, yang sudah pasti dalam pertimbangan Yang Berhormat Menteri, saya juga mengambil kesempatan ini untuk mencadangkan sebuah Kompleks Rakan Muda di Daerah Kuala Krai.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, sebidang tanah hampir 20 ekar telah dikenal pasti untuk tujuan tersebut. Ini sangat bertepatan untuk SUKMA nanti. Jajahan Kuala Krai tiada tempat khusus bagi mengadakan pertandingan kejohanan sukan, sama ada yang bertaraf jajahan ataupun daerah dan juga negeri. Satu kompleks sukan atau mini stadium dan dewan serba guna untuk sukan takraw, bola tampar, badminton dan bola jaring.

Dengan wujudnya kompleks sukan tersebut, ia juga dapat memberi kemudahan kepada penduduk setempat. Penduduk Kuala Krai juga kepada Jabatan Kerajaan Negeri dan Persekutuan bagi mengadakan pertandingan bertaraf jajahan ataupun daerah. Untuk pengetahuan dewan yang mulia ini, Kuala Krai telah melahirkan pelbagai atlet peringkat kebangsaan dan dunia. Hari ini saya ingin memberi kredit kepada beberapa atlet yang dilahirkan di Kuala Krai yang berasal dari Kuala Krai terutama di bidang sepak takraw:

- (i) Aidil Aiman Azwawi, *feeder* kebangsaan sekarang;
- (ii) Wan Naim Izani, bekas apit kanan kebangsaan;
- (iii) Hafizi Maarof, *feeder* Kelantan;
- (iv) Eqbal Shamsudin, apit kanan Kelantan; dan
- (v) Siti Nor Suhaida Jafri, tekong skuad wanita kebangsaan sekarang.

Manakala dalam Sukan Muay Thai Kuala Krai telah melahirkan”

- (i) Azwan Che; dan
- (ii) Ain Kamaruddin.

Azwan merupakan peserta *Asia Fighting Championship* (AFC) manakala Ain Kamaruddin pemegang pingat emas Sukan SEA. Saya mengucapkan tahniah dan selamat maju jaya kepada mereka dan juga kepada atlet-atlet negara yang akan bertanding pada 30 November nanti di Sukan SEA nanti dan saya berharap ada di antara mereka...

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** ...Akan memberi dorongan kepada atlet lain untuk bersama berjaya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Boleh saya mencelah sedikit tentang SUKMA tadi.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Saya mendengar keluhan daripada Yang Berhormat Kuala Krai.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Kuala Krai.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Hassan bin Abdul Karim [Pasir Gudang]:** Kelantan tidak pernah dapat SUKMA? Ini tidak adil. Johor hendak ada SUKMA tahun ini. Tahun depan, Johor sudah dua kali sudah ada. saya dari Johor, akan tetapi Kelantan tidak pernah ada. Jadi, ini kena betulkan ini. Terima kasih.

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih atas sokongan Yang Berhormat Pasir Gudang.

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Setuju, setuju. *[Tepuk]*

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Itu sahaja Tuan Pengerusi ucapan saya. Saya ucap terima kasih. *Wssalamualaikum warahmatulallah.*

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Saya ingin mengalu-alukan kedatangan rombongan dari Aulong, Taiping kawasan yang diwakili oleh saya. Selamat Datang. *[Tepuk]*

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tuan Pengerusi ada belanja kah makanan tengah hari?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kalabakan. Selepas itu Yang Berhormat Kuala Krai.

**3.15 ptg.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Di sini juga saya mahu mengambil kesempatan sebab seumur hidup saya di Tawau, saya tidak pernah jumpa Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan. Akan tetapi bila Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan baharu dilantik, sudah pernah datang ke Tawau pernah datang ke Kunak. *[Tepuk]*

Waktu dia di Tawau dalam Program FitMalaysia, kita dapat kumpul seramai 20,000 orang disebabkan Yang Berhormat Menteri Belia turun, orang berkumpul di Tawau.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Ada *chance* menang lagi ini.

*[Dewan ketawa]*

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Jadi, saya ingin sentuh Butiran 00601 – Naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri. Ini saya ingin memaklumkan kepada Yang Berhormat Menteri bahawa di sana ada satu kolam renang yang sudah terbengkalai beberapa tahun. Jadi, saya mahu ingin memohon agar isu kolam renang ini dapat diselesaikan dengan segera. Apa yang saya perhatikan projek ini sudah lebih 50 peratus disiapkan.

Adakah kementerian sudah menjalankan siasatan sebab-sebab projek ini tidak dapat disiapkan dan dibiarkan terbengkalai. Ianya amat perlu untuk disiapkan disebabkan Tawau juga selalu terlibat dalam penganjuran sukan besar seperti Sabah Games yang baru-baru ini kita anjur tiga tahun yang lalu akan tetapi acara renang tidak dianjurkan disebabkan ketiadaan kolam renang.

Butiran kedua 02400 – Gelanggang Sukan. Seperti rakan-rakan lain juga, saya juga ingin memohon agar gelanggang-gelanggang futsal yang telah didirikan, yang sedia ada dapat diselenggarakan. Fizikalnya terlampau daif sudah. Jadi, cadangan saya agar gelanggang sukan ini akan lagi tahan lama agar dibina atap ya, agar simen dia boleh tahan lama sedikit.

Saya juga ingin memohon agar lebih banyak lagi gelanggang-gelanggang futsal dan sepak takraw ditambah, selari dengan pertambahan penduduk dan saya juga ingin memohon sebuah kompleks sukan diwujudkan di kawasan Kalabakan. Walaupun ianya hanya mini kompleks sukan, oleh kerana jarak antara Kalabakan dengan Kompleks Sukan Tawau adalah terlalu jauh dan agak sukar untuk anak-anak murid sekolah untuk mengadakan acara-acara di kompleks sukan.

Jadi saya juga amat terharu apabila ada sebuah sekolah yang telah menjadi juara MSSM untuk acara *hurdle* 80 meter selama lima tahun berturut-turut dan telah pun memecahkan rekod kebangsaan. Sekolah ini telah mendapat taraf sekolah Kluster Kecemerlangan iaitu SK Bombalai yang terletak di kawasan Parlimen saya. Atas usaha guru-guru yang prihatin dan berkomitmen tinggi seperti Cikgu Karim yang selalu membawa atlet-atlet muda ini ke kompleks sukan dengan perbelanjaan sendiri. Jadi, kita ingin sekolah ini diambil, diangkat dan diberikan kemudahan-kemudahan fasiliti sukan di sekolah ini ya, yang telah melahirkan banyak atlet.

Saya juga ingin menyentuh Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Saya ingin meminta perincian butiran ini apakah program-program yang bakal diadakan untuk pembangunan belia di kawasan-kawasan Parlimen, terutamanya kawasan Parlimen Kalabakan?

Terakhir, saya ingin menyentuh Butiran 00100 – Institut Kemahiran Belia Negara. Disebabkan ketiadaan Institut Kemahiran Belia Negara di Pantai Timur Sabah yang pernah diwujudkan, saya ingin memohon agar sebuah IKBN dapat diwujudkan di kawasan saya yang selama ini terpinggir dan tiada satu pun Institut Kemahiran Belia diwujudkan. Sekian terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih suara dari Sabah. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kuala Krau. Selepas itu Yang Berhormat Merbok. Sila.

### 3.19 ptg.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin merujuk kepada Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Sebagaimana Yang Berhormat Ahli Parlimen yang lain, kita mencadangkan supaya Yang Berhormat Menteri Kewangan semak baliklah peruntukan untuk Kementerian Belia dan Sukan ini kerana daripada tahun 2019 ke tahun 2020, menurun.

Sepatutnya semakin menaik. Jadi, kita minta peruntukan ini ditambah oleh kerana Yang Berhormat Menteri ini begitu segar, berani, kuat tidak manja dan saya harap sikap manja itu dihapuskan.

### ■1520

Masalah sedikit-sedikit itu biasalah. Kena buat macam Menteri Pertahanan. Segak sekarang, dahulu ketayap ada, sekarang jadi Menteri Pertahanan, ketayap tidak ada lagi *handsome*, nampak gagah berani...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Apa kaitan?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya hendak, saya hendak...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Dengan Bajet.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Yang Berhormat Kuala Krau.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Saya, kalau boleh RM1 bilion untuk KBS ini Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Jasin baru mula ini.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Mukadimah sahaja sudah mencelah...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Hamzah [Jasin]:** Saya hendak tanya Yang Berhormat Kuala Krau, pendapat yang mana Menteri KBS telah menyatakan bahawa mereka akan meminta peruntukan lebih sebanyak RM6 bilion bagi memastikan supaya kita dapat wujudkan sebanyak 350 ribu peluang pekerjaan. Setakat manakah ia tercapai? Minta penjelasan.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ya. Saya jadikan pencerahan daripada Yang Berhormat Jasin sebahagian daripada ucapan saya.

Saya ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri sebut tiga pencapaian besar sejak Yang Berhormat Menteri menjadi Menteri ini ialah yang pertama tentang Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia iaitu MFLS. Kedua, skim kesihatan khas bagi atlet. Ketiga, projek Riben Kuning iaitu untuk memberikan bekas banduan ini peluang pekerjaan.

Saya hendak tanya tentang Program Sekolah Kepimpinan Masa Depan Malaysia ini. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, program ini dikatakan adalah program yang menggantikan program PLKN dan juga BTN. Apakah modul program ini, dan saya difahamkan bahawa program ini divedok daripada program belia di Jepun yang disebutkan sebagai *Japan Future Leaders School (JFLS)*, dan berapakah bilangan pelajar yang telah diambil dan bila bermulanya program ini. Sama ada tahun ini akan bermula? Jika benar, apakah had umur pelajar tersebut? Program ini untuk berapa tahun? Dan adakah pelajar-pelajar atau peserta ini akan diberikan elaun-elaun khas untuk memasuki sekolah ini.

Keduanya, skim kesihatan khas untuk atlet. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, apakah bentuk sukan atau atlet yang diberikan bantuan atau skim bantuan khas untuk atlet ini. Jikalau kita sebut tadi Tuan Pengerusi, sebut Yang Berhormat Arau ini adalah Presiden persatuan Renang. Jadi, Yang Berhormat Arau ini kalau hendak menjadi atlet renang dia pun kena tanggalkan songkok dia, jadi dia tidak boleh pakai songkok, kalau dia hendak berenang. Jadi, kalau dia hendak terjun pun tidak boleh pakai songkok. Jadi macam Abang Mat ini- memang segaklah Abang Mat.

Ketiga, projek Reben Kuning ini memberikan peluang pekerjaan kepada bekas banduan. Saya hendak tanya, bekas banduan kategori jenayah apa yang akan mendapat peluang pekerjaan? Adakah bekas banduan atau pesalah-pesalah ini yang ada kategori yang tidak mempunyai risiko yang tinggi? Dan juga tentang belia yang berisiko, belia bagaimanakah- belia yang dianggap kategori belia yang berisiko yang akan diberikan peluang pekerjaan dan apakah KBS, setakat manakah? Sejauh manakah KBS telah berbincang dengan JPA dalam program khas ini.

Ini kerana saya difahamkan Yang Berhormat Menteri umumkan, untuk 10 tahun ini seramai 100 orang belia akan diberikan peluang pekerjaan. Iaitu belia yang bagi khas untuk projek Reben Kuning ini. Saya hendak tahu kalau begitulah, seramai 100 ribu untuk 10 tahun bermakna sebanyak 10 ribu peluang-peluang pekerjaan. Jadi saya ingat, saya ingin tahu, apakah bentuk pekerjaan yang akan diberikan khusus untuk belia-belia ini?

Akhirnya, tentang projek kompleks sukan. Di tempat saya di Jengka Parlimen Kuala Krau, di bawah Butiran 02001 – Kompleks Rakan Muda Daerah (KRMD), dan Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti.

Saya ucap tahniah kerana Yang Berhormat Menteri dan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri telah kembalikan semula SIC dan diberikan peruntukan sebanyak RM37,0500,000. Jadi saya hendak tahu, kalau diberikan kepada SIC ini jumlah yang besar, kenapakah Kompleks

Sukan Jengka di bawah MSN ini tidak diberikan peruntukan langsung. Akhirnya Kompleks Sukan Jengka di bawah MSN ini diambil alih oleh UiTM. Ini sangat menyedihkan kerana sepatutnya belia-belia yang tidak menjadi pelajar ataupun penuntut UiTM boleh menggunakan kemudahan di situ. Saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil perhatian yang khusus bagi kompleks sukan di Jengka ini. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok selepas itu Yang Berhormat Bachok. Sila.

### 3.25 ptg.

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, saya cuma ada empat perkara. Pertama merujuk kepada Butiran 020200 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES).

Saya lihat tiada Peruntukan Mengurus pada tahun 2020 dan kita sebenarnya sedia maklum, pada Jun 2019 yang mana kita ada RUU menurunkan umur pengundi daripada 21 tahun kepada 18 tahun. Maka saya fikirkan, perlu ada penyelidikan dan pembangunan belia-belia dengan secara serius. Oleh sebab peningkatan pengundi-pengundi itu sangat *significant*. Jadi, apakah rasionalnya tiada peruntukan dalam butiran ini?

Seterusnya, Butiran 030300 – Bulan Sukan Negara. Untuk bulan sukan Negara-negara, saya rasa ini adalah bulan sukan negara adalah acara tahunan, dan saya lihat bajet itu sangat *ciput*-sebanyak RM3 juta sahaja. Soalan saya, adakah bajet ini meliputi sambutan Bulan Sukan Negara di daerah-daerah, atau di peringkat negeri sahaja? Sekiranya ia melibatkan sambutan di peringkat daerah, saya mencadangkan agar ia dinaikkan kerana sambutan di peringkat daerah ini ia lebih merakyat dan membumi.

Seterusnya, saya ingin sentuh juga Butiran 031000 – *Malaysia Future Leaders School* (MFLS). Kita semua telah sebut, juga merupakan pengganti kepada PLKN dan BTN. Saya difahamkan perbezaan pemilihan peserta untuk masuk MFLS ini kena lihat kepada elemen-elemen akademik, kegiatan kokurikulum, sahsiah dan kecergasan fizikal. Jadi empat elemen inilah lazimnya melihat kepada pelajar-pelajar yang cemerlang. Ia berbeza dengan PLKN yang mana pemilihan itu lebih terbuka dan pemilihannya secara rawak. Jadi persoalan saya, bagaimanakah mereka yang kurang cemerlang dalam elemen-elemen yang saya sebut tadi itu, pendekatan kita atau memang tidak ada peluang langsung untuk masuk dalam MFLS ini.

Akhir sekali, Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Saya memang bersetuju dengan pembahas-pembahas lain yang menyebut gelanggang futsal, terutamanya di daerah-daerah kawasan kami ini memang banyak yang terbiar. Saya difahamkan, apabila ia sudah rosak itu, gelanggang futsal ini sebenarnya dibina dan akan diserahkan kepada pemilik, pemilik itu adalah sekiranya gelanggang futsal itu dibina di atas tanah PBT, maka PBT lah yang akan menjadi pemilik selepas itu.

Persoalannya adalah, kalau sudah rosak siapa hendak mengambil gelanggang futsal yang telah rosak. Saya difahamkan ada sebahagian gelanggang futsal ini mendapat bajet untuk membaiki, tetapi tidak semua. Maka, maksud saya bagaimana baki-baki gelanggang futsal ini yang saya rasa harus dilihat secara serius, dia punya status.

Akhir sekali juga, saya mengharapkan setiap pembinaan apa jua fasiliti sukan harus mesra wanita. Maksudnya kena *pikiaq* juga. Fasal wanita ini contoh, gelanggang futsal ini kita buat gelanggang sahaja, tiada tempat persalinan dan sebagainya. Itu saya bagi contohlah gelanggang futsal. Maksud dia apa juga fasiliti kemudahan sukan, saya harap sangat letakkan pemikiran kita juga, supaya wanita selesa bila menggunakan kemudahan sukan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bachok. Oleh sebab Yang Berhormat Bachok tiada dalam Dewan, saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor. Sila.

### 3.28 ptg.

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Kepala Bekalan B.45, Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia dengan peruntukan sebanyak RM198 juta, apakah program kemahiran yang akan dilaksanakan dan apakah sasaran kementerian melalui program ini.

Butiran 030000 – Program Khusus, dengan peningkatan peruntukan sebanyak RM203 juta berbanding tahun ini, apakah perancangan kementerian dengan penggunaan bajet yang tinggi ini?

Seterunya, Butiran 030500 – Penyelenggaraan Peralatan Latihan dan Bangunan IKBN, sebanyak RM5 juta. Adakah IKBN Pertak, Ampang Pecah tersenarai bagi mendapatkan peruntukan ini pada tahun hadapan? Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, sebab permintaan sangat tinggi di kawasan IKB dan perlunya untuk menaik taraf bagi kelestarian kepada belia-belia khususnya di kawasan Hulu Selangor.

Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan. Sebanyak RM41 juta, apakah kategori program di dalam peruntukan ini, dan bagaimanakah caranya untuk memohon peruntukan ini?

### ■1530

Beralih kepada Kepala Pembangunan P.45, Butiran 00100 – IKBN dengan peruntukan RM46 juta, adakah kementerian merancang untuk memperbaharui atau menambah bilangan kursus yang ditawarkan oleh IKBN Pertak, Ampang Pecah terutamanya dalam bidang teknologi automotif dan teknologi mekanisme. Ini kerana daerah mempunyai pelbagai industri besar terutamanya yang telah pun ke arah Revolusi Industri 4.0. Ini merupakan satu peluang baik untuk bekerjasama dengan pemain industri dalam melahirkan belia yang mempunyai kemahiran teknikal tinggi,

Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti dengan perbelanjaan RM10 juta. Apakah perancangan kementerian untuk menggunakan dana ini? Adakah lebih banyak kompleks sukan



komuniti akan diwujudkan di kawasan luar bandar? Adakah Hulu Selangor tersenarai untuk menerima peruntukan ini? Untuk makluman Yang Berhormat Menteri, daerah Hulu Selangor mempunyai 68 buah sekolah tetapi tiada kemudahan sukan yang bersesuaian untuk menjalankan latihan.

Ini amat mendukacitakan kerana Hulu Selangor mempunyai ramai atlet cilik terutamanya dalam bidang balapan. Atlet cilik ini pula sering kali menghadapi cabaran untuk menjalani latihan kerana tidak ada kemudahan kompleks sukan komuniti. Penganjuran sukan berskala besar juga tidak dapat diadakan oleh sebab ketegangan ini. Malahan penganjuran sukan peringkat daerah juga terpaksa menyewa kemudahan di luar kawasan menyebabkan penambahan kos pengangkutan dan lain-lain. Ini permintaan daripada seluruh sekolah di Hulu Selangor yang sering kali diutarakan namun sehingga kini belum membuahkan hasil. Saya berharap sangat Yang Berhormat Menteri boleh mengambil maklum.

Butiran 02400 – Gelanggang Sukan dengan peruntukan RM175 juta. Apakah kategori gelanggang sukan di bawah peruntukan ini dan apakah ia akan untuk membina baru ataupun membaik pulih gelanggang yang sedia ada? Adakah gelanggang sukan di sekolah ini juga layak untuk memohon peruntukan ini? Apakah justifikasi pihak kementerian dalam pemilihan gelanggang yang layak memohon peruntukan ini? Adakah ia berasaskan kepada statistik penggunaan, mohon maklum balas daripada pihak kementerian.

Terakhir sekali, saya lihat tiada butiran khas untuk pembangunan sukan lasak seperti Hulu Selangor. Mohon pertimbangan pihak kementerian bagi mewujudkan satu hab sukan lasak terutamanya *motocross*. Permohonan ini telah diangkat dari tahun 2018 tetapi masih tiada sebarang maklum balas daripada pihak kementerian. Ini amat mendukacitakan kerana atlet *motocross* yang mengharumkan nama negara merupakan anak jati Hulu Selangor. Dengan kewujudan *facility motocross* di Hulu Selangor, dia dapat menjadi pemangkin untuk mencungkil bakat baru belia dalam sukan lasak. Selain itu, ia juga dapat dijadikan satu tarikan pelancongan sukan lasak di samping dapat peluang pekerjaan. Pembinaan hab sukan lasak bukan sahaja dapat mengurangkan gejala lumba haram malahan juga dapat dijadikan platform untuk para belia mempelajari teknik perlumbaan *motocross* secara berhemah dalam satu *facility* yang terjamin tahap keselamatannya.

Di Hulu Selangor juga terkenal dengan keindahan alam yang membuka pelbagai peluang ekopelancongan. Bagi penggemar aktiviti lasak khususnya belia-belie Hulu Selangor menawarkan aktiviti *water rafting* dan paragliding. Diharapkan kementerian juga dapat membantu untuk membangunkan serta menaiktarafkan kemudahan yang selamat, merangsang belia-belie menceburi aktiviti yang sihat ini. Dengan itu, sekian terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lenggong. Selepas itu Yang Berhormat Padang Serai.

**3.34 ptg.**

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh Butiran 020000 dan juga Butiran 030000 iaitu Pembangunan Belia dan Sukan dan juga Program Khusus.

Apa pun saya hendak mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri kerana ada kesungguhan untuk melaksanakan program-program belia kerana itulah sepatutnya Yang Berhormat Menteri lakukan. Cuma, kalau kita merujuk kepada Akta Pembangunan Belia yang diluluskan di Dewan ini, seksyen 49, Akta Pertubuhan Pembangunan Belia. Dalam akta berkenaan dengan jelas menunjukkan bahawa Majlis Belia Malaysia adalah badan rasmi yang mewakili gerakan belia di dalam negara ini.

Sudah tentu kalau Yang Berhormat Menteri meluluskan kepada kelab pemuda belia tidak mengapa tetapi saya minta bolehkah tidak, Kelab Pemuda Malaysia ini dibuat pemilihannya secara demokrasi. Serahkan kepada anak muda, biar anak muda menentukan sesiapa pemimpin mereka dan tidak ditentukan oleh Menteri. Ini kerana kalau Yang Berhormat Menteri berbuat begitu, signal kepada rakyat bahawa Menteri menutup amalan demokrasi kepada gerakan belia dalam negara ini, itu satu.

Oleh sebab itu saya berharap bincangkan semula kerana MBM ini sepatutnya dapat bukan sahaja dia tetapi 40 organisasi belia di bawahnya di peringkat kebangsaan, organisasi di peringkat negeri dan juga organisasi di peringkat daerah yang mana keanggotaannya lebih daripada tiga juta orang. Baik, itu satu.

Keduanya, saya hendak sebut berkaitan dengan Sepang International Circuit Sdn Bhd. Okey. RM30,500,000 diperuntukkan hanya untuk program ini. Sangat besar. Kalau kita tengok Majlis Sukan Negara diperuntukkan RM14 juta. Majlis Institut Sukan Negara (ISN) RM14 juta. Dicampurkan kedua-dua ini baru RM28 juta sedangkan ISN dan juga MSN ini melaksanakan program sukan yang memberi impak besar kepada rakyat termasuklah di akar umbi. Kenapa perlu memberikan program kepada pihak swasta yang sepatutnya mereka menjana sendiri untuk membolehkan kegiatan sukan ini dilaksanakan. Kita faham walaupun ada kaitan dengan anak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, kita ketepikan yang itu. Biar peluang untuk sukan ini menjana pendapatan dia sendiri dan tumpukan kepada MSN dan juga ISN. Ini melibatkan ramai anak muda.

Satu lagi Yang Berhormat Menteri, saya mengucapkan terima kasih kerana melaksanakan Program Bulan Sukan Negara cuma lain kali jangan buat logo begitu, ia tidak elok. Cari logo yang cantik macam Yang Berhormat Menteri cantik, logo mesti cantik. Cuma saya hendak...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said. [Kuala Krau]:** *Handsome* lah Yang Berhormat Lenggong bukan cantik, *handsome*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** *Handsome*, Allah ingat cantik.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said. [Kuala Krau]:** Jambu, jambu.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jambu.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Teruk betullah Yang Berhormat Lenggong ini.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Oleh sebab itu Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** *Good looking* apa.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Adakah tidak kajian impak dibuat kepada Bulan Sukan Negara sebab kita lihat di banyak tempat yang hanya melibatkan kakitangan kerajaan sahaja, tidak banyak melibatkan rakyat. Falsafah sebenar program ini diwujudkan oleh Yang Berhormat Rembau dahulu untuk merakyatkan sukan. Oleh sebab itu, jangan banyakkkan program-program dengan kakitangan kerajaan tetapi mesti kepada rakyat. Oleh sebab itu saya berharap kajian impak mestilah dilakukan.

Seperkara lagi ialah institut *International Youth Centre (IYC)*. IYC ini saya pernah menjadi lembaga pengarahnya. Ia di *sponsor* asalnya oleh Jepun sebagai program pandang ke timur pada waktu itu. Saya berharap Yang Berhormat Menteri beri peluang kepada anak muda untuk mengendalikan IYC ini dari segi lembaga pengarah dan sebagainya. Zaman saya dahulu pun semangat itu sudah ada tetapi tidak buat. Yang Berhormat Menteri ubah lembaga pengarahnya bagi kepada anak muda biar anak muda melaksanakan IYC ini dan melaksanakan program-program kerana kita sebenarnya ialah melahirkan pemimpin belia yang bukan hanya dalam negara. IYC di peringkat ASEAN, *Commonwealth* dan sebagainya.

Saya bimbang jika Yang Berhormat Menteri tidak menumpukan kepada gerakan belia, kita akan ketandusan di peringkat itu kerana persatuan, kelab pemuda belia Yang Berhormat Menteri bentuk itu ia tidak boleh menjadi wakil kepada organisasi di peringkat antarabangsa, yang boleh menjadi wakil ialah MBM dan badan-badan di peringkat kebangsaan. Perkara ini harus dilihat oleh Yang Berhormat Menteri.

Satu lagi Yang Berhormat...

**Seorang Ahli:** [*Menyampuk*] Sejuta cukup kah untuk IYC, sejuta sahaja.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Ya mereka boleh mendapatkan dana daripada Jepun sebenarnya. Institut Kemahiran Belia Negara. Saya hendak dapat maklumat daripada Yang Berhormat Menteri, apakah kurikulumnya masih menggunakan kurikulum lama? Kalau masih, apakah kebolehan pasarannya? Apakah ia memenuhi tuntutan kepada pasaran belia yang ada pada hari ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat masa sudah tamat.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Jadi saya berharap Yang Berhormat Menteri dalam apa keadaan sekalipun tumpukan kepada dan beri pengiktirafan kepada gerakan belia yang ada hari ini kerana itulah yang sebaiknya. Malah pertubuhan-pertubuhan belia yang ada dalam negara ini sebenarnya dianggotai oleh pelbagai parti politik...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong, sekarang saya...

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** ...Bukan semua menyokong UMNO dan Barisan Nasional. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** ...Menjemput Yang Berhormat Padang Serai. Silakan.

**3.39 ptg.**

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Seterusnya saya pergi kepada Butiran 010200. Stadium Keladi, Kulim adalah antara stadium utama bagi rakyat sekitar Kulim. Pelbagai program masyarakat dibuat di sana sepanjang tahun tetapi sudah banyak *facility* di dalamnya sudah rosak. Oleh itu diminta kerajaan memberi peruntukan untuk membaiki Stadium Keladi untuk kemudahan pengunjung akan datang.

■1540

Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, keadaan rosak dia, dinding sudah tengok macam sudah 10 tahun tak pernah cat, ada sebahagian dinding runtuh, lampu tidak ada *track*, *track* dia sudah kopak. Saya berharap kementerian ambil perhatian.

Seterusnya Butiran 020100, jumlah ahli persatuan belia induk di negeri Kedah sudah melebihi 10,000 orang ahli sejak tahun 2017. Ahli-ahli baru seterusnya bertambah setiap tahun, apakah pelan kementerian untuk menambah aktiviti-aktiviti kepimpinan kepada persatuan belia di negeri utara termasuk Kedah. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, saya cadangkan membina sebuah kolam mandi sebab apa ada yang kolam-kolam di kolam-kolam...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Kolam renang kah, kolam mandi? [*Ketawa*]

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** *Sorry* apa kolam berenang adalah kelab-kelab yang mana orang-orang miskin tidak dapat digunakan sebab kebanyakan penduduk di kawasan saya adalah B40. Baru-baru ini ada dua orang remaja dalam dua minggu meninggal umur 16 tahun sahaja pergi mandi dekat sungai, saya berharap ambil perhatian.

Seterusnya Butiran 020600, kadar penyertaan tenaga buruh di Kedah adalah 64 peratus kurang 4 peratus daripada kadar kebangsaan. Apakah langkah kementerian untuk menggalakkan latihan TVET seperti Program Bootcamp dengan izin di negeri Kedah. Ini akan dapat meningkatkan kemahiran belia Kedah dalam pasaran dalam negeri dan juga luar. Itu sahaja daripada Padang Serai, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput wakil Sarawak, Yang Berhormat Hulu Rajang. Selepas itu Yang Berhormat Tenom, Yang Berhormat Kinabatangan, dan Yang Berhormat Segamat.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar dua minit cukup.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tunggu giliran Yang Berhormat sila.

**3.42 ptg.**

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Saya terus kepada Butiran 020007 – Kompleks Komuniti Sukan. Untuk pengetahuan Kementerian Belia dan Sukan bagi kawasan Parlimen Hulu Rajang ini adalah di bahagian Kapit yang mempunyai populasi kurang lebih 150,000 orang. Di bahagian Kapit terdapat lebih 100 lebih organisasi belia dan sukan tambah lagi 4 atau 5 buah sekolah menengah di bahagian Kapit. Malah atlet raja pecut Yang Berhormat Menteri, Raja Pecut Kebangsaan Jonathan Nyepa yang berasal dari kawasan Parlimen Hulu Rajang iaitu di daerah Belaga. Bulan hadapan saya ingat beliau adalah wakil negara kita untuk bertanding di Sukan Sea di Filipina.

Tuan Pengerusi, lahirnya atlet seperti Jonathan Nyepa menunjukkan walaupun beliau datang dari daerah pengalaman tetapi sentiasa ada bakat tersembunyi yang hanya menunggu masa untuk menyerlah. Akan tetapi bagi menzahirkan potensi yang penuh dari bakat tersembunyi itu bukanlah satu perkara yang mudah Tuan Pengerusi. Ia memerlukan komitmen, *facilities* sukan, kemudahan sukan dan peluang yang betul pada masa yang betul juga dengan izin *the right time a right opportunities and the right health* Tuan Pengerusi.

Oleh yang demikian, Kementerian Belia dan Sukan mempunyai tanggungjawab yang berat bagi memastikan bakat-bakat yang baru ini dilatih dengan peralatan yang betul dan jurulatih yang betul juga Tuan Pengerusi. Di peringkat kebangsaan, KBS telah melakukan yang terbaik dengan *facilities* dan jurulatih berkelas dunia. Akan tetapi di peringkat akar umbi Tuan Pengerusi malah banyak perlu dilakukan Yang Berhormat Menteri. Sebagai contoh di kawasan Parlimen Hulu Rajang, stadium utama di situ ialah Stadium Kapit. Akan tetapi stadium di situ berada di dalam keadaan yang uzur Tuan Pengerusi. Track olahraga sudah retak, koyak, bagaimana Yang Berhormat Menteri atlet hendak berlatih di track olah raga tidak elok. Adakah kita mahu melihat bakal atlet negara kita berlatih hanya di track yang bakal mengundang kemalangan. Oleh itu, saya hendak memohon kepada pihak kementerian untuk membina sebuah stadium satu lagi di bahagian Kapit. Pembinaan stadium ini adalah sangat penting bagi pembangunan atlet negara dari Sarawak. Di pedalaman begitu banyak dengan izin natural *talent* Tuan Pengerusi sayang jika bakat mereka di bazirkan. Bicara tentang pembangunan bakat atlet sukan, kita juga perlu fokus kepada pembangunan modal insan di peringkat akar umbi dan juga komuniti.

Sukan adalah fakta utama menyatukan komuniti kita. Oleh itu, saya hendak memohon kepada pihak kementerian untuk membangunkan Kompleks Sukan Komuniti di kawasan daerah Belaga di Parlimen Hulu Rajang Yang Berhormat Menteri.

Saya rakyat Sarawak dan juga saya berharap rakan-rakan kita dari Sabah juga, saya merasa sedih dan kecil hati sikit Tuan Pengerusi. Kalau Sarawak dan Sabah sebagai sebuah negeri untuk membentuk Malaya sebagai negeri negara Malaysia jadi saya minta dan cadangkan ini dari Parlimen Hulu Rajang untuk Sarawak mohon kepada Kementerian Belia dan Sukan dan menteri sedikit supaya pasukan kita Harimau Malaya itu ditukar kepada pasukan Harimau

Malaysia. Supaya Sabah dan Sarawak juga bersama-sama kongsi kebanggaan pasukan kita. [Tepuk] Oleh itu saya berharap pihak kementerian dapat membangunkan sekali lagi iaitu Kompleks Sukan Komuniti di daerah Belaga. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Rajang, sekarang saya menjemput wakil Sabah. Yang Berhormat Tenom, sila.

**3.47 ptg.**

**Puan Noorita binti Sual [Tenom]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada butiran yang pertama iaitu Butiran 03100 – *Malaysia Future Leaders School*. Tidak dinafikan kelompok belia adalah tulang belakang negara pemimpin muda yang sedang digilap serta modal insan yang menjadi peneraju dan penentu masa depan negara. Saya melihat kementerian ini telah menyediakan satu program baru yang dikenali sebagai *Malaysia Future Leaders School* yang akan dilaksanakan bagi melatih anak muda menjadi pemimpin berkualiti pada masa akan datang. Malahan saya difahamkan program berkenaan merangkumi 3 fasa di mana penyertaannya adalah daripada pelajar terbaik di seluruh negara.

Dengan peruntukan dalam Bajet 2020, sebanyak RM53.87 juta saya sebenarnya ingin mengalu-alukan langkah yang sangat proaktif apatah lagi di kawasan-kawasan luar bandar dan pedalaman seperti Tenom ianya satu peluang terbaik untuk kanak-kanak muda dari luar bandar. Jadi saya hendak bertanya, berapakah jumlah penyertaan daripada golongan anak muda luar bandar dari negeri Sabah semenjak program ini diperkenalkan? Berapa ramai kah yang telah terpilih hingga ke fasa ketiga? Apakah prosedur untuk mengenal pasti kelompok-kelompok ini. Adakah ianya semata-mata berdasarkan akademik ataupun penyampaian sukan? Pohon penjelasan lebih lanjut daripada kementerian.

Seterusnya saya juga ingin mendapat perhatian Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Kemudahan Sukan Negeri-negeri bersekalikan dengan Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Saya juga ingin mendapat perhatian daripada pihak kementerian berhubung kompleks sukan dan gelanggang sukan di Tenom dan Sabah keseluruhannya. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, Kerajaan Sabah berhasrat untuk membida penganjuran sukan Malaysia SUKMA pada tahun 2022. Infrastruktur sukan perlu dipertingkatkan bagi penganjuran acara bertaraf antarabangsa ini termasuklah menaik taraf Stadium Likas dan seterusnya keperluan pembinaan *indoor arena* di Sabah.

Saya berharap menerusi peruntukan yang besar umpamanya melalui peruntukan gelanggang sukan sebanyak RM175 juta ini sedikit sebanyak boleh menaik taraf kemudahan sukan bagi negeri Sabah. Saya ingin sekali lagi bertanya kepada projek menaik taraf Kompleks Sukan Tenom yang masih belum dimulakan. Perkara ini pernah saya bangkitkan beberapa kali sejak tahun lalu, rakyat Tenom amat memerlukan kompleks sukan ini jadi sekali lagi saya hendak bertanya kepada kementerian bilakah pembinaan Kompleks Sukan Tenom ini akan dimulakan.

## ■1550

Tuan Pengerusi, saya juga hendak bertanya kepada kementerian, adakah mereka juga mempunyai senarai gelanggang-gelanggang sukan yang perlu diutamakan di kawasan luar bandar, desa ataupun kampung. Kemudahan gelanggang sukan sangat penting apatah lagi ia juga merupakan alat perpaduan kepada kaum dan masyarakat.

Sebagai Ahli Parlimen Tenom saya banyak menerima permohonan daripada kampung-kampung untuk menyediakan kemudahan gelanggang sukan ini umpamanya gelanggang sepak takraw, bola tampar dan sebagainya. Jadi saya mohon agar peruntukan di bawah butiran gelanggang sukan ini juga perlu diberi perhatian kepada keperluan gelanggang sukan di pedalaman dan di luar bandar.

Akhir sekali Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan. Tuan Pengerusi, saya juga ingin tahu setakat mana sebenarnya pengangguran belia Sabah yang dikatakan tertinggi di negara ini. Bolehkah kementerian memberikan statistik mengikut daerah di Sabah. Saya ingin tahu apakah program belia yang telah dirancang untuk dilaksanakan oleh kementerian di Sabah? Saya juga ingin tahu setakat mana sebenarnya pengukuhan jentera penyelarasan program belia dan sukan antara persekutuan, negeri, daerah dan pejabat Parlimen itu sendiri. Itu sahaja, Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Tenom. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kinabatangan. Sila.

**3.51 ptg.**

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara, Butiran 030700 – Sepang International Circuit, Butiran 030800 – Program Belia dan Sukan, dan yang terakhir Butiran 020007 – Kompleks Sukan. Yang Berhormat Menteri, saya ingin tahu sejauh manakah kekangan, dahulu kerajaan dahulu mengekang ataupun melarang mana-mana pemegang jawatan selaku Menteri memegang jawatan dalam persatuan sukan negara. Apakah kekangan ini, halangan ini masih berterusan sebab saya dengar ada lagi di kalangan menteri-menteri yang ada sekarang hendak bertanding di dalam mana-mana jawatan sukan. Jadi saya mahu ingin tahu sejauh mana kekangan ini berlaku.

Kedua, saya ingin tahu juga apakah inti patinya kerajaan dan kementerian memberi RM37 juta kepada Sepang International Circuit kepada *private company*. Apa *priority* kementerian ini untuk memberi kemudahan, kesenangan kepada swasta atau kepada belia dan sukan, kepada belia dan kepada kemapanan sukan itu untuk ditingkatkan.

Hari ini saya lihat belia tidak tahu entah ke mana, sukan pun kita hidup segan mati tidak mahu. Orang Sabah cakap, dia incut-incut, dia kata. Jadi bagaimana, kita rakyat mengharapkan Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan orangnya Yang Berhormat Lenggong kata cantik, bukan *handsome*. Muda lagi, lagi berketerampilan, rakyat mahu benda ini kalau Menteri sebegini

seharusnya membawa impak yang tinggi kepada belia, kepada sukan. Buat *hands on*, buat *engagement* ke arah mengangkat martabat sukan dan belia itu sendiri.

Hari ini belia-belie kita mereka pun hilang hala tuju. Majlis Belia Malaysia pun entah tidak tahu ke mana.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tidak ada peranan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tidak ada peranan. Jadi cuba Yang Berhormat balik rumah buat *study*. Fikir macam mana hendak meletakkan belia ini adalah harapan bangsa kita untuk menjurus ke 10 – 20 tahun akan datang. Yang Berhormat masih muda bermakna kalau Yang Berhormat boleh meletakkan diri Yang Berhormat di kalangan kelompok orang belia, Yang Berhormat akan jadi Menteri 20, 30 tahun lagi.

Akan tetapi kalau tidak, ini masalah sayang, *skill* yang ada pada Yang Berhormat itu sayang. Saya ini memberi pandangan yang seikhlas-ikhlasnya. Jadi cuba Yang Berhormat jangan tertekan dengan mana-mana pihak, buat *study*, buat *homework*. Kalau debat Yang Berhormat boleh jadi pendebat antarabangsa tidak akan kementerian begini Yang Berhormat tidak boleh urus.

Bukan susah sangat mengurus, yang penting ada keikhlasan dan jangan takut, jangan bimbang seperti Yang Berhormat jadi pembangkang dahulu berhujah, jangan takut lawan tetap lawan. Jadi, sudah jadi Menteri buatlah apa lagi mahu takut, buat untuk kebaikan negara, kepentingan belia-belie kalau Yang Berhormat buat, percayalah Yang Berhormat akan kekal jadi menteri, jadi menteri dan jadi menteri sampai Yang Berhormat tidak mahu lagi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada sifat takut tidak takut, tidak ada dalam Belanjawan.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Jangan kasi arwah orang sahaja. Saya juga Yang Berhormat, kerajaan yang dahulu telah meluluskan satu mini kompleks sukan di Kinabatangan. Jadi saya ingin tanya apakah program itu masih diteruskan ataupun sudah dibatalkan sebab sudah jadi pembangkang. Kalau masih diteruskan bila agak-agaknya dapat dilaksanakan.

Terakhir sekali, saya berharaplah Yang Berhormat pemimpin yang berwibawa, janganlah pula KSU kementerian ini digantung tugas dan diganti seperti yang berlaku di Kementerian Pertanian Industri dan Asas Tani. Mentang-mentang ada isu, KSU digantung, dibekukan masuk *pool*, dikambinghitamkan. Jadi ini saya percaya tidak akan berlaku di kementerian ini di bawah kepimpinan Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan. Sekarang saya menjemput, Yang Berhormat Segamat. Selepas itu Yang Berhormat Rantau Panjang dan Yang Berhormat Bagan Serai. Sila.



**3.55 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri sebab ramai yang berbincang mengenai pelbagai aktiviti dan juga pelbagai sukan. Saya hendak bertanya mengenai catur. Catur ini ada sesuatu yang unik. Ada kalanya kementerian kata catur itu permainan. Ada kalanya dikatakan sukan tetapi catur itu adalah di bawah Suruhanjaya Sukan maka Registrar of Sport maka ianya adalah satu sukan.

Kita mendapati dalam catur ini adalah di mananya satu permainan tidak kira anak kampung duduk sejauh mana pun asalkan dia ada satu papan catur dan juga sebagainya dia sudah boleh main. Dengan erti kata lain dengan izin, *the entry cost* itu amat murah berbanding dengan atlet sukan basikal lumba dan juga sebagainya agak mahal.

Maka catur ini memang sesuai untuk kita memperkenalkan di pelosok Malaysia dan khususnya catur ini boleh digunakan untuk sebagai satu alat perpaduan di antara kaum, di antara masyarakat dan juga sebagainya. Maka saya mendapati di Malaysia ini kita agak unik. Kita ada bangsa Melayu, Cina dan India, kalau kita mendapati di negara India ada pemain catur yang juara dunia dan di Indonesia pula ramai pemain-pemainnya adalah *grand master*. Di China dan di Vietnam kita sudah ada pemain di peringkat dunia.

Akan tetapi di Malaysia ini sehingga hari ini kita gagal untuk mengadakan ataupun gagal untuk membolehkan seorang warga Malaysia tidak kira kaum mana, Melayu, Cina dan India, Kadazan ataupun Iban dan juga sebagai untuk menjadi *grand master* walaupun kita setelah 61 tahun merdeka kita masih gagal.

Saya yakin salah satu masalahnya adalah kerana kita kekurangan dana dan sukan catur ini sering ditinggalkan ataupun diabaikan sebab saya pernah juga menjadi Timbalan Presiden Persatuan Catur Malaysia yang sebelumnya pada masa itu bila tidak cukup duit saya sendiri berikan wang peribadi RM50,000 untuk pembangunan catur, itu pada masa saya. *[Tepuk]*

Maka saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah rancangan kementerian untuk sukan catur ini dan bagaimana kita hendak laksanakan. Saya hendak mengajak kalau boleh Yang Berhormat Menteri membenarkan Segamat untuk jadi Bandar Catur kerana baru-baru ini kita ada satu *target* kita hendak jadikan UPSR di Johor sebagai nombor satu. Saya ucap tahniah Muar dapat nombor tiga dalam UPSR Johor dan Segamat dapat nombor satu pada tahun ini.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Segamat, boleh minta sedikit.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Maka ini menunjukkan hasrat kita. Biar saya habiskan, saya akan berikan. Seterusnya, Butiran 020007 – Kompleks Sukan Komuniti. Saya hendak mengatakan bahawa pada 18 Julai dalam Kamar Khas di mana saya telah mendapat jawapan bertulis maka saya minta berapa pejabat sukan dalam Daerah Segamat tetapi diberikan saya satu layar Segamat termasuk juga lain-lain semuanya.

Contohnya Palong Timur, kompleks sukan tiada, padang awam – satu, gelanggang futsal saya sudah jawab tujuh. Saya sudah pergi semak hanya ada satu sahaja. Juga Palong Timur 2, kompleks sukan tiada, padang awam satu, gelanggang futsal yang sudah agak tidak boleh digunakan ataupun nampak memang usang satu. Juga Palong Timur 3 tiada gelanggang sukan dan juga ada padang satu dan kita juga mendapati tiada gelanggang futsal, kosong.

Maka saya telah memohon kepada Yang Berhormat Menteri bahawa kita tidak ada kemudahan sukan untuk masyarakat belia sampai 15,000 orang duduk di sana. Kalau tidak ada kerana itulah mereka terlibat dalam gejala-gejala yang kurang memuaskan. Kita mendapati bahawa masalah isu dadah dan juga sebagainya..

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Kangar mahu mencelah.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Maka saya harap Yang Berhormat Menteri dapat memberikan perhatian khusus yang ini dengan ini saya izinkan Yang Berhormat Kangar untuk mencelah.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Terima kasih, Yang Berhormat Segamat. Tadi saya hendak mencelah berkaitan dengan catur kerana saya dahulu juga adalah pemain catur bagi negeri Perlis. Saya ingat soalan Yang Berhormat Segamat pada tahun lepas yang dijawab oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri Belia dan Sukan mengenai usaha kerajaan untuk melahirkan *grand master* Malaysia yang pertama yang mana salah satu daripada kriterianya ialah orang kata peluang untuk bermain dengan *player-player* yang bertarafkan *grand master*.

#### ■1600

Jadi, saya melihat kalau kita tengok dalam Butiran 01800 - Penyediaan Sukan Antarabangsa, mungkin Kementerian Belia dan Sukan patut mempertimbangkan untuk kita menganjurkan lebih banyak kejohanan yang bertaraf antarabangsa untuk kita bawa *player-player* yang bertaraf *grand master* untuk bermain di Malaysia kerana dulu pada zaman saya itu kita dapat juga bawa. Tapi sekarang ini sudah kurang, semakin ramai *player-player* muda daripada Vietnam, Filipina yang main bila ada pertandingan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Izinkan saya menggulung. Yang Berhormat Menteri, dulu sewaktu saya zaman korporat, kita ada kejohanan catur dunia Dr. Raja Nazrin Shah, Duli Yang Maha Mulia Raja Nazrin Shah, di mana kita menjemput semua *grand master* daripada luar negara dan kebiasaannya hampir seramai 20 orang datang bermain. Apabila hanya bila ada pertandingan antarabangsa dengan *rating*, barulah bila anak-anak kita main, mereka juga boleh menjadi pemain yang ber *rated* dan juga bermain.

Maka, saya zaman korporat tidak apalah, saya keluarkan hampir RM100 ribu setahun untuk lima tahun tapi sekarang sudah masuk ahli politik dengan gaji yang kurang ini, sudah tidak boleh. Maka saya agar meminta, kalau- boleh tidak kementerian bersama-sama untuk kita kembali menganjurkan kejohanan catur tersebut agar kita boleh membawa semua *grand master* ke Malaysia. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rantau Panjang. Sila.

#### 4.01 ptg.

**Dato' Hajah Siti Zailah binti Mohd Yusoff [Rantau Panjang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya mengambil poin ini untuk sama-sama membahaskan Kementerian Belia dan Sukan, Maksud B.45. Terlebih dahulu, saya mengalu-alukan kedatangan Majlis Perwakilan Pelajar Kampus dan juga Jawatankuasa Kepimpinan Pelajar ke Dewan yang mulia ini. Orang lama kita hormati, orang muda kita sayangi. *Alhamdulillah*, terlebih dahulu saya mengucapkan terima kasih dan tahniah kepada pihak kementerian, yang telah mengadakan pelbagai usaha untuk membina, untuk melahirkan belia yang berpotensi untuk memajukan pembangunan strategik masa depan negara kita. Soalnya sekarang ialah dengan peruntukan yang begitu sedikit yang diperuntukkan oleh kerajaan, sudah tentulah kekangan ini menjadi satu halangan besar.

Jadi, saya ingin tahu apakah usaha kementerian untuk memastikan visi dan misi kementerian dapat dicapai dengan kekangan peruntukan yang begitu sedikit. Saya ingin tahu juga ialah apakah usaha-usaha pembaharuan yang sedang dibuat untuk memastikan belia kita menjadi aset yang sangat berguna pada masa depan negara. Isu pengangguran belia yang lebih daripada 10.7 peratus lagi dalam keadaan menganggur. Isu pengangguran di kalangan siswazah, masalah sahsiah di kalangan belia, isu penagihan dadah yang melibatkan golongan belia, isu pembangunan ilmu, isu kemahiran, isu usahawan belia. Sejauh mana perkara ini dapat ditangani oleh pihak kementerian dan apakah usaha-usaha baru untuk penambahbaikan dalam pencapaian ini.

Kalau kita melihat dalam bajet ini di mana peruntukan untuk Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia di Butiran 020200 telah ditiadakan dalam peruntukan untuk Bajet 2020. Saya ingin tahu, apakah puncanya sedangkan dalam Bajet 2019 telah diperuntukkan RM2.732 juta. Jadi, apakah institut ini akan ditutup dan apakah perancangan untuk masa depan Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia.

Saya ingin tahu juga ialah apakah usaha untuk mencapai kecemerlangan terutama program di kalangan beliawanis, sebab kita lihat banyak program-program yang diatur banyak melibatkan belia. Jadi, sejauh mana program yang diatur untuk program beliawanis termasuk juga kemajuan dari sudut sukan dan sebagainya dan kita lihat banyak di kawasan dan di negeri, kemudahan-kemudahan infra untuk kemudahan sukan wanita amat terhad.

Jadi, apakah perancangan pihak kementerian untuk memastikan bahawa kemudahan sukan untuk golongan beliawanis ini ditambahbaikkkan lagi di setiap negeri, termasuk kalau boleh di setiap Parlimen ada kompleks sukan yang boleh kita garapkan lagi bakat-bakat baru dalam bidang sukan. Begitu juga dasar untuk pelaksanaan pemakaian patuh syariah yang telah dijanjikan oleh pihak Yang Berhormat Menteri. Sejauh mana kepatuhan ini telah dilaksanakan,

terutama oleh semua agensi yang terlibat yang melibatkan atlet wanita Islam dan apakah halangannya setakat ini.

Saya ingin tahu juga ialah berapakah kos yang telah diperuntukkan dalam pembangunan sukan untuk negeri Kelantan, sebab saya dapat makluman bagaimana sebelum ini dalam lawatan Yang Berhormat Menteri ke negeri Kelantan berjumpa, kunjung hormat dengan Yang Amat Berhormat Datuk Menteri Besar negeri Kelantan, bagaimana telah menyatakan persetujuan untuk menaik taraf Stadium Sultan Muhammad IV. Jadi, sejauh mana status permohonan tersebut.

Begitu juga saya ingin tahu tentang keperluan, terutama dari sudut penambahbaikan keperluan kompleks sukan di seluruh negeri Kelantan, termasuk kompleks sukan di Pasir Puteh, kompleks sukan di Kelantan Selatan, termasuk juga sukan permotoran di Tanah Merah, kompleks Sukan di Kota Bharu, menaikkan tarafkan gimnastik. Begitu juga di Wakaf Mek Zainab menaik taraf lapang sasaran, menaik taraf gelanggang badminton, termasuk juga sukan lasak. Saya memohon kalau boleh dipertimbangkan untuk diwujudkan satu pusat sukan lasak. Kalau di kawasan saya, di Parlimen Rantau Panjang, ada satu tempat yang berpotensi namanya di kawasan dekat dengan Bukit Kuang yang sangat berpotensi untuk melatih belia terutama yang minat dengan sukan lasak.

Jadi saya ingin tahu apakah usaha pihak kementerian untuk memajukan sukan-sukan seumpama ini dan apakah peruntukan akan disediakan dalam bajet yang diluluskan ini untuk pembangunan sukan di negeri Kelantan. Begitu juga saya ingin tahu tentang pembinaan kompleks sukan di Rantau Panjang. Rantau Panjang di antara kawasan Parlimen yang tidak ada kemudahan sukan yang sangat daif. Jadi, saya ingin tahu sejauh mana perhatian yang telah diberi terutama di kawasan-kawasan termasuk Parlimen-parlimen lain yang di pedalaman yang memerlukan kemudahan kompleks sukan ini untuk dijadikan satu agenda penting untuk kita menggarap bakat-bakat baru, sebab kita lihat ramai anak-anak muda daripada pedalaman yang sangat berbakat, yang bukan setakat memberi sumbangan kepada peringkat kebangsaan malah di peringkat antarabangsa dalam bidang sukan. Kerana masa tidak mengizinkan Tuan Pengerusi, setakat itu dulu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat, sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bagan Serai, selepas itu Yang Berhormat Kuala Kangsar dan Yang Berhormat Kangar.

**4.07 ptg.**

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima Tuan Pengerusi. Butiran 02400 - Gelanggang Sukan. Di Daerah Kerian, ada dua gelanggang besar, Stadium Mini Bagan Serai di Parlimen Bagan Serai yang dulunya mencetus kontroversi kerana ada enam lorong saja. Selalunya orang balapan, dia jadi 'balanam' saya rasa. Akan tetapi walau bagaimanapun kerajaan telah bagi peruntukan RM23 juta untuk naik taraf dan baik pulih padang bola sepak dan juga astaka dan juga akan memudahkan masa akan datang untuk acara trek dan olahraga.

Keduanya kita ada padang sintetik di Parit Buntar. Ini berlangsungnya SUKMA Ke-19 baru-baru ini dan saya ucap terima kasih lah kepada kerajaan negeri, RM85 juta peruntukan dan juga mantan Setiausaha Kerajaan Negeri, Datuk Seri Abdul Fuad yang begitu bersungguh-sungguh mewujudkan, berusaha mewujudkan kawasan padang sintetik ini.

Yang saya hendak ceritakan adalah hoki. Hoki ini di Daerah Kerian ataupun Parlimen Bagan Serai ini, dia ada sejarah dia dan dia ada kejayaan dia. Sejarahhnya wira hoki Malaysia iaitu legenda, nama besar hoki dalam negara kita tahun 1980-an, 1990-an, siapa yang tidak kenal dengan Mohd bin Abdul Hadi ataupun kita sebut Mat Hadi. Dulu adalah kapten pasukan Malaysia yang telah membawa Malaysia ke tempat yang ke-9 di Barcelona Olimpik 1992, tiga kali menang emas di SEA Games, dua kali menang gangsa di Asia Games dan pernah mewakili Asia pada 1987.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Dato' Mohd Rashid Hasnon) **mempengerusikan Jawatankuasa]***

Inilah wira yang menjadi pengasas dan juga presiden pada Persatuan Pemain Hoki Kebangsaan. Jadi kejayaannya ialah sekarang ini dengan kehebatannya dan pengalamannya melatih anak-anak muda di Daerah Kerian, banyak daripada peserta-peserta dari Sekolah Sukan Bukit Jalil yang bermain hoki adalah daripada Daerah Kerian dan juga antara sekolah-sekolah yang hebat, Sekolah Kebangsaan Matang Buluh dan juga 'SABAR' di Parlimen Bagan Serai telah menjadi johan perak dan juga johan MSSM. Jadi walau bagaimanapun apa yang saya hendak nyatakan di Daerah Kerian tidak ada padang hoki, padang tidak ada dan anak-anak muda ini, anak-anak pelajar ini daripada sekolah ini berlatih, saya difahamkan berlatih di atas padang yang guna karpet *second hand* daripada stadium-stadium yang lain. Karpet *second hand* yang dilapik atas *court* badminton.

Inilah anak-anak yang telah mencapai kejayaan yang telah membawa kejayaan di Daerah Kerian dan mereka hanya tumpang contohnya di Sekolah Menengah Kebangsaan Mutiara (SPS) dan juga di Kuala Kangsar. Saya difahamkan ada di sana. Jadi Tuan Pengerusi, inilah permohonan daripada Daerah Kerian ataupun khususnya Parlimen Bagan Serai. Apalah kiranya Yang Berhormat Menteri membuat sedikit pertimbangan atas kejayaan-kejayaan dan sejarah di mana wira hoki negara datang daripada Daerah Kerian untuk mewujudkan padang yang lebih baik, untuk mewujudkan stadium hoki di Daerah Keraian ataupun di Parlimen Bagan Serai. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■1610

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Kuala Kangsar diikuti oleh Yang Berhormat Kangar kemudian Yang Berhormat Kota Tinggi.

Silakan Yang Berhormat Kuala Kangsar.

**4.10 ptg.**

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus ke Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Ada peruntukan RM299 juta di sini, Yang Berhormat Menteri. Saya mohonlah kemudahan fasiliti untuk kawasan saya di mana gelanggang sukan yang terhad dan sebahagiannya juga sudah rosak. Saya minta perhatian Yang Berhormat Menteri untuk memberikan peruntukan untuk beberapa buah gelanggang futsal iaitu untuk kawasan Taman Bunga Raya, itu nombor satu. Nombor dua, untuk Zon Mandah iaitu hujung Parlimen saya, dan yang ketiganya untuk Zon Sayong di pertengahan Parlimen saya. Saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya luluskan. Terima kasih.

**Tuan Haji Ahmad Amzad bin Mohamed @ Hashim [Kuala Terengganu]:** Yang Berhormat Kuala Kangsar, mohon laluan.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Sikit sangat masa, minta maaf.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Sikit, sikit sahaja. Berkaitan dengan gelanggang futsal. Sikit sahaja. Okey, terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar.

Di sini saya juga ingin membangkitkan isu gelanggang futsal di Hulu Terengganu. Ada 15 buah yang mana keadaannya hampir tidak boleh digunakan dan difahamkan bahawa ianya akan dihapus kira ataupun hendak dilupuskan. Jadi pohon pandangan ataupun saya rasa lebih baik dibaiki daripada dihapus kira. Apa pandangan Yang Berhormat Kuala Kangsar? Terima kasih.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Sila masukkan dalam ucapan saya. Terima kasih.

Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan, Butiran 020100 – Belia dan Sukan. Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri dah keluar.

Yang Berhormat Menteri, ini mengenai SDG ataupun *Sustainable Development Goal* dan anak muda. Matlamat pembangunan lestari atau SDG menjadi agenda global apabila Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu memperkenalkan 17 matlamat yang perlu dicapai oleh semua negara bangsa menjelang tahun 2030. Dikenali juga sebagai agenda tindakan untuk manusia, planet dan kemakmuran. Ia memberi implikasi kos ekonomi kepada negara.

Saya difahamkan Malaysia akan menumpukan hanya kepada isu-isu kritikal. Apakah usaha Yang Berhormat Menteri melalui kementerian untuk memastikan semua usaha kementerian mengambil kira dan mengadaptasikan SDG ini untuk diletakkan ke dalam usaha-usaha pembangunan anak-anak muda seperti matlamat penting pembangunan lestari yang dipersetujui iaitu tiada lagi kemiskinan dan kelaparan, pendidikan yang berkualiti, kesamarataan gender, mengurangkan ketidaksamarataan ekonomi, pengurangan karbon di dalam udara, dan masalah perumahan orang muda. Yang Berhormat Menteri perlu mengenal pasti keutamaan dan memberi tumpuan kepada isu-isu kritikal ini yang bakal menjejaskan pembangunan sosioekonomi anak muda kita.

Mohon Yang Berhormat Menteri nyatakan, bagaimanakah Yang Berhormat Menteri untuk mengatasi kepincangan-kepincangan yang ada di dalam kerajaan ini seperti kepincangan dasar polisi, strategi pelaksanaan tadbir urus yang pincang, sikap dan integriti di dalam Kerajaan Pakatan Harapan.

Yang Berhormat Menteri mesti berani bersuara, demi anak-anak muda di sana. Persepsi mereka rata-rata di mana-mana sahaja amat kecewa dengan urus tadbir kerajaan ini yang pincang, serta urus tadbir *rule of law* yang pincang dan berpilih di bawah pentadbiran ini. Saya mohon Yang Berhormat Menteri berani bersuara di dalam Kabinet.

Yang keduanya, penurunan had umur belia daripada 40 tahun kepada 30 tahun yang telah dimuktamadkan di Dewan Rakyat pada Julai lepas. Harus diingat Yang Berhormat Menteri, bahawa aspek kematangan belia memainkan peranan penting dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mampu diwarisi oleh golongan belia yang matang dan mempunyai kredibiliti yang tidak diragui daripada segi kepimpinan dan penguasaan ilmu. Dengan pengurangan peruntukan untuk belia dan sukan ini serta penurunan had umur belia, apakah mekanisme baharu yang akan diterapkan oleh kementerian melalui prasarana yang sedia ada dan kemelut pentadbiran pertubuhan-pertubuhan belia yang timbul semenjak PRU14 dalam menjadikan belia sebagai generasi yang sedia memikul tanggungjawab dalam soal kepimpinan.

Bagaimana pula daripada segi peruntukan untuk mentadbir? Dahulu mereka mendapat banyak peruntukan, sekarang peruntukan yang diterima tidak setimpal dengan usaha mereka menghidupkan aktiviti-aktiviti belia. Bagaimanakah Yang Berhormat Menteri hendak menyelesaikan perkara ini?

Seterusnya, apakah usaha untuk menyuburkan sukan kriket negara?

Dan RM10 juta yang diperuntukkan untuk pembangunan atlet wanita, apakah bidang dan sukan yang akan difokuskan dan apa pula daripada usaha melantik jurulatih-jurulatih dan referi-referi daripada kalangan wanita?

Akhir sekali Tuan Pengerusi, Butiran 030000 – Program Khusus. *Alhamdulillah*, usaha baik Barisan Nasional seperti program-program berimpak tinggi seperti Felo Perdana, Fit Malaysia, program Podium, dan juga Hari Sukan Negara diteruskan. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya minta Yang Berhormat Menteri jelaskan, apakah bentuk penambahbaikan serta kelainan yang telah dilakukan oleh kementerian menerusi peruntukan RM118 juta untuk program Podium. Apakah yang telah dicapai menerusi program Podium tersebut daripada lima objektif Yang Berhormat Menteri telah perhalusi, dan berapakah jumlah atlet yang mengikut bidang sukan yang telah dipanggil untuk mengikuti latihan di bawah program Podium ini, dan akhir sekali, untuk program Felo Perdana.

Satu program yang amat berjaya. Saya mengucapkan tahniah kerana Yang Berhormat Menteri sudi meneruskannya, dan berapakah peruntukan khusus yang akan disediakan untuk

program tersebut untuk tahun 2020, dan apakah elemen-elemen segar yang akan diterapkan dalam program tersebut? Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Kangsar, sekarang saya jemput Yang Berhormat Kangar.

#### 4.16 ptg.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim...* [Membaca sepotong doa ringkas] Terima kasih Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri dan rakan-rakan Ahli Parlimen.

Saya ingin mengambil bahagian dalam Butiran 020000 – Pembangunan Belia dan Sukan, yang saya dalam perbahasan saya akan mengaitkannya dengan pelbagai peruntukan lain di bawah Butiran 03000 – Program Khusus, dan juga Butiran 040000 - *One Off*.

Yang Berhormat Menteri, sukan ini banyak dan berbeza daripada segi keperluan. Selalunya sukan ini digerakkan secara sukarela terutama oleh bekas-bekas atlet yang pernah terlibat dalam sukan-sukan ini.

Ada yang cemerlang, ada yang pencapaiannya sederhana dan ada juga yang belum mencapai tahap yang diharapkan. Ada pula sukan yang dia memerlukan perbelanjaan yang banyak kerana ia popular, ada sukan yang tidak memerlukan perbelanjaan yang banyak. Ada sukan yang ia boleh menerima pendapatan lain misalnya menjual tiket tetapi pencapaiannya belum baik. Ada sukan yang berjaya dan hebat tetapi tidak ada sumber pendapatan lain, jadi bergantung kepada sumbangan kerajaan dan juga sedikit penajaan yang dibolehkan.

Jadi, apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kementerian Belia dan Sukan bagi membolehkan persatuan-persatuan ini berdaya maju dan juga stabil daripada segi kewangan kerana ini bukan sahaja kita nak cakap tentang persatuan sukan tetapi juga persatuan-persatuan belia.

Jadi kalau boleh, Yang Berhormat Menteri cuba bawa perkara yang baharulah. Kalau sebelum ini persatuan-persatuan bergantung kepada pengecualian cukai yang kita beri sebanyak tujuh peratus, kalau dapat ia ditingkatkan supaya kita dapat menggalakkan lebih banyak pihak swasta ataupun individu untuk menyumbang. Itu daripada segi aspek pengurusan.

Kita tahu dalam persatuan ini, pemilihan atlet-atlet untuk mewakili negeri-negeri yang menjadi *feeder* kepada atlet-atlet negara juga ada politiknya sendiri. Jadi bagaimanakah, dan apakah langkah yang KBS ambil selain daripada tidak menggalakkan ahli-ahli politik terlibat, jadi apakah langkah-langkah yang KBS ambil untuk memastikan pemilihan atlet-atlet ini daripada akar umbi ke atas ini dibuat secara adil? Ini kerana banyak juga kita terima aduan pemilihan ini berdasarkan kepada pilih kasihlah, kerana anak dia main, kerana anak kawan main dan sebagainya walaupun pencapaian tidak seberapa. Jadi, kita memberi gambaran yang salahlah. Selalu kita cakap sukan ini *level playing field*, kita nak orang kata ada *sportsmanship* tetapi sayang ia kadangkala tidak ditunjukkan oleh pengurusan ini.



Cuma saya hendak juga bertanyakan tentang *outcome*. *Outcome* yang saya rujuk dalam butiran, mengapakah sasaran pencapaian pingat di peringkat antarabangsa susut secara mendadak daripada 70 peratus pingat yang ditunjukkan dalam *outcome* ini hanyalah 30 peratus, kurang separuh. Kenapakah ini berlaku?

Yang seterusnya yang saya hendak tanyakan ialah sekolah sebagai *talent feeder* ataupun penyedia bakat. Apakah jenis kerjasama yang dijalinan oleh KBS dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dalam penyediaan bakat ini kerana saya pernah berbincang dengan kedua-dua Yang Berhormat Menteri sebelum ini secara berasingan, saya berpendapat di sekolah kita ada subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan.

Sayang kalau subjek Pendidikan Jasmani dan Kesihatan ini balik-balik main bola, balik-balik lari pusing padang. Sepatutnya kanak-kanak di peringkat sekolah lagi, mereka telah didedahkan tentang pelbagai jenis peraturan permainan yang lain barulah boleh menimbulkan rasa minat mereka, barulah mereka tengok misalnya sukan ragbi, kalau mereka tengok barulah mereka faham undang-undang ini macam mana main, kenapa ini *foul*, kenapa referi tiup dan sebagainya.

Jadi kalau dia lebih faham banyak sukan barulah lebih mudah untuk dia menyokong sukan-sukan yang saya sebut ini dan kita juga di peringkat sekolah, kita ada sekolah sukan. Sepatutnya pembinaan sekolah-sekolah sukan ini juga dipantau oleh kementerian kerana banyak kes saya tengok daripada segi kemudahan sukan yang disediakan tidak mencapai standard yang kita hendak.

Di peringkat sekolah juga, kita juga ada guru-guru sukan. Sepatutnya guru-guru sukan yang bagus ini ditempatkan di sekolah-sekolah sukan negeri, sekolah-sekolah sukan yang kita ada, dan juga sekolah-sekolah yang banyak melahirkan bakat-bakat. Sayang kadang-kadang politik guru pun menyebabkan guru-guru sukan yang sepatutnya ditempatkan di tempat yang sepatutnya tidak berlaku.

#### ■1620

Selain daripada itu, kita juga patut menimbang perkara ini adalah untuk mengelakkan pembaziran sumber. Ini, bukan kita hanya bercakap tentang sukan, tetapi juga persatuan-persatuan yang lain. Misalnya, silat, pengakap, mereka ini juga terdiri daripada golongan belia tetapi sayang, kemudahan-kemudahan ini kita selalu cakap hanya fasal sukan. Macam silat, ia juga perlukan gelanggang dan sebagainya, mereka ini juga perlu diberikan perhatian.

Di bawah Butiran 02007 dan juga Butiran 02400 – Tentang kemudahan sukan dan juga kompleks sukan komuniti dan gelanggang sukan. Saya selalu melihat *expansion*, pengembangan kemudahan sukan ini ialah berdasarkan minat Menteri. Dulu, ketika orang gila sukan lasak, sukan *extreme* bercambah kemudahan sukan *extreme* seluruh negara. Kemudian, apabila tukar Menteri, minat futsal bercambah pula futsal. Saya ingin mengambil pengajaran – kalau kita belajar dalam pentadbiran perniagaan, *company* ini walaupun dia buat untung, dia tidak boleh

berkembang secara mendadak. Oleh sebab dia ada kos *maintenance*, *over-run*, dia ada *over-head* dia yang perlu dikekalkan setiap tahun.

Jadi, apabila tukar Menteri, tidak ada lagi peruntukan-peruntukan untuk perkara-perkara ini. Misalnya, ini peruntukan yang saya sebutkan di bawah Butiran ini, ia bersifat *one-off*. Belum ada jaminan tahun depan ada lagi, tahun 2021 ada lagi, bila tukar Menteri ada lagi. Jadi, apabila kita buat pembangunan kemudahan sukan ini tanpa perancangan jangka masa panjang, banyaklah berlaku projek gajah putih. Itu yang tadi ramai sangat bangun, gelanggang futsal di tempat mereka rosak, tidak diselenggara dengan baik kerana apabila mereka buat ini, mereka buat hanya hendak bagi ada, seronoklah kerana pada waktu itu musim orang minat futsal, tetapi akhirnya terbiar, berkarat, tidak boleh digunakan.

Ada tempat – kalau macam di kawasan saya dibina di kawasan yang memang kawasan air laut pasang. Jadi, bila air laut pasang ini banyak yang rosak, akhirnya tidak boleh digunakan. Jadi, ini pembaziran yang sangat banyak di seluruh negara. Jadi, saya juga melihat peruntukan Butiran 020300 – MSN. Jumlah berkurangan banyak. Saya percaya ini telah dialihkan ke butiran lain. Cuma, saya hendak sebut kami negeri Perlis, negeri yang saya selalu saya sebut di Dewan ini, sebagai negeri yang miskin. Kos pengangkutan kita untuk atlet-atlet bermain, untuk menyertai sukan di pelbagai tempat ini, kos untuk kami tinggi. Jadi, sepatutnya kementerian juga boleh berunding dengan peringkat negeri. Mungkin, sesetengah negeri patut disediakan pengangkutan, misalnya, bas yang lebih banyak.

Bukan sahaja di peringkat belia, tetapi juga di peringkat sekolah. Hendak pergi main MSSM pun tidak cukup bas, tidak cukup kemampuan untuk nak hantar. Sedangkan ini bakat-bakat kita banyak di kampung-kampung yang mana mereka ini hanya boleh dapat diserlahkan sekiranya mereka menyertai pertandingan. Butiran yang terakhir...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Masa sudah tamat Yang Berhormat Kangar.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Butiran 020200 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES). IYRES tahun ini kosong, ah? Saya tengok untuk tahun depan ini kosong. Akan tetapi, ada di bawah Butiran 04007 – Kajian Pembangunan Belia. Saya hendak tanya sejak lima tahun lalu, berapa banyak kajian telah dibuat oleh IYRES? Apakah jenis kajian yang dibuat?

Saya hendak tahu berapa banyak usul daripada kajian IYRES ini telah diambil untuk pelaksanaan kementerian? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kangar. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kota Tinggi.

**4.23 ptg.**

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Saya kah Yang Berhormat Ayer Hitam, Tuan Pengerusi? Saya atau Yang Berhormat Ayer Hitam?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kota Tinggi, sila.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Kota Tinggi. Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, terima kasih – Tadi saya nampak Yang Berhormat Menteri keluar, saya ingat Yang Berhormat Menteri terus nak balik, seperti Menteri-menteri yang lain. Rupanya Yang Berhormat Menteri, masuk dalam untuk dengar perbincangan kita. Jadi, terima kasihlah. Tidak apalah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Teruskan dengan Butiran Yang Berhormat Kota Tinggi.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Tuan Pengerusi, saya ingin merujuk kepada butiran...

**Datuk Seri M. Saravanan [Tapah]:** Menteri, Timbalan lapan minit sahaja.

**Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi]:** Butiran 020600 – Pembangunan Kemahiran Belia. Beberapa persoalan hendak saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu berapa ramai belia yang telah pun dilatih oleh penyelia latihan TVET bagi tahun 2019 dan berapa agaknya peratusan mereka yang telah pun memperoleh pekerjaan setelah tamat latihan tersebut?

Kedua, apa agaknya perbezaan antara latihan TVET yang dikelolakan ataupun diletakkan di bawah KBS dengan yang diletakkan dan dikelolakan di bawah KSN? Mana satu agaknya yang lebih menjamin peluang untuk memperoleh pekerjaan yang lebih tinggi kepada belia-belia kita? Seterusnya, merujuk kepada Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara. Tuan Pengerusi, soalan saya apakah jaminan KBS, Yang Berhormat Menteri, dalam melahirkan lebih ramai lagi atlet-atlet di peringkat pelapis, yang akan dapat ditingkatkan sesuai dengan keadaan peruntukan bajet yang ada bagi tahun 2020 yang kita lihat amat berkurangan?

Adakah ini bermakna bahawa penganjuran kejohanan sukan di pelbagai peringkat akan dikurangkan tatkala kita menghadapi jumlah peruntukan yang diturunkan? Ini kerana, sering kali kita menyatakan bahawa Malaysia adalah sebagai *sporting nation*. Seterusnya, kepada Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Ini bersabit kepada persoalan daripada kawasan saya Yang Berhormat Menteri. Saya mohon supaya Yang Berhormat Menteri akan dapat melihat kepada keperluan untuk naik taraf gelanggang-gelanggang sukan bagi tahun 2020 yang telah pun dibina oleh KBS sendiri. Contohnya di Teluk Sengat, Air Tawar 2, Air Tawar 3, Kampung Makam, Bukit Easter, Kampung Sentosa dan juga Kampung Mawai Baru. Terakhir, Tuan Pengerusi, di bawah Butiran 02007 – Kompleks Sukan Komuniti.

Yang Berhormat Menteri, saya ada sebuah kompleks sukan komuniti yang dibina oleh KBS pada tahun 2008 iaitu di Felda Gugusan Lok Heng yang terletak di Lok Heng Timur. Saya

mohon kepada Yang Berhormat Menteri, supaya dapat membantu anak-anak muda saya – bukan sahaja daripada gugusan Lok Heng, tetapi di dalam kawasan persekitaran yang ada. Ini supaya kemudahan kepada Kompleks Sukan Komuniti Lok Heng ini akan dapat dinaiktaraf. Kita ada beberapa gelanggang futsal, *netball* dan sebagainya. Akan tetapi, jaring gelanggang futsal itu sudah tidak ada, Yang Berhormat Menteri. Mungkin agaknya kerana ramai budak-budak main, jadi akhirnya gelanggang itu perlu diperbaiki dan digantikan baru. Boleh tidak tolong berikan tumpuan kepada ucapan saya.

Selain daripada itu, Yang Berhormat Menteri, saya mohon juga kita baik pulih lantai gelanggang selain daripada jaring itu dan lain-lain. Jadi, saya harap mudah-mudahan Yang Berhormat Menteri dapat memberikan tumpuan kepada saya yang serius sangat ini berbahas untuk belia-belie, demi belia dan sukan daripada kawasan saya, daripada yang lain-lain ini.

Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Kota Tinggi. Ahli-ahli Yang Berhormat, sebenarnya Menteri akan menjawab pada pukul 4.30 petang, tetapi saya ada tiga lagi, Yang Berhormat Sandakan, Yang Berhormat Batu dan Yang Berhormat Papar. Silakan Yang Berhormat Sandakan.

#### **4.27 ptg.**

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 389, Butiran 00601 – Naik Taraf Kompleks Belia dan Sukan Negeri-negeri di mana anggaran untuk tahun 2020 ialah sebanyak RM43.722 juta.

Untuk makluman Tuan Pengerusi, negeri Sabah berhasrat untuk membida penganjuran Sukan Malaysia, SUKMA pada tahun 2022. Penganjuran SUKMA oleh Sabah sebagai tuan rumah buat kali pertama adalah pada tahun 2002. Justeru, penganjuran SUKMA 2022 adalah amat bermakna sekiranya berjaya dalam pembidaan sebagai tuan rumah. Ini kerana ia merupakan penganjuran selepas penantian selama 20 tahun. Saya mengharapkan peluang yang ada diberikan dalam proses pembidaan. Ini juga merupakan peluang keemasan bagi Sabah untuk menaik taraf dan mewujudkan *facility* sukan yang bertaraf antarabangsa di Sabah dan seterusnya melahirkan atlet-atlet yang unggul di Sabah.

Oleh itu, infrastruktur sukan perlu dipertingkatkan bagi penganjuran acara bertaraf kebangsaan ini. Khususnya, di kompleks sukan seperti Sandakan dan Kota Kinabalu. Justeru, peruntukan ini harus diutamakan untuk kompleks sukan di negeri Sabah. Sebagai contoh, Sabah sebelum ini mempunyai velodrom di mana ia memerlukan anggaran RM50 juta untuk dibina. Sandakan juga memerlukan *indoor* arena bagi penganjuran acara-acara bertaraf antarabangsa seperti bola keranjang, bola tampar, badminton dan lain-lain. *Indoor* arena ini memerlukan sebanyak RM33 juta untuk dibina.

Selain daripada itu, dalam RMK Ke-11, beberapa projek naik taraf kompleks sukan di Sabah telah dijanjikan dan dirancang. Namun begitu, beberapa projek mempunyai masalah dan

berstatus tenat perlu diberikan keutamaan dan perlu disegerakan. Projek-projek ini termasuk naik taraf Kompleks Sukan Tenom, statusnya belum lagi dimulakan dan peruntukan sebanyak RM8 juta. Projek pembinaan Kolam Renang Tawau berstatus, *re-tender*, peruntukan *rolling plan* sebanyak RM1.5 juta. Projek pembinaan stadium ragbi Sabah, berstatus lewat jadual, harga kontrak adalah sebanyak RM8.27 juta. Peruntukan *Rolling Plan* Satu, sebanyak RM3.5 juta.

Kedua, saya ingin merujuk kepada Butiran 02301 – Penyelenggaraan Kompleks dan Sukan, Kemudahan Sukan Negeri-negeri. Ini di mana sejumlah RM6.98 juta diperuntukkan. Tuan Pengerusi, masalah utama yang dihadapi berkenaan kemudahan-kemudahan sukan di Sabah ialah kekurangan dan ketidakcukupan penyelenggaraan di semua kompleks sukan seluruh Sabah. Sebagai contoh, anggaran penyelenggaraan yang mendesak adalah sejumlah RM12 juta untuk Kompleks Sukan Sandakan. Antaranya, sistem kumbahan yang perlu dibaiki, kebocoran bumbung di dewan serba guna, paip air pecah, sistem mekanikal kolam renang, pembaikan konkrit retak dan sebagainya. Oleh demikian peruntukan yang lebih besar diperlukan untuk kerja-kerja penyelenggaraan.

#### ■1630

Ketiga, saya juga ingin merujuk kepada Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Di mana anggaran untuk tahun 2020 ialah RM175.62 juta. Saya ingin bertanya kepada kementerian tentang butiran projek ini dengan berapakah yang akan dibelanjakan di Sabah? Saya berharap Sabah mendapat peruntukan yang sewajarnya sedangkan Sabah mempunyai keperluan yang besar oleh kerana Sabah merupakan negeri yang kedua terbesar di Malaysia. Adalah perlu untuk Sabah mendapat pengagihan dan peruntukan yang sama rata untuk membina dan menaik taraf Gelanggang Sukan di seluruh Sabah terutamanya di kawasan Sandakan. Sekian dan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Sila Yang Berhormat Batu.

#### 4.40 ptg.

**Tuan P. Prabakaran [Batu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 020300 – Majlis Sukan Negara. Saya melihat telah berlaku anjakan penurunan sekitar lebih enam kali ganda daripada peruntukan yang dikeluarkan pada tahun 2019 iaitu daripada RM88.6 juta kepada RM14 juta. Penurunan peruntukan ini secara langsung akan menjejaskan pergerakan Majlis Sukan Negara di mana mereka harus mengecilkan perbelanjaan untuk pembangunan sukan di bawah MSN. Apabila berlaku keterbatasan dalam pembangunan sukan, bagaimana MSN ingin mencapai matlamat untuk menjadi peneraju sukan prestasi tinggi?

MSN tidak dapat melahirkan lebih ramai atlet baharu bertaraf dunia oleh kerana ia juga akan menelan belanja yang tinggi. Pelaksanaan Program Pembangunan Sukan Berprestasi tinggi tidak akan mampu berjalan seperti biasa malahan kemungkinan program-program seumpama harus dibekukan. Selain itu, Sukan silambam juga dikeluarkan dari senarai Sukan

SUKMA sedangkan silambam adalah salah satu sukan seni mempertahankan diri yang melambangkan salah satu bangsa Malaysia supaya wusyu dan pencak silat. Saya mohon Yang Berhormat Menteri untuk mempertimbangkan perkara ini untuk kesinambungan yang baik kelak. Demi pembangunan sukan negara saya tidak setuju apabila peruntukan diturunkan sejauh ini.

Seterusnya saya ingin menyentuh Butiran 02400 – Gelanggang Sukan. Perkara ini dilihat satu tindakan yang mempunyai inisiatif yang baik daripada kementerian oleh kerana memberi penambahan peruntukan lebih satu kali ganda daripada tahun 2019. Batu memohon agar kementerian memberi pandangan dalam isu gelanggang seperti di mana Parlimen Batu juga ada banyak pemain-pemain ataupun mempunyai banyak pasukan futsal dan *netball* dan pasukan-pasukan tersebut selalu memenangi mana-mana pertandingan yang melibatkan kawasan berhampiran. Malangnya, kelengkapan yang ada berada pada skala yang boleh dikategorikan sebagai gelanggang daif.

Juga saya amat tertarik dengan ucapan daripada Yang Berhormat Hulu Rejang tadi di mana beliau membahaskan supaya 'Harimau Malaya' ini ditukar nama kepada 'Harimau 'alaysia'. Saya juga berbincang dengan anak Sabah dan anak Sarawak saya amat setuju oleh kerana dengan nama 'Harimau Malaya' lebih sinonim pada negeri-negeri di Semenanjung sahaja. Sebagai warganegara saya amat menyayangi negara dan menjunjung tinggi Perlembagaan Negara. Saya melihat adalah baik untuk kementerian mengkaji semula pandangan-pandangan daripada seluruh rakyat Malaysia.

Saya juga ingin mohon penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri isu basikal lajak di mana Yang Berhormat Menteri beritahu pada media massa inisiatif-inisiatif untuk membetulkan ataupun mengatasi aktiviti yang buruk seperti basikal lajak. Apakah inisiatif ataupun penguatkuasaan yang akan kementerian ambil ataupun program dan adakah inisiatif yang diambil oleh kementerian? Apakah cara inisiatif tersebut membantu mereka dalam melahirkan *characteristic* ataupun dalam bidang pendidikan? Dan apakah sumbangan daripada ibu bapa untuk mengatasi aktiviti tersebut? Dan juga apakah inisiatif kementerian untuk membantu pelajar-pelajar yang tidak cemerlang dalam pendidikan di sekolah-sekolah sukan?

Bagi saya dalam sekolah-sekolah sukan ini, pelajar-pelajar yang cemerlang dalam sukan ataupun atlet hanya memberi fokus kepada latihan-latihan dan tidak memberi fokus yang cukup dalam pendidikan. So apakah inisiatif kementerian? Bagi saya, saya rasa pelajar-pelajar yang tidak cemerlang dalam pendidikan di dalam sekolah sukan dianaktirikan. Itu sahaja daripada saya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Batu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Papar.

**4.35 ptg.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatulallahii wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 02400 – Gelanggang

Sukan. Diberikan peruntukan sebanyak RM175.62 berbanding dengan RM92.8 juta tahun sebelumnya.

Seperti yang kita tahu, P.175 Papar ada lebih sebanyak 100 buah kampung yang berdaftar dan juga kampung-kampung yang belum berdaftar akan tetapi mereka ini adalah pengundi-pengundi yang berdaftar. Separuh daripada kampung-kampung ini tidak ada kemudahan-kemudahan gelanggang sukan seperti gelanggang sukan badminton, futsal dan yang lain-lain.

Saya merayu kepada kementerian supaya dapat meluluskan permohonan-permohonan yang telah kami ajukan supaya kampung-kampung di P.175 Papar ini dapat merasai pembangunan kesukanan. Malangnya, permohonan – oleh kerana orang-orang kampung ini mahu rasakan pembangunan sukan yang boleh dibanggakan. Tidak mungkin apabila ada gelanggang sukan ini orang-orang kampung ini akan dapat anak-anak ini dicungkil bakatnya untuk diketengahkan di dalam persada sukan.

Malangnya permohonan Kompleks Sukan di Beringgis tidak dapat diluluskan walaupun ia telah diluluskan pada RMK-11 yang berharga lebih kurang RM10 juta, kami di P.175 Papar memang berasa kecewa akan tetapi walaupun permohonan ini tidak diluluskan, kementerian telah memberi satu harapan di mana kementerian telah menyuruh kami untuk membuat permohonan yang baharu akan tetapi tempatnya tidak lagi di Beringgis dan kita akan menyediakan tempat yang terbaik supaya kos penyelenggaraan tempat dan penyediaan tapak tidak begitu tinggi.

Jadi saya dengan sekali lagi ingin memohon daripada kementerian supaya Kompleks Sukan di Papar yang kami pohon tidak diluluskan dapat diluluskan dalam masa yang terdekat ini dan kami bersedia akan menyediakan tempat dan tapak untuk kita membina kompleks sukan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Ahli Yang Berhormat..

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi saya hanya mohon dua minit sahaja. Satu perkara sahaja saya hendak bangkitkan.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri Yang Berhormat Jelutong dua minit. Sila.

**4.38 ptg.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Iaitu Butiran 02100 – Naik Taraf Kompleks Sukan Negara iaitu saya ingin tanya kepada Yang Berhormat Menteri, merujuk kepada Butiran 02100 – Naik Taraf Kompleks Sukan Negara.

Sama ada ia akan melibatkan padang bola sepak iaitu di Stadium Bukit Jalil dan stadium-stadium di mana kita lihat pasukan Harimau Malaya main. Rata-rata kita lihat bahawa rumput di stadium-stadium ini daripada dahulu sehingga sekarang masih lagi dalam tahap yang sama.

Kalau kita membuat perbandingan dengan rumput-rumput di luar negara umpamanya di Singapura kita ambil. *Standard* dengan izin cara mereka menyelenggarakan rumput-rumput itu bukan sahaja sebelum permainan adalah diberi pemerhatian yang begitu rapi dan ia dapat meningkatkan standard bola sepak negara juga.

Kalau kita membuat perbandingan dengan Liga Perdana Inggeris dengan izin kita lihat cara permainan diadakan lebih rancak oleh kerana rumput-rumput itu di selenggara dengan begitu baik.

#### ■1640

Jikalau kita membuat perbandingan dengan negara Malaysia, kita lihat bila berhujan ia bertukar kepada bentuk...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Pasukan mana Yang Berhormat sokong?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Bola sepak?

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Ya, bola sepak.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Ia lihat...

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Arsenal kah? Liverpool?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Liverpool. Liverpool. Terima kasih, Yang Berhormat Kinabatangan sokong juga? Bagus *you never walk alone*. So, maksudnya, kita bagi pasukan bola sepak Inggeris, Yang Berhormat Kinabatangan dan Jelutong bersama-sama. So, kita berbalik kepada— saya mengatakan tadi bila ia hujan lebat, padang bola sepak itu bertukar kepada padang sawah padi. So, ia sedikit sebanyak menyebabkan pasukan kita tidak dapat beraksi dengan lebih pantas dan lebih lancar. So, saya mohon kalau boleh perkara ini diberi perhatian, sekurang-kurangnya di bawah bajet tahun ini.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Tambah lagi dua minitlah, sama-sama bersukan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kita dapat meningkatkan lagi taraf— mungkin mengorek semula dan menanam rumput yang baru untuk kita memastikan standard itu begitu baik seperti piawaian antarabangsa. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Baik Ahli-ahli Yang Berhormat...

**Tuan Steven Choong Shiau Yoon [Tebrau]:** Boleh bagi.

**Dato' Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Boleh kami minta sedikit.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya sekarang ingin menjemput Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan untuk menjawab, setelah 34 orang ahli-ahli lain yang telah berbahas. Silakan Yang Berhormat Menteri.



**4.41 ptg.**

**Menteri Belia dan Sukan [Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua Ahli Yang Berhormat melibatkan diri memberikan pandangan berkaitan Kementerian Belia dan Sukan sepanjang tempoh perbahasan Belanjawan 2020. Izinkan saya untuk menjawab soalan Yang Berhormat Jelutong terlebih dahulu sebab ia berkait rapat dengan sukan bola sepak, raja kepada segala jenis sukan.

Saya bersetuju dengan pandangan yang disampaikan oleh Yang Berhormat Jelutong. Padang di Stadium Bukit Jalil boleh ditambah baik lagi. Setakat ini kami dimaklumkan bahawa jenis padang yang digunakan adalah dengan izin jenis padang *cow grass*. Di mana akan ada masalah apabila hujan yang agak lebat dan ada dua perlawanan yang diatitkan dalam tempoh masa yang agak rapat. Kami telah pun memastikan bahawa Perbadanan Stadium Malaysia (PSM) mencari rakan-rakan yang lain supaya kita dapat cari, padang apa yang paling bersesuaian dengan iklim di Malaysia. Cuma saya dimaklumkan sekarang ini ada masalah sedikit kerana untuk mengubah padang, kami dimaklumkan kita memerlukan sekurang-kurangnya enam bulan untuk pemasangan padang yang baru itu.

Akan tetapi, pada tahun yang akan datang, kita sudah pun ada beberapa perlawanan berjadual yang agak serius yang perlu diatitkan secepat mungkin. Akan tetapi, komitmen adalah untuk menambah baik secepat mungkin. Ini memang sepatutnya dijadikan iau prioriti, cuma saya berharap rakan-rakan faham khususnya untuk tukar padang kena ambil masa yang agak panjang, berbulan-bulan dan apabila kita tukar secara tiba-tiba, beberapa perlawanan yang berjadual akan ada impaknya yang tersendiri.

Soalan kedua Yang Berhormat, berkait rapat dengan soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Menteri kata tadi gunakan istilah padang sekarang rumput *cow grass*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** *Cow grass*.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Untuk menjawab soalan Yang Berhormat Pasir Mas dan Yang Berhormat Paya Besar. Ini juga berkait rapat dengan tuduhan yang dilemparkan oleh rakan kita di luar, Saudara Lokman Adam yang sedang berlegar di media sosial. Saya ingin tekankan di sini bahawa ini merupakan tuduhan yang berniat jahat. Zaman di mana Menteri boleh mengagihkan kontrak telah pun ditamatkan. Semua tender perlu melalui sistem *online* E-Perolehan dan selepas itu dilakukan melalui proses tender terbuka. Semua kata-kata bahawa ini dilakukan melalui rundingan terus ataupun *limited tender* tidak betul sama sekali.

Pada masa yang sama, kita ada tiga sistem semak imbang yang sedia ada. Di mana mereka perlu melalui sistem penilaian teknikal, penilaian kewangan dan selepas itu akan

memasuki lembaga perolehan yang dipengerusikan oleh KSU ataupun TKSU yang juga ada wakil daripada MOF dan juga JKR. Maksudnya, agak sukar untuk tender ini disalah gunakan dan akhirnya hanya memanfaatkan segelintir pihak sahaja.

Pada masa yang sama, selain itu juga...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Kami juga telah perlu memberhentikan praktis...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Di mana Menteri ataupun pejabat Menteri boleh ada wakil dalam *Tender Board*. *Tender Board* bebas daripada pengaruh Menteri dan juga wakil-wakil daripada pejabat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bukan itu sahaja, untuk memastikan bahawa...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Budaya integriti yang telus dapat diteruskan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Bagi tidak bagi ini?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya telah pun mengarahkan, saya telah pun mengarahkan pegawai saya untuk lakukan laporan kepada SPRM supaya apa-apa tuduhan ini dapat disiasat sampai ke lubang cacing. Isu integriti di KBS saya ambil dengan sangat serius.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Oleh sebab itu pada minggu lepas, saya bersama...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri, boleh saya dapat penjelasan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...dengan pimpinan tertinggi SPRM untuk memastikan bahawa semua pegawai KBS di setiap lapisan, mengikut SOP yang sedia ada dan memastikan supaya budaya berintegriti dan ketelusan itu dapat dijaga dengan rapi. Terima kasih.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Menteri boleh? Terima kasih, Tuan Pengerusi saya sanjung tinggi pendirian Yang Berhormat Menteri untuk mempertahankan integriti. Cumanya yang saya sebut tadi Yang Berhormat Menteri, ini adalah tender membekal makanan bermasak yang tidak memerlukan – dia memerlukan spesifikasi dan sebagainya. Jawatankuasa Penilaian Tender dia mesti kaji tender. Salah satu penilaian yang harus dibuat ialah Yang Berhormat Menteri supaya kualiti perkhidmatan yang diberi oleh syarikat berkenaan haruslah merupakan yang terbaik.

Bagaimana mungkin Yang Berhormat Menteri, kalau syarikat Afsia ini yang beralamat di Sri Serdang Selangor boleh bagi perkhidmatan serentak di Melaka, di Selangor dan di Perlis. Ini yang kita persoalkan. Jawatankuasa Perolehan sepatutnya di bawah Kementerian Belia dan Sukan sepatutnya lihat balik, tengok balik tentang kemampuan syarikat berkenaan untuk bagi perkhidmatan ke tiga institusi IKBN Yang Berhormat Menteri. Ini melibatkan belia. Jadi, esok tidak timbul *food poisoning*, tidak timbul kualiti makanan, tidak timbullah soal perkhidmatan makanan kepada IKBN berkenaan oleh sebab satu katerer. Itu satu Yang Berhormat Menteri. Sekejap lagi Yang Berhormat.

Itu satu yang saya sebut, kemudian ada pula Syarikat Warisan Kurnia, ada pula syarikat BNR, benda yang sama. Walhal, kita ada 6,087 buah syarikat bumiputera kontraktor yang berdaftar Yang Berhormat Menteri. Apa kriteria? Saya hendak minta Yang Berhormat Menteri jelaskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya telah terangkan sebentar tadi, tender ini dibukakan bersekali dan setiap pihak yang berkelayakan boleh memohon melalui sistem e-Perolehan yang bebas daripada campur tangan politik ataupun Menteri ataupun sesiapa daripada pejabat Menteri. Ada tiga lapisan semak imbang yang sedia ada. Jawatankuasa Teknikal, Jawatankuasa Kewangan dan selepas itu dipengerusikan oleh Lembaga Perolehan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Adakah itu maknanya...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Diwakili oleh tiga kementerian.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Adakah itu maksudnya Yang Berhormat Menteri hendak beritahu bahawa syarikat yang lain tidak memenuhi kehendak dan kriteria yang dikeluarkan oleh KBS ini.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita melalui sistem *open tender*, yang layak akan dipilih, itulah sistem yang sedia ada dan semua SOP...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Itu jawapan yang betul Yang Berhormat Menteri. Itu betul tetapi yang saya hendak sebut, adakah Yang Berhormat Menteri hendak beritahu bahawa syarikat lain tidak mempunyai kelayakan untuk memenuhi kriteria tender yang digunakan oleh kementerian.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bukan saya dan bawah bidang kuasa saya untuk menentukan syarikat mana yang layak dan yang tidak layak. Zaman di mana Menteri boleh membuat penilaian sendiri di atas kepentingan peribadi untuk memilih yang mana layak atau tidak layak sudah pun tamat. Sekarang kita biar penjawat awam tentukan. Kita biarkan bahawa Lembaga Perolehan, Jawatankuasa Teknikal...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri hendak sebut bahawa...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Jawatankuasa Kewangan untuk tentukan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri hendak sebut bahawa... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelebu, Jelebu ini sesi jawapan daripada Menteri. Kita tidak mahu *repeat* benda ini. Baik, terima kasih.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ini bukan soal— betul saya hendak penjelasan sebenar. Ini maknanya Yang Berhormat Menteri bagi tahu bahawa penjawat awam, pegawai kerajaan membuat penilaian yang salah. Jangan sampai KSU KBS pula esok kena gantung Yang Berhormat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya tidak pernah salahkan mana-mana pegawai dalam kementerian saya. Mereka memberikan komitmen...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Oleh sebab itu, saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...yang sangat baik.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya hendak tanya, IKBN yang ditender tujuh.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Mereka mengikut SOP yang sedia ada dan mereka memastikan bahawa setiap laporan semakimbang daripada teknikal, kewangan ke Lembaga Perolehan diikuti dengan cara yang betul dan telus.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri, sedikit

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Jikalau ikut kata-kata Yang Berhormat yang ingin mengembalikan kuasa kepada saya sebagai Yang Berhormat Menteri untuk memilih. Ini dia tanya, kenapa Yang Berhormat Menteri tidak pilih ini, adakah yang lain tidak berkelayakan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Bukan untuk saya yang tentukan tetapi ini mengikut SOP sedia ada dan bukan itu sahaja, saya mengalu-alukan mana-mana pihak, kalau ada bukti penyalahgunaan ataupun salah guna kuasa, boleh terus melakukan laporan kepada SPRM. Pegawai saya telah pun saya arahkan untuk lakukan laporan kepada SPRM. Kalau ada salah laku kita heret dia ke muka pengadilan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maknanya Yang Berhormat Menteri, untuk tiga tender syarikat yang berkenaan Yang Berhormat Menteri akan laporan kepada SPRM untuk disiasat kembali, supaya pengagihan perolehan ini mengikut tatacara yang sebenar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Jikalau ada salah guna, dipersilakan untuk laporkan kepada SPRM. Bukan itu sahaja, seperti saya tekankan, kerana dakwaan ini telah pun disebarkan pegawai saya sendiri, dalam Kementerian Belia dan Sukan telah pun diarahkan untuk pergi kepada SPRM. Kita hendak pastikan di KBS, semua bergerak dengan lancar. Budaya integriti adalah amalan kita dan kita tidak akan berkompromi dalam bab ini.

## ■1650

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Jangan sampai KSU pula yang kena tukar pula Yang Berhormat, macam Kementerian Pertanian.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri. Saya cuma hendak minta pendapat Speaker...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Jadi Yang Berhormat Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong, kalau boleh.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kenapa tak bagi saya? Ini *floor* saya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Lepas ini, lepas ini.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih, terima kasih Menteri orang muda. Saya minta bersabarlah. Ini Yang Berhormat tadi buat satu *Tweet*, okey cuma satu sahaja Yang Berhormat, ketika perbahasan di pihak sini, Menteri atau Timbalan mesti ada, pertama. Kedua, saya hendak bertanya kepada Yang Berhormat...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, peraturan-peraturan. Saya hendak tanya, tadi Yang Berhormat Ayer Hitam tidak berbahas dan menuduh Menteri dan Timbalan Menteri tidak hadir. Jadi pada dasar beliau berbahas sekarang...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat duduk! Yang Berhormat tak ada, jangan cakap.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** *You* Yang Berhormat Ayer Hitam...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat datang lewat pagi tadi, Yang Berhormat... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli Yang Berhormat, sekarang *floor* Menteri dan Menteri memberikan Yang Berhormat Ayer Hitam seringkasa sahaja untuk...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Ayer Hitam...

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Sebagai orang muda... [*Dewan riuh*]

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelutong duduklah! Yang Berhormat Jelutong duduk!

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Eh! Duduklah Yang Berhormat Jelutong!

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Yang Berhormat Ayer Hitam jawablah kalau boleh jawab. Ada buat tuduhan di luar?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Duduklah Yang Berhormat Jelutong, duduklah! [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, ini soalan sesi Menteri menjawab ya baik sila.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Tuan Pengerusi, saya bukan Menteri saya tak boleh jawab. Saya tanya...

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi tetapi Yang Berhormat Ayer Hitam tidak berbahas.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Yang Berhormat kacau saya rasa...  
[Dewan riuh]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya rasa Yang Berhormat buat tuduhan dalam *Facebook*.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Tolong hormat Speaker.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau lelaki, akan bahas.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Duduklah Yang Berhormat Jelutong.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri beri *your floor* kepada Yang Berhormat Ayer Hitam Yang Berhormat Menteri? Sila Yang Berhormat Ayer Hitam.

**Datuk Seri Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya meneliti jawapan daripada Yang Berhormat tadi saya cuma minta satu penjelasan. Yang Berhormat mengatakan tentang integriti yang mengatakan kerajaan sekarang kita mengamalkan prinsip tender terbuka itu baik. Adakah ia hanya diguna pakai di bawah Kementerian Belia dan Sukan dan ianya tidak merangkumi semua kementerian kerana kementerian jiran Yang Berhormat, terus rundingan terus. Yang Amat Berhormat Langkawi pun kata beliau merestui perkara ini. Adakah ia hanya diguna pakai dalam konteks KBS ataupun seluruh kerajaan. Macam mana satu kerajaan dua sistem kalau ianya hanya dihadkan atau pun disyaratkan untuk KBS sahaja. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Ayer Hitam. Sila Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Paya Besar sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, saya cuma hendak minta satu sahaja komitmen Yang Berhormat Menteri dalam Dewan yang mulia ini. Adakah tiga-tiga syarikat ini tidak ada kaitan dengan Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Tidak ada kaitan langsung.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sekiranya kita dapati ada dakwaan dan bukti, adakah Yang Berhormat Menteri sanggup untuk *resign* sebagai *Minister*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya kata di sini dengan jelas saya mengalu-alukan laporan kepada SPRM atau PDRM kalau ada salah guna kuasa atau kita tidak mengikut piawaian SOP yang sedia ada. Kena berani kerana benar. Dalam bab ini saya tak perlu takut kerana kita telah mengikut proses yang sedia ada dan bukan itu sahaja...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya telah pun mengarahkan pegawai KBS sendiri untuk melaporkan kes ini kepada SPRM supaya tindakan yang sewajarnya dapat diambil.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya pergi ke soalan kedua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat, maknanya betul-tulah...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Soalan yang kedua berkenaan...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Paya Besar, saya gunakan Peraturan 44. Pengerusi setelah menarik perhatian majlis mesyuarat atau jawatankuasa kepada kelakuan seorang ahli yang berdegil-degil menyebut perkara yang tidak ada kena mengena ataupun berulang-ulang menyebutkan dan *repeat*, memerintahkan ahli itu suruh berhenti bercakap. Saya minta maaf, saya teruskan kepada Yang Berhormat Menteri untuk menjawab.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, bila saya jawab ulang-ulang?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, boleh saya minta?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya minta pendirian daripada Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kalau betul...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Soalan yang kedua berkenaan dengan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, saya tanya Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sudah, sudah berapa kali sudah saya beri laluan. Sama juga.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kalau betul ketiga-tiga syarikat tidak ada kaitan Yang Berhormat Menteri, sanggup tak Yang Berhormat Menteri letak jawatan, itu sahaja.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Benda yang sama berulang-ulang. Saya hendak teruskan Yang Berhormat Menteri menjawab.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya hendakkan *confirmation* daripada Yang Berhormat Menteri sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, kalau dia betul-betul berani, Yang Berhormat Menteri betul-betul berani, bagi tahu okey saya akan *resign* kalau ketiga-tiga syarikat tidak ada kaitan. Itu sahaja Yang Berhormat Menteri. Tak Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya sudah jawab dengan begitu jelas. SOP kerajaan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tak Yang Berhormat Menteri...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tak, SOP Yang Berhormat tak payah baca.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Kita tahu Yang Berhormat Menteri, kita tahu...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Menetapkan bahawa kita perlu melalui proses *open tender* dan e-perolehan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Maknanya ada mana-mana wakil...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelebu, adakah tak respek Yang Berhormat Menteri menjawab kah?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya respek.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tak respek, tunggu dia jawab dengan kebenaran, saya boleh *on* kan balik mikrofon itu. Boleh teruskan, saya akan kira mungkin saya akan buat tindakan.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Tuan Pengerusi, kalau mereka masih lagi tidak faham, halau mereka keluar.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Tak apa. Yang Berhormat Jelutong sila duduk.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelutong duduk diam, Yang Berhormat Jelutong pun boleh kena halau keluarlah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, saya cuma minta penjelasan Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dulu masa Yang Berhormat Pekan dok rompak orang... *[Dewan riuh] [Pembesar suara dimatikan]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Paya Besar untuk mohon penjelasan kepada perkara yang dibangkitkan untuk dijawab oleh Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]:** Dia punya ini Menteri Kewangan pun rasuah perompak juga, kita mahu cakap. *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Kinabatangan, sila duduk. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Seorang Ahli:** Bodohlah!

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, saya harap apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Ayer Hitam adalah perkara yang benar. Saya ada di Dewan pagi tadi Tuan Pengerusi. Bagi mereka yang datang lambat, dia tak ada isu untuk bangkitkan perkara itu, itu pertama. Kedua, Yang Berhormat Menteri, saya hendak bertanya Yang Berhormat Menteri sekali lagi. Adakah Yang Berhormat Menteri bersetuju untuk letak jawatan sekiranya ketiga-tiga...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berapa kali saya hendak jawab dalam bab ini?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Apa jawabnya Yang Berhormat Menteri?

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Kenapa masih mahu letak jawatan? *[Dewan riuh]*

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya perlukan jawapan. Yang Berhormat Menteri!



**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Perkara yang sama berulang-ulang lagi, tak fahamkah...

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta supaya Yang Berhormat Jelebu berulang-ulang kali telah diberi jawab oleh Yang Berhormat Menteri. Saya boleh buat tindakan sebentar lagi, saya tak benarkan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** *Allahi, wabillahi, watallahi* Allah sebagai bukti saya di sini. Kalau ada salah guna kuasa, penyelewengan dan SPRM membuktikan ini salah guna kuasa, saya akan jadi orang pertama yang letak jawatan. Saya tak takut!

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Okey Yang Berhormat Jelebu boleh *resign*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya tidak takut dalam bab ini, saya boleh namakan satu per satu. Tender sebelum ini...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Jelebu hendak *resign* tak?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dilakukan melalui rundingan terus dan *limited* tender. Projek terbengkalai, puluhan juta dibazirkan, kontrak pergi kepada rakan-rakan sejawat dalam UMNO bahagian. Saya boleh buktikan...

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** *Resign* Yang Berhormat Jelebu, *resign*.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** *No*, kalau tak ada salah laku, Jelebu *resign*.  
[*Dewan riuh*]

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau Menteri tak ada salah, saya minta Yang Berhormat Paya Besar letak jawatan. Saya minta Yang Berhormat Paya Besar dan Yang Berhormat Jelebu letak jawatan *resign*. Kalau Yang Berhormat Menteri tak bersalah, dua-dua ekor minta letak jawatan. Minta Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Paya Besar letak jawatan, kalau Yang Berhormat Menteri tak bersalah, berani tak?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Kita tengok dulu siapa letak jawatan, baru kita tengok?

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Berani bersumpah? Berani? Kalau Yang Berhormat Menteri tak bersalah, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Jelebu letak jawatan. [*Dewan riuh*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, Ahli-ahli Yang Berhormat minta duduk. [*Pembesar suara dimatikan*]

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Yang Berhormat Beluran, kenapa senyap Yang Berhormat Beluran? Bangunlah Yang Berhormat Beluran.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Minta Ahli Yang Berhormat semua duduk, yang lain semua Ahli Yang Berhormat, sila duduk.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Kalau anak jantan, Yang Berhormat Jelebu dan Yang Berhormat Paya Besar letak jawatan.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Datang lewat duduk! Orang datang awal... [*Pembesar suara dimatikan*]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Yang Berhormat Jelutong, Yang Berhormat Jelebu. Saya beri amaran kepada Yang Berhormat Jelutong dan Yang Berhormat Jelebu ada dua 'J' ini satu Jelutong, satu Jelebu. Sekali lagi kalau tanpa kebenaran saya, saya akan halau kedua-duanya keluar. *[Dewan riuh]*

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Ini sokong, ini sokong Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, senyum sahaja. *Handsome* Tuan Pengerusi ini. Saya sokong Tuan Pengerusi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh saya tolong jawab sekarang.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** *You on* sekali lagi tengok. Yang Berhormat Jelutong, *you on* sekali lagi tengok baik. Sekarang saya minta Ahli Yang Berhormat beri perhatian kepada Yang Berhormat Menteri Belia dan Sukan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya hendak rumuskan kes ini kerana kes ini melibatkan dana rakyat dan isu yang perlu diperhalusi sebaik mungkin. Seperti saya tekankan sebelum ini, agak senang untuk kontrak diagihkan melalui rundingan terus, di mana Menteri boleh memilih siapa yang mendapat kontrak tersebut. Akan tetapi proses yang diperbaharui untuk memastikan bahawa kita dapat lakukan perkara dengan telus adalah di mana kita menggunakan sistem *online* e-perolehan dan juga tender terbuka.

Selepas itu ada tiga lapisan semak imbang yang sedia ada, Jawatankuasa Teknikal, Penilaian Kewangan dan juga Lembaga Perolehan yang tidak ada mana-mana wakil Menteri atau pejabat Menteri yang memilih siapa yang patut mendapat tender tersebut. Laporan SPRM juga telah pun KBS sendiri jalankan, perbandingannya jelas.

■1700

Saya harap...

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Cukup ya? Okey *Alhamdulillah*.

**Tan Sri Haji Noh bin Haji Omar [Tanjong Karang]:** Asal berani meletakkan jawatan sudah *clear* lah itu.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh kes kedua?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Baik, terima kasih. Teruskan.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berkenaan persoalan yang agak dekat dengan hati saya juga iaitu penganjuran ataupun pelaksanaan program MLFS yang dikenali sebagai *Malaysia Future Leaders School* ada persoalan yang dibangkitkan, adakah ini untuk menggantikan BTN ataupun PLKN. Untuk pemakluman Yang Berhormat, ini tidak dikhususkan untuk menggantikan PLKN khususnya.

Ini kerana kalau kita lihat belanjawan PLKN ia boleh mencecah RM680 juta tetapi belanjawan yang diperuntukkan untuk pelaksanaan MFLS hanya RM70 juta. Ia juga dianjurkan

dalam kem-kem BTN bina negara dan kem wawasan. Lebih 22 buah kem yang dimanfaatkan. Programnya juga berbeza dalam skala yang agak besar di mana kita ada tiga proses pengkaderan ini.

Proses pertama bermula di peringkat sekolah di mana guru besar dan guru-guru diberikan hak untuk memilih anak-anak yang paling berkepimpinan dan berkelayakan dan mereka dinilai melalui satu sistem yang agak menyeluruh, agak sama dengan izin *The Duke of Edinburgh's Award* di mana anak muda yang berkepimpinan, yang grednya baik dapat dipilih dan selepas itu untuk masuk ke fasa kedua. Dalam fasa kedua, mereka dilatih dan dikader dalam kem wawasan ataupun kem bina negara. Dalam tempoh masa enam ke lapan bulan ini kita telah berjaya mengkader dalam 26,000 orang anak muda yang bermula dari umur 16 tahun ke atas.

Fasa ketiga akan bermula pada awal tahun depan, suku tahun yang pertama di mana dalam 26,000 orang yang melalui fasa kedua hanya 200, *the best of the best, the cream of the crop* akan terpilih untuk melalui pengkaderan dalam tempoh masa enam bulan di mana mereka akan diletakkan di bawah Menteri, Perdana Menteri, tokoh-tokoh korporat...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Boleh saya tanya?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...CEO, *chairman*, dihantar ke luar negara untuk dididik supaya akhirnya mereka dapat dijadikan seorang pemimpin bukan sahaja pada masa hadapan tetapi juga pada masa ini. Yang Berhormat Pontian.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Saya ada bertanya mengenai modul MFLS itu, adakah boleh kita mengambil sedikit sebanyak modul PLKN 2.0? Itu satu pertanyaan. Satu lagi ialah kenapa 16 tahun dipilih, adakah kerana dua tahun lagi mereka akan mengundi dan mereka akan di *brainwash* untuk mengundi PH?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat, kalau tujuannya adalah untuk *brainwash* saya tidak akan membenarkan mana-mana EXCO kerajaan negeri atau Menteri besar daripada negeri pembangkang untuk memasuki kem ini. Akan tetapi realitinya bukan saya membenarkan, saya menjemput dan mengalu-alukan mereka untuk datang dan lihat sekali pelaksanaan program ini.

Untuk makluman Yang Berhormat, pelaksanaan program ini tidak dilakukan hanya oleh Kementerian Belia dan Sukan. Kita mengadakan satu *team* dan pelaksanaan tersebut dibincangkan bersekali dalam jawatankuasa anak muda yang dipengerusikan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dihadiri oleh semua EXCO belia dan sukan negeri tidak kira daripada negeri kerajaan ataupun pembangkang kerana kami menghargai input mereka dan kami hendak mereka lihat sendiri pelaksanaan program ini yang tidak ada unsur politik.

Apabila kita menggerakkan MFLS dalam Kem Bina Negara yang sebelum ini merupakan kem BTN, kita ingin memastikan bahawa kita mengajar mereka *critical thinking*, kepimpinan, pengucapan awam, *team building*. Perkara yang dipersetujui oleh semua yang bebas politik. Kalau Yang Berhormat Pontian ingin hadir sekali boleh maklumkan, saya akan turun dengan

Yang Berhormat Pontian boleh lihat sekali pelaksanaan program ini, anak-anak yang menyertainya memang layak, baik dan pada akhir program itu tidak kira parti mana pun yang mereka sokong tetapi kalau mereka dapat menjadi seorang pemimpin muda, mereka merupakan aset kepada semua parti politik di Malaysia, mereka merupakan aset kepada negara tercinta kita.

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Itu...

**Datin Mastura binti Mohd Yazid [Kuala Kangsar]:** Boleh saya bertanya sedikit. Saya *all those skill* bagus Yang Berhormat Menteri tetapi ia mesti mempunyai asas yang kukuh. Saya hendak bertanya dengan Yang Berhormat Menteri, adakah Yang Berhormat Menteri meletakkan penekanan kepada hal-hal prinsip Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan di setiap aras daripada awal sampai akhir supaya mereka betul-betul kenal kenapa mereka itu warganegara Malaysia.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Memang ada Yang Berhormat. Penekanan Rukun Negara dan Perlembagaan Persekutuan dimasukkan ke dalam portfolio kenegaraan. Salah satu daripada lima teras program MFLS. Bukan itu sahaja, untuk memastikan bahawa ia betul-betul mencerminkan Malaysia yang sebenar jika hendak dibandingkan dengan pelaksanaan BTN sebelum ini, bukan sahaja ia bebas politik tetapi pada masa yang sama kita menyertakan rakyat yang berbilang bangsa dan agama dan ada *gender parity* di mana wanita yang disertakan juga sudah hendak 50 peratus daripada total jumlah peratus dan ada juga perwakilan seadil mungkin kepada golongan bukan Melayu supaya akhirnya apabila mereka masuk kem tersebut untuk dikader dan dilatih, mereka melihat budaya Malaysia kekuatan kita adalah kekuatan bersama. Itulah cara kita melaksanakan MFLS Tuan Pengerusi.

Soalan yang ketiga yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang dan Yang Berhormat Pasir Mas iaitu berkenaan dengan projek naik taraf kemudahan sukan di Kelantan. Pada masa ini KBS sedang melaksanakan kerja naik taraf Kompleks Belia dan Sukan Kelantan di Panji yang dijangka siap pada awal tahun 2020. Bukan itu saja, KBS juga akan menaik taraf balapan di dalam Stadium Sultan Muhammad di Kota Bharu pada tahun 2020 di samping menaik taraf lain-lain gelanggang sukan secara berperingkat.

Seperti saya telah pun memaklumkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan, saya ingin memastikan bahawa pembangunan infra sukan ini dapat diagihkan seadil mungkin kerana jalan terbaik untuk menyelesaikan masalah gejala sosial khususnya di kalangan anak muda adalah untuk memastikan bahawa pembangunan infra sukan dapat ditekankan di kawasan di mana ada anak-anak muda, golongan belia berisiko khususnya dan perkara-perkara yang dibangkitkan telah pun kita bincangkan bersama. Perkara yang telah pun digariskan seperti menaik taraf balapan dan juga kompleks belia sukan telah pun kita ambil kira dan melaksanakan bersama.

Soalan daripada Yang Berhormat Putatan berkenaan permohonan untuk membina sebuah velodrom di Sabah...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Ataupun Sarawak. KBS bersedia untuk menimbangkan pembinaan sebuah velodrom untuk tujuan pembangunan program berbasikal di Sabah, Sarawak dan Labuan. Jika sesuai, cadangan ini akan dibawa di dalam permohonan Rancangan Malaysia Ke-12 mulai tahun 2021. Pada masa ini, KBS telah pun dalam proses untuk membina satu lagi velodrom di Dungun, Terengganu selepas perbincangan dengan Kerajaan Negeri Terengganu kerana Terengganu dikenali sebagai negeri yang melahirkan banyak atlet-atlet berbasikal yang mahir. Saya juga telah pun berjumpa dengan Yang Berhormat Menteri Besar untuk membincangkan perkara ini. Pada masa yang sama, velodrom di Johor akan siap dalam tempoh terdekat dianggarkan dalam bulan April hingga Mei untuk persediaan SUKMA.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...Ini juga berkenaan pembangunan velodrom yang baru selepas ini pengkhususan harus diberikan kepada Sabah dan Sarawak, saya setuju. Oleh sebab itu dalam pelaksanaan program *Le Tour De Langkawi* pada tahun 2020 selepas lebih 11 tahun, LTDL tidak berpijak di bumi, di negeri Sabah atau Sarawak, kali ini ia akan dikembalikan semula kepada Sarawak dan kita akan ada *special international race* di Sabah untuk memastikan bahawa liputan yang luas di peringkat antarabangsa dapat diberikan kepada negeri Sabah dan juga Sarawak.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas pengumuman projek yang telah diluluskan untuk baik pulih balapan di dua tempat iaitu di Panji, kompleks sukan dan juga di Stadium Sultan Muhammad IV. Saya hendak tanya berapakah peruntukan yang telah diluluskan, itu yang pertama. Kedua...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Minta maaf, boleh ulang lagi sekali?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Berapa banyak peruntukan yang diluluskan untuk kedua-dua tempat di kompleks sukan di Panji dan juga di Stadium Sultan Muhammad IV, baik pulih balapan. Kedua, saya hendak tanya berkenaan dengan kemudahan prasarana sukan-sukan lain di Kelantan untuk membolehkan negeri Kelantan turut sama menganjurkan SUKMA - Sukan Malaysia kerana semenjak diperkenalkan daripada tahun 1986 sehingga sekarang kita tidak pernah menganjurkan sukan SUKMA. Jadi prasarana sukan perlulah menepati standard yang telah ditetapkan oleh Majlis Sukan Negara. Ada atau tidak ada perancangan pihak kementerian untuk membina prasarana sukan di negeri Kelantan.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Menteri, Yang Berhormat Menteri...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Machang.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Menteri di sini.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh saya menjawab soalan Yang Berhormat Machang dahulu? Kos keseluruhan dua projek ini tidak ada dengan saya sekarang. Saya akan menjawab secara bertulis. Saya juga telah pun memaklumkan kepada EXCO Belia

Sukan Negeri berkenaan pelan pembangunan ini secara khusus. Pada masa yang sama berkenaan penganjuran SUKMA di Kelantan, ini berkait rapat dengan soalan daripada Yang Berhormat Machang juga saya hendak jawab.

Sememangnya kita maklum – sebelum saya pergi kepada persoalan ini, minta maaf. Saya perlu mengalu-alukan tetamu 15 orang delegasi Malaysia dan 18 orang delegasi Singapura daripada *Malaysia-Singapore Youth Leaders Programme, ASEAN Youth Exchange* yang bersama dengan kita.

[Tepuk]

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Selamat datang.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berkenaan penganjuran SUKMA di Kelantan. Secara prinsipnya saya bersetuju sebaik sahaja saya dilantik sebagai Menteri Belia dan Sukan, memang salah satu perkara yang saya hendak lihat berlaku adalah untuk membawa SUKMA ke negeri Kelantan.

■1710

Ini kerana apabila SUKMA itu bertapak di sesebuah negeri, ia juga akan datang dengan pembangunan infrastruktur sukan yang agak menyeluruh seperti apa yang berlaku di Johor dan Perak di mana dalam RM200 juta dibelanjakan untuk pembangunan infrastruktur sukan.

Saya telah pun mengekspresikan pandangan saya supaya dipersetujui oleh kerajaan negeri supaya akhirnya kita dapat bergerak bersama. Oleh sebab itu dalam bab ini, KBS telah pun mencadangkan kepada Kerajaan Negeri Kelantan untuk bersama dalam menggerakkan Majlis Sukan Negeri Kelantan yang sebelum ini tidak diterima atau tidak diwujudkan. Akan tetapi *alhamdulillah*, hasrat ini telah pun disambut baik oleh Kerajaan Negeri Kelantan dan tahniah diucapkan. Sekarang ini, kita bergerak sama seperti negeri-negeri lain tidak kira negeri pembangkang atau kerajaan kerana sukan ini dapat menyatupadukan semua. Itu merupakan jalan pertama kerana apabila ada MSN yang bersama, kita dapat menganjurkan program antarabangsa dan kebangsaan bersama juga.

Mengenai kemudahan-kemudahan sukan yang diperlukan bagi membolehkan Kelantan menjadi tuan rumah kepada temasya SUKMA, ia adalah banyak bergantung kepada bilangan sukan dan jenis acara yang akan dipertandingkan.

Saya menjawab juga kepada perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pasir Mas yang berkaitan dengan pendirian Kerajaan Negeri Kelantan mengenai pematuhan pakaian mengikut syariah. Amatlah dialu-alukan tetapi pada masa yang sama, seperti saya maklumkan pendirian Kementerian Belia dan Sukan sebelum ini, kami tidak memaksa tetapi kami menasihati. Sebagai contoh untuk pengetahuan Yang Berhormat Pasir Mas, kes yang melibatkan gimnas atau atlet gimnastik kita di negeri Kelantan, *alhamdulillah*, dapat diselesaikan bersama di mana mereka tetap dapat mempraktikkan bidang sukan yang mereka cintai di mana mereka mewakili Malaysia, mewakili negeri dan kini akan membanggakan negeri dan Malaysia yang tercinta.

Proses untuk kerajaan negeri untuk mengetatkan SOP ini akan diperhalusi dan dibincangkan lagi kerana akhirnya, atlet negara merupakan prioriti kita.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Menteri, Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Menteri baru-baru ini semasa kempen PRK Tanjong Piai ada mengumumkan RM4 juta untuk komitmen menaik taraf kemudahan sukan dan rekreasi. Jadi saya ingin tahu, apakah tempoh masa anggaran pelaksanaan projek ini secara spesifik? Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ada yang telah bermula dan ada yang akan dimulakan dalam tempoh terdekat. Peruntukan ini bukan sahaja diagihkan semasa PRK. Seperti saya maklumkan sebelum ini telah pun diluluskan sebelum PRK itu bermula lagi dan akan kita teruskan. Ini kerana saya sendiri melawat kawasan-kawasan tersebut dan bila saya melawat, memang wujudnya keperluan yang agak mendesak khususnya di kawasan luar bandar ataupun separa bandar di mana ada kumpulan belia yang berisiko yang agak tinggi. Itu merupakan klasifikasi mengikut prioriti yang sedia ada.

Saya ingin menjawab persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan juga Yang Berhormat Sibuti berkenaan perincian bajet untuk *e-Sports* seperti yang diumumkan. Untuk makluman Yang Berhormat, minggu lepas kami telah pun mengumumkan Pelan Strategik Pembangunan Sukan Elektronik ataupun *e-Sports Blueprint* pada tahun 2020 hingga tahun 2025 yang membincangkan tentang lima teras utama iaitu:-

- (i) Teras Pertama – pembangunan atlet *e-Sports* ke arah kecemerlangan, sukan prestasi tinggi;
- (ii) Teras Kedua – penekanan kepada etika sukan elektronik yang bertanggungjawab;
- (iii) Teras Ketiga – akses kepada fasiliti dan infrastruktur sukan elektronik;
- (iv) Teras Keempat – membina ekosistem *e-Sports* yang mampan; dan,
- (v) Teras Kelima – menerapkan tadbir urus dan peraturan sukan elektronik yang seragam.

Berkenaan pengagihan dana yang telah diperuntukkan pada tahun ini dan tahun yang akan datang, saya akan berikan perincian yang agak jelas. Pertama sekali, walaupun pada tahun ini, pada belanjawan yang sebelum ini dibentangkan, diperuntukkan RM10 juta tetapi RM10 juta pada peringkat awal diperuntukkan kepada MDEC yang berasingan dengan Kementerian Belia dan Sukan. Akan tetapi selepas sesi rundingan dengan MDEC, kami bersetuju di mana RM4.5 juta dibelanjakan untuk pembangunan industri *e-Sports* di bawah MDEC dan jumlah tambahan adalah untuk kegunaan sukan pembangunan e-Sukan khususnya di bawah Kementerian Belia dan Sukan.

Ini secara perinciannya:-

- (i) kejohanan pemilihan atlet kebangsaan ke Sukan SEA Manila berjumlah RM350,000;
- (ii) program penyediaan atlet sukan elektronik ke Sukan SEA Manila berjumlah RM700,000;
- (iii) *Blueprint e-Sports* berjumlah RM500,000;
- (iv) pelaksanaan inisiatif *blueprint* lima tahun ini berjumlah RM800,000;
- (v) pengubahsuaian dan penambahbaikan kemudahan dan pusat latihan sukan *e-Sports* berjumlah RM2 juta;
- (vi) kejohanan sukan elektronik NFDP berjumlah RM200,000; dan,
- (vii) pembangunan infrastruktur jalur lebar bagi merencanakan aktiviti dan kegiatan sukan elektronik diselaraskan oleh MDEC berjumlah RM4.5 juta.

Untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Machang berkenaan bajet SIC dan sukan permotoran ...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Menteri, *e-Sports*. Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Terima kasih. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya penganjuran dua *event* yang berjumlah RM355,000 dan RM500,000 kalau tidak salah saya tadi Yang Berhormat Menteri sebutkan tadi, siapakah yang menguruskan *event* tersebut? Adakah diserahkan kepada syarikat swasta ataupun diserahkan kepada badan-badan NGO yang sedang mengupayakan *e-Sports* ini? Saya juga hendak tanya, yang RM20 juta untuk tahun 2020 ini, diletakkan di bawah mana? Di bawah Kementerian Yang Berhormat atau masih kekal di bawah MDEC? Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita perlu ikut piawaian yang telah pun ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Kalau jumlah dana melangkaui tidak silap RM500,000, ia perlu melalui proses tender terbuka. Setahu saya, pelaksanaan program itu digerakkan oleh komuniti *e-Sports* itu yang tersendiri. Sebagai contoh, tadi saya membentangkan dalam RM1 juta atau RM1.5 juta dibelanjakan dalam menggerakkan *e-Sports Blueprint* ini. Ini merangkumi semua tokoh industri yang merangkumi pemegang taruh *e-Sports* dan digerakkan oleh tiga orang pemimpin *e-Sports* negara di mana ia digerakkan oleh tiga orang ini dan tiga orang ini mewakili satu industri *e-Sports*. Kedua, *organizer e-Sports* dan yang ketiga, atlet *e-Sports*. Ketiga-tiga mereka ini telah pun berjumpa dengan ratusan pemegang taruh supaya akhirnya, dalam pelaksanaan dana *e-Sports* ini ataupun *e-Sports Blueprint* ia dapat digerakkan bersekali.

Berkenaan dengan dana yang berjumlah RM20 juta itu, RM20 juta diperuntukkan kepada MDEC dalam pembangunan industri yang terkait. RM20 juta yang diperuntukkan kepada KBS lebih kepada bidang sukan. Pecahan dana tersebut masih belum dimuktamadkan lagi kerana



kami baru terima, belum terima lagi tetapi masih dalam proses perbincangan bagaimana kita hendak menggerakkan industri *e-Sports* ini supaya akhirnya dengan industri dan juga bidang sukan *e-Sports* ini kita dapat menggerakkannya bersekali.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan ...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Menteri, sedikit, *e-Sports* ini.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Tidak lagi lah.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi, boleh?

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Sebab dia begini Yang Berhormat Menteri. Untuk memastikan *e-Sports* ini menjadi seperti mana sukan bola di mana dia bermula di peringkat sekolah. Adakah Yang Berhormat Menteri telah berbincang dengan Kementerian Pendidikan supaya *e-Sports* ini turut dipraktikkan di peringkat sekolah supaya laluan itu menunjukkan laluan yang cukup jelas, ia tidak bermula ketika mereka sudah besar. Ini kerana anak-anak muda sekarang ini Yang Berhormat Menteri pun faham, selalu main di kementerian. Maknanya bagaimana proses ini harus bermula di peringkat bawah dan seterusnya dibawa ke atas?

Kedua Yang Berhormat Menteri, tiga orang tadi – saya hendak tahu begini sahaja Yang Berhormat Menteri. Adakah diberikan kepada syarikat atau diberikan kepada NGO? Adakah disebabkan melalui prosedur kewangan kita perlu meletakkan syarikat? Bagaimana untuk NGO sendiri yang dapat duit dan mereka yang menganjurkan? Itu persoalannya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berkenaan *e-Sports Blueprint* ini seperti saya tekankan tadi, ia mengikut piawaian kerajaan telah pun ditetapkan. Kalau ingin melantik mana-mana syarikat setakat ini saya rasa belum ada lagi yang mendapat peruntukan sebesar itu. Ia perlu melalui proses tender terbuka tetapi tiga orang itu telah pun dinamakan, telah pun diuar-uarkan. Pada minggu lepas pun saya telah pun perkenalkan mereka, apa bidang jurusan mereka dan kenapa mereka mahir dalam bidang ini kerana melibatkan industri organisasi dan juga atlet yang masih bergiat aktif dalam bidang *e-Sukan* ini.

Pada masa yang sama, persoalan berkenaan pembangunan di peringkat akar umbi, saya rasa perkara tersebut perlu dibincangkan dengan semua pemegang taruh. Saya bukan pakar dalam bidang *e-Sukan* ini. Saya rasa lebih baik kita biar pemegang taruh ataupun pakar-pakar dalam bidang *e-Sukan* ini untuk menggerakkannya. Oleh sebab itu, apabila kita menggerakkan *eSports Blueprint* ini, ia digerakkan oleh pemegang taruh dalam *e-Sports* dan bukan oleh kementerian semata-mata.

Menjawab persoalan Yang Berhormat Machang berkenaan bajet *Sepang International Circuit* dan juga sukan permotoran. Ada persoalan kenapa berlaku pertambahan bajet SIC dulu

dan sekarang. Pertama sekali saya ingin membetulkan bahawa tidak ada penambahan bajet ataupun geran pada tahun 2020. Apa yang ada adalah pengurangan. Oleh sebab itu pihak SIC pun ada datang berjumpa dan memohon dana tambahan kerana lebih RM66 juta yang dimohon, tidak dapat setengah pun yang diluluskan dan jumlah setengah itu bukan sahaja untuk pembangunan peringkat akar umbi tetapi juga untuk menggerakkan MotoGP.

■1720

Kita semua kenali bahawa *multiplier effect* dengan izin, penganjuran Motor GP ini sangat besar. bukan sahaja ia dedahkan sukan akar umbi kita kepada semua tetapi pada masa yang sama ia dapat mendedahkan *brand* Malaysia dalam Motor GP itu kepada seluruh dunia. Oleh sebab itu, apabila kita menggerakkan Motor GP baru-baru ini, jumlah peserta sampai ke tahap rekod yang paling tinggi dan Malaysia juga melalui penganjuran Motor GP mendapat *award* daripada peringkat antarabangsa khususnya daripada penganjuran yang kita adakan pada tahun lepas.

Contoh penganjuran yang kita adakan *International Races Motor GP* dan *Races of Malaysia* – lepas ini saya akan jawab – *Malaysian Championship Series Five Rounds* setiap tahun, *Malaysia Superbike Championship Five Rounds* setiap tahun dan juga *Sepang 1,000 kilometer Race*. Ini semua merupakan sukan-sukan yang digerakkan bersekali dengan *Sepang International Circuit*.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Dato' Mohd Rashid Hasnon]:** Sila.

**Dato' Dr. Shamsul Anuar bin Nasarah [Lenggong]:** Saya hendak menyentuh juga perkara ini, saya bangkitkannya. Saya minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, RM30,500,000 untuk Sepang ini berbanding dengan Majlis Sukan Negara dengan Institut Sukan Negara, kedua-duanya kalau kita campurkan hanya RM28 juta sahaja. Kenapa perbezaan ketara sedangkan ISN dan MSN ini cukup penting kepada pembangunan sukan dalam perkara ini dan melibatkan jumlah penyertaan yang lebih ramai? Mohon Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat Lenggong. Saya perlu menjawab soalan ini bersekali dengan Yang Berhormat Pasir Mas menimbulkan persoalan yang sama berkenaan pengurangan bajet MSN. Pertama sekali tidak ada pengurangan bajet MSN. Apa yang ada adalah klasifikasi yang lain yang telah pun dikhususkan.

Saya beri contoh, apa yang tertulis bajet MSN untuk tahun 2020 hanya diperuntukkan RM14 juta. Akan tetapi apa yang perlu dilihat, itu bagi Butiran 20300. Peruntukan ini tidak masuk Program Latihan dan Pembangunan Sukan di mana ia dimasukkan di dalam Butiran 031100 yang berjumlah RM46 juta. Ini juga tidak meliputi Program Pembangunan Atlet, Pelapis dan Bakat, Program Atlet Para dan Program Pembangunan Bola Sepak Negara di Akademi Mokhtar Dahari. NFDP sahaja telah pun diperuntukkan RM45 juta yang tidak dimasukkan ke bawah bajet MSN tetapi dimasukkan ke dalam Kumpulan Wang Amanah Sukan. Ini kerana klasifikasinya lain, ia nampak seperti ada pengurangan tetapi realitinya ada tambahan yang agak menggalakkan.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Yang Berhormat Menteri, SIC sudah habis kah belum?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Apa?

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Sudah habis kah belum SIC tadi?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Boleh jawab, boleh tanya.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Okey, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat Menteri, saya hendak tanya berapa banyak kah pulangan yang diperoleh oleh SIC daripada pengiklanan hasil daripada *event* ataupun Motor GP yang telah disebut oleh Yang Berhormat Menteri sekejap tadi. Dalam ucapan saya, adakah SIC akan melobi untuk mendapat hak penganjuran F1 selepas terhenti buat seketika.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dari *marketing auditing* dengan izin, saya tidak boleh jawab secara terperinci sekarang tetapi saya agak yakin ada *auditing marketing* yang mereka sendiri lakukan. Oleh sebab itu, penganjuran ini digalakkan untuk diteruskan apabila kita memberhentikan penganjuran F1 fokusnya lebih kepada Motor GP kerana Motor GP ini agak dekat dengan hati semua rakyat Malaysia khususnya rakyat marhaen. Ia tidak sahaja melibatkan mereka yang berduit.

Oleh sebab itu, kalau kita lihat penganjuran setiap tahun Motor GP ini, penyertaannya sangat menggalakkan. Tiket dijual *100 percent sold* dengan izin. Pada masa yang sama banyak warga negara lain turut bersama untuk menyertai Motor GP ini dan dari taktik memasarkan Malaysia ke persada dunia merupakan salah satu jalan yang terbaik. Dari segi perinciannya, saya akan menjawab secara bertulis Yang Berhormat. Seperti yang saya tekankan tadi fokus kami sekarang adalah pelaksanaan Motor GP. Bukan F1.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Maknanya F1 tidak akan dianjurkan?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Setakat ini fokusnya adalah Motor GP, bukan F1.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Okey.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Terima kasih Yang Berhormat. Untuk menjawab soalan Yang Berhormat – saya kena cuba rumuskan, banyak lagi ini, baru jawab empat atau lima soalan.

Untuk menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Masjid Tanah. Pertama sekali terima kasih kerana sangat prihatin, saya perlu ucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Masjid Tanah, setiap kali berjumpa bukan sahaja membicarakan soal pembangunan beberapa jenis sukan khususnya *dodgeball* tetapi pada masa yang sama saya sendiri lihat dia ada banyak pasukan bola sepak dan bola keranjang nya tersendiri di kawasan beliau. Saya rasa kalau semua Ahli Parlimen memainkan peranan untuk bersama membangunkan sukan akar umbi, saya rasa pembangunan sukan di Malaysia dapat ditambah baik.

Untuk menjawab yang agak khusus berkenaan Pejabat Pesuruhjaya Sukan yang agak lewat dalam memberi maklum balas, saya akan memastikan bahawa proses ini dimudahkan dan

dipercepatkan. Kami pun baru melantik seorang Pesuruhjaya Sukan yang sangat *credible* yang baharu, wanita yang berkepimpinan, Dr. Wirdawati yang sebelum ini merupakan pensyarah di UM dan saya akan bekerjasama dengan beliau untuk memastikan bahawa kes ini dapat diselesaikan.

Pada masa yang sama, Piagam Pelanggan di PPS adalah urusan pendaftaran yang diselesaikan dalam masa tujuh hari bergantung kepada dokumen yang diminta lengkap dan diterima oleh pegawai proses serta *query* mengenai pendaftaran yang dijawab dengan baik. Kes ini akan kami memudahkan secepat mungkin.

Contoh pendaftaran kelab yang boleh diberikan. Di sini saya hendak tekankan Persatuan Dodgeball Malaysia yang diketuai oleh Yang Berhormat Masjid Tanah sendiri telah diringkaskan proses pendaftaran seperti berikut:

- (i) Tarikh tubuh: 19/12/2015;
- (ii) Tahun pohon: 23/12/2015;
- (iii) Tarikh lulus PJS: 4/1/2016;
- (iv) Tarikh hantar sijil: 7/1/2016.

Setelah disemak di dalam sistem eROSA iaitu sistem pendaftaran dalam talian PPS setakat ini tiada permohonan daripada Kelab Bola Sepak Masjid Tanah Junior. Kalau ada, proses pendaftaran telah pun dibuat melalui eROSA, kami akan mempercepatkan. Kira selepas ini Dr. Wirdawati PJS boleh berjumpa dengan Yang Berhormat Masjid Tanah untuk menyelesaikan kes ini secepat mungkin. Huh, banyak lagi.

Untuk menjawab persoalan daripada Yang Berhormat Machang dan juga Yang Berhormat Putatan iaitu tiada peruntukan bagi Butiran 020200 – Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) bagi tahun 2020, pada tahun 2019 peruntukan sejumlah RM2.7 juta. Untuk makluman Yang Berhormat Machang dan juga Yang Berhormat Putatan, bagi tahun 2020, IYRES tidak diberikan peruntukan geran mengurus dengan mengambil kira kedudukan kewangan IYRES bagi tahun 2018 dan tahun 2019.

Kementerian Kewangan telah memaklumkan sama sahaja konsep dengan konsep *Sepang International Circuit (SIC)* di mana geran mereka diturunkan dengan agak mendadak di mana MoF melihat *fixed deposit (FD)* yang sedia ada dan situasi kewangan sedia ada untuk membelanjakan FD itu, selepas itu baru perbelanjaan ataupun permohonan tambahan dapat dilakukan. Akan tetapi komitmen adalah untuk memastikan bahawa kaji selidik yang dilakukan oleh IYRES berprestasi tinggi dan akhirnya dapat membentuk nilai murni anak muda di Malaysia.

Ini sama juga dengan Butiran Peruntukan 030700 – *Sepang International Circuit* bagi tahun 2019 tiada tetapi pada tahun 2020 sebanyak RM37.5 juta. Oleh sebab itu, saya tekankan, bukan ada penambahan tetapi pengurangan yang agak besar pada tahun 2019 – RM37.5 juta. Untuk makluman, bagi tahun 2019 diperuntukkan sejumlah – ini tahun 2019, RM60.6 juta yang diletakkan di bawah Butiran Aktiviti 010100 – Pengurusan Am. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2020, Butiran bagi Program SIC telah diwujudkan di bawah Butiran 030700 dan peruntukan SIC

dikeluarkan daripada Butiran Pengurusan Am dan diletakkan secara khusus di bawah Butiran SIC.

Saya perlu tekankan ini kerana ada banyak persoalan yang berkait rapat dengan isu sama. Ada penolakan kah atau ada penambahan dari segi peruntukan Kementerian Belia dan Sukan. Secara amnya ada penambahan dan penambahan yang sangat menggalakkan dalam RM100 juta tambahan daripada Belanjawan yang lepas.

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Cuma, klasifikasi yang digunakan berbeza. Mungkin nampak ada penurunan tetapi apabila kita menambahkan total klasifikasinya ada penambahan yang agak menggalakkan.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, *under* Segamat. So, perkara yang daripada Pesuruhjaya Sukan itu sudah lepas kah atau masih dalam – sebab mengenai catur itu saya hendak tahu sudah lepas kah belum lagi? Terima kasih.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Masih boleh mohon lagi Yang Berhormat Segamat. Saya rasa lepas ini kita boleh berjumpa dengan Dr. Wirdawati untuk selesaikan kes ini. Saya pun hendak ambil masa untuk menjawab soalan Yang Berhormat Segamat. Saya rasa mungkin di kertas yang kedua, banyak sangat. Akan tetapi saya jawab terus.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau punya bila ya Yang Berhormat Menteri? Kuala Krau punya.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Jawab dulu ya.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, kita bangsa Johor kan, Yang Berhormat Kuala Krau tunggu dulu lah sekejap.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau awal lagi berucap daripada Yang Berhormat Segamat.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** *[Ketawa]* Cuba selesaikan Yang Berhormat Segamat dahulu. Berkenaan catur, ini merupakan salah satu sukan dan sukan ini tidak boleh dianaktirikan. Saya setuju sukan ini menyatupadukan seluruh rakyat Malaysia tidak kira agama ataupun bangsa. Saya pun dahulu bila sekolah rendah bermain catur, mungkin tidak lah sehandal Yang Berhormat, tidak dapat mewakili Johor tetapi mewakili sekolah pun boleh lah. Akan tetapi sukan ini memang kita perlu perhebatkan strategi untuk melatih *grand master* yang pertama di Malaysia perlu dititikberatkan.

#### ■1730

Kami sekarang dalam proses perbincangan dengan persatuan catur. Sekarang mereka baru tamat proses pemilihannya dan selalu mereka akan menetapkan hala tuju yang akan dibincangkan bersekali. Kalau Yang Berhormat ingin disertakan sekali, kami mengalu-alukan khususnya mereka yang betul-betul minat dalam sukan tersebut.

Baik, untuk menjawab persoalan berkaitan dengan isu pekerjaan, belia dan isu pekerjaan. Ada persoalan yang bertanyakan sebelum ini Menteri mencadangkan supaya kerajaan menyalurkan RM6.5 bilion untuk mewujudkan 350,000 peluang pekerjaan bagi anak muda tetapi dalam Belanjawan 2020 bahawa KBS ia tidak ada. Itu tidak betul.

Walaupun wang RM3.5 bilion itu tidak disalurkan di bawah Kementerian Belia dan Sukan tetapi ia melalui MoF yang disalurkan kepada EPF yang akan menggerakkan *Malaysia@Work*, atau dikenali sebagai *MalaysiaKerja*. Sebanyak RM6.5 bilion dalam tempoh masa lima tahun untuk mencipta 350,000 peluang pekerjaan yang baru dan berimpak tinggi. Ia tidak bermaksud bahawa jika ia tidak digerakkan di bawah KBS peruntukan itu tiada. Ia ada tetapi digerakkan oleh agensi ataupun kementerian yang lain.

Berkenaan dengan persoalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Machang, Yang Berhormat Paya Besar, Yang Berhormat Masjid Tanah, Yang Berhormat Pasir Mas dan juga Yang Berhormat Lenggong dan Yang Berhormat Bagan Serai. Apakah langkah-langkah yang dilaksanakan oleh kementerian untuk menangani isu pengangguran serta mengemas kini modul-modul latihan ILKBS.

Kementerian Belia dan Sukan melalui 22 institusi latihan kemahiran sukan iaitu IKBN dan IKTBN dan juga Akademi Kemahiran Belia Golf Negara (AKBG) menawarkan latihan kemahiran sepenuh masa dari tahap satu hingga tahap lima yang menawarkan Sijil Kemahiran Malaysia — Diploma Kemahiran Malaysia dan Diploma Lanjutan Kemahiran Malaysia serta persijilan profesional yang melibatkan 14 bidang utama antaranya mekanikal, elektrik, elektronik, teknologi awam, hospitaliti, teknologi marin, teknologi pertanian dan juga minyak dan gas.

Bagi memastikan bahawa ILKBS menjadi pilihan utama anak muda dalam industri KBS telah pun melaksanakan program memperkasakan TVET KBS yang melibatkan pelbagai inisiatif. Antara inisiatif yang dilaksanakan ialah inisiatif kerjasama strategik atau dikenali sebagai *teaching factory* bersama dengan pihak industri. Sebanyak 44 syarikat telah mengadakan kerjasama di peringkat nasional dan lebih 300 syarikat telah bekerja di peringkat ILKBS.

Melalui inisiatif ini pihak syarikat bersama-sama di dalam merangka kurikulum dan silibus pengajian bagi semua bidang di ILKBS berorientasikan industri masa depan dalam melahirkan modal insan TVET berkemahiran tinggi untuk negara. Kita ingin memastikan bahawa segala penambahbaikan dan pembaharuan digerakkan bersekali dengan industri tempatan supaya akhirnya ia kekal relevan dan apabila anak-anak TVET tamat pengajian mereka, mereka sudah sudah tempat untuk bekerja.

Oleh sebab itu di bawah KBS bukan sahaja kita ada peningkatan dari kadar pekerjaan mereka, kadar pengangguran TVET bawah lima peratus. Kadar pekerjaan yang diberikan selepas tamat pengajian dalam lingkungan 94 peratus ke 96 peratus ikut bidang masing-masing. Pada masa yang sama, dalam tempoh masa satu tahun ini dan kita telah pun menambahkan tangga gaji, apabila mereka tamat pengajian dalam RM100 sebulan jika hendak dibandingkan

satu tahun yang lepas. Maksudnya anak-anak didik TVET ada tempat, ada pekerjaan dan tangga gaji mereka melalui sistem yang baru kita sediakan dapat ditambah baik dari semasa ke semasa.

Melalui kerjasama pelbagai pihak industri ILKBS telah mengemas kini kurikulum selari dengan perubahan teknologi revolusi IR 4.0. Sebagai contoh, teknologi aplikasi dron dimasukkan ke dalam modul latihan bidang kemahiran seperti pembinaan awam, elektronik, fotografi, multimedia dan *electrical*.

Teknologi aplikasi dron ini sangat penting kerana ia dapat memberikan pekerjaan berkualiti tinggi kepada anak muda dan juga memerlukan bidang baru yang boleh melibatkan lebih banyak anak muda yang berkemahiran. Sehingga November 2019, Kementerian Belia dan Sukan telah melatih seramai 16,182 orang belia yang melibatkan program sepenuh masa dan program jangka masa pendek. Oleh sebab itu purata gaji pendapatan graduan naik kepada — ini agak spesifik RM1,761. Saya hendak pastikan ia naik kepada RM1,800 iaitu minimum.

KBS juga turut membangunkan program *boot camp* dan Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN) dengan kerjasama majikan dan industri dengan 100 peratus jaminan pekerjaan. Bagi tahun 2019, seramai 819 orang *boot camp* dan SLDN telah berjaya di latih dan mendapat peluang pekerjaan dengan purata gaji RM1,700 sehingga RM2,700. Antara program-program yang dilaksanakan adalah *Industrial Automation Engineering Services* oleh PANASONIC, *Plastic Blown Film Extrusion* oleh Antawise Sendirian Berhad, *Stamping Enhancement Precision Stamping (M)* Sendirian Berhad, *Aero Composites* oleh CTRM, *Composite Technology ACM* Sendirian Berhad, *Hospitaliti* oleh Ben's Kitchen Sendirian Berhad, dan *Golf Services Assistance* oleh *A Famosa Golf Resort*.

Sistem Latihan Dual Nasional ini sangat penting kerana ia dapat menjamin peluang pekerjaan terus kepada anak muda selepas tamat pengajian dan gaji yang agak bermaruah. Bagi menangani persepsi masyarakat yang negatif terhadap kumpulan belia berisiko, kita pun sekali gus memberi mereka peluang kedua untuk meneruskan kehidupan melalui latihan kemahiran yang akan dibekalkan ini. Ia juga selaras dengan hasrat kerajaan untuk memberikan peluang kedua kepada semua golongan masyarakat menerusi pembangunan modal insan.

KBS turut menawarkan program di bawah *Skill Training At Risk Youth, Star@U* di mana terdapat tiga inisiatif di bawah program ini. Pertama *My Future Youth* di mana program dengan kerjasama dengan AADK bagi melatih orang dalam tahanan dan orang kena pengawasan. *My Future Youth Plus*, program jangka pendek bagi melatih belia tanpa SPM dalam bidang kemahiran supaya mereka tetap dapat menyertai ILKBS walaupun tidak ada SPM, mengikut piawai yang sedia ada diperlukan dan peka peluang kedua anda reben kuning.

Beberapa inisiatif telah diambil termasuk program dengan kerjasama MRCB dan penjara untuk menyediakan latihan dan pekerjaan kepada 90 orang diselia ataupun orang bawah pengawasan dan program dengan kerjasama MKRS dan Henry Gurney yang melatih dan memberi pekerjaan kepada 14 orang pelatih Henry Gurney.

Sehingga November 2019 seramai 975 belia telah dilatih menerusi program yang *targeted* dan khusus kepada kumpulan belia berisiko ini. Ini sangat penting kerana ia berkait rapat dengan program Reben Kuning peluang kedua di mana syarikat-syarikat memberikan pekerjaan kepada kumpulan belia berisiko ini akan diberikan teks insentif khas supaya akhirnya stigma yang diletakkan kepada kumpulan berisiko ini dapat dikurangkan dan akhirnya mereka tidak disisihkan oleh masyarakat, ditempatkan di pekerjaan dan ada hala tuju yang jelas, supaya akhirnya mereka tidak lagi melakukan kesilapan yang sama tetapi dengan bimbingan masyarakat dan syarikat dan pekerjaan yang diberikan mereka dapat kembali semula ke jalan yang benar.

Kalau saya hendak bincangkan isu pekerjaan ini ia sangat panjang tapi saya boleh jawab hanya di bawah Kementerian Belia dan Sukan. Ia panjang di bawah sumber manusia, ekonomi, kewangan dan yang lain. Saya cuba rumuskan apa lagi yang ada.

Kementerian juga turut menerapkan budaya keusahawanan di kalangan pelajar ILKBS bermula pada tahun 2017. Beberapa program telah diadakan di peringkat ILKBS seperti penguatkuasaan silibus baru keusahawanan digital pada sesi satu 2020 yang menambah baik silibus keusahawanan yang sedia ada bertujuan melahirkan graduan berkemahiran bukan sahaja dalam bidang teknikal malah berpotensi menjadi keusahawanan yang berdaya siang di era ekonomi digital masa kini.

Pelaksanaan Program Inkubator program keusahawanan di ILKBS bagi melatih pelajar semester akhir mengaplikasikan kemahiran sebelum keluar membangunkan *business* sendiri. Program eUsahawan *Young Heroes* anjuran KBS dan MDEC dilaksanakan di 21 ILKBS memfokuskan kepada peserta komuniti setempat yang berminat menjadi usahawan. Program Perintis Keusahawanan dengan menggunakan pendekatan- di ILKBS pada tahun 2020. Program ini bertujuan memberi peluang kepada graduan dan alumni ILKBS menggunakan *facility* di ILKBS bagi menjalankan perniagaan.

Saya ingin menjawab soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian iaitu meneruskan pengoperasian KKBN di bawah KOBENA. Kolej Kemahiran Belia Nasional di bawah Koperasi Belia Nasional merupakan kolej yang turut dibiayai oleh KBS. KKBN telah berakhir pada awal tahun 2017 selaras dengan pembubaran KOBENA pada awal tahun 2017. Sehubungan dengan itu, KKBN telah bergerak sebagai entiti swasta iaitu KKBN Sendirian Berhad didaftarkan di bawah *Register of Company* (ROC). KBS telah meneruskan penajaan pelajar sedia ada sehingga Jun 2018.

Untuk menjawab...

■1740

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Kenapa tidak diteruskan sehingga selamanya?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Seperti yang saya jawab tadi yang tamatkan adalah pada awal tahun 2017. Saya tidak mahu katalah oleh BN kah atau oleh siapa.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau kah?



**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Akan tetapi, ditamatkan pada masa tersebut. Komitmen KBS pada masa ini adalah untuk memastikan anak-anak telah pun ditawarkan terus dapat meneruskan pengajaran mereka iaitu merupakan prioriti kita. Kalau ada cadangan yang lain, ini pertama kali dibangkitkan oleh Yang Berhormat Pontian kita boleh bincangkan perkara ini dan kalau ada merit yang baik kita boleh pertimbangkan.

Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau tidak jawab itu Yang Berhormat Menteri Belia.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...oleh Yang Berhormat Machang. Saya ikut semua yang ada. *[Ketawa] [Sambil menunjukkan senaskhah dokumen]*

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Terus. Terus Yang Berhormat Menteri.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau tidak ada kah? *[Berucap tanpa menggunakan pembesar suara]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau punya mana? Arau.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Yang Berhormat Kuala Krau tanya tadi pun berkait rapat dengan Yang Berhormat Machang juga. Banyak berkait rapat. Belia dan sukan ini banyak berkait rapat.

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Sebutlah nama Kuala Krau juga. Yang Berhormat Machang dan Kuala Krau. Dengan izin.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Machang dan Yang Berhormat Kuala Krau. Terus Yang Berhormat Menteri. Masa tiada dah itu. Terus.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Jangan risau. Saya tahu...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Arau mana Yang Berhormat? Arau.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...sangat aktif. Jangan risau, akan diminitkan. Jangan risau. Yang Berhormat Kuala Krau sangat aktif. Banyak soalan diajukan berkait rapat dengan soalan yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Kuala Krau juga. Saya beri laluan kepada Yang Berhormat Arau.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat, saya tanya fasal Majlis Belia tadi dan juga Parlimen Belia tadi. Cadangan yang baik itu. Positif.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Ini saya rasa sudah beberapa kali saya jawab berkenaan isu peruntukan belia yang telah pun disediakan. Seperti semua maklum bahawa sekarang ini kita lebih tertumpu pada dana pelaksanaan program. Dana pentadbiran akan dibincangkan bersekali dengan KBS dan juga Majlis Belia Malaysia Pusat. Di mana negeri di bawah kerajaan negeri dan bagi daerah dan yang lain kita fokus lebih kepada pelaksanaan program. Dana pelaksanaan program ini boleh dimohon terus kepada JBSN dan akan diperhalusi *case by case* dengan izin. Ini penting kerana kita ingin memastikan bahawa semua kumpulan belia bukan sahaja NGO yang telah pun lama ada di Malaysia tetapi juga NGO-NGO baharu dan

juga individu ataupun *Non-Government Individual* (NGI) yang ingin memohon dana juga dapat memohon dana ini.

Sebagai contoh, dalam tempoh masa satu tahun ini kita telah membelanjakan sudah hendak RM20 juta di bawah tabung persatuan dan juga Kumpulan Wang Amanah Sukan untuk memastikan bahawa pembangunan sukan dan belia di peringkat akar umbi dapat dirancarkan. Ini lebih terfokus kerana akhirnya, perancangan pelaksanaan program di akar umbi itu dapat dirancarkan lagi. Bukan itu sahaja, seperti saya tekankan pada tahun yang akan datang kita baru dapat pemakluman pada minggu lepas berkenaan perincian bajet yang agak khusus daripada Kementerian Kewangan. Selepas ini, kita akan berjumpa dengan Majlis Belia Malaysia. Akan berjumpa dengan persatuan-persatuan belia yang tidak konvensional juga untuk pastikan pengagihan dapat dilakukan seadil mungkin. Akan tetapi pada masa yang sama, ada tiga pra syarat yang telah pun KBS letakkan.

Pertama, adalah untuk memastikan bahawa akan ada lebih banyak penyertaan pemimpin wanita muda dalam pertubuhan-pertubuhan belia.

Kedua, penyertaan lebih banyak pemimpin muda bawah 30 tahun supaya transisi belia 30 itu dapat dijalankan sebaik mungkin bila tiba masa 2022 apabila pelaksanaan belia 30 itu diaktifkan; dan

Ketiga, adalah untuk memastikan bahawa persatuan dan pelaksanaan program-program di peringkat akar umbi dapat memastikan bahawa rakyat berbilang bangsa dan agama disertakan sekali supaya akhirnya pertubuhan belia ini mewarnai Malaysia yang sebenar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita ingin memastikan bahawa reformasi dana belia ini dapat dilakukan sebaik mungkin.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Thank you.*

**Datuk Haji Shabudin Yahaya [Tasek Gelugor]:** Yang Berhormat Menteri, yang Tasek Gelugor punya tadi itu ada jawapan? Tentang kompleks sukan komuniti.

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Ya. Beluran pembahas pertama tadi Yang Berhormat Menteri spesifik untuk Beluran. Dia jawab benda ya, tidak itu sahaja.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh? Banyak sangat itu. Kesian Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Sebab saya rasa...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Kuala Krau pun fasal kompleks sukan. Jawapan bertulis juga.

**Tuan Pengerusi:** Bertulislah ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Boleh? Saya kesian. Boleh Tuan Pengerusi bagi sedikit.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Setiap Ahli Parlimen ada tanya berkenaan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya faham. Saya faham.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...projek di kawasan masing-masing. Saya rasa selepas ini saya kena berjumpa dengan Ahli Parlimen untuk bincangkan secara terperinci. Cuma, selepas saya rumuskan...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bahaya jumpa sekarang ini Tuan Pengerusi. Kalau jumpa-jumpa nanti lain *statement*-nya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat...

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat. Boleh jumpa di...

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Dia kalau ada jaminan jumpa betul-betul untuk kawasan boleh.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jumpa di rumah kah atau di Parlimen?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Bahayalah. Takut hendak jumpa-jumpa ini.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Jumpa di rumah kah atau di Parlimen?

**Dato' Sri Dr. Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]:** Jumpa Yang Berhormat Jelutong lagi takut.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** [*Ketawa*] Jumpa di sini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey Yang Berhormat Arau.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Takut bertumbuk pula ramai dekat sini nanti.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya ingat jumpa di rumah lah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Nanti kena *spin*.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi. Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Saya kena bekerja baik dengan Yang Berhormat Arau sebab dia Presiden *diving*. Kita *expect diving* ini kena *deliver* untuk kita punya *medal*...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** *Confirm*.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...pada sukan Olimpik yang akan datang.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey, Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Pada masa yang sama, apa yang saya akan lakukan untuk memudahkan pengagihan infra sukan ini seperti prinsipnya saya maklumkan fokus diberikan kepada negeri-negeri di mana ada kumpulan belia berisiko paling tinggi, kawasan luar bandar dan kawasan yang tidak ada infra sukan yang tertumpu. Jangan risau saya tahu Sabah merupakan salah satu fokus utama kita, sebab itu ada beberapa pengumuman

pembangunan infra sukan bersekala besar di Sabah dan akan kita bincangkanlah di setiap kawasan masing-masing.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Yang Berhormat Menteri, berapa kali Yang Berhormat Arau pernah terjun sebelum ini?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Jangan lupa Sarawak Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tuan Pengerusi. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri...

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Sarawak pun jangan lupa Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Pontian, duduklah Yang Berhormat Pontian.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Perumahan belia Yang Berhormat Menteri. Perumahan belia.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Pontian.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Arau pakai *speedo* tidak?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri sebut tadi berkaitan perincian Bajet 2020. Dalam Bajet 2020, sebanyak RM138 juta telah diperuntukkan dan dalam butiran di bawah KBS sebanyak RM53.87 juta untuk MFLS. Saya hendak tanya, *balance* itu lebih kurang sebanyak RM84.1 juta. Berapa banyak untuk YPC dan berapa banyak untuk insentif *volunteerism*. Sekejap, pertama.

Kedua, Yang Berhormat Menteri belum menjawab berkaitan lantikan *politics* dan saya minta kedua-dua jawapan daripada Yang Berhormat Menteri. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Dia ada banyak persoalan di sini. Kalau kita ikut satu persatu memang tidak akan habis. Akan tetapi untuk merumuskan, pertama sekali dana yang telah pun diperuntukkan oleh MFLS memang *carve out* untuk MFLS. Pada tahun lepas berjumlah RM70 juta. Pada tahun depan— minta maaf pada tahun ini RM70 juta. Pada tahun depan berjumlah RM56 juta. Saya perlu terangkan sebab tadi ada persoalan kenapa ada pengurangan. Ini kerana pada tahun ini *alhamdulillah*, Kementerian Belia dan Sukan dapat menjalankan kerja dengan sangat baik dan dengan efisien kita dapat jimatkan dana sedia ada kerana kita memanfaatkan kem-kem BTN yang sedia ada kerana tidak perlu sub kontrak keluar. Hanya apabila ada keperluan, kita menggunakan kem-kem PLKN dengan *Outbound School* (OBS) di Lumut untuk memastikan kapasiti kita dapat— KPI kita dapat dicapai.

Oleh sebab itu, akhirnya dana yang diperuntukkan tidak perlu kita membelanjakan sepenuhnya. Akan tetapi, pada masa yang sama pada tahun yang akan datang suku tahun yang pertama akan kita mengerakkan MFLS fasa tiga yang akhirnya akan memastikan bahawa daripada sejumlah 26,000 ini sebanyak 200 itu dapat dikaderkan sebaik mungkin dan jumlah

yang akan diberikan adalah jumlah yang agak baik. Untuk menjawab persoalan yang dibangkitkan...

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Jawapan Yang Berhormat Menteri lah.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Satu persatulah ada banyak ini.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Tentang *doping* Yang Berhormat Menteri.

Tentang *doping*...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri, berapa banyak untuk YPC?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Sibuti. Sibuti. Sini, sini.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, berapa banyak untuk YPC?

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita masih tengah buat perincian sekarang. Seperti saya tekankan tadi. Mana tadi?

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Tahun lepas? Tahun ini 2019.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Berapa?

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Yang Berhormat Menteri, Sibuti dekat sini.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Daripada *doping*. Dalam isu *doping*, kita tidak ada kompromi. Iaitu kita ada ADAMAS.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Sibuti ya.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** *Doping* dan...

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Kita ada ADAMAS yang mengerakkan kerja untuk memastikan bahawa isu *doping* ini dapat diselesaikan dengan segera. Sebab itu dalam persediaan untuk ke Sukan SEA, kita dapat lakukan sebaik mungkin...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Dekat sini Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** ...dan setakat ini, tidak ada lagi kes isu *doping* yang dilaporkan bagi Sukan SEA.

**Datuk Ahmad Jazlan bin Yaakub [Machang]:** Tuan Pengerusi, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri bagi jawapan bertulis sahaja. Masa lama dah merah.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Itulah saya, kalau boleh— sebab saya belum jawab daripada Sarawak. Saya rasa saya ambil dan lepas itu saya jawab bertulis lah.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Bagi jawapan bertulis dan lepas itu, saya hendak tahu juga pendirian Yang Berhormat Menteri Kementerian Belia dan Sukan berkenaan tentang dadah. Selepas itu, cadangan tentang *gaming* arena untuk e-*Sport*. Itu sahaja.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Pendirian tentang dadah? Memang tolak lah dadah. *[Ketawa]* Pendirian tentang ini memang saya menentang khususnya...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Peranan kita untuk menyelamatkan belia ini daripada dadah.

**Tuan Syed Saddiq bin Syed Abdul Rahman:** Baik. Sebab itu, kita wujudkan sistem *traffic light*. Kawasan-kawasan di mana ada kumpulan belia berisiko paling tinggi adalah kawasan yang akan kita memberikan fokus bagi pembangunan infra sukan. Sebab, kita gunakan sistem *Iceland* dan *Island*. Di mana akan ada penurunan yang agak menggalakkan bagi kawasan yang ada belia berisiko tetapi dengan terbinaanya infra sukan akan ada pengurangan daripada segi penggunaan dadah. Dadah memang harus ditolak, golongan belia perlu benci dadah dan pada masa yang sama kita perlu memberikan tumpuan yang agak fokus kepada pengedar-pengedar dadah dan bukan sahaja kepada penagih dadah. Sepatutnya pengedar dadah inilah perlu diambil tindakan yang paling keras sekali.

Minta maaf Yang Berhormat, banyak lagi soalan kalau saya perlu jawab satu per satu memang tidak akan tamat. Akan tetapi, saya akan menjawab secara bertulis. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

**Tuan Pengerusi:** Ya, memadai setakat ini saya ingat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Yang Berhormat.

**Tuan Pengerusi:** Dah habis dah Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya akan menyokong. Ini kali pertama saya akan menyokong kementerian ini. Jawapan Yang Berhormat bagi terbaik. Akan tetapi, saya minta satu sahaja, jawapan penghabis. Kenapa Yang Berhormat tidak cabar DAP itu? Itu sahaja Yang Berhormat. Fasal DAP mencabar Yang Berhormat Langkawi. Nama baik Yang Berhormat Langkawi ialah nama baik belia. Jadi, itu sebab hari ini saya akan menyebut cara— saya akan menyokong kementerian Yang Berhormat. Akan tetapi, Yang Berhormat kena perjelaskan kenapa DAP tidak tarik balik sokongan kepada Yang Berhormat Langkawi. Itu sahaja.

■1750

**Tuan Pengerusi:** Ini kementerian mana ini? *[Ketawa]*

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Belia, belia, belia.

**Tuan Noor Amin bin Ahmad [Kangar]:** Kementerian Kerajaan Perpaduan.

**Tuan Pengerusi:** Baik, baik, baik, baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM670,903,300 untuk Maksud B.45 di bawah Kementerian Belia dan Sukan jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM670,903,300 untuk Maksud B.45 diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

**Tuan Pengerusi:** Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM484,293,800 untuk Maksud P.45 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

[Wang sebanyak RM484,293,800 untuk Maksud P.45 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]

**Maksud B.27 [Jadual] -  
Maksud P.27 [Anggaran Pembangunan 2020] –**

**Tuan Pengerusi:** Seterusnya Kementerian Kerja Raya. Kepala Bekalan B.27 dan kepala Pembangunan P.27 di bawah Kementerian Kerja Raya terbuka untuk dibahas. Senarainya agak panjang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Segamat dulu. Yang Berhormat Segamat, Yang Berhormat Segamat. Lima minit.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar, Papar.

**Tuan Pengerusi:** Kita bermula dengan 10 minit. Kalau boleh kurang lima minit, baguslah ya.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Lima minitlah.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, bagi adil semua. Kita bagi tujuh minit, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Tidak boleh, tidak boleh. Kita bermula dengan 10 minit, bila sampai nombor sepuluh, kita kurangkan kepada lima minit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Setuju, setuju, setuju.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi saya setuju, tapi saya ingat yang terbaiknya tujuh minitlah, tujuh minit.

**Tuan Pengerusi:** Tujuh minit? Kalau semua setuju...

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Ya, tujuh minitlah semua. Tujuh minit semua.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tujuh minit, semua Tuan Pengerusi. Bagi adil semua. Adil dan saksama.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Sebab saya di antara *speaker* yang boleh dicadangkan 10 minitlah. Akan tetapi, saya tidak mahu, saya mahu tujuh minit sahaja.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Segamat pun setuju tujuh minit?

**Tuan Pengerusi:** Tujuh minit, semua?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Jelutong jangan banyak cakap nanti dua-dua kena keluar.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar juga setuju.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** 10 minit, Yang Berhormat Jelutong...

**5.52 ptg.**

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya untuk menyertai perbahasan B.27, P.27 – Kementerian Kerja Raya. Butiran 020200 – Pembangunan Jalan. Saya mendapati bahawa memang ada kenaikan hampir di antara RM2.17 bilion secara langsung dan sebanyak RM1.5 bilion secara pinjaman melibatkan RM3.67 bilion.

Saya ingin terus kepada kawasan saya khususnya ini melibatkan cadangan pembangunan jalan-jalan yang masih tertinggal. Yang Berhormat Menteri, sebelum itu saya ingin mengucapkan terima kasih kerana kementerian telah memberikan RM600,000 untuk lampu trafik di persimpangan Taman Astaka. Saya mengucapkan terima kasih bagi warga Segamat. Merujuk kepada cadangan membina semula Jalan Persekutuan Segamat, iaitu Batu Enam FT001 daripada Kampung Kwongsai, seksyen 174 hingga Kampung Awat, seksyen 210, Daerah Segamat, Johor.

Saya ingin bertanyakan tentang status projek ini. Jajaran yang dicadangkan dulu adalah sebanyak 36 kilometer. Saya difahamkan kosnya ialah sebanyak RM103 juta tetapi ia masih dalam perbincangan walaupun telah lama dicadangkan. Ia amat penting kerana ia menghubungkan jalan utama iaitu daripada Jalan Segamat, Jalan Genuang, Jalan Buloh Kasap dan juga Jalan Batu Enam. Maksudnya, ia akan juga menyelesaikan masalah jalan raya di Parlimen Sekijang dan juga di Parlimen Segamat seterusnya sampailah ke Parlimen Tampin.

Maka, membina ini adalah di bawah FT001. Seterusnya, kedua, adalah cadangan melebarkan dan menaiktarafkan Jalan Segamat, Muar FT023 sehingga persimpangan Jalan Sultan Daerah Segamat, Johor. Panjang jajaran ini hanyalah sebanyak 2.4 kilometer dan kosnya adalah lebih kurang RM20 juta. Ia amat penting kerana jalan yang lain telah siap. Jika, ia tidak disiapkan maka, jalan yang kita buat berjuta-juta ringgit itu tidak mendatangkan faedah langsung. Ini kerana, apabila sampai ke bandar, sudah bermulanya jem dan juga sebagainya.

Ketiga, saya ingin bertanya tentang status, cadangan jalan baharu daripada persimpangan Segamat, Kuantan FT001 ke selekoh Rasah, Segamat, Johor. Panjang jajarannya hanya 1.2 kilometer dan anggaran kos sebanyak RM20 juta. Ia juga amat penting kerana di Segamat ini kita mendapati bahawa tidak ada satu ekonomi atau pun sukar untuk syarikat-syarikat untuk melabur. Ini kerana kalau kita dapati hendak ke lebuh raya kita terpaksa ke Tangkak. Maknanya, ke selatan dahulu sebelum ke utara kembali.

Manakala, kalau kita hendak mengikuti jalan lama, jalan lama daripada Segamat ke Gemas itu adalah amat teruk keadaannya, lebih teruk daripada jalan-jalan di desa ataupun jalan kampung. Ini kerana sudah lama tidak dinaiktarafkan. Saya masih lagi ingat apabila Yang Berhormat Menteri telah mengangkat sumpah dan saya berjumpa Yang Berhormat Menteri mengatakan bahawa pada masa itu Yang Berhormat Menteri perlukan RM1 bilion lebih tetapi hanya diberikan RM200 juta. Maka, tidak boleh bagi kepada seluruh negara. Akan tetapi, sekarang memandangkan sudah ada peruntukan itu, maka, saya minta jalan ini diutamakan dulu.



Ini kerana kalau kita dapati tiap-tiap hari dalam Facebook, inilah masalah warga Segamat kerana mereka mempunyai masalah yang besar.

Jalan utama itu hampir tidak berfungsi langsung.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Segamat? Boleh sedikit Yang Berhormat Segamat?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Ya.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Jadi, saya bila disebut Jalan Segamat bersempadan dengan Jempol, jadi, pernah saya bangkitkan ini juga di antara Palong Timur ke Jempol melalui Palong Lapan. Jalan tersebut adalah jalan tanah merah. Jadi, adakah Yang Berhormat Segamat ingin masukkan sekali dengan permohonan untuk itu?

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Ya, saya amat bersetuju juga dimasukkan sebahagian daripada ucapan saya. Oleh sebab Segamat, Jempol dan Tampin ini bersaudara. Kita harus bekerjasama, *triangle*. Terima kasih. Akhir sekali, saya ingin membawa perkara menaik taraf Jalan Muar, Jalan Tangkak, Jalan Segamat Fasa 1, iaitu pakej 1A. Panjang jajaran adalah enam kilometer, lebih kurang RM120 juta. Ini sepatutnya telah pun dimasukkan di dalam tahun ini tetapi saya difahamkan kerana tidak ada peruntukan daripada agensi pusat, maka ia akan dimasukkan di dalam Rancangan Malaysia Ke-12, *Rolling Plan* Satu.

Saya amat berharap Yang Berhormat Menteri akan pastikan bahawa ia akan dimasukkan. Ini kerana kalau tidak jumlah yang dibelanjakan sebanyak berjuta-juta, hampir RM300 juta tidak bermaksud kalau badannya ada, tetapi kepalanya tiada.

Akhir sekali, adalah mengenai projek di mana yang melibatkan daripada Tambang. Kita dapati daripada Tambang melalui Kampung Pudu dan juga Felda Palong Timur. Felda Palong Timur ini kita dapati ia tidak ada jalan khas untuk felda. Dia menggunakan jalan estet ataupun jalan yang keliling, orang kata jalan-jalan tikus. Ia amat berbahaya dan kita dapati sering berlaku kemalangan dan juga sebagainya. Ia telah lama dicadangkan. Cadangan pembinaan Jalan Tambang Estet, Kampung Pudu, Felda Palong Timur Daerah Segamat. Palong Timur itu maknanya Segamat. Kalau Palong itu di Jempol itulah persaudaraan di antara Jempol dan Segamat.

Saya minta Yang Berhormat Menteri agar kelima-lima yang saya terangkan tadi agar diberikan keutamaan kerana tanpa adanya jalan-jalan ini akan adanya mobiliti khususnya untuk masyarakat Melayu yang duduk dalam felda dan juga di perkampungan iaitu 27 perkampungan, hampir separuhnya di Buloh Kasap. Kita dapati, ada 66 peratus penduduknya adalah orang Melayu, tetapi kalau mobilitinya teruk maka ia akan membantutkan usaha kita untuk merapatkan jurang pendapatan. Ini kerana, walaupun mereka dapat bekerja, keluarkan hasil tanaman dan juga sebagainya, tetapi sukar dipasarkan.

Kalau sakit pun nak ke hospital pun hampir lebih 20 kilometer. Kadang-kadang, memandangkan stesen kereta api Batu Enam tidak berfungsi lagi mereka terpaksa daripada Johor ke Negeri Sembilan untuk mengambil kereta api. Terpaksa meminta bantuan Tampin,

minta tumpang lalu. Manakala, kalau hendak ke selatan terpaksa ke bandar Segamat. Jaraknya adalah tengah-tengah. Maka, ini merupakan suatu yang amat menyedihkan setelah sekian lama tetapi saya yakin Yang Berhormat Menteri faham masalah yang dihadapi kerana saya faham, Yang Berhormat Menteri dulu daripada Lawas.

Kita menghadapi masalah yang hampir sama. Segamat ini macam Lawas. Kita hendak bangunkan ini. Tolonglah bantu kita, saya harap Yang Berhormat Menteri akan menjawab kalau ada yang boleh dijawab melalui lisan tetapi ada juga yang boleh dijawab secara bertulis. Dengan ini, saya sekali lagi Yang Berhormat Menteri – kerana Yang Berhormat Menteri telah bantu saya dengan memberikan persimpangan Taman Astaka Jaya, saya sekali lagi mengucapkan terima kasih kepada kementerian Yang Berhormat Menteri dan juga semua kakitangan kementerian yang saya pasti akan memberikan jawapan bertulis ataupun jawapan yang baik apabila Segamat minta. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Segamat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Jelebu. Silakan. Tujuh minit.

**5.59 ptg.**

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tuan Pengerusi, saya ingin pendekkan penyampaian saya dalam KKR ini. Tuan Pengerusi, secara keseluruhan saya hendak baca dulu bahawa peruntukan KKR ini mempunyai peningkatan yang begitu banyak.

■1800

Saya hendak masuk dalam Kepala Bekalan 27 - Kementerian Kerja Raya. Butiran 051200 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Tuan Pengerusi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, dengan peruntukan tambahan yang begitu banyak bagi tahun 2020, boleh tidak kementerian spesifikkan apakah bentuk penyelenggaraan jalan? Apa yang kita tahu sekarang ini jalan persekutuan di kawasan luar bandar, terutamanya kawasan Negeri Sembilan dan Parlimen Jelebu, banyak memerlukan pembaikan dalam soal keselesaan pengguna di dalam kawasan Parlimen Jelebu terutamanya.

Saya hendak tanya pihak kementerian bahawa isu penyelenggaraan jalan ini, sekarang ini saya dapat maklum dan seperti yang kita maklum di Negeri Sembilan, Selia Selenggara Sdn Bhd telah dilantik sebagai syarikat konsesi untuk menyelenggarakan jalan-jalan di Negeri Sembilan. Akan tetapi kita dapati Yang Berhormat Menteri, saya dapati bahawa penyelenggaraan yang dibuat itu tidak bertahan lama. Kadang-kadang bila rosak dan bila diselenggara balik, esok berlubang ataupun rosak semula. Ada tidak spesifik kementerian, SOP tentang pembaikan dan penyelenggaraan jalan untuk dilakukan oleh kontraktor konsesi ataupun oleh JKR sendiri?

Saya hendak cadang kepada pihak kementerian, ada beberapa jalan terutamanya di kawasan Parlimen Jelebu, Bukit Tinggi. Ada satu bukit sebelum sampai Jelebu, kita panggil Bukit Tinggi, banyak kali kemalangan berlaku. Bukan saja di kawasan itu, di kawasan Simpang

Durian, sempadan dengan kawasan Pahang pun banyak kali berlaku kemalangan. Jalan lurus, tetapi kemalangan berlaku. Saya hendak cadang kepada pihak kementerian ataupun ada tidak perancangan kementerian untuk mengadakan *forensic test* kepada beberapa jajaran yang lurus, yang nampak mata kasar baik, tetapi kemalangan dari semasa ke semasa berlaku, malah kemalangan maut dan sebagainya.

Tuan Pengerusi, ada juga jalan-jalan yang saya sebutkan tadi dalam soal yang berkaitan dengan pembaikan jalan. Saya hendak cadang kepada pihak kementerian, ada tidak kementerian bercadang untuk wujudkan '*Friends of KKR*'? Kalau kementerian KPDNHEP wujudkan '*Friends of KPDNHEP*', ada tidak JKR hendak bercadang hendak wujudkan '*Friends of KKR*' ini di mana boleh melakukan pemantauan terhadap jalan raya-jalan raya yang berada di kawasan luar bandar terutamanya. Ini kerana kita dapat perbezaan yang jelas Yang Berhormat Menteri, jalan *state road* dengan *Federal road* nampak jelas perbezaan dari segi soal kualiti, dalam soal keselamatan dan sebagainya.

Perkara seterusnya, saya ingin juga mengutarakan di dalam sesi ini dalam soal yang berkaitan dengan perkara Pembangunan 27 - Kementerian Kerja Raya, Butiran 050500, Butiran 02800 yakni untuk menaik taraf jambatan dan juga tentang lampu jalan. Yang Berhormat Menteri, lampu jalan ini Yang Berhormat Menteri, terutamanya bagi kawasan Parlimen Jelebulah ya, saya hendak sebut lampu jalan beberapa *Federal roads* yang memerlukan *lighting, street lighting* yang terdesak kerana jalan-jalan di *state*, di jalan-jalan negeri, kebanyakannya sudah dilengkapi dengan lampu jalan sampai ke kampung-kampung tradisional. Akan tetapi jalan-jalan Federal terutamanya bagi laluan utama Simpang Pertang-Simpang Durian, Simpang Pertang-Petaseh dan juga Simpang Pertang ke sempadan Pahang yang saya lihat sangat perlu untuk dibekalkan dengan lampu jalan. Saya sudah tengok bahawa peruntukannya sangat sedikit Yang Berhormat Menteri, kalau boleh...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Yang Berhormat Jelebu, sikit.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** ...lebih peruntukan yang begitu banyak boleh kita beri perhatian kepada kawasan yang saya sebutkan. Sila Yang Berhormat Jempol.

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Saya cuma hendak tambah, sempadan Jempol, Jebebu, sebelah, sebelah. Jadi saya hendak memasukkan dalam ini, adakah Yang Berhormat setuju bahawa jalan Bandar Baru Serting ke Jalan Muadzam terlalu sempit dan tidak ada lampu jalan. Adakah ini termasuk dalam sempadan Jebebu ataupun yang keduanya, Pasir Besar ke Palong 14, Palong 15 iaitu sempadan dengan Segamat? Kalau boleh, ia dimasukkan sekali dalam pembangunan untuk pelebaran jalan kerana sering berlaku kemalangan sepanjang masa iaitu masa-masa tertentu macam cuti sekolah dan sebagainya.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya minta masukkan juga teks saya apa yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Jempol. Ini kerana untuk makluman Yang Berhormat Menteri, bahawa jalan-jalan ini telah mengakibatkan kemalangan maut dari tahun ke tahun, bertambah dari tahun ke tahun Yang Berhormat Menteri. Jalannya kecil, tidak sesuai untuk laluan utama

daripada Pantai Timur ke Selatan ke Pantai Barat Yang Berhormat Menteri. Saya fikir saya minta sangat supaya lampu jalan dan pelebaran dan penyelenggaraan jalan, *forensic test is* sangat penting untuk diambil tindakan.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Masa hendak habis ini. Bila Yang Berhormat hendak cakap fasal tol?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tidak, sebab saya hendak tanya Yang Berhormat...

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Yang Berhormat Arau ada minta laluan?

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Saya minta laluan. Jadi, kerajaan telah berjanji untuk menghapuskan tol. Jadi masa hendak habis, Yang Berhormat tidak sebut-sebut lagi. Jadi Yang Berhormat Tuan Baru Bian ini, kita tahu bahawa dalam PKR itu ada masalah. Jadi macam mana pun, kita hendak minta, apakah cadangan kerajaan untuk menghapuskan tol ini? Ini kita, janji Kerajaan PH.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Tuan Pengerusi, boleh tidak saya minta izin Dewan untuk hantar senarai yang saya hendak sebut tadi kepada Yang Berhormat Menteri secara bertulis kerana tidak sempat baca. Kemudian, saya hendak tutup, saya hendak *wrap up* saya punya ini dengan celahan Yang Berhormat Arau. Tadi saya setuju dengan celahan Yang Berhormat Arau Yang Berhormat Tuan Pengerusi. Ini kerana dulu Yang Berhormat Menteri jawab ya, saya tengok pada 13 Ogos, saya sudah kemukakan soalan lisan berkaitan dengan penghapusan tol. Apa jawapan Yang Berhormat Menteri, jawapan Yang Berhormat Menteri kata mana boleh hapus tol kerana kos untuk hapus tol, konsesi tol RM400 bilion. Jadi, negara tidak mampu. Yang Berhormat Menteri jawab apa, kita akan hapus tol apabila masalah ekonomi negara stabil dan selesai masalah. Akan tetapi untuk makluman Dewan, sekarang ini hutang kita cecah RM813 bilion, *increased*, bertambah RM113 bilion - Apa dia Yang Berhormat Menteri? Kenapa Yang Berhormat Menteri seorang ini yang meleceh-leceh ini fasal apa? Makcik tunggu sekejap...

**Dato' Haji Salim Sharif [Jempol]:** Dia mahu tukarlah, ini Kabinet baru.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** RM113 bilion Tuan Pengerusi, jadi bila kita hendak selesai? Adakah soal penghapusan tol ini, Yang Berhormat Menteri akan buat ketetapan di Dewan Rakyat bahawa tidak akan ada penghapusan tol seperti yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan? Itu yang kita hendak tanya.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang Berhormat Jelebu.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ya, sila.

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Daripada banyak-banyak kepala dalam peruntukan ini, tidak ada satu pun kepala yang menyebut untuk mengambil alih tol. Dengan lain perkataan, memang kerajaan tidak berhasrat untuk menghapuskan tol.

**Tuan Pengerusi:** Jadi kalau tidak ada kepalanya, tidak boleh dibangkitkan.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Ada kepala ini Tuan Pengerusi. Kepalanya ialah Butiran 051500 - Bayaran Balik Pinjaman LLM. Lembaga Lebuhraya Malaysia Tuan Pengerusi. Bila Lembaga Lebuhraya Malaysia ini, orang tidak sebut *highway*, orang sebut tol kerana pemikiran rakyat sekarang hendak tunggu *stand* kerajaan hendak hapus atau tidak hapus. Kalau tidak hendak hapus...

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Yang itu RM100,000 saja, mana cukup. RM400 bilion mana dia?

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** RM100 juta.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Jelebu tinggal tujuh minit tadi, jadi saya sudah kurangkan ke tujuh minit. Sekarang sudah sampai 10 minit.

**Dato' Jalaluddin bin Alias [Jelebu]:** Saya hendak habis sudah ini Tuan Pengerusi, saya hendak habis sudah ini. Jadi kita hendak minta penjelasan kerajaan kali ini. Okey, sekarang ini Kerajaan Pakatan Harapan sudah buat keputusan untuk tidak menghapuskan tol, *settle* ataupun kita akan hapuskan tahun depan, *settle* ataupun itu adalah manifesto yang kita saja cakap untuk pancing undi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Bandar Kuching, silakan.

#### 6.07 ptg

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri. Saya mulakan dengan Butiran 050900 - Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya sebenarnya ingin membawa perhatian Yang Berhormat Menteri kepada satu kes spesifik di kawasan Bandar Kuching. Saya nampak dalam butiran ini nampaknya ada peningkatan daripada RM20 juta hingga RM80 juta. Saya memang menyambut baik. Akan tetapi ada satu kes di Jalan Tun Razak di kawasan Bandar Kuching, sekarang kontraktor sedang menjalankan kerja-kerja penyelenggaraan, tambah baik. Namun begitu, sangat lambat, selalu tertunda. Ini satu jalan protokol, jalan persekutuan yang sangat sesak, yang sangat sibuk disebabkan itu jalan satu-satunya ke kawasan bandar dan juga ada lima buah sekolah di jalan tersebut. Jadi, banyak orang yang mengguna jalan tersebut. Mereka tidak ada *choice* selain menggunakan jalan tersebut. Akan tetapi disebabkan kerja-kerja penambahbaikan selalu tertunda, maka memang susah dan membawa *inconvenience* dengan izin, kepada pengguna jalan tersebut.

Saya selalu turun ke kawasan tersebut dan melihat nampaknya kadangkala walaupun pada masa siang hari, tidak ada orang kerja. Mungkin masa malam pun tidak ada orang kerja. Sekarang juga musim hujan. Setiap kali hujan, kita faham tidak ada orang kerja. Akan tetapi bagi saya, ini satu jalan yang sangat sesak dan sering digunakan oleh pengguna, kita haruslah berikan perhatian khusus. Mungkin boleh *pressure*, letak *pressure* kepada kontraktor tersebut untuk lakukan kerja masa hujung minggu, waktu malam atau bila-bila kerana sudah tertunda banyak kali. Saya pun berjumpa dengan kontraktor dan pihak JKR, mereka beritahu saya bulan ini akan

siap, tetapi saya nampak tidak akan siap walaupun bulan depan. Jadi saya harap Yang Berhormat Menteri, seorang Menteri yang memang prihatin yang selalu *hands-on*.

■1810

Jadi, saya harap Yang Berhormat akan memberikan perhatian khusus kepada isu ini kerana jalan tersebut memang satu jalan yang penting dan jalan yang sesak dan kita haruslah selesaikan masalah tersebut.

Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat. Saya juga ingin membawa satu cadangan ataupun *wish list* saya untuk *propose* satu cadangan jika boleh untuk disertakan dalam Rancangan Malaysia seterusnya. Satu pembinaan *flyover* dua lorong dan dua hala di persimpangan Jalan Tun Razak-Jalan Foochow tersebut bahagian Kuching untuk menambah baik persimpangan tersebut. Kita tahu pembangunan yang pesat di kawasan Bandar Kuching dan kawasan tersebut telah menaikkan isi padu trafik yang tinggi terutamanya di kawasan tersebut kerana ada lima buah sekolah. Jadi kita tahu memang ada keperluan, ada kepentingan untuk menaik taraf laluan trafik tersebut.

Satu kajian telah dilakukan oleh pihak JKR dan saya telah berbincang dengan mereka. Mereka telah memberitahu saya, jika kita membina *flyover* di kawasan tersebut mengikut *estimate* yang telah dilakukan, ia dapat mengurangkan tahap kesesakan sampai 70 peratus. Dapat meningkatkan keselamatan sehingga 50 peratus, penjimatan masa perjalanan 50 peratus, peningkatan aktiviti ekonomi juga 50 peratus. Peningkatan keselesaan tujuh peratus dan banyak lagi kesan yang akan dibawa. Jadi saya harap ini dapat dipertimbangkan dan mungkin dimasukkan ke dalam pelan Malaysia yang seterusnya.

Seterusnya Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Saya nak meminta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri tentang status atau *update* tentang penamatan kontrak PDP LBU tersebut dan bagaimana kementerian dapat memastikan standard dan kualiti kerja-kerja yang dilakukan tidak menurun dan juga tidak tertunda. Memang ada pihak yang membuat pernyataan atau dakwaan yang ada pihak yang akan hilang kerja disebabkan pertukaran ini. Jadi saya hendak bertanya, adakah ia benar? Adakah ia akan terjadi dan apakah yang akan dilakukan oleh pihak kementerian untuk *minimize* dengan izin, kesan ini.

Soalan terakhir, berapakah jumlah yang dijimatkan disebabkan pertukaran ini? Dan adakah jumlah penjimatan ini termasuk projek-projek lain yang dikatakan telah dibatalkan di Sarawak? Adakah kos-kos penjimatan semua ini akan disalurkan balik ke Sarawak dan digunakan untuk kebaikan rakyat di Sarawak? Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bandar Kuching. Yang Berhormat Kubang Kerian, tidak ada? Kalau begitu...

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Minta Kuala Krai ya.

**Tuan Pengerusi:** ...Yang Berhormat Kuala Krai. Silakan.

**6.12 ptg.**

**Tuan Abdul Latiff bin Abdul Rahman [Kuala Krai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya merujuk kepada Butiran P.60000 - Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan dan juga P.61000 - Naik Taraf Jalan-jalan. Saya ingin menyentuh isu jalan satu lorong laluan Kota Bharu - Kuala Krai dan juga Kuala Krai – Gua Musang merupakan laluan utama untuk ke Kuala Lumpur. Saya memohon agar jalan-jalan ini dibesarkan dan dijadikan dua lorong seperti jalan yang ada contohnya di Telekong iaitu antara Telekong ke Keroh dan juga beberapa lokasi lain. Ia bagi mengelakkan kesesakan dan memberi keselesaan kepada para pengguna.

Kedua ialah isu kesesakan Simpang Tiga Guchil di Bandar Kuala Krai yang memerlukan penyelesaian segera. Ia merupakan keperluan yang sangat mendesak untuk masa ini kerana kawasan yang paling sesak di Kuala Krai khususnya di musim percutian seperti pada hari ini. Ada dua cadangan saya berkaitan dengan isu Simpang Tiga Guchil ini. Pertama ialah saya mencadangkan pihak kementerian membina *flyover* merentasi Simpang Tiga Guchil ini. Boleh dirujuk juga kepada Butiran P.20000 - Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat, walaupun hanya RM100 sebagai token dan juga Butiran 21000 - Membina Persimpangan Bertingkat sebanyak RM87,450,000 pada tahun 2019 dan turun kepada RM18 juta sahaja pada tahun 2020 iaitu membina persimpangan bertingkat.

Cadangan yang kedua saya ialah selain daripada *flyover* tadi ialah hidupkan semula cadangan *bypass* dari Batu Jong ke Padang Sembilan. Saya difahamkan sebelum ini telah ada cadangan yang telah diluluskan iaitu sebuah jajaran yang akan *bypass* Bandar Kuala Krai ataupun Simpang Tiga Guchil ini untuk tidak melintasi simpang tersebut. Soalan yang saya ingin tahu ialah apa kedudukan terkini jajaran *bypass* ini? Apakah ia akan diteruskan? Saya mengharap pihak kementerian dapat membuat kajian segera dan juga mengatasi isu kesesakan yang berlanjutan ini dengan secepat mungkin.

Saya juga mengharapkan agar *lines* putih dalam butiran yang sama sepanjang laluan ini juga dapat diambil perhatian sewajarnya oleh pihak kementerian Yang Berhormat kerana banyak yang telah pudar bahkan hilang terus. Ianya membahayakan para pengguna jalan raya khususnya di waktu malam dan juga waktu hujan. Saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan berbilang-bersang terima kasih kepada Kementerian Kerja Raya atas pembaikan segera terhadap beberapa aduan saya sebelum daripada ini.

Tuan Pengerusi, Butiran B.051500 – Bayaran Balik Pinjaman LLM. Walaupun hanya RM100,000 tetapi saya cari butiran ini tidak ada, berkaitan dengan tol dalam bajet ini tetapi saya ingin merujuk kepada satu isu yang agak penting iaitu berkaitan dengan isu Tol Gombak. Lebuhraya Kuala Lumpur – Karak yang telah dibuka pada tahun 1977 merupakan antara lebuhraya bertol yang terawal di Malaysia. Lebuhraya ini telah berusia hampir 50 tahun. Kesesakan di lebuhraya ini setiap kali musim perayaan dan juga cuti hujung minggu terutama di Plaza Tol Gombak yang tidak selesai sehingga ke hari ini. Setiap hujung minggu khususnya petang Ahad, semua pengguna akan menghadapi tekanan untuk melepasi kesesakan di tol tersebut. Apatah

lagi di setiap musim perayaan kerana ia menjadi pintu masuk utama pengguna jalan raya dari tiga buah negeri iaitu Kelantan, Terengganu dan juga Pahang.

Sudah pasti saya mengharapkan satu penyelesaian yang holistik dan segera diperlukan. Oleh itu saya mencadangkan Tol Gombak ini dihapuskan segera sesuailah dengan Manifesto Pakatan Harapan. Selain itu, tol ini sudah bermula hampir 50 tahun, saya yakin syarikat konsesi sudah mendapat keuntungan yang berlipat ganda. Di masa yang sama, tol ini tidak lagi relevan kerana ia bukan mengurangkan kesesakan malah merupakan punca kepada kesesakan. Seperti yang kita fahami, antara tujuan pembinaan lebuh raya ialah untuk mempercepatkan perjalanan. Jika ia menjadi punca kepada kesesakan, maka tol tersebut perlu dihapuskan segera. Di kesempatan ini juga, untuk mengurangkan kesesakan di Lebuhraya Kuala Lumpur – Gombak, saya ingin mencadangkan cadangan yang kedua iaitu pihak kementerian dapat menaik taraf laluan FT.02 Bentong ke Gombak sebagai jalan alternatif.

Jalan lama ini perlu dibaiki dan dibesarkan selain beberapa laluan perlukan lampu jalan agar ia boleh dijadikan laluan alternatif terutama setiap kali musim kesesakan di Lebuhraya Kuala Lumpur – Gombak. Saya tidak mahu mendengar jawapan Yang Berhormat Menteri bahawa kementerian akan buat kajian atau sedang buat kajian. Soalan saya, sampai bila kalaulah jawapan ini daripada Yang Berhormat Menteri untuk terus membuat kajian kerana setiap kali isu ini dibangkitkan, maka jawapan Yang Berhormat yang sama akan disebut sehingga bila soalan saya kalaulah masih lagi dalam kajian, *dateline* kepada kajian ini dan dapat diselesaikan. Untuk pengetahuan Yang Berhormat Menteri, saya setiap minggu melakukan kajian secara peribadi. Setiap minggu saya akan berulang alik hampir dua tahun setelah dilantik ataupun dipilih sebagai Ahli Parlimen melalui laluan ini. Kepayahan dan kesusahan yang dialami oleh rakyat Pantai Timur ini saya rasakan sendiri setiap hujung minggu.

Tuan Pengerusi, saya merujuk kepada Butiran 050500 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan yang naik sekitar RM4 juta berbanding tahun 2019. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri dan juga Kementerian Kerja Raya yang telah memberi respons positif terhadap perbincangan saya sebelum daripada ini tentang lampu jalan. *Alhamdulillah* beberapa kawasan yang amat memerlukan lampu jalan telah terutama di kawasan simpang telah mendapat lampu jalan. Semoga ia memberi manfaat dan kebaikan kepada rakyat cuma saya amat-amat mengharapkan agar pihak Kementerian Kerja Raya dapat memasang lampu jalan di laluan-laluan gelap simpang-simpang utama selain daripada kawasan-kawasan yang telah dipasang sebelum ini yang boleh dikenal pasti melalui jabatan ataupun JKR peringkat Jajahan Kuala Krai dan lain-lain lagi. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kuala Krai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Beluran.



**6.19 ptg.**

**Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin mengambil bahagian untuk menyentuh Butiran 050900 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P. Labuan. Saya ingin tahu berapa banyak daripada RM80 *million* ini akan disalurkan untuk kawasan Parlimen Beluran tahun hadapan yang berapa kilometer, melibatkan berapa jauh jarak atau berapa kilometer. Setakat yang saya dimaklumkan Tuan Pengerusi, dalam Rancangan Malaysia Ke-11 ini, sebanyak 32 senarai jalan telah diangkat oleh JKR Bahagian Beluran untuk pertimbangan negeri dan peringkat Persekutuan. Daripada 32 senarai ini, ianya melibatkan 340 kilometer untuk Rancangan Malaysia Ke-11.

**■1820**

*This is because* bermula sejak lima tahun yang lalu tahun 2016 hingga tahun 2020 dan 2020 merupakan tahun akhir Rancangan Malaysia Ke-11. Setakat yang saya dimaklumkan, cuma lebih kurang 10 peratus daripada senarai yang diangkat ke peringkat negeri ini, sekarang ini telah dalam pelbagai peringkat pembinaan dan ada yang siap. Maknanya 10 peratus daripada keperluan Parlimen Beluran, setakat ini, telah mendapat sedikit cahaya pembinaan daripada kerajaan iaitu jangka masa lima tahun yang lalu tahun 2016 dan akan sampai tahun 2020.

Maknanya Tuan Pengerusi, kalau mengikut kadar ini, *direct it is going* Beluran masih memerlukan lebih kurang 10 lagi Rancangan Malaysia untuk memenuhi hasrat penduduk Beluran untuk melihat 340 kilometer jalan di Beluran untuk di naik taraf, pada kadar sekarang ini kerana dalam Rancangan Malaysia Ke-11, *10 percent of what is needed, what is required, what is urgently needed by the* kawasan sempit dibagi oleh kerajaan setakat ini.

Oleh sebab itu, saya ingin tahu tahun depan berapa? Banyak kawasan, banyak batang jalan yang perlu di naik taraf dan sama ada jalan-jalan berikut akan menjadi sebahagian daripada jalan yang akan diluluskan tahun depan iaitu:

- (i) Jalan Golong di persimpangan Lebuhraya Paitan – Kanibongan, 17 kilometer;
- (ii) jalan persimpangan Paitan, 2.4 kilometer;
- (iii) Jalan Tangkarason, 11 kilometer;
- (iv) Jalan Lingkabau, 8 kilometer;
- (v) Jalan Paitan – Kanibongan, 10 kilometer;
- (vi) Jalan Kampung Taradas ke Kampung Maidan, 12 kilometer;
- (vii) jalan naik taraf Jalan Paitan – Kanibongan ke Pinampadan – Sugut, 8 kilometer;
- (viii) jalan naik taraf Paitan – Kanibongan ke Pinangkau, 8 kilometer;
- (ix) Jalan Kampung Binsulung ke Kampung Penguludan – Sugut, 3 kilometer;
- (x) Jalan Kampung Bebagu, 2 kilometer;
- (xi) Jalan Abuan ke Nakadong, 20 kilometer;

- (xii) Jalan Kompleks Sukan Beluran, 3 kilometer;
- (xiii) Jalan Ladang Pekebun Kecil, Beluran, 14 kilometer; dan
- (xiv) Jalan Kolapis, Beluran, 1 kilometer.

*This particular road* daripada Rancangan Malaysia Ke-10 pun sudah disenaraikan but Rancangan Malaysia Ke-11 tersenarai lagi tetapi belum ada tanda ia disenaraikan sama ada tahun depan satu kilometer Jalan Kolapis, Beluran ini akan jadi senarai sebahagian dari senarai kementerian ini untuk tahun hadapan. Seterusnya, seperti berikut:

- (i) Jalan Mandoring Bintang Mas, Jalan Sapi Nangoh, 11 kilometer;
- (ii) Jalan Bantun, 10 kilometer;
- (iii) Jalan Ulu Pelanduk, 11 kilometer;
- (iv) Jalan SPS, Beluran, 15 kilometer;
- (v) Jalan Off SPS 1, Beluran, 4 kilometer;
- (vi) terusan Sugut ke Kampung Klagan, 20 kilometer;
- (vii) naik taraf Jalan Nangoh – Kanibongan ke Klagan Jaya, Beluran, 26 kilometer;
- (viii) naik taraf Jalan Kampung Bukit Besi ke Ladang Tabung Haji, Beluran – 8 kilometer; dan
- (ix) membina naik taraf Jalan Nangoh – Kanibongan ke Lubuk Dungun 2, 11 kilometer.

Senarai 34 batang jalan yang dikeluarkan oleh Rancangan Malaysia Ke-11 yang akan berakhir tahun hadapan, *what we see*, apa yang kita dengar dan maklum *only 10 percent of this* senarai sekarang ini dapat dilaksanakan kerajaan. Oleh sebab itu memerlukan *another 10* Rancangan Malaysia untuk memulihkan kehendak.

Saya minta agar kementerian ini melihat keperluan-keperluan jalan luar bandar ini. Oleh sebab itu, saya gembira melihat ada RM80 *million* untuk butiran ini bagi penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah dan Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan. Saya juga melihat ada naik taraf jalan *another RM259 million* yang disenaraikan dalam Butiran 08260 ini. Saya mohon agar jalan-jalan daif yang perlu di naik taraf di kawasan luar bandar di Sabah termasuk kawasan Parlimen Beluran ini akan menjadi perhatian kementerian tahun hadapan dan juga Rancangan Malaysia Ke-12.

Sekarang, ia dalam proses penyenaian. *Please* masukkan senarai ini dan bukan 10 peratus daripada kehendak tetapi lebih daripada 10 peratus daripada kehendak keperluan penduduk di luar bandar dapat diselesaikan oleh kementerian ini menjelang Rancangan Malaysia Ke-11 tahun hadapan – depan akhir ini dan juga Rancangan Malaysia Ke-12 akan bermula pada tahun 2021 akan datang nanti. Jadi, setakat itu Yang Berhormat Menteri dan mohon agar sepenuhnya perhatian dapat diberikan untuk kawasan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih, Yang Berhormat Beluran. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Bintulu, silakan.

**6.25 ptg.**

**Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi atas bagi peluang sama saya berbahas dalam ini Kementerian Kerja Raya. Tuan Pengerusi, saya akan sentuh Butiran 030600, Butiran 050900, Butiran 00700, Butiran 82000 sekali gus.

Tuan Pengerusi, kerajaan yang lepas sudah bagi Lebuhraya Pan Borneo kepada rakyat Sarawak. Itu jalan sudah sebahagian sudah dibuka. Contoh macam di Bintulu sampai Bakun sudah dibuka. Akan tetapi, masalahnya bila ini ada kelemahan-kelemahan dalam lukisan ataupun *planning*, kita sudah soal pada setahun yang lepas. Sampai hari ini, Kementerian Kerja Raya daripada pusat saya tidak nampak apa-apa keputusan ataupun jawapan daripada Jabatan Kerja Raya.

Sekarang, kita contoh satu Cancun, Sebauh, sekarang kita mahu masuk itu kawasan, itu pun satu daerah kita mahu pakai helikopter masuk, tidak ada jalan boleh masuk tetapi kita mahu pergi jauh baru boleh pusing. Akan tetapi, itu rupanya Pan Borneo kira *part of the highway*. Sekarang, sampai hari ini bulan sebelas buka, sudah dua orang jadi mangsa, dua orang sudah mati.

Saya di sini mahu tanya, Yang Berhormat Menteri Kerja Raya, isu ini saya sudah banyak kali sudah dalam soalan. Akan tetapi, tiba-tiba jawapan tidak ada. Saya mahu tanya, bilalah jawapan baru boleh diberi untuk ini *junction* Sebauh ini boleh di naik taraf. Kita *design flyover* masuk sama keluar. Kita tidak mahu nampak lagi saya punya rakyat di Bintulu ini *just die for nothing because of the JKR failure and the consultant failure*. Saya harap Yang Berhormat Menteri, boleh bagi saya satu jawapan bila boleh ada jawapan untuk menyelesaikan isu ini.

Isu kedua ini bukan sahaja *entrance* bagi Sebauh, di seluruh Bintulu ini Lebuhraya Pan Borneo banyak rumah panjang di tepi jalan. Akan tetapi, sekarang tiada *solution* semua pergi *U-turn* serupa macam Kerajaan PH semua *U-turn*. Rakyat di Bintulu itu sudah dua, tiga kali sudah *accident* itu jalan lain. Serupa juga Lebuhraya Pan Borneo. So, macam mana ini rakyat boleh masuk dia punya rumah panjang?

So, saya mahu tanya daripada Jabatan Kerja Raya haluan Bintulu – Miri, Bintulu – Sib, macam mana dia orang mahu masuk? Dia orang pakai *flying car* kah ataupun pakai helikopter kah atau apa pun kapal terbang masuk? So, saya mahu tahu macam mana kita hendak selesaikan ini?

Isu ketiga, ini *after* Tatau, *after* Sungai Arif, itu jalan cukup teruk, cukup sengsara. Penyelenggaraan tidak ada *especially* jalan *section* Selangan ke Sib. Itu Yang Berhormat Menteri sendiri punya kawasan. Saya tidak tahu Yang Berhormat Menteri tidak perasan kah, ataupun Yang Berhormat Menteri *no feeling over* itu begitu banyak pahu atas jalan raya. Sudah kemalangan sudah beberapa kali. Bas pun terbang juga, kereta, kenderaan pun terbang juga. Macam-macam kereta jadi sengsara.

Itu jalan punya *safety measure* pun tidak ada. Banyak kali kita mesyuarat demi mesyuarat tetapi akhir sekali kongkalikung sama juga sampai hari ini tidak di naik taraf. Saya rasa ini PH kerajaan lagi baik daripada kerajaan yang lepas tetapi saya nampak ini kongkalikung memang 10 kali, akhir sekali rakyat jadi mampus, rakyat jadi mati.

Isu keempat, saya mahu tahu sebelum ini masuk isu keempat saya mahu tahu Yang Berhormat Menteri sila jawab. Bilakah ini penyelenggaraan daripada Bintulu ke Sibulunya seksyen *especially* daripada Tatau ke bandar Sibulunya. Bila baru boleh naik taraf?

■1830

Sekarang musim hujan sudah janganlah biar saya punya rakyat jadi mangsa lagi.

Isu keempat, 2017 – Medan Jaya sudah seksyen itu *especially the junction* sudah di naik taraf. Sudah lulus RM130 juta. Tahun 2018 oleh sebab itu mahu *implementation* hendak buat naik taraf termasuk *flyover* akan tetapi sampai hari ini saya tahu ini projek sudah dipatahkan.

Saya mahu minta Yang Berhormat Menteri tolong dijelaskan kenapa *junction flyover* ini termasuk jalan naik taraf dibatalkan? Saya mahu tanya kementerian ini bilakah kita ada cadangan atau perancangan untuk menyelesaikan isu-isu tersebut tadi.

Saya harap Yang Berhormat Menteri banyak kali saya tanya soalan tetapi tidak dapat jawapan. Hari ini saya nampak Yang Berhormat Menteri sudah sampai sini di Dewan ini, saya harap Yang Berhormat Menteri jawab baik-baik. Kalau nanti saya tiada dalam Dewan sila tolong jawab sama saya jawab bertulis.

Saya harap Yang Berhormat Menteri sebagai pencinta kaumnya Iban ini banyak kawasan itu semua Iban guna itu jalan, tepi-tepi jalan itu. Saya tidak mahu nampak saya punya rakyat ini jadi sengsara ini. Hari-hari datang ofis saya minta *coffin*. Sekian, terima kasih.

[Dewan ketawa]

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Bintulu. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tampin. Yang Berhormat Tampin tidak ada? Baik.

**Yang Berhormat Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Sudah ada Papar.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan Serai.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Padang Serai.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Bagan ke Padang?

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Padang.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Yang Berhormat Padang. Silakan Yang Berhormat Padang Serai.

6.31 ptg.

**Tuan Karupaiya a/l Mutusami [Padang Serai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Sebelum saya pergi ke butiran saya ingin beritahu sedikitlah.

Pakatan Harapan berpandu atas ekonomi negara untuk membuat manifesto akan tetapi kerajaan dahulu tinggalkan tong kosong. Apa kita boleh buat?

Seterusnya ke Butiran 020200. Kedah mencatatkan jumlah hampir seramai 20,000 kemalangan pada tahun 2017. Antara punca utama adalah jalan yang tidak di selenggara dengan baik. Saya kenal pasti jalan yang hubungi Bandar Baharu ke Kulim dan juga Baling sering berlaku pelbagai masalah termasuk kemalangan. Diminta kementerian memberi peruntukan untuk menambah baik jalan tersebut.

Tanah selalu runtuh, jambatan rosak, baharu-baharu ini banjir dan macam-macam alasan jalan tersebut. Jalan ini sudah 10 tahun sudah Yang Berhormat Menteri. Dia kata hendak buat, hendak buat daripada kerajaan dahulu janji-janji. Itu sebab PRU13 mereka menang dia janji-janji. Dia tidak buat dia kalah. Sekarang kita pula perlu buat jalan tersebut oleh sebab kita pun ada janji. Saya berharap Yang Berhormat Menteri ambil perhatianlah.

Seterusnya apabila saya datang ke Kuala Lumpur saya dapat lihat banyak *flyover* dalam dan itu sangat melancarkan lalu lintas kenderaan. Namun, setakat ini masih tidak ada *flyover* di daerah Kulim. Daerah Kulim tidak ada *flyover* lagi tetapi jalan daripada Taman Selasih ke Keladi dan juga terus ke Lunas sesak. *Traffic light* ada tetapi sesak. Pagi, petang dan tengah hari sesak sampai lima kilometer. Kita hendak keluar tidak boleh dan ambulans hendak keluar tidak boleh. So, saya berharap adakan satu *flyover* di daerah Kulim.

Seterusnya Butiran 040100. Selain masalah jalan jadi menyebabkan kemalangan simpang tanpa lampu isyarat juga boleh jadi sebab utama kemalangan. Banyak simpang di Parlimen Padang Serai tidak mempunyai lampu isyarat seperti Simpang Batu Putih. Ada juga lampu isyarat yang perlu ditambah baik seperti Jalan Taman Mutiara, Sungai Karangan, Taman Sri Pulai dan juga yang perlu ditambah baik di Taman Mutiara dan juga langkah kerajaan menambah baik lampu-lampu di negeri Kedah terutama sekali di Parlimen Padang Serai.

Banyak kali kita ada suarakan untuk dapatkan sebab orang hendak pergi keluar kerja dan hendak hantar anak sekolah kadang-kadang menunggu sampai satu jam untuk *cross* jalan tersebut pada pagi. Oleh sebab jalan-jalan itu adalah jalan utama orang datang hendak kerja dan hendak hantar anak-anak sekolah. Kita perlu ambil perhatian Yang Berhormat Menteri.

Seterusnya saya ingin minta tolong daripada Yang Berhormat Menteri. Saya sudah banyak kali minta pelan daripada pihak kementerian di kawasan saya di JKR Daerah Kulim oleh sebab saya sudah ada satu projek sudah lulus untuk membina satu dewan di sekolah – di *modified*-kan dewan tersebut. Saya minta pelan daripada JKR sudah empat bulan, saya punya peruntukan pun dibatalkan. Macam mana kita hendak Ahli Parlimen hendak buat kerja?

Saya harap kementerian bagi kerjasama sedikit kepada kita. Ahli Parlimen ingin selesaikan satu-satu masalah akan tetapi pelan sampai empat bulan dan sampai hari ini pun tidak sampai lagi ke tangan saya. So, kalau boleh pelan itu minta sampai sebelum Disember supaya tahun depan saya boleh buat peruntukan untuk selesaikan masalah dewan tersebut.

Itu sahaja daripada Padang Serai. Saya bukan hendak tunggu dan sebagainya untuk selesaikan masalah sahaja. Sekian, terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri jangan marah.

[*Dewan ketawa*]

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Padang Serai. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Paya Besar.

### 6.36 ptg.

**Tuan Mohd Shahr bin Abdullah [Paya Besar]:** *Bismillahi Rahmani Rahim, Assalamualaikum warahmatulallahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Terima kasih Yang Berhormat Menteri dan pegawai-pegawai Kementerian Kerja Raya. Saya juga Yang Berhormat Menteri mendoakan semoga Yang Berhormat Timbalan Menteri, Ahli Parlimen Temerloh kembali sihat dan sembuh dan dapat kembali bekerja Yang Berhormat Menteri.

Tuan Pengerusi saya ingin menyentuh Butiran 020200 – berkaitan Pembangunan Jalan. Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi kejadian pembinaan jalan raya yang dapat kita ketahui melalui akhbar, melalui media-media *online* menunjukkan peningkatan yang cukup membimbangkan. Saya yakin bahawasanya kejadian ini adalah *side effect* daripada pembangunan jalan yang ingin kita buat.

Niat kita agak murni untuk memudahkan pengguna-pengguna jalan raya tetapi proses pembinaan ini tidak mengambil kira tentang keselamatan pengguna jalan raya Yang Berhormat Menteri. Sebagai contoh Yang Berhormat Menteri, Lembaga Lebuh Raya Malaysia dan Persatuan Kejuruteraan Jalan Malaysia (REAM) telah menentukan bahawasanya luas bahu jalan seluas 2.5 meter. Akan tetapi apa yang berlaku Yang Berhormat Menteri bahu jalan contohnya di DUKE, NKVE, ELITE kurang daripada dua meter Yang Berhormat Menteri.

Jadi, banyak sangat kes kemalangan apabila kereta berada di laluan kecemasan. Kebanyakan yang kita lihat pada hari ini Yang Berhormat Menteri laluan kecemasan digunakan oleh penunggang-penunggang motosikal yang sepatutnya tidak boleh berlaku seperti itu kalau mengikut LLM dan REAM. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat perkara ini?

Jalan sudah ada, Lebuh Raya DUKE sudah ada, NKVE sudah ada, ELITE sudah ada dan kajian pun sudah ada. Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat, adakah kita perlu meluaskan jalan atau bagaimana kaedah-kaedah intervensi yang harus dibuat oleh kementerian supaya isu bahu jalan ini mesti mengikut spesifikasi 2.5 meter seperti yang telah ditetapkan oleh pihak kementerian melalui LLM dan REAM. Itu isu yang pertama.

Keduanya adalah berkaitan pengadang jalan Yang Berhormat Menteri. MIROS telah membuat kajian dan menentukan bahawasanya pengadang jalan menggunakan *W-Beam Guardrail* merupakan salah satu punca kemalangan yang memang sudah kemalangan melanggar *guardrail* dan kemalangan itu semakin parah disebabkan kita menggunakan *W-Beam Guardrail*. MIROS telah menentukan dalam kajian mereka menunjukkan bahawasanya sekiranya

*guardrail* ini tidak dipasang dengan baik ia juga akan menjadi senjata makan tuan Yang Berhormat Menteri dan Tuan Pengerusi.

Bagaimana Yang Berhormat Menteri melihat teknologi yang terkini menggunakan tali kabel di mana tali kabel ini pelanggaran dapat di-*reduce*-kan tenaga kinetik ini apabila lori besar, bas yang besar langgar terbabas terkena *guardrail* yang tali kabel, ia mengurangkan tenaga kinetik dan ia mengurangkan impak. Sebagaimana di luar negara di Florida sebanyak 25 kes kemalangan maut disebabkan langgar pengadang jalan akan tetapi apabila mereka menggunakan teknologi ini, akhirnya dia dapat kurangkan kepada empat kes kematian maut disebabkan pelanggaran atau terbabas jalan raya.

Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri kita hendak tengok negara jiran seperti Thailand mereka tidak menggunakan pengadang jalan seperti mana yang kita adakan.

■1840

Mereka menggunakan kaedah dinamakan sebagai *gradual walled ditch* iaitu dengan izin parit dengan ketinggian *gradual*. Adakah dipihak kementerian Yang Berhormat Menteri melihat perkara-perkara ini supaya kita tahu kemalangan sudah berlaku tetapi kita niat *guardrail* itu untuk menghalang supaya tidak lagi teruk tetapi akhirnya kajian-kajian telah menunjukkan ia menjadi lebih teruk. Saya hendak tahu berapa banyak tali kinetik ini telah digunakan dan apakah teknologi yang dilakukan di lebuhraya terutamanya lebuhraya di kawasan negeri Pahang.

Saya juga hendak menyentuh Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baharu. Yang Berhormat Menteri, saya yakin seperti mana yang saya sebutkan tadi niat Yang Berhormat Menteri untuk membina jalan sangat bagus tetapi adakah Yang Berhormat Menteri bersedia untuk mengehadkan masa pembinaan di waktu-waktu puncak, di waktu-waktu jalan raya sesak, kita jangan membenarkan pembinaan jalan raya ini dan sepatutnya dilakukan di waktu-waktu senggang, di waktu-waktu yang mudah supaya pengguna tidak bertahun-tahun, belum lagi kita bercakap Yang Berhormat Menteri berkaitan kontraktor yang sakit. Ia juga akan memanjangkan tempoh pembinaan. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri apakah pindaan yang dilakukan atau penambahbaikan yang dilakukan.

Butiran 050800 – Pembinaan Jalan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Bagaimana kes yang berlaku Yang Berhormat Menteri di Jalan Genting Amber Court di Genting Highlands. Bagaimana *light detection and ranging* ini dan *early warning system* tidak dapat *detect*. Saya hendak tahu *update* terkini berkaitan perkara ini dan berapa banyak pampasan yang kita berikan.

Saya nampak peruntukan cukup besar Yang Berhormat Menteri, RM140 juta. Adakah cerun-cerun di kawasan-kawasan pelancongan juga di negeri Pahang diambil kira dalam membetulkan supaya jangan membiarkan pelancong-pelancong takut kerana apa tahun depan Visit Malaysia 2020 dan saya risau kalau perkara ini dilihat oleh masyarakat antarabangsa, mereka agak sukar hendak pergi ke tempat-tempat peranginan di tanah-tanah tinggi khususnya di negeri Pahang.

Saya juga hendak tanya kepada Yang Berhormat Menteri, kuarters pendidikan Kementerian Pendidikan, adakah di bawah Yang Berhormat Menteri? Saya kira ini di bawah JKR, di bawah KKR. Apakah status terkini sebab saya nampak kuarters pendidikan Kementerian Pendidikan ini semakin hari semakin menjadi tempat untuk masalah sosial, dadah dan juga pelbagai masalah timbul disebabkan kuarters pendidikan yang sepatutnya untuk guru tetapi tidak dimanfaatkan oleh guru kerana mereka hendak rumah mereka sendiri dan apakah langkah-langkah pihak kerajaan.

Saya hendak menyentuh perkataan Butiran 051600, *Pavement* dan saya dapat kenal pasti seperti mana yang dilaporkan oleh kementerian Yang Berhormat, 15,000 lebih aduan dan 50 peratus daripada 15,000 aduan pada tahun 2016-2018, 50 peratus aduan tersebut adalah disebabkan penyelenggaraan jalan. Saya hendak tanya Yang Berhormat Menteri, betul jalan ini apabila muatan kenderaan kuat, berat, ia akan menjadi *single crack*, lama-lama keadaan akan menjadi *crocodile crack*.

Akan tetapi bagaimana Yang Berhormat Menteri sebab 2018 kita ada peruntukan yang cukup baik tetapi 2019 Tuan Pengerusi, kita kurangkan kepada RM100 juta dan akhirnya naik balik. Akan tetapi semasa 2019 tahun ini, banyak penyelenggaraan-penyelenggaraan jalan yang telah ditunda yang sepatutnya dilakukan tahun ini disebabkan kekurangan kewangan, adakah jumlah yang diletakkan sebanyak RM360 juta ini mencukupi untuk tahun 2020 mengambil kira kes-kes yang tertunda.

Terakhirnya Tuan Pengerusi, saya minta sedikit masa untuk saya membangkitkan berkaitan dengan Parlimen Paya Besar Yang Berhormat Menteri, Tuan Pengerusi. Saya telah membangkitkan dua butiran Yang Berhormat Menteri. Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan dan Butiran 050500 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan. Yang Berhormat Menteri, Kamar Khas 14 November 2018, Kamar Khas 8 April 2018 Kamar Khas 10 April 2019, Kamar Khas 11 April 2019, Kamar Khas 14 November 2019, Kamar Khas 8 Oktober 2019 dan Kamar Khas 9 April 2019.

Yang Berhormat Menteri, banyak sangat saya membangkitkan di Kamar Khas berkaitan dengan kementerian Yang Berhormat Menteri. Saya hendak tahu Yang Berhormat Menteri, sebanyak tujuh Kamar Khas telah saya bangkitkan sepanjang tahun 2018, 2019 untuk rakyat Parlimen Paya Besar. Berapakah peruntukan Yang Berhormat Menteri untuk tahun 2020 untuk Parlimen Paya Besar?

Saya menghormati Yang Berhormat Menteri dan saya faham kekangan Yang Berhormat Menteri tetapi tolonglah bantu ambil kira sedikit apa yang telah saya bangkitkan — tujuh Kamar Khas untuk Yang Berhormat Menteri dan saya rasa, saya harus berterima kasih juga kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri ketika menjawab, memberi komitmen dan saya mengharapkan sangat Bajet 2020 ada sedikit bantuan diberikan kepada Parlimen Paya Besar.

Tuan Pengerusi, saya juga ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada JKR Daerah Kuantan kerana telah memberikan satu komitmen yang cukup baik terutamanya apabila saya



membangkitkan tentang Kamar Khas 14 November 2018 berkaitan Jambatan Sungai Mabuk. Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri kerana telah meneruskan projek Jambatan Sungai Mabuk dan Jambatan Sungai Mabuk sedang dibina dan *insya-Allah* dalam tempoh 36 bulan, mereka akan siap.

Apa yang paling penting Yang Berhormat Menteri, JKR Daerah Kuantan melalui Jurutera Daerah telah memberi satu taklimat yang amat penting kerana apa komunikasi berkesan di antara rakyat dan pihak kementerian itu juga merupakan satu elemen penting supaya rakyat — mereka mengetahui tentang apakah fasa-fasa pembinaan dan fasa-fasa pembinaan ini juga dapat kita selesaikan melalui komunikasi berkesan.

Tahniah dan syabas. Yang Berhormat Menteri, JKR Kuantan amat baik dalam memberikan kerjasama kerana ia menyelesaikan polemik kekeliruan masyarakat tentang pembinaan di kawasan mereka. Saya berharap langkah ini dapat diteruskan supaya Kementerian Kerja Raya dipandang tinggi oleh masyarakat. Tuan Pengerusi, terima kasih banyak-banyak. Terima kasih Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Pengerusi:** Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Hulu Selangor.

#### **6.46 ptg.**

**Puan June Leow Hsiad Hui [Hulu Selangor]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Bekalan B.27, Butiran 050500 – Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan dengan jumlah peruntukan RM34 juta. Apakah keutamaan kementerian bagi penyaluran dana ini pada tahun 2020? Adakah Hulu Selangor turut tersenarai untuk menerima lampu jalan tambahan di daerah ini?

Butiran 050800 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dengan jumlah peruntukan RM140 juta. Mohon pihak kementerian juga membantu bagi pembaikan dan penyelenggaraan cerun terutamanya di kawasan Hulu Selangor. Ini kerana kawasan ini sering mengalami masalah cerun runtuh ketika hujan lebat.

Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia dengan jumlah peruntukan RM280 juta. Mohon pihak kementerian meningkatkan penyelenggaraan jalan ke laluan Bukit Fraser ke arah Hulu Selangor. Ini merupakan jalan utama untuk para pelancong ke Bukit Fraser serta ke Sanctuary Ikan Kelah Sungai Chiling. Keadaan jalan ini amat mendukacitakan serta membahayakan kepada pengguna jalan raya. Diharapkan pihak kementerian dapat melakukan lawatan tapak secepat mungkin bagi merangka penyelesaian serta pelan penyelenggaraan berkala bagi jalan ini.

Butiran 051600 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Seluruh Malaysia (Berkala Pavemen) dengan jumlah peruntukan RM200 juta, apakah keutamaan kementerian bagi penyaluran dana ini pada tahun 2020? Berapakah Hulu Selangor dapat tersenarai untuk menerima peruntukan ini memandangkan kesesakan kawasan industri dan kenderaan-

kenderaan berat yang makin bertambah supaya isu jalan yang rosak perlu diperbaiki secepat mungkin.

Beralih kepada Kepala Pembangunan P.27, Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan dengan jumlah peruntukan sebanyak RM95 juta. Mohon pihak kementerian menyenaraikan kawasan yang terlibat dalam peruntukan ini. Mohon juga dengan kementerian melihat semula pembinaan Jambatan Batang Kali. Pembinaan ini sedang mengalami beberapa isu.

Pertama, isu pengambilan tanah di mana kini dalam proses pihak kerajaan membayar wang pampasan kepada pemilik tanah mengambil masa yang terlalu panjang. Kedua, isu pengalihan utiliti di mana kos bagi pengalihan utiliti ini tidak dimasukkan dalam kos keseluruhan projek ini. Kini dalam proses Air Selangor mengira kos pengalihan paip utama. Anggaran penambahan kos adalah sebanyak RM13 juta. Oleh itu, mohon pihak kementerian meluluskan kos penambahan ini secepat mungkin supaya projek ini dapat dijalankan dengan lancar.

Seterusnya kepada Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan dengan jumlah

#### ■1850

Apakah projek yang terlibat bagi kawasan Hulu Selangor. Mohon pihak kementerian mempertimbangkan permohonan daripada Hulu Selangor iaitu jalan FT001. Jalan sedia ada merupakan jalan dua lorong dan dua hala dan perlu di naik tarafkan kepada empat lorong, dua hala ia juga mempunyai tiga jambatan yang kecil dan uzur perlu di naik taraf. Mohon pihak kementerian mengambil berat permohonan ini. Yang Berhormat Menteri, ada beberapa cadangan-cadangan untuk pihak kementerian agar boleh menaik taraf laluan persekutuan FT001 dilaksanakan dalam tiga fasa seperti yang berikut:

- (i) fasa pertama, menaik taraf 11 jambatan sedia ada secara berperingkat yang membolehkan penggunaan kepada dua lorong dan dua hala;
- (ii) fasa dua menaik taraf tujuh simpang utama mengikut piawaian ATJ dengan kemudahan lampu isyarat dan lampu jalan; dan
- (iii) fasa tiga menaik taraf jalan FT001 sedia ada di sepanjang 40 kilometer kepada dua lorong, dua hala mengikut spesifikasi ATJ.

Mohon respons pihak kementerian mengenai permohonan ini memandangkan permohonan ini telah diangkat lebih daripada 10 tahun dan keadaan jalan hari ini adalah semakin kritikal. Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 menunjukkan bahawa kerajaan begitu komited untuk membantu meningkatkan taraf kemudahan asas di kawasan luar bandar. Walau bagaimanapun, Hulu Selangor masih ketinggalan. Permohonan Hulu Selangor untuk menaik taraf jalan raya telah lama dipohon tetapi masih tiada sebarang tindakan. Diharapkan pihak kementerian dapat mempertimbangkan permohonan ini dari daerah kami. Dengan itu, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Selangor. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tumpat silakan.

**6.32 ptg.**

**Dato' Haji Che Abdullah bin Mat Nawi [Tumpat]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh* Tuan Pengerusi saya beberapa butiran yang akan saya sentuh dalam perbahasan di peringkat Jawatankuasa ini. Pertamanya, Butiran 040300 – Kejuruteraan Cerun. Kita sedia maklum pada 21 Oktober 2017 cerun Bukit Tinggi setinggi 10 meter telah runtuh bersebelahan tapak projek pembinaan berdekatan Kolej Tunku Abdul Rahman di Tanjong Bungah di susuli satu lagi kes runtuhan di Batu Feringgi kemudiannya.

Kementerian menjelaskan bahawa suatu suruhanjaya inkuiri telah dibentuk susulan kejadian tersebut. Namun saya tidak mendapati sebarang laporan berkenaan kejadian berkenaan. Justeru saya ingin mendapatkan penjelasan daripada kementerian berkenaan laporan inkuiri tersebut dan apakah projek tersebut diteruskan setakat ini.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Butiran 010100 – Pengurusan dan Pentadbiran. Saya ingin mendapatkan penjelasan kementerian mengenai isu konsesi tol. Saya kira ini kali kedua anggaran perbelanjaan tidak memastikan butiran pampasan tol. Saya ingin bertanya apakah perancangan terkini pihak kementerian berkenaan dengan pengambilalihan konsesi tol ini. Sebelum ini kementerian pernah mengemukakan perancangan untuk melantik juruaudit bebas yang akan menyediakan segala data dan syor kepada kementerian berkenaan pengambilalihan konsesi tol dan dijangka dibahaskan, disebut dibahaskan seawal-awalnya Mei yang lalu. Namun, masih sehingga ke hari ini masih tiada khabar berita tentang perkara tersebut. Mohon penjelasan kerajaan.

Seterusnya saya ingin menyentuh persoalan di negeri Kelantan. Butiran 020200 – Pembangunan Jalan. Awal tahun lalu Kementerian Hal Ehwal Ekonomi telah membangkitkan lima projek yang diluluskan di Kelantan termasuklah pembinaan jambatan LPT3, sepanjang 150 kilometer daripada Gemuruh Terengganu sehingga ke Parlimen saya ke Tumpat. Saya ingin bertanya apakah ada peruntukan yang disalurkan bagi pembinaan ini atau pembinaan LPT3 ini akan dimasukkan dalam projek Rancangan Malaysia Ke-12 tahun hadapan.

Pada April yang lalu, kementerian menjelaskan bahawa rundingan dan perbincangan telah dimulakan berhubung dengan pembinaan LPT3 ini. Namun, saya tidak melihat mana-mana peruntukan besar yang terdapat dalam aspek ini. Justeru saya ingin bertanya bilakah projek ini akan bermula dan bilakah ianya dijangka siap. Saya mengharapkan agar pembinaan LPT3 ini dapat benar-benar direalisasikan bagi memastikan kesejahteraan rakyat khususnya di Pantai Timur. Saya telah pun beberapa kali melalui sesi yang terawal menyentuh mengenai LPT3 ini sesuai dengan namanya Lembaga Lebuh Raya Pantai Timur seharusnya ia melibatkan dipanjangkan sehingga ke negeri Kelantan bukan sahaja terhenti di Terengganu. Jadi saya mengharapkan supaya ia benar-benar direalisasikan dalam masa yang terdekat.

Seterusnya saya ingin pergi lebih dekat kepada dalam Parlimen Tumpat Butiran 31000 – Pembinaan Jalan dan Jambatan. Pertamanya saya ingin mendapat penjelasan kementerian

mengenai perkembangan projek pembinaan jambatan yang melintasi jalan kereta api di Wakaf Baru. Bilakah projek ini akan dijangka siap dan saya juga ingin bertanya apakah kementerian mempunyai perancangan alternatif bagi mengatasi kesesakan teruk yang berlaku di bulatan Wakaf Baru khususnya di waktu-waktu puncak disebabkan oleh kerja-kerja pembinaan *flyover* jambatan tersebut.

Seterusnya Tuan Pengerusi di butiran yang sama, dalam beberapa sesi yang terdahulu saya beberapa kali menyentuh mengenai cadangan pembinaan jambatan baharu di jalan Kasban Kampung Nibong Pengkalan Kubor, Tumpat yang mana ia akan menyelesaikan pelbagai masalah rakyat khususnya masalah banjir termenung yang saban tahun berlaku di kawasan Parlimen Tumpat. Namun saya difahamkan hari ini bahawa perkara ini tidak lagi berbangkit apabila ia dimasukkan dalam skop kerja di bawah PLSB Sungai Golok atau pun Pengurusan Lembangan Sungai Bersepadu Sungai Golok ringkasnya KESBAN.

Difahamkan bahawa kerja-kerja di bawah PLSB ini yang melibatkan pembinaan ban di Pengkalan Kubor ke Bukit Lata Pasir Mas sedang bermula dengan tempoh pelaksanaan selama empat tahun. Saya ucap terima kasih di atas tindakan positif pihak kerajaan dan saya mengharapkan projek ini tidak lagi tertangguh kerana rakyat telah lama menderita dengan banjir yang termenung ini. Kemudian perkara yang terakhir Tuan Pengerusi, yang saya ingin bangkitkan di bawah butiran yang sama walaupun terakhir ia bukanlah perkara yang tidak penting.

*The last but not the least.* Di bawah butiran yang sama adalah mengenai projek *flyover rail* kereta api Bendang Morak di Kok Pasir. Cadangan projek yang dimaksudkan ini adalah menaik taraf jalan sejauh 700 meter dan pembinaan jambatan merentasi *rail* kereta api sejauh 65 meter. Pembinaan jambatan merentasi *rail* kereta api ini akan menyelesaikan perhubungan antara beberapa kampung dan pusat ekonomi yang hanya terpisah dengan jalan kereta api. Untuk mudah difahami dan diberi perhatian oleh menteri bahawa jalan raya di kedua-dua belah jalan kereta api ini telah siap *on both side* dengan izin. Namun pergerakan dengan kereta atau kenderaan terhalang oleh sebab jalan kereta api yang tidak ada jambatan atau *flyover* yang melintasinya.

Jalan di kedua-dua belah kampung ini telah pun siap tetapi tidak ada jalan untuk merentasi jalan kereta api tersebut. Yang mana menyebabkan beberapa perkampungan dan pusat aktiviti ekonomi dan sosio rakyat ini terpisah hanya kerana jejantas ataupun *flyover* itu sahaja. Jadi sayaohon kementerian supaya dapat menyegerakan pembinaan tersebut bagi menyelesaikan banyak masalah rakyat setempat yang menghubungkan beberapa perkampungan itu. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Tumpat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Merbok. Silakan.

**6.59 ptg.**

**Puan Nor Azrina binti Surip [Merbok]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya cuma ingin menyentuh dua perkara. Perkara yang pertama Butiran 020200 – Pembangunan Jalan. Saya ingin menyentuh berkenaan penggunaan getah beku sebagai bahan turapan jalan yang mana ini merupakan kajian yang juga telah dibuat oleh Lembaga Getah Malaysia dengan kerjasama Kementerian Kerja Raya sejak tahun 2015.

**■1900**

Kita difahamkan bahawa kajian ini menunjukkan bahawa turapan jalan raya menggunakan getah beku ini adalah sangat baik, bahkan ia juga tahan lasak. Jadi, persoalan saya, sejauh mana keselesaan kita melihat penggunaan getah beku sebagai turapan jalan kerana secara purata, lima hingga 10 peratus jalan daripada 100,000 kilometer keseluruhan akan diturap kembali setiap tahun. Ini bermakna, setiap tahun JKR akan menurap lima hingga 10 peratus daripada 100,000 kilometer.

Jika campuran getah digunakan untuk setiap satu kilometer, sejumlah 4,000 tan getah beku digunakan. Ini bermakna sekiranya 10,000 kilometer, kita akan menggunakan sebanyak 40,000 tan getah digunakan. Jadi, saya sebenarnya melihat perkara ini suatu yang kita perlu lihat secara serius. Walaupun kita pernah mendengar bahawa menggunakan getah beku ini akan mengakibatkan peningkatan kos dari sudut pembinaan.

Akan tetapi kajian juga menunjukkan peningkatan kos ini ketika pembinaan sahaja hanya sebanyak 15 peratus berbanding dengan kaedah konvensional, namun kos penyelenggaraan itu akan berlaku penjimatan sehingga 40 peratus. Maka persoalan saya, sejauh mana keseriusan kerajaan mengiktiraf akan menggunakan getah beku sebagai bahan tambah dalam turapan jalan secara besar-besaran.

Kedua, di manakah kerajaan meletakkan peruntukan bagi tujuan yang sama, sama ada penyelidikan lanjutan terhadap getah beku, tapak-tapak kajian atau pembinaan jalan raya baru yang menggunakan getah beku ini.

Kemudian, saya ingin melihat kepada Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan, Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan, Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan, Butiran 80000 – Membina Jalan-jalan Baru dan Butiran 81000 – Membina Jalan-jalan Baru yang terkait dengan semua naik taraf dan juga membina jalan baru. Melalui mana-mana butiran tersebut, saya mohon kementerian mengambil perhatian jalan-jalan khususnya di dalam Daerah Kuala Muda, Yan kerana ia melibatkan tiga Parlimen iaitu Merbok, Jerai dan juga Sungai Petani.

Sebagai contohnya, adalah penyelenggaraan jalan lencongan Barat-Timur dan juga jalan Gurun ke Bedong. Saya rasa ini adalah isu yang sangat lama dan jawapan yang lazim kita dapat dalam mesyuarat tindakan daerah dan sebahagiannya adalah ketiadaan peruntukan, maka kali ini saya mohon daripada mana-mana butiran tersebut untuk memberi keutamaan kepada kerosakan jalan yang berlaku dalam Daerah Kuala Muda dan juga Yan. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Merbok. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Petrajaya.

#### 7.02 mlm.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin turut mengambil bahagian dalam perbincangan peringkat Jawatankuasa ini. Pertama sekali berhubung kait dengan Butiran 09280 – Membina Jalan-jalan. Saya ingin mendapatkan penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, daripada siaran media yang dibuat oleh Yang Berhormat Menteri, adakah jalan perhubungan Sabah-Sarawak sama dengan jalan Trans-Borneo yang diumumkan baru ini? Jikalau ia sama, mengapa ada pertukaran dari segi nama?

Seterusnya, adakah jalan-jalan ini sudah pun mendapat kelulusan daripada *state planning authority* dengan izin dari segi kelulusan dasarnya. Seterusnya kalau sudah pun mendapat kelulusan, apakah jajaran yang telah dimuktamadkan. Adakah segala *feasibility* dan teknikal *design* sudah dimuktamadkan? Jikalau ya, berapakah anggaran kos dan peruntukan yang akan diperuntukkan di bawah peruntukan 2020 ini?

Kedua Tuan Pengerusi, Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Baru-baru ini Yang Berhormat Menteri ada mengumumkan, akan berlaku penjimatan sebanyak RM1.2 bilion. Jadi, saya hendak dapat kepastian dan juga perincian, apakah dan dari manakah penjimatan ini diperolehi dan apakah perinciannya jumlah RM1.2 bilion ini? Adakah disebabkan penamatan kepada BTP dan juga penamatan kepada konsultan-konsultan yang terlibat, itu kah kadar yang diperolehi daripada RM1.2 bilion tersebut.

Keduanya, dari segi pelaksanaan PDP iaitu LBU untuk Pan Borneo Sarawak sudah pun ditamatkan dan mereka mesti menyerahkan tugas dan tanggungjawab mereka kepada JKR pada Februari 2020. Jikalau ini telah dimuktamadkan, adakah sudah dimuktamadkan? Apakah kaedah baru yang akan dilaksanakan di bawah JKR Sarawak? Adakah ia akan mengekalkan secara konvensional, lantikan WPC itu akan dilantik terus untuk melaksanakan dan apakah mekanisme yang akan dilaksanakan? Adakah ia akan meneruskan kaedah yang telah dipersetujui sebelum ini, di bawah LBU ataupun adakah ia akan diubah kepada *lump sum* kontrak berdasarkan kontrak yang konvensional.

Ketiga, adakah sebarang penjimatan pada masa ini, melalui kaedah yang dilaksanakan di bawah PDP yang dilaksanakan oleh LBU, adakah sebarang penjimatan yang telah dapat dibuat oleh LBU itu sendiri. Kalau ya, berapakah penjimatan yang telah dibuat dan bagaimanakah penjimatan ini dapat diperolehi oleh LBU dari segi *projectionnya*. Sekiranya projek ini disiapkan mengikut jangka waktu yang ditetapkan iaitu tahun 2021.

Keempat, yang ingin saya tanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah jaminan Yang Berhormat Menteri dengan penamatan LBU, projek Pan-Borneo ini akan dapat disiapkan mengikut jadual. Atau adakah akan berlaku *extension of time* dan kalau *extension of time*, akan berlaku kah dari segi peningkatan kos. Disebabkan pada saya, apabila kita mengubah daripada

perjanjian yang melalui kontrak yang ditandatangani di antara kerajaan, LBU dan WPC dan apabila ia diassign *direct* kepada kontraktor, saya jangkakan kemungkinan akan berlaku perubahan dari segi kadar kontrak dan sebagainya. Itu jangkakan saya sahaja. Disebabkan kaedah mekanisme, pelaksanaan baru nanti akan berubah.

Yang Berhormat Menteri, seperkara lagi, ialah kalau saya ingat Yang Berhormat Menteri ada mengatakan dan saya ada membaca di dalam akhbar bahawa sebahagian daripada konsultan yang telah pun dilantik di bawah LBU mereka juga akan ditamatkan. Saya hendak tahu, berapakah jumlah konsultan yang akan ditamatkan dan berapakah jumlah pekerja yang akan terlibat dalam penamatan ini? Apakah tindakan kerajaan khususnya Kementerian Kerja Raya untuk membantu mereka yang terpaksa ditamatkan perkhidmatan mereka dari segi menempatkan mereka, sama ada di JKR Sarawak.

Oleh sebab saya kira JKR Sarawak tidak akan mempunyai tenaga yang cukup untuk menampung jumlah kerja yang begitu besar. Itu sebahagian yang saya kira perlu Yang Berhormat Menteri jawab sebab saya membaca dalam media *statement* Yang Berhormat Menteri menyatakan bahawa bila mereka ditamatkan, adalah menjadi tanggungjawab kontraktor sebenarnya untuk menjaga kebajikan pekerja-pekerja mereka. Saya percaya, ini adalah kenyataan yang kurang bertanggungjawab.

Untuk itu saya ingin mendapatkan penjelasan, apakah tindakan Yang Berhormat Menteri dalam memastikan bahawa pekerja-pekerja ini akan dapat ditempatkan, sama ada di JKR Sarawak ataupun dengan WPC untuk memastikan hasrat untuk kita melaksanakan Pan-Borneo bukan sahaja untuk mendapat projek tetapi sebenarnya melatih dan melahirkan pakar-pakar daripada rakyat Sarawak itu sendiri dalam bidang pembinaan jalan dalam skala yang lebih besar.

Jadi, terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Petrajaya. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Kalabakan.

#### **7.09 mlm.**

**Tuan Ma'mun bin Sulaiman [Kalabakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya juga ingin mengambil bahagian dalam membahaskan Jawatankuasa bajet kita. Di sini saya ingin menyentuh Butiran 08600 – Naik Taraf Jalan Raya di Sabah yang mendapat peruntukan sejumlah RM494 juta, hampir setengah bilion ya tetapi saya rasa masih kurangnya. Terlalu banyak jalan yang perlu diperbaiki di Sabah.

Di Tawau ini ada beberapa jaluran jalan raya yang hanya beberapa kilometer yang sudah dianggap kritikal dengan kesesakan lalu lintas hampir setiap hari, terutamanya waktu-waktu puncak. Laluan-laluan tersebut adalah Jalan Utara, Jalan Kuhara dan jalan Apas. Masalah kesesakan di jalan-jalan ini sudah berlarutan bertahun-tahun lamanya. Tawau tidak pernah menyaksikan penambahbaikan ataupun penaiktarafan drastik jalan-jalan, terutamanya Jalan

Utara di mana penduduk ramai bertumpu di kawasan-kawasan perumahan dan beberapa sekolah-sekolah utama di kawasan yang sama.

■1910

Saya memohon agar satu kajian menyeluruh sama ada membina jalan-jalan baharu atau *flyover*- jejambat yang tidak pernah wujud di Tawau dapat dirancang mungkin.

Saya juga ingin memohon agar satu perancangan menyeluruh dibuat agar Kerajaan Persekutuan dapat mewujudkan jaluran-jaluran jalan raya yang dapat menyambung semua kampung-kampung di Pulau Sebatik. Setakat ini hanya 18 kilometer jalan raya yang berturap disediakan di pulau yang berkongsi tanah dengan Indonesia. Tidak kurang daripada 100 kilometer harus disediakan untuk kemudahan seluruh penduduk Sebatik.

Kedua, saya ingin menyentuh Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Kita juga memohon agar projek-projek dalam Pan Borneo dapat disegerakan terutama jajaran Tawau, Kunak dan Lahad Datu yang masih tiada kemajuan besar yang saya perhatikan. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Kalabakan. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Lipis.

7.11 ptg.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

Saya sebelum menyebut Butiran, saya ingin menyebut jumlah keseluruhan bajet KKR pada tahun ini adalah sebanyak lebih kurang RM8 bilion. Dan jika dibandingkan dengan yang lalu, maka terdapat lebih sebanyak RM900 juta. Jadi, saya merakamkan ucapan tahniah kepada pihak Yang Berhormat Menteri kerana dapat menambahkan bajet. Walaupun dalam keadaan sebelum ini, dalam manifesto mengatakan boleh penjimatan bajet tetapi saya melihat sehingga hari ini masih tidak ada kelihatan dapat menjimatkan bajet.

Saya pergi kepada Butiran 020000 – Pembangunan Infrastruktur Jalan dan Pembangunan Industri Pembinaan. Anggaran perbelanjaan lebih kurang dalam RM61 juta. Saya melihat dalam perkara pembangunan infrastruktur jalan dan pembangunan industri pembinaan ini sekarang ini sebagai mana yang disebutkan oleh rakan saya daripada Yang Berhormat Jelebu sebentar tadi, saya ingin menyentuh juga di dalam mungkin Pantai Timur ataupun dalam negeri Pahang yang selenggaraannya diselia oleh RoadCare umpamanya. Saya melihat dalam perkara ini, mungkin di sini juga kerajaan boleh melakukan sedikit penjimatan jika benar-benar seluruh negara yang saya dapati bahawa ada tiga konsesi yang dilakukan di peringkat negara.

Saya pernah juga bercakap semasa waktu Kerajaan Barisan Nasional ya. Jadi, saya dapat melihat perkara ini- apabila projek-projek kerajaan khususnya JKR diberikan kepada konsesi bererti harganya akan menjadi lebih tinggi jika dibandingkan kalau disebut harga ataupun di tender di dalam JKR itu sendiri. Sedangkan, sekiranya projek diberikan kepada subkontraktor



kecil umpamanya, ia boleh juga menjimatkan harga. Lagi pun bayaran yang perlu dibuat kepada subkontraktor bukanlah satu bayaran yang terus melalui konsesi.

Oleh sebab itu, konsesi juga mengambil untung daripada kontraktor-kontraktor kecil ini. Umpamanya kalau projek itu dalam lingkungan RM1 juta, kalau konsesi ini mengambil keuntungan sebanyak 20 peratus, berertinya kerajaan kalau diberikan kepada JKR telah boleh menjimatkan sebanyak RM200 ribu. Ini dapat dilihat dan perlu dibuat kajian oleh KKR sepenuhnya kerana ini juga salah satu boleh menjimatkan kerajaan dan...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat lipis, sikit.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Sekejap. Kalau kita melihat sebagai contohnya, kontraktor payunglah umpamanya- kontraktor yang mendapat konsesi ini menunggu bayaran daripada kerajaan juga, baru bayar kepada kontraktor kecil. Makna tidak ada erti sebenarnya, bukan dapat memayung kepada kontraktor ini tetapi sebenarnya menguncupkan payung itu sendiri.

Jadi, saya minta Yang Berhormat Menteri supaya dapat membuat kajian kalau di Pantai Timur ini adalah RoadCare. RoadCare ini – saya tahu sebab saya terlibat juga di dalam kawasan saya. Sila Yang Berhormat Paya Besar.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Saya hendak minta pandangan- Tuan Pengerusi, saya hendak minta pandangan Yang Berhormat Lipis berkaitan konsesi ini Yang Berhormat Menteri.

Ini kerana Yang Berhormat Lipis tadi memberi pandangan ada peningkatan apabila kita menggunakan konsesi. Akan tetapi semasa pembuatan atau pembuat jalan selepas dapat NOD daripada kementerian, adakah ada ciri-ciri penipuan dalam proses *making under specifications*. Maknanya dibuat di bawah daripada spesifikasi, dan akhirnya menyebabkan jalan tersebut membahayakan pengguna seperti mana yang berlaku baru-baru ini di Jalan Maharajalela, hari Ahad malam, sebuah kenderaan PERODUA Kancil jatuh dalam lubang di tengah-tengah Bandaraya Kuala Lumpur ini. Jadi, apakah pandangan Yang Berhormat Lipis, kita tidak perlu ada konsesi, kita serahkan kepada JKR sahaja untuk menguruskan. Ini kerana ada penipuan dalam berlaku kontraktor ini.

**Dato' Haji Abdul Rahman bin Mohamad [Lipis]:** Terima kasih Yang Berhormat Paya Besar. Saya bersetuju dengan Yang Berhormat Paya Besar sebab perkara ini pernah juga berlaku di beberapa tempat sebenarnya. Maknanya kalau- saya pernah berbincang dengan pihak KKR ataupun pihak JKR, mereka kata kalau peruntukan yang diberikan terus pada mereka, mereka boleh membuat lebih cantik daripada yang diberikan kepada konsesi ini. Maknanya kawalan lebih rapi dan lebih baik daripada yang dikawal oleh pihak konsesi itu sendiri.

Saya ingin beralih kepada kajian- sebenarnya saya hendak menyokong Yang Berhormat Merbok tadi, apakah keputusan kajian yang dibuat dalam Butiran 010300 – Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi JKR (CREaTE) ini, membuat kajian tentang *cup lump* dalam *rubberise* untuk membuat jalan menggunakan getah itu. Kita dimaklumkan yang terdahulu kajian

telah dibuat sekurang-kurangnya apa yang dimaklumkan kita dapat lebih- dari segi *maintainance* nya lebih baik.

Apa yang lebih pentingnya, dapat membantu pekebun-pekebun kecil yang terdiri daripada tidak kurang daripada 400 hingga 500 ribu *smallholders* dalam industri pertanian getah itu dapat membantu mereka, sekurang-kurangnya dapat menaikkan harga. Kita sudah buat kajian sebelum ini, dan saya hendak tahu keputusan bila Kerajaan PH mengambil alih, apakah sebenarnya kajian ini telah berlaku?

Jadi, saya berharap supaya beberapa perkara yang ingin saya bentangkan juga di sini adalah Butiran 050800 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Anggaran perbelanjaan lebih kurang RM140 juta. saya bangkitkan ini juga, saya adalah salah satu kawasan yang terlibat antara Lipis ke Cameron Highlands umpamanya. Kita selalu terdapat cerun-cerun runtuh di laluan FT102 di Ringlet-Sungai Koyan ini. Cerun-cerun ini kerap berlaku keruntuhan. Maka, saya minta supaya pihak kerajaan dapat memerhati dalam perkara ini supaya penurunan cerun ini tidak sampai sehingga tertutupnya jalan untuk pengguna-pengguna ke satu kawasan pelancongan yang saya kira sangat penting bagi kepentingan di kawasan dan jalan itu sendiri.

Saya pergi kepada Butiran 71000 – Memperelok dan Membaiki Pulih Jalan. Anggaran belanjaan lebih kurang RM48 juta iaitu berlaku sedikit pengurangan. Walau bagaimanapun, saya menggesa agar kerajaan supaya memberi perhatian kepada memperelok dan membaik pulih jalan ini iaitu anggaran ini supaya- contohnya banyak jalan masih jalan lama yang perlu diberi perhatian terutamanya khususnya dalam *guard rail*, cerun runtuh yang saya katakan tadi, dan juga masalah-masalah lain yang timbul di jalan-jalan lama ini seperti Jalan Jerantut-Benta umpamanya. Saya berharap supaya kementerian dapat memberi perhatian dalam hal ini.

Oleh sebab masa tidak mengizinkan, saya ucapkan terima kasih kepada Tuan Pengerusi kerana mengizinkan saya turut serta berbahas dalam Jawatankuasa KKR ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Lipis. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Putatan.

**7.19 ptg.**

**Tuan Awang Husaini bin Sahari [Putatan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus merujuk kepada Butiran 02800 – Membaiki, Mengganti dan Menaik Taraf Jalan dan Jambatan, dan Butiran 20000 – Membina Persimpangan Bertingkat dan Jejambat.

Di sini saya tidak huraikan senarai jalan yang perlu diambil tindakan tetapi Yang Berhormat Menteri, saya ingin mengutarakan terdapat sedikit perubahan polisi Kementerian Kerja Raya di Sabah mengenai kelulusan peruntukan jalan negeri yang boleh diberi peruntukan oleh Persekutuan.

Contohnya untuk *traffic mitigation* khasnya di dalam pembinaan *flyover* di sekitar kawasan-kawasan kritikal di Bandaraya Kota Kinabalu. Satu senarai telah diserahkan oleh

Kementerian Infrastruktur Negeri untuk memohon peruntukan daripada Kementerian Kerja Raya Malaysia.

■1920

Akan tetapi terdapat ada masalah baru di situ ekoran daripada apa yang saya difahamkan, perubahan polisi Kementerian Kerja Raya Persekutuan. Terdapat ada dua jalan. Satu jalan persekutuan. So Jalan Persekutuan apabila mahu dinaiktarafkan ataupun kita mahu bina jambatan di situ kita tidak ada masalah. Akan tetapi yang masalah di sini apabila jalan itu adalah jalan di bawah kita katakan jalan negeri. Di dalam program *traffic mitigation*, tidak sudah diberikan peruntukan oleh Kementerian Kerja Raya.

Saya difahamkan perubahan ini berlaku pada tahun yang lalu. Sebelum ini kerajaan negeri boleh memohon peruntukan daripada Pusat untuk membina *flyover* walaupun jalan itu adalah bidang kuasa jalan negeri, tidak perlu penyerahan. Sekarang ini perlukan penyerahan pula. Jadi kita nampak di sini, program ini ataupun peralihan polisi ini boleh membantutkan program-program yang kritikal di Sabah terutama sekali di kawasan bandar raya Kota Kinabalu. Saya pohon jikalau polisi ini betul ada perubahan sebagaimana saya difahamkan oleh Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri, supaya satu penilaian semula dapat dilakukan.

Kedua, saya ingin bertanya tentang suatu projek RP4, Rancangan Malaysia Kesebelas iaitu projek ini adalah projek baharu, membina jalan daripada Tanjung Aru ke *coastal highway* Sutura Harbour. Saya ingin tahu perkembangan permohonan jalan baharu ini yang telah pun dipohon melalui Kementerian Pembangunan Infrastruktur Negeri Sabah. Saya difahamkan telah pun di dalam penilaian EPU.

Terakhir sekali untuk rekod Yang Berhormat Menteri, untuk Sabah sahaja cuma ada jalan-jalan JKR untuk di seluruh Sabah cuma 60 peratus sahaja yang sudah diasfalt, masih terdapat 40 peratus yang belum lagi diasfalt. Data ini adalah data yang terakhir yang saya peroleh pada tahun 2018 tetapi jikalau kombinasi keseluruhan jalan-jalan yang ada di Sabah, kedudukannya cuma ada 50 peratus jalan yang sudah diasfalt. Saya harap dengan kenyataan ini, kementerian boleh memberi penekanan yang lebih untuk menaik taraf jalan di seluruh negeri Sabah. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Arau. Silakan.

7.23 mlm.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Tuan Pengerusi, ini adalah macam serangan hendap dibuatnya sebab saya tidak dapat gambaran bila saya berucap. Jadi yang pertama ...

**Tuan Pengerusi:** Saya ikut senarai.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** Ya?

**Tuan Pengerusi:** Saya ikut senarai. Hari ini naik awal sedikit.

**Dato' Seri Dr. Shahidan bin Kassim [Arau]:** *Sakan no.* Okey. Tidak apa. Saya cakap fasal Senator yang ditolak di Melaka sekejap lagi ya.

Okey, pertama sekali Jemaah Menteri pada 14 Ogos lalu bersetuju bahawa pendaftaran kontraktor G1 Bumiputera dibuka semula pada 1 September. Jadi berdasarkan laporan BERNAMA pada 17 November, 80 peratus daripada pendaftaran baharu kontraktor G1 Bumiputera diterima daripada generasi muda. Jadi persoalan yang saya ingin tanyakan ialah, yang pertama sekali ialah kita tahu adakah kerajaan sedar bahawa daripada 20,439 kontraktor G1, yang mendapat projek hanya 55.4 juta ataupun hanya 1,014? Jadi bagaimana kerajaan hendak mengatasi perkara ini? Ini kerana adalah tidak wajar kalau kita membuka pendaftaran tetapi kita tidak tunjukkan cara bagaimana untuk membolehkan mereka dapat kontrak. Dahulu kita pernah buat syarat supaya kontraktor-kontraktor besar bagikan projek-projek kecil subkontrak ini kepada G1. Adakah sistem ini masih berterusan? Di mana mereka yang mendapat projek-projek besar supaya dipertimbangkan subkontrak kepada G1. Jadi, ini penting diberikan perhatian kerana setelah pendaftaran semula dibuat sejak 14 tahun yang lalu, penambahan kontraktor G1 dan dalam masa yang sama, kontraktor yang lama juga tidak mendapat projek.

Kemudian yang keduanya Yang Berhormat ialah saya ingin bertanya tentang tol. Saya sedar bahawa kerajaan sekarang sudah tidak mampu untuk menghapuskan tol kerana beberapa perkara yang telah disebutkan dan dibincangkan secara terbuka dan banyak, bukan ini sahaja bukan tol termasuk juga yang lain-lain lagi, kerajaan tidak mampu berbuat demikian kerana pelbagai masalah. Akan tetapi kalau sekiranya kita tidak mahu menghapuskan tol, jadi apakah caranya untuk memperkenalkan sesuatu yang menjurus ke arah tersebut sehingga perkara-perkara yang melibatkan cerita-cerita bahawa PLUS akan dijual, cerita-cerita bahawa kerajaan akan mengambil alih GAMUDA. Jadi Yang Berhormat tolong beri penjelasan sedikit bagaimana kedudukan tersebut, bagaimana tol yang sekarang ini yang mendapat keuntungan yang besar itu hendak dijual tetapi yang belum tahu tentang masa depannya dia akan diambil alih oleh kerajaan. Jadi, ini akan menimbulkan masalah.

Keduanya kita lihat daripada segi pembangunan infrastruktur dan juga industri pembinaan termasuk juga yang lain-lain lagi. Yang Berhormat, kita lihat ini satu cadangan yang perlu difikirkan bahawa semua projek kerajaan dibuat melalui JKR tetapi satu benda yang kerajaan tidak perhatikan bahawa terdapat pembangunan yang tidak seimbang di antara negeri-negeri pantai timur, Sabah dan Sarawak dan juga negeri-negeri di pantai barat, di negeri-negeri seperti Perlis, Kedah, tidak seimbang. Kita lihat Kuala Lumpur, Lembah Klang termasuk yang berdekatan, Johor, mendapat limpahan ekonomi yang luar biasa kerana ibu negara berada di sini. Kalau ibu negara berada di tempat lain, sudah pasti mereka tidaklah sehebat yang dijangkakan. Sebab satu ekar – saya sebut juga berkali-kali di Dewan ini, satu ekar tanah di Perlis, sudah pasti tidak sama dengan satu ekar di Kuala Lumpur.

Jadi, untuk membolehkan keseimbangan pembangunan ini, banyak negara dunia yang memperkenalkan perkara ini dan tetapi sesetengahnya mereka menukar ibu negara itu kepada

tempat baharu. Contohnya macam kita menukar Kuala Lumpur pergi ke Putrajaya. Akan tetapi sekarang ini saya mencadangkan yang mana kawan-kawan saya dari Kelantan akan bersetuju, supaya ibu negara ini kita ubah setiap lima tahun sekali. Kita mulakan dengan Perlis dahulu, selepas itu Kota Bharu, selepas itu Kuching tetapi sesetengah orang memikirkan benda itu mentertawakan. Ini disebabkan kita pergi melawat luar negara, kita tidak pernah bertanya apa yang dibuat oleh negara berkenaan. Ini negara-negara di Asia Tengah, mereka memperkenalkan konsep ini di mana – tetapi mereka memperkenalkan cara lain sedikit, beberapa kementerian ini nanti diubah di sana. Contohnya macam Kementerian Pertanian – maaf, Kementerian Pertanian diubah pergi ke Kedah kerana di Kuala Lumpur hendak tanam apa lagi. Macam kementerian kelapa sawit, pergi ke Pahang, sebagai contoh ya.

Jadi, kita bukan buat secara tetap. Mungkin lima tahun sekali kita buat perubahan. Dengan itu, kita akan menaikkan nilai tanah dan juga suasana ekonomi yang lebih mencabar sebab sekarang ini kita bersedak-sesak di Kuala Lumpur ini, akhirnya kita dapat apa? Kita dapat kerugian yang luar biasa. Rakyat terpaksa berbelanja begitu banyak. Speaker tidak apa. Rumah dia di sini sahaja tetapi kami yang terpaksa berulang-alik balik melalui jalan-jalan ini terpaksa belanja minyak dengan begitu banyak. Kita membuang masa dengan begitu hebatnya tetapi keuntungannya kita rugi. Kita terpaksa duduk berjam-jam dalam kereta. Jadi, kalau sekiranya beberapa kementerian diubah kepada negeri-negeri dan dia boleh ikut giliran. Mungkin lima tahun sekali. Dengan itu contohnya macam Kementerian Perdagangan, dengan contohnya macam diubah pergi ke Johor ataupun Kementerian Pertanian ke Kedah. Jadi dengan itu kita lihat pusingan yang membantu untuk menggerakkan ekonomi. Kalau tidak, bagaimana mungkin boleh ekonomi Perlis, Kelantan, Kedah boleh digerakkan dalam keadaan-keadaan sekarang. Kita beri peruntukan yang 'Hidup segan mati tidak mahu'. Jadi saya minta supaya JKR ataupun Kementerian Kerja Raya, kita pindah pergi ke Sarawak. Sebagai Pengerusi PKR Sarawak yang sekarang ini agak terancam sedikit sebab diganggu-gugat oleh dua kumpulan.

#### ■1930

Sebagai contoh Yang Berhormat, di Dewan Undangan Negeri Melaka. Dewan Undangan Negeri Melaka menolak cadangan Senator yang dicadangkan oleh kerajaan. Mereka cadang, tetapi ditolak oleh Dewan Undangan Negeri. Ini menunjukkan ada perbalahan berlaku dalam PKR. Jadi, sebagai contoh Yang Berhormat. Jadi, dengan itu, sebuah kementerian dipindah iaitu Kementerian Kerja Raya kita pindah pergi Sarawak. Tahu fasal apa pergi Sarawak? Sebab Jokowi sudah mahu pindah ke ibu negaranya ke Borneo. Jadi, kalau kementerian kita berada di sana, sudah pasti kita dapat menggerakkan pembangunan dengan hebatnya. Saya percaya Pan Borneo 2 akan dapat diwujudkan di Sabah dan Sarawak.

Jadi, kita minta supaya difikirkan pendekatan di mana kita libatkan beberapa kementerian dan bukan cara *permanent*. Mungkin lima tahun sekali dan sebagainya. Mungkin ada yang kata *Allah*, ini idea budak-budak. Tidak. Pergi ke Asia atau pergi ke negara-negara bekas *Soviet*, dia membuat pendekatan sedemikian rupa. Malah Baku, Baku ialah negara baharu yang baru wujud.

Kita lihat pembangunan infrastrukturnya lebih hebat daripada Dubai. Malah, lebih hebat dari mana-mana bandar di dunia ini, pembangunan yang berlaku di Baku, Azerbaijan. Speaker juga pernah pergi ke sana Tuan Pengerusi, melihat sendiri kehebatan di sana.

Jadi, saya ucap terima kasih peluang yang telah diberikan. Yang Berhormat, saya minta supaya melihat benda ini dari sudut yang lebih hebat supaya negara ini dapat dibangunkan dengan hebatnya dalam pendekatan supaya semua negeri digerakkan bersama untuk maju. Bukan hanya Kuala Lumpur ataupun di Lembah Klang, tetapi semua negeri termasuklah Kelantan, Perlis dan sebagainya. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Arau. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Rasah.

### 7.32 mlm.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Terima kasih Tuan Pengerusi atas peluang yang diberikan. Pertama, saya hendak ucapkan tahniah kepada kementerian ini sebab saya nampak peruntukan bekalan dan juga peruntukan pembangunan, kedua-duanya meningkat untuk Belanjawan 2020 ini.

Butiran pertama yang saya hendak sebut adalah di bawah Butiran 030300 – Kejuruteraan Elektrik. Tadi saya telah mendengar pandangan daripada Yang Berhormat Padang Serai berkenaan dengan peruntukan beliau yang mana menghadapi masalah dan saya hendak menarik perhatian Yang Berhormat Menteri, saya mohon Yang Berhormat Menteri supaya boleh memberikan petua ataupun arahan kepada mereka yang terlibat di bawah agensi di bawah KKR. Ini sebab saya sendiri juga menghadapi masalah yang sama. Saya rasa masalah ini perlu kita selesaikan secepat mungkin untuk mengelakkannya berlaku pada tahun-tahun yang akan datang.

Saya memberikan contoh iaitu satu contoh. Ini apa yang terjadi di Negeri Sembilan kerana JKR elektrik tidak dapat memberikan kerjasama yang baik dalam pelaksanaan projek mesra rakyat untuk Ahli Parlimen. Ia berbeza dengan agensi-agensi yang lain di mana memberikan kerjasama yang baik sepanjang masa pelaksanaan. Saya bagi satu contoh yang terbaik. Ia berlaku kepada diri saya sendiri dan juga Ahli Parlimen yang lain di mana kipas besar ataupun kita namakan *giant fan* yang mana agensi pelaksanaannya adalah daripada JKR elektrik yang telah mendapat surat kuasa daripada pihak Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri. Selepas mendapat surat kuasa tersebut, berlaku kelengahan dan akhirnya kalau kos yang diperlukan untuk memasang — saya sebut di sini secara berterus-terang, kosnya kalau bawah RM20,000, dalam lingkungan RM20,000, dianggap sebagai kos yang munasabah yang mana kontraktor masih mendapat keuntungan.

Akan tetapi, saya sendiri secara peribadi telah dimaklumkan oleh JKR elektrik Negeri Sembilan bahawa ia perlukan RM40,000 untuk memasang satu *giant fan*. Jadi, nampak di sini jelas sekali ganda dan dengan lantikan kontraktor yang tidak dimaklumkan caranya. Saya tidak

tahu macam mana dia hendak lantik, dia kata ada cabutan bola ping pong dan sebagainya. Itu yang dimaklumkan kepada saya. Saya pun tidak tahu. Saya memang tidak mahu terlibat dengan pelantikan kontraktor ini sebab yalah, biar agensi yang buat. Kami tidak mahu terlibat. Cuma, saya sendiri terasa kenapa perkara yang boleh kita buat di bawah RM20,000, kita hendak buat dengan RM40,000. Bagi saya, ini bukan cara yang baik. Jadi, saya mohon petua dan juga campur tangan daripada Yang Berhormat Menteri dan saya percaya Yang Berhormat Menteri dengan posisi, dengan bidang kuasa yang ada mampu campur tangan untuk mengelakkan peristiwa seumpamanya berterusan pada tahun-tahun yang akan datang sebab ia akan membolehkan peruntukan dapat digunakan pada kadar yang paling optimum untuk kebaikan penerima peruntukan iaitu sekolah. Saya sendiri ada dua sekolah yang mana projek ini terpaksa dibatalkan disebabkan masalah ini.

*[Timbalan Yang di-Pertua (Tuan Nga Kor Ming) **mempengerusikan Jawatankuasa**]*

Perkara kedua yang saya hendak bangkitkan pada petang ini adalah di bawah Butiran 050800 – Pembaikan dan Penyelenggaraan Cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Saya nampak peruntukannya lonjak meningkat daripada sejumlah RM10 juta tahun sebelumnya kepada sebanyak RM140 juta. Satu peningkatan yang banyak. Jadi persoalan saya di sini mesti, sudah semestinya pihak KKR sendiri ada mengenal pasti tempat-tempat yang memerlukan peruntukan yang besar. Kalau tidak, masakan ia bertambah dengan begitu mendadak. Saya hendak tanya, ada tidak mana-mana lokasi di daerah Seremban khususnya di bawah JKR Seremban ataupun Negeri Sembilan yang terlibat untuk RM140 juta ini? Ini sebab sekiranya ada, mohon maklumkan untuk kepentingan dan juga keselamatan penduduk setempat.

Perkara seterusnya yang saya hendak sebutkan adalah di bawah Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Saya nampak ia juga berlaku peningkatan peruntukan yang mendadak daripada sejumlah RM80 juta kepada sebanyak RM280 juta. Saya mengalu-alukan perkara ini sebab kita tahu penyelenggaraan jalan adalah suatu yang sangat mustahak sebab yalah, kita tahu jalan kita setiap hari, saban hari digunakan oleh banyak pengguna jalan raya dengan pertambahan trafik dan sebagainya, memang ia satu keperluan. Saya hendak tanya daripada jumlah ini, berapa banyak kah yang disalurkan kepada JKR daerah Seremban? Okey, sebab saya rasa penting. Daerah Seremban pun ada banyak jalan-jalan persekutuan yang memerlukan kos yang tinggi untuk penyelenggaraan. Ini sebab biasanya, kita tahu jalan persekutuan adalah jalan-jalan utama yang menghubungkan satu pekan ke bandar ataupun pekan ke pekan.

Seterusnya, di bawah Butiran Pembangunan 81000 – Membina Jalan-jalan Baru, peruntukan sebanyak RM1.8 bilion diperuntukkan. Saya mengalu-alukan peruntukan ini. Cuma, persoalan saya di sini, daripada sejumlah RM1.8 bilion ini, berapakah akan disalurkan kepada Negeri Sembilan? Adakah apa-apa jalan baharu akan dibina di bawah peruntukan yang besar ini

di Negeri Sembilan pada tahun depan? Persoalan kedua di bawah butiran ini, apakah ada pembinaan untuk fasa seterusnya untuk Jalan Raya Lingkaran Tengah Seremban (MRRS) yang sebelum ini sudah — fasa sebelum ini sudah siap dua ke tiga tahun yang dahulu dalam masa dua tahun ini tidak ada pembinaan. Apakah fasa seterusnya akan dimulakan pada tahun depan dan menggunakan peruntukan di bawah RM1.8 bilion ini?

Perkara terakhir yang saya hendak sebutkan di sini adalah berkenaan dengan Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan. Saya nampak ada penambahan peruntukan kepada hampir sebanyak RM1 bilion iaitu RM926 juta diperuntukkan untuk tahun 2020. Memang naik taraf ini kita tahu banyak tempat yang sudah dibangunkan. Kalau dahulu tidak banyak kenderaan melaluinya, satu lorong cukup. Sekarang ini perlukan tambah kepada dua lorong dan sebagainya. Jadi, saya hendak tanya, boleh tidak sebahagian daripada peruntukan ini digunakan untuk menaik taraf Jalan Labu? Jalan Labu di bawah Parlimen Rasah yang sekarang ini setiap arah hanya satu lorong sahaja, tetapi disebabkan pembangunan di sekitar di kawasan-kawasan yang dilalui oleh jalan ini menyebabkan pertambahan trafik terutamanya sebab jalan ini yang antara jalan tanpa tol yang menghubungkan bandar Seremban dengan Bandar Baru Nilai yang pesat membangun. Jadi, pertambahan kenderaan sepanjang jalan ini begitu banyak sekali. Boleh tidak sebahagian daripada peruntukan hampir RM1 bilion ini digunakan untuk menaik taraf Jalan Labu ini pada tahun 2020? Sekiranya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Tuan Cha Kee Chin [Rasah]:** Ya. Sedikit sahaja. Sekiranya tahun depan tidak dapat, bilakah Jalan Labu akan dinaik taraf daripada satu lorong sekarang kepada dua lorong di setiap arah? Jadi, sekian sahaja daripada saya. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat. Oleh sebab ramai lagi yang ingin berbahas, saya hadkan masa mulai sekarang kepada lima minit. Sekarang saya menjemput Yang Berhormat Sibuti. Selepas itu Yang Berhormat Pontian, Yang Berhormat Pengkalan Chepa dan Yang Berhormat Bagan Serai.

### 7.39 mlm.

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Tidak banyak perkara yang ingin saya bangkitkan. Saya terus pergi kepada Butiran 09260 - Naik Taraf Jalan-jalan (II) dan juga Butiran 09280 - Membina Jalan-jalan bagi Kepala P.27.

### ■1940

Di sini Yang Berhormat, saya ingin mengetahui kedudukan status pembinaan jalan Trans Borneo dan juga Sabah-Sarawak Link. Dari manakah sumber kewangan yang diperoleh? Adakah di dalam Anggaran Belanjawan 2020 ini diletakkan bajet untuk pembinaan jalan Trans Borneo tersebut? Adakah projek jalan Trans Borneo dan juga Sabah-Sarawak Link ini melibatkan juga dengan pampasan bagi pengambilan tanah-tanah adat dan juga tanah-tanah yang telah disukat di kawasan Baram sehingga Limbang dan juga Lawas?



Untuk butiran ini saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, di manakah butiran pada tahun lepas iaitu Butiran 09230 — Jambatan-jambatan. Di mana pada tahun lepas sebanyak RM40 juta telah diperuntukkan. Adakah butiran ini telah digugurkan daripada Belanjawan 2020 dan juga belanjawan yang akan datang? Adakah kerajaan ataupun pihak kementerian tidak lagi mengemukakan bajet ataupun belanjawan untuk di dalam RMKe-12 bagi pembinaan jambatan-jambatan dan juga menyerahkan tanggungjawab itu sepenuhnya kepada kerajaan negeri untuk membina jambatan. Adakah pembinaan jalan Trans Borneo ini tidak melibatkan jambatan-jambatan, Yang Berhormat Menteri?

Seterusnya, saya ingin kepada Butiran 82000 — Lebuhraya Pan Borneo. Setelah berlakunya pembatalan PDP bagi projek Lebuhraya Pan Borneo, saya ingin mengetahui kedudukan status pembinaan sekolah-sekolah di bawah CSR iaitu salah sebuah sekolah tersebut adalah terletak di dalam kawasan Parlimen Sibuti iaitu SK Bulau. Adakah projek ini akan terjejas dengan pembatalan pihak LBU? Begitu juga adakah projek ini akan diteruskan? Saya ingin mengetahui status tersebut.

Saya ingin bertanya kepada pihak Menteri, terdapat banyak aduan pada masa ini berkaitan tentang pembinaan Lebuhraya Pan Borneo di kawasan bagi Tangap ke bahagian Miri, di mana ramai penduduk dan juga pekebun-kebun kecil kelapa sawit terutamanya di persimpangan Beluru di kawasan Mamut mengatakan bahawa setelah projek pembinaan Pan Borneo ini bermula banyak kebun-kebun sawit mereka telah ditenggelami air dan juga saya merasakan terdapat berlaku sedikit kelemahan di dalam reka bentuk lebuhraya tersebut. Begitu juga saya mendapat aduan daripada pihak ladang-ladang di sepanjang jalan Pan Borneo keadaan ladang mereka juga semakin mudah dinaiki air apabila hujan turun. Itu sahaja Tuan Pengerusi, sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih, Yang Berhormat Pontian. Sila. Ya, sudah cuci muka.

#### **7.43 mlm.**

**Datuk Seri Haji Ahmad bin Haji Maslan [Pontian]:** Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Kementerian Hal Ehwal Ekonomi meminjam RM333.9 juta, MoF pinjam RM500,000 tetapi kementerian ini meminjam RM1.5 bilion. Berapa sebenarnya peruntukan yang diperlukan? Pinjaman itu kenapa perlu pinjam? Untuk apa? Projek apa? Ini kerana mengurus RM1.79 bilion, pembangunan RM4.73 bilion tapi RM1.5 bilion ini pinjaman yang besar jika dibandingkan dengan kementerian-kementerian yang lain. Kementerian ini yang terbesar meminjam.

Seterusnya, Pan Borneo RM2 bilion, 25 peratus daripada bajet RM8 bilion ini. Apabila PDP ditukarkan kepada JKR, adakah ia boleh segera dilaksanakan? Jika lewat tentu kosnya akan tiada penjimatan. Laluan lama, saya difahamkan melalui negara Brunei tetapi laluan baru saya difahamkan tidak melalui negara Brunei. Bukankah jika melalui Brunei itu boleh

menggiatkan sektor ekonomi dan pelancongan untuk Sarawak dan Sabah? Saya ingin menyarankan agar laluan lama melalui Brunei itu diteruskan.

Seterusnya, pembinaan jalan laluan motosikal Yang Berhormat Menteri di jalan-jalan utama seluruh negara boleh mengurangkan kemalangan jalan raya. Jadi saya mohon supaya Jalan Benut ke Simpang Renggam di buat laluan motosikal. Jalan antara Pontian ke Benut sudah ada tapi sekitar lima kilometer belum ada. Jadi mohon disempurnakan laluan motosikal di Jalan Pontian ke Benut.

Kemudian naik taraf jalan, Sistem Maklumat Rekod-rekod Jalan Raya Malaysia (MARRIS), apakah kaedah tender yang dibuat? Adakah diberikan konsesi? Adakah runding terus? Tender terbuka, proses undi? Sistem ini perlu telus dan perlu bertindak segera untuk membaiki jalan. Macam hari ini jalan berlubang Jalan Loke Yew, Cheras, nampak sebuah kereta terperosok dalam lubang itu. Jadi ini menunjukkan bahawa kita lambat bertindak. Peruntukan MARRIS ini juga saya pohon untuk digunakan supaya boleh melebarkan bahu jalan dalam jalan kampung supaya jalan-jalan itu boleh berselisih kenderaan-kenderaan.

Kemudian lampu jalan di jalan-jalan Persekutuan seluruh negara perlu disemak supaya lampu jalan itu boleh dirapatkan bilangannya. Sekarang ini saya berceramah di banyak tempat, saya melalui jalan-jalan banyak kawasan dan saya tahu bahawa ada banyak kawasan yang lampu jalannya terlalu jarang dan ia membahayakan. Begitu juga lampu-lampu *hazard* (amaran) di simpang bahaya di seluruh negara perlu disemak semula dan boleh mengurangkan kemalangan.

Perkara keenam, fungsi kelima kementerian ini ialah untuk memantau pembinaan operasi pengendalian tol dan penyenggaraan lebuh raya bertol. Saya sentiasa melalui Tol Simpang Renggam dan tentunya MP yang sekarang Menteri Pendidikan menjanjikan hendak beri *refund* tapi tidak dibayar pun dan saya harap ada Kepala untuk ambil alih mana-mana tol untuk Bajet 2021 misalnya tetapi tidak ada dalam bajet ini. Menteri pernah menyebut bahawa perlu RM400 bilion, adakah masih lagi perlu RM400 bilion?

Perkara ketujuh, pembangunan usahawan. Ini juga satu fungsi kementerian, bumiputera di dalam membina usahawan bumiputera di dalam sektor pembinaan. Sekarang ini kekurangan projek untuk kelas F, G1 dan kontraktor perlu diberi pilihan kerjaya lain. Jadi saya kira kursus CIDB itu perlu menumpukan tentang perkara ini. Jika buat rumah ada 40 bahan. Jika buat bangunan, mungkin 400 bahan. Jadi boleh jadi usahawan untuk *supply* bahan-bahan yang begitu banyak.

Pembinaan jalan jambatan daripada bandar Pontian ke Tampok sempadan Batu Pahat, ada berapa jambatan yang perlu dibesarkan? Itu perkara kelapan.

Perkara kesembilan, Pusat Kecemerlangan Kejuruteraan dan Teknologi (CREaTE). Apa contoh inovasi di kalangan warga JKR ini? Sebagai contoh, tadi sudah sebut oleh beberapa Ahli Yang Berhormat untuk membina jalan daripada getah. Setakat mana usaha ini dibuat? Ada satu lagi inovasi Yang Berhormat Menteri, iaitu penurapan *Fiber Mastic Asphalt* (FMA). Ini maksudnya

ialah *fiber biomass* tandan sawit campur dengan *asphalt*. Ia didapati kualitinya lebih tinggi dan tahan lama dan jimat kos. Bayangkan kalau kita boleh buat daripada getah dan juga tandan sawit ini ia akan meningkatkan harga getah dan juga harga sawit dengan usaha membina jalan daripada getah dan juga *biomass* tandan sawit.

Perkara kesepuluh, membaiki jalan yang disebabkan kesesakan. Contohnya di lebuh raya, ia perlu ada SOP. Jangan dibuat pada waktu siang, pada waktu puncak kerana segalanya ini akan menyebabkan kesesakan dan ia perlu dielakkan waktu-waktu puncak itu. Jadi saya harap apa yang saya timbulkan di sini khususnya mengenai perkara-perkara yang berkaitan Pontian bolehlah Yang Berhormat Menteri jawab secara bertulis. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, terima kasih Yang Berhormat Pontian, tepat pada waktunya. Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Bagan Serai, selepas itu Yang Berhormat Taiping. Silakan.

#### 7.48 mlm.

**Ustaz Haji Ahmad Marzuk bin Shaary [Pengkalan Chepa]:** *Bismillahi Rahmanir Rahim*, Tuan Pengerusi saya terus kepada Butiran 010200 - Dasar dan Pengurusan Korporat. Perkara pertama yang ingin saya bangkitkan ialah mengenai gaji untuk kerjaya jurutera. Ahli Lembaga Jurutera Malaysia, Tuan Megat Johari Megat Mohd Noor telah memberikan beberapa gambaran mengenai tenaga kerja di dalam bidang kejuruteraan di Malaysia.

Pertama beliau mengatakan industri tidak melihat kepada kemahiran dan mereka lebih berminat mendapatkan tenaga luar seperti daripada negara jiran yang akan menerima apa sahaja tawaran. Kedua, beliau turut berpandangan industri juga merasakan graduan kejuruteraan tidak bersedia untuk membuat kerja tetapi tidak mahu melabur untuk memberi latihan dan pengalaman yang betul. Berdasarkan kepada pandangan tersebut, saya berpendapatan bahawa tenaga kerja dalam bidang ini perlu diteliti semula dengan cermat.

Kemudian Butiran 020100 — Dasar dan Pembangunan. Saya mengucapkan tahniah kepada kementerian kerana telah berjaya meningkatkan pencapaian tahap *Road Development Index* daripada 0.76 pada 2005 kepada 2.31 pada tahun 2018. Saya ingin mendapatkan penjelasan apakah langkah yang, telah dan akan diambil oleh kementerian bagi memastikan projek infrastruktur jalan selari dengan prinsip *quality infrastructure investment*? Bagaimana tahap nilai dan impak kepada sesuatu projek infrastruktur jalan yang diukur menerusi *value management*?

Di bawah butiran yang sama juga, saya ingin mengutarakan perkara yang berkaitan dengan lebuh raya bertol.

#### ■1950

Melihat kepada perkembangan semasa, siapakah perunding yang telah dilantik dan berserta kos yang dibayar kepada perunding untuk mengkaji hala tuju lebuh raya bertol di

Malaysia? Apakah laporan kajian akan dibentangkan di Parlimen untuk dipertimbangkan oleh rakyat? Adakah pihak kerajaan telah memuktamadkan penjualan PLUS kepada pihak swasta?

Selain itu, pihak kementerian juga berhasrat untuk menswastakan kutipan tol secara *Multi-Lane Free Flow* (MLFF) di semua lebuhraya bertol di Malaysia, sekiranya MLFF akan dijalankan sepenuhnya dalam tempoh tiga tahun akan datang. Berapakah jumlah pekerja yang terpaksa diberhentikan? Siapakah kontraktor yang membekalkan Sistem *radio-frequency identification* (RFID) dan nilai tender telah diberikan? Apakah perkembangan kes antara CIMB dan PLUS Malaysia Berhad mengenai isu RFID ini?

Kemudian, Butiran 020200. Saya ingin bertanya mengenai *International Road Assessment Programme* (iRAP) yang turut melibatkan Kementerian Kerja Raya. Pada tahun 2015, 95 peratus daripada jalan raya di Malaysia yang telah dinilai mendapat pengiktirafan tiga bintang ke atas. Daripada laporan iRAP ini, saya ingin mendapatkan perincian mengenai *blackspot treatment* iaitu jalan raya, jalan-jalan yang berbahaya di Jalan Persekutuan disebabkan oleh fizikal jalan. Adakah lokasi-lokasi berbahaya tersebut dimaklumkan kepada rakyat supaya mereka lebih berhati-hati?

Kemudian, Butiran 030700. Saya ingin mendapatkan butiran projek-projek pembangunan kementerian yang tidak mengikut jadual, terbengkalai, tidak menepati spesifikasi, kualiti dan piawaian yang telah ditetapkan sehingga bulan Oktober 2019. Dengan itu, harap perincian tersebut, dilakukan mengikut negeri dan kos asal. Adakah pihak kementerian membuat kajian berapakah tanggungan kerugian yang terpaksa ditanggung akibat daripada projek-projek yang sakit tersebut? Apakah pula tindakan yang telah diambil ke atas pihak kontraktor?

Selain itu, saya juga ingin mendapatkan penjelasan berhubung kontraktor penyiap yang saya dapati pada awalnya seramai 301 orang kontraktor yang telah menyertai peringkat saringan pada bulan Julai 2018, namun, hanya 96 orang kontraktor sahaja yang telah berjaya dan dianugerahkan pengiktirafan kementerian. Saya ingin bertanya, apakah kriteria yang telah ditetapkan ke atas semua kontraktor dan apakah faktor utama kegagalan kontraktor melepasi saringan tersebut?

Seterusnya, Butiran 031000 – Pembinaan Jalan Raya dan Jambatan. Saya ingin bercakap tentang kawasan saya, sebuah jambatan sebagai mana saya pernah sebutkan kepada Yang Berhormat Menteri, di luar Dewan untuk disiapkan jambatan baharu iaitu jambatan yang menghubungkan ataupun Jambatan Kampung Sabak yang berhampiran Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra yang sudah lama, uzur dan sangat memerlukan kepada pembinaan baru. Jadi, saya mohon kepada pihak Yang Berhormat Menteri supaya menerima cadangan daripada kerajaan negeri yang sudah saya berbincang dengan Exco yang berkenaan untuk meletakkan senarai jambatan ini sebagai keutamaan untuk mendapatkan peruntukan daripada kementerian.

Kemudian, pembinaan lebuhraya yang saya kira amat berterima kasih kepada kerajaan ini yang telah menyiapkan lebuhraya sehingga ke Pasir Hor. Cuma, harapan saya supaya disiapkan juga satu fasa baharu iaitu daripada Pasir Hor terus kepada Pengkalan Chepa yang

berhampiran dengan *airport*. Yang Berhormat Menteri pun tahu, apabila pergi ke *Airport* Pangkalan Chepa, hendak sampai ke *airport*, terpaksa melalui jajaran jalan yang agak tidak berapa selesa sedangkan hendak sampai ke *airport*, sampai terlepas kapal terbang dan sebagainya. Jadi, perlu kepada satu fasa baharu untuk menyiapkan lebuh raya terus ke *Airport* Pengkalan Chepa. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Pengkalan Chepa. Yang Berhormat Bagan Serai, selepas itu Yang Berhormat Taiping dan Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Menteri akan menjawab pukul 8.30 malam.

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** Papar? Papar, Papar?

#### 7.54 mlm.

**Dato' Dr. Haji Noor Azmi bin Ghazali [Bagan Serai]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi. Maksud B.27, Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Maksud P.27, Butiran 02800 – Memperbaiki, Mengganti dan Menaikkan Taraf Jalan dan Jambatan. Terutamanya, saya ingin membuat permohonan untuk membina Jambatan Sungai Bogak, ini di Parlimen Bagan Serai, Seksyen 709, FT001, Jalan Persekutuan, Sungai Bogak.

Ini kerana, jalan ini sudah lama. Jalannya banyak kereta dan motor terjun dalam parit, terutamanya waktu malam. Oleh sebabnya, jalan terus dan kereta agak laju terutama kalau orang luar, di situ, di jambatan itu dia *bottleneck*, dengan izin. Ia tiba-tiba jalan itu menguncup jalan itu. Saya lalu di situ selalu semasa saya berkhidmat di klinik, saya lalu dari Bagan Serai ke Parit Buntar, saya akan lalu kawasan itu. Memang kadang-kadang saya nampak sudah ada kereta terjun di dalam situ. Ini yang pertama.

Kedua, menaik taraf dan melebarkan jalan di Seksyen 687.5, FT001, Kampung Dew. Ini apabila kita turun daripada Tol Kemunting, kita hendak menghala ke Bagan Serai, kita akan lalu sini tidak jauh daripada depan masjid. Pertama, jalan tidak rata. Jadi, kereta bergegar-gegar, badan bergegar, tulang sakit, otot sakit dan ini masalah. Saya rasa kalau darah berjalan eloklah, tetapi tayar dan *suspension* boleh rosak.

Ketiga ialah menaik taraf dan luruskan jalan di Seksyen 1.5, FT147, Jalan Alor Pongsu – Selama. Keempat, mengganti baru jambatan di Sungai Beriah di Seksyen 14.2, FT147, Jalan Alor Pongsu – Selama. Kelima, menaik taraf dan membesarkan jalan dari Pekan Bagan Serai ke Tol Alor Pongsu, FT147. Ini satu laluan yang panjang sampai ke Selama. Jalan ini sudah bertahun-tahun sebegitu lama yang seingat saya, apabila banjir saja, jalan ini akan tenggelam. Jalan ini akan tenggelam dan ada bahagian-bahagiannya.

Jadi, yang terkini ialah kenderaan semakin banyak kerana kenderaan turun daripada Tol Alor Pongsu menghala ke Bagan Serai. Jalan ini adalah jalan kampung, jalannya sempit dan kereta semakin banyak, lori pun semakin banyak. Apa yang masalahnya, anak-anak berbasikal ke sekolah. Juga petani-petani dan pesawah-pesawah mereka menggunakan laluan ini sebagai laluan utama dengan menggunakan motor.

Jadi, di sini, bahayalah. Bahaya saya tengok makin lama dan sekarang orang semakin ramai, pekan semakin membesar, jadi perlu di naik taraf. Tuan Pengerusi, banjir baru-baru ini di Bagan Serai dan ini lebih kurang dua minggu. Jalan dari Seksyen 14.5 ke Seksyen 16.6, FT147 yang saya sebutkan tadi telah tenggelam, sehingga ke tahap 0.54 meter, sepanjang 1,500 meter. Jalan ini ditutup beberapa hari daripada 28 Oktober sehingga 3 November.

Jadi, disebabkan paras air yang tinggi yang melimpahi. Jadi, jalan ditutup daripada Seksyen 10.5 kepada Seksyen 19.3, di Sungai Bogak. Jadi, cadangan saya, *once and for all*, kalau boleh diberikan perhatian sikit supaya jalan yang saya sebut ini, jarak lebih kurang 1,500 meter. Jadi, kawasan yang sangat rendah di situ. Hujan lebat, air melimpah, jalan terputus daripada Bagan Serai ke Selama. Jadi, kalau naik tarafnya, perlu dibuat lebih tinggi ataupun saya ada cadangkan pada hari itu, diwujudkan satu jambatanlah. Bagaimana usaha jambatan sejak itu yang tinggi dan supaya jalan tidak terputus dan juga tidak mendatangkan masalah.

Inilah masalah di Bagan Serai sebab kawasan yang lembah yang agak rendah, jadi jalannya cepat rosak. Apabila kita menaik taraf, jadi ia macam *vicious cycle*, naik taraf, rosak, naik taraf, rosak dan saya rasa sudah banyak duit habis. Jadi apakah salahnya kementerian buat satu perhatian, satu kajian yang lebih baik lagi supaya mendirikan serta menaik taraf lebih tinggi dan juga jambatan di situ untuk mengelakkan banjir di situ. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Bagan Serai, saya menjemput Yang Berhormat Taiping, Yang Berhormat Limbang dan Yang Berhormat Tanjong Piai.

**7.59 mlm.**

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, sila.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Atas peluang yang diberikan kepada Taiping dalam perbahasan peringkat...

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Parit Sulong pun Tuan Pengerusi...

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya. Saya tertarik dan mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah dan syabas di atas sasaran yang tercatat di bawah tajuk '*Peningkatan Aksesibiliti dan Mobiliti Jalan*' iaitu peratusan jumlah panjang Jalan Persekutuan yang siap dinaiktarafkan berbanding keseluruhan jumlah panjang jalan yang sedia ada. Taiping mendapati tiada bacaan untuk tahun 2018, tetapi mulai tahun 2019, disasarkan 0.32 peratus lalu meningkat kepada satu peratus, pada tahun 2020. Pada pendapat saya, ini merupakan satu penunjuk yang amat penting dan usaha untuk mencapai tahap yang disasarkan serta perlu diutamakan demi kesejahteraan rakyat.

■2000

Seterusnya ke Butiran 60000 dan Butiran 61000 naik taraf jalan raya dan laluan dan naik taraf jalan-jalan dengan peruntukan sebanyak RM1.27 bilion. Taiping terpanggil untuk memohon

supaya jalan-jalan seperti berikut diutamakan dalam senarai naik taraf. FT060 jalan dari Tol Changkat Jering ke lampu isyarat dekat Dewan Changkat Jering, Changkat Jering ke lampu isyarat KFC Simpang dan FT074 dari KFC Simpang ke Bandar Taiping termasuk juga FT001 Jalan Persekutuan dari Tol Kamunting ke Tol Changkat Jering. Keadaan jalan tersebut berada dalam keadaan agak teruk dan penurapan semula amat diperlukan dengan kadar segera.

Pada masa yang sama lampu jalan di atas jalan yang tersebut di atas juga perlu di naik taraf dan dibaiki demi keselamatan pengguna jalan raya memandangkan sebanyak RM34 juta telah diperuntukkan di bawah tajuk Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan dengan Butiran 050500. Taiping juga memohon supaya masalah lampu jalan di Jalan Air Kuning dengan Kod A109 dan tidak lupa juga keadaan yang uzur pada jejantas yang melintasi Jalan Air Kuning yang sering menerima aduan daripada pengguna sekitar kawasan Larut Tin dan Pokok Assam.

Beralih ke Butiran 80000 dan Butiran 81000, membina jalan-jalan baru dengan peruntukan sebanyak RM1.87 bilion. Sekali lagi Yang Berhormat Taiping memohon pengesahan tarikh siap sepenuhnya pembinaan Projek Lebuhraya Persisiran Pantai Barat (WCE). Sekiranya keadaan mengizinkan, Taiping memohon supaya projek tersebut dapat diselesaikan seawal mungkin kerana ia merupakan antara projek yang gagal disiapkan dalam tempoh yang dirancang pada zaman Kerajaan Barisan Nasional.

Untuk rekod, projek ini telah bermula pada tahun 2013 dan sepatutnya disiapkan dalam lima tahun pada tahun 2018, malangnya gagal. Taiping mengambil berat terhadap projek ini kerana Lebuhraya Persisiran Pantai Barat yang menghubungkan Banting dan Taiping bakal meningkatkan pembangunan ekonomi negeri Perak dan khususnya kawasan Taiping.

Itu sahaja isu yang Yang Berhormat Taiping bangkitkan. Minta penjelasan dan berita baik daripada Yang Berhormat Menteri. Dengan itu didahului dengan ucapan terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya terima kasih Yang Berhormat Taiping. Sekarang jemput Yang Berhormat Limbang.

#### **20.03 mlm**

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran P.27 Butiran 09280 naik taraf jalan-jalan dua. Jadi saya minta kepada Yang Berhormat Menteri supaya meneruskan kerja-kerja penaikan taraf Jalan Persekutuan yang sedia ada di dalam Parlimen Limbang iaitu dari Pekan Limbang menuju ke Temburong, 14 kilometer dan daripada Pekan Limbang menuju ke sempadan Kuala Lurah iaitu 342 kilometer. Sebelum ini memang sudah ada RM70 juta digunakan di zaman Barisan Nasional dululah ya untuk menaik taraf dan melebarkan kepada betul-betul standard R5. Jadi masih ada baki jalan lagi, baki lagi, seksyen-seksyen yang patut diperbaiki di naik taraf sebab keadaan sekarang sudah makin teruk dan makin reput ya. *Because* memang keadaan *vehicle, volume* memang meningkat ya. Inilah jalan utama untuk menyambungkan daripada Kuching terus ke Kota Kinabalu.

Seterusnya saya pergi kepada B.27 Butiran 050900 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, ada RM80 juta. Jadi saya khusus untuk Limbang saya minta jalan penyelenggaraan ini, saya tahu ianya di bawah konsesi iaitu jalan 10 kilometer daripada Pekan Limbang menuju ke Brunei, *the first 10 kilometers*, dengan izin. Banyak jalan ini sudah pun menghadapi masalah dan ianya amat berbahaya. Saya minta kepada kerajaan untuk memberi keutamaan untuk sekurang-kurangnya membuat penyelenggaraan *periodical* ya kepada tempat kawal seksyen ini.

Seterusnya ialah iaitu B.27 Butiran 050500 – dan Penyelenggaraan dan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan. Jadi di sepanjang Jalan Persekutuan di Limbang, iaitu simpang, *the main junction- Brunei border road junction, just* Simpang Jalan Meritam dan *Federal Road* dan juga Simpang Batu Danau, Medamit. Kawasan ini saya rasa memang berbahaya. Banyak sudah pun kes *accident* di sana dan meninggal pun ada. Jadi saya berharap *lighting* untuk *section junctions* dapat betul-betul diberi pencerahan, pencerahan *junction*.

Jadi seterusnya juga saya pergi kepada iaitu B.27 Butiran 82000. Tidak sah kalau saya tidak sebut ini, Lebuhraya Pan Borneo. Yang Berhormat Menteri saya hanya menyatakan di sini kekecewaan rakyat khususnya Limbang dan Lawas sebab Fasa II Pan Borneo ditangguhkan dan mungkin dibatalkan. Jadi saya hanya menyatakan kekecewaan sebab kita sudah tunggu yang berpuluh tahun untuk mendapat *highway* macam orang selalu kita cakap *North-South Highway*. Inilah *North-South Highway* kita, Kota Kinabalu sampai ke Kuching. Kekecewaan saya menyatakan di sini.

Seterusnya iaitu penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah dan Sarawak iaitu bukan *fragment, bukan fragment*. Saya mengharapkan juga sama ada ini dimasukkan di bawah konsesi ataupun tidak iaitu supaya memastikan penyelenggaraan, parti, bahu jalan...

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** ...Rumput di tebas dan sebagainya. Kita inginlah supaya penyelenggaraan ini kemas dibuat tiap-tiap bulan seperti mana yang tercatat dalam konsesi. Jadi kita betul-betul berharaplah semuanya dapat dilaksanakan...

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Limbang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** ...Oleh sebab kita lagi berdekatan dengan negara jiran.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Limbang. Yang Berhormat Hulu Rajang, kita berjiran.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Okey, okey.

**Datuk Ugak anak Kumbong [Hulu Rajang]:** Yang Berhormat Limbang, saya ingin minta Yang Berhormat Limbang supaya ucapan saya simpan dalam Yang Berhormat Limbang, tidak ada masa iaitu penyelenggaraan jalan Simpang Bakun, saya ingat sepanjang 125 kilometer. Yang Berhormat Menteri dalam beberapa bulan lalu menggunakan jalan itu untuk pergi ke kawasan Sungai Asap.



Jadi saya minta Yang Berhormat Menteri supaya penyelenggaraan jalan itu harus diberi pertimbangan kerana jalan itu begitu banyak lubang, setiap kilometer banyak lubang dan jalan itulah sangat *busy* kerana satu-satunya Jalan Persekutuan di kawasan Parlimen Hulu Rajang.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Saya berharap apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Hulu Rajang ini dapat dimasukkan dalam ucapan saya juga Yang Berhormat Menteri untuk dijawab. Itu saja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang. Sekarang saya jemput Yang Berhormat Tanjung Piai, lepas itu Yang Berhormat Hulu Terengganu dan Yang Berhormat Pendang.

#### **20.08 mlm**

**Dato' Sri. Dr. Wee Jeck Seng [Tanjung Piai]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya ingin menyentuh beberapa butiran. Butiran 60000 – Naik Taraf Jalan Raya dan Laluan dan Butiran 61000 – Naik Taraf Jalan-jalan.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, jalan-jalan di seluruh kawasan Parlimen Tanjung Piai yang mana puncanya adalah disebabkan faktor permukaan tanah yang berada di kawasan tanah gambut yang menyebabkan pemendapan pada jalan.

Isu jalan utama Pekan Nenas ke Pontian sentiasa menjadi topik perbualan dan perbahasan masyarakat setempat di Pontian khasnya di Parlimen Tanjung Piai yang mana jalan sepanjang lebih kurang 18 kilometer tersebut benar-benar menuntut kesabaran yang tinggi dalam kalangan ribuan penggunanya setiap hari. Jalan yang beralun dengan rekahan di sana sini sangat membahayakan pada pengguna khususnya penunggang motosikal.

Sesetengah rekahan di beberapa bahagian jalan berkenaan boleh menyebabkan kemalangan. Banyak kejadian kemalangan yang berlaku di kawasan ini juga adalah berpunca dari keadaan jalan yang tidak baik. Difahamkan pihak JKR telah menjalankan kajian dan cadangan-cadangan mengatasinya dan penambahbaikan yang dilakukan adalah sangat minimum dan terpilih. Oleh yang demikian, saya ingin mendapatkan penjelasan dari pihak kementerian mengenai sejauh manakah kesediaan kementerian untuk membaiki atau menaik taraf sepenuhnya jalan di sepanjang jarak dari Pekan Nenas sehingga ke Bandar Pontian. Untuk maklumat, isu jalan Pekan Nenas ke Pontian ini bukanlah isu yang baru, malah sudah lama saya perjuangkan sejak dahulu lagi.

Maka, saya sangat berharap pihak kementerian dapat melihat dengan lebih serius segala cadangan dan kajian-kajian yang telah dibuat ke atas laluan jalan tersebut yang juga merupakan jalan protokol yang utama untuk ke daerah Pontian khasnya dari Johor Bharu.

#### **■2010**

Seterusnya ialah Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Saya lihat peruntukan telah meningkat ke RM2 bilion berbanding RM1.6 bilion pada belanjawan sebelumnya. Maka saya ingin mendapatkan penjelasan bagi beberapa pertanyaan yang berikut; menurut kenyataan Yang

Berhormat Menteri Kerja Raya pada awal November 2019, pembayaran bagi para kontraktor projek Lebuhraya Pan Borneo yang sepatutnya dibuat oleh syarikat rakan penyampaian projek, Syarikat Lebuhraya Borneo Utara telah tertangguh selama tiga bulan. Jumlah bayaran tertunggak dipercayai di antara lingkungan RM50 juta hingga RM70 juta. Adakah kelewatan dalam pembayaran akan menjejaskan kerja-kerja pembinaan Lebuhraya Pan Borneo?

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan selepas menerima aduan daripada kontraktor-kontraktor yang gagal menerima pembayaran dan tertangguh selama tiga bulan? Adakah sebarang tindakan akan dikenakan ke atas Syarikat Lebuhraya Borneo Utara yang bertanggungjawab ke atas projek tersebut dan saya hendak tahu adakah kadar faedah akan dikenakan ke atas kelewatan pembayaran kepada kontraktor dan adakah ianya akan meningkatkan lagi kos pembinaan Lebuhraya Pan Borneo? Adakah peruntukan kerajaan akan digunakan sebagai bayaran kepada kadar faedah?

Seterusnya, bagaimana kerajaan memastikan bahawa tidak akan ada berulang lagi masalah pembayaran tertunggak setelah kerajaan mengambil alih projek tersebut menjelang 19 Februari 2020 nanti? Bagaimanakah kerajaan memastikan bahawa pembayaran akan dibuat kepada kontraktor dalam masa 30 hari? Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Tanjong Piai. Yang Berhormat Hulu Terengganu, sila.

#### 8.12 mlm.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullaahi wabarakatuh* dan salam sejahtera. Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi kesempatan kepada saya untuk turut berbahas di Kementerian Kerja Raya.

Saya terus kepada Butiran Bekalan 27, Butiran 030600 – Kerja Keselamatan bersama dengan Butiran 051100 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen), dan Butiran 051200 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia. Apa yang ingin saya bangkitkan, saya telah nyatakan hal tersebut di Kementerian Pengangkutan dahulu iaitu sungutan daripada rakan-rakan yang mempunyai motosikal berkuasa tinggi ataupun *superbike* yang menyatakan dan mengadu bahawa banyak kemalangan yang melibatkan kematian penunggang-penunggang motosikal ini ialah tiang-tiang pembahagi jalan ataupun *divider* yang dikatakan menjadi tempat tersangkutnya ataupun menjadi tempat kepada berlakunya kemalangan kematian tersebut.

Jadi dicadangkan supaya pihak kementerian menggunakan apa yang saya difahamkan telah digunakan di negara Jerman iaitu menutup tiang-tiang *divider* di tengah jalan untuk mengurangkan kadar kematian penunggang-penunggang motosikal. Kemudian dalam Kepala yang sama juga, saya ingin menarik perhatian kementerian supaya memberi penekanan ataupun *maintenance* jalan raya ataupun Lebuhraya Timur-Barat dari Kenyir ke Gua Musang dan satu

bahagian yang belum lagi selesai iaitu di FELDA Aring dan juga FELDA Chiku yang saya rasa telah pun terbengkalai begitu lama. Jadi mohon perhatian daripada kementerian untuk menyelesaikan hal tersebut.

Begitu juga di bawah Kepala ini, saya ingin mencadangkan kepada kementerian agar Jalan Persekutuan dari Ajil ke Bukit Besi dan Durian Mas supaya ianya diselenggarakan kerana kadang-kadang apabila kita dah ada lebuhraya, kita lupa Jalan-jalan Persekutuan yang menjadi kegunaan penduduk setempat. Jadi ini sungutan daripada mereka yang selalu menggunakan jalan tersebut agar ianya di *maintain* ataupun diselenggarakan dengan baik agar ianya memberi keselesaan kepada penduduk-penduduk di sekitar kawasan tersebut.

Begitu juga di sini saya ingin mencadangkan kepada kerajaan ataupun kementerian untuk mengadakan lorong motosikal di kawasan Kerteh, Paka dan Kuala Dungun kerana di sini ialah kawasan industri *oil and gas*. Ramai pekerja di sini menggunakan motosikal. Jadi banyak kemalangan yang melibatkan nyawa terkorban akibat daripada kemalangan dan kebanyakan mereka adalah pengguna-pengguna motosikal. Jadi diharap ianya diadakan lorong khusus untuk motosikal di jalan tersebut.

Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada Bekalan 27, Butiran 031400 – JKR KETENGAH. Syabas dan tahniah diucapkan kepada kementerian yang telah mendapat bajet sebanyak RM1.822 juta yang boleh digunakan di KETENGAH kerana berbanding pada tahun lepas, KETENGAH tidak mendapat satu sen pun. Jadi tahniah dan syabas. Apa yang ingin saya ketengahkan di sini, walaupun KETENGAH meliputi tiga daerah iaitu Hulu Terengganu, Dungun dan Kemaman tapi saya harap bajet banyak ditekankan di Tasik Kenyir kerana di situ ada bangunan bebas cukai yang terbengkalai, ada taman orkid, ada taman burung, ada taman herba, taman rama-rama dan *Sanctuary* Kelah agar ianya dapat diperuntukkan untuk menarik lagi ramai pengunjung ke Tasik Kenyir tersebut.

Akhir sekali Tuan Pengerusi, saya ingin berpindah kepada P.27 Butiran 02800 – Membaiki, Mengganti dan Menaik taraf Jalan dan Jambatan. Daripada peruntukan RM80 juta meningkat menjadi RM95 juta. Jadi apa yang ingin saya nyatakan di sini ialah satu jambatan yang hampir mungkin mengalami masalah apabila banjir berlaku, telah berlaku hakisan tanah iaitu Jambatan Sungai Telemong terletak di Kampung Imam Lapar. Jadi diharap ianya dapat dilihat dan diberi perhatian agar jambatan ini dapat digunakan ataupun tidak terputus hubungan antara dua kampung yang berada di jambatan tersebut. Itu sahaja Tuan Pengerusi. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Hulu Terengganu. Yang Berhormat Pendang, selepas itu Yang Berhormat Beaufort dan Yang Berhormat Jelutong.

#### **8.16 mlm.**

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 010200 – Dasar dan Pengurusan Korporat. Saya hendak membangkitkan

berkenaan dengan jumlah jurutera yang diperlukan oleh negara untuk menjadi negara maju sekurang-kurangnya ialah 200 ribu orang menjelang tahun 2020. Namun begitu, setakat ini jumlah jurutera tidak sampai 100 ribu orang yang berdaftar di negara ini malah sebahagian daripada mereka tidak meneruskan kerjaya dalam bidang kejuruteraan disebabkan oleh gaji tahunan dan juga bebanan kerja yang tidak setimpal.

Oleh itu, ada graduan kejuruteraan yang berhadapan dengan masalah *mismatch* dan perkara tersebut akan merugikan pelbagai pihak. Saya mohon pihak kementerian respons berhubung perkara ini dan saya ingin mendapatkan jumlah jurutera berdaftar mengikut kategori dan apakah penumpuan bidang kejuruteraan yang harus difokuskan untuk masa hadapan negara. Saya juga mohon secara terperinci, berapakah jumlah sebenar graduan kejuruteraan yang masih lagi menganggur kerana tidak mempunyai peluang pekerjaan yang sesuai dengan bidang pengajian mereka.

Seterusnya berkenaan dengan tol iaitu Butiran 50100. Saya nak tanya kerajaan, adakah kerajaan bercadang untuk mengurangkan kadar tol dan seterusnya kerajaan menghapuskan kadar tol yang ada di Malaysia. Yang keduanya, berapa kos keseluruhan pembinaan jalan bertol di seluruh Malaysia dan berapakah kos pembinaan *Highway* Utara-Selatan? Sekiranya tol di seluruh negara akan dihapuskan, berapakah kos yang terpaksa ditanggung oleh kerajaan? Jadi, berbalik kepada khusus kepada Tol Utara-Selatan.

Kos pembinaannya berapa dan dah berapa puluh tahun kutipan tol telah berlaku dan adakah pembayaran balik sudah hampir selesai ataupun masih berhutang? Jadi ini kalaulah pembayaran balik dah selesai- hampir 30 tahun Tol Utara-Selatan ini, kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan supaya satu kaedah untuk mengurangkan tol dan juga seterusnya menghapuskan Tol Utara-Selatan? Ini persoalan yang dibangkitkan.

Seterusnya berkenaan dengan Butiran 020100 – Dasar dan Pembangunan. Saya nak menyentuh sedikit berkenaan dengan merujuk kepada satu teras CITP ataupun *Construction Industry Transformation Program 2016-2020*. Salah satu teras strategik CITP iaitu *Internationalization* yang menyasarkan pemain sektor pembinaan Malaysia mendapat kedudukan baik di platform antarabangsa termasuk persediaan pekerja profesional yang berkemahiran tinggi. Walau bagaimanapun, antara isu yang timbul ialah *limited access* untuk menjadi pemangkin ke peringkat antarabangsa. Isu utama dalam pembiayaan dana dan modal kerja yang cukup untuk memenangi projek luar negara. Selain itu, pemain-pemain dalam perusahaan kecil ke sederhana juga berhadapan dengan kesukaran untuk memenuhi piawaian dan kriteria kelulusan pinjaman yang akhirnya bakal meningkatkan risiko projek serta kredibiliti syarikat.

Tambahan lagi, kekurangan kecekapan *market intelligent* juga menjadi faktor yang menyebabkan kesukaran untuk mendapat projek luar negara. Ekoran itu, apakah inisiatif yang telah diambil dan akan diambil untuk membantu pemain industri pembinaan negara mampu meneroka pasaran luar negara dan secara tidak langsung meningkatkan profil syarikat tempatan ke kelas dunia. Apakah sasaran tahunan yang telah dicapai pada tahun 2019?

Seterusnya saya nak memohon kepada Yang Berhormat Menteri Kementerian Kerja Raya ini tentang berkenaan dengan pembinaan Hospital Pendang di dalam daerah saya yang mana hospital ini apakah *progress* sampai setakat ini dan berapakah peratus pembinaannya?

■2020

Saya memohon kepada kementerian supaya infrastrukturnya dibina sebagai persediaan untuk menjadi hospital pakar. Oleh kerana dalam negeri Kedah sendiri hospital pakar ataupun *specialist hospital* ini amat-amat diperlukan oleh semua rakyat Kedah kerana bila ada kes-kes kritikal rakyat Kedah terpaksa bergerak ke *Pulau Pinang General Hospital* untuk mendapat rawatan *expertise* ini ataupun *specialist* ini.

Jadi kita minta Pendang saya akan mohon, kita akan buat surat permohonan kepada kementerian sama ada Kementerian Kesihatan dan juga Kementerian Kerja Raya untuk meningkatkan taraf infrastrukturnya dan juga akan saya mohon supaya dijadikan hospital pakar dalam negeri Kedah ini. Itu berkenaan dengan Hospital Pendang. Jadi saya minta *progress* ini dipercepatkan dan peratus *progress* dan bilakah siap pembinaannya.

Seterusnya saya menyentuh berkenaan dengan Butiran 31300. Jabatan Kerja Raya mesti bertanggungjawab untuk memastikan pembinaan dan penyelenggaraan infrastruktur awam meliputi bangunan dan jalan raya menepati piawaian yang telah ditetapkan. Bagi butiran ini saya tertarik dengan penarafan hijau yang pernah diterbitkan oleh JKR pada tahun 2015.

Penarafan hijau yang selari dengan prinsip pembangunan lestari dilengkapi dengan beberapa kriteria antaranya pengurusan tapak, pengurusan kecekapan tenaga dan air serta sumber dan bahan. Sejak standard penarafan hijau diterbitkan oleh JKR, sejauh mana ia dikemaskinikan atau disemak semula berdasarkan perkembangan semasa.

Seterusnya saya ingin bertanya bagaimana, adakah Malaysia melaksanakan tindakan mandatori sepenuhnya untuk mengaplikasikan prinsip *green building*? Adakah ekosistem kejuruteraan telah bersedia ke arah pelaksanaan *green building* termasuk dalam kalangan pihak swasta? Saya ingin bertanya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Bagaimana dengan *Green Highway Index* yang merupakan parameter untuk mengukur tahap kelestarian dan pembinaan lebuhraya di Malaysia? Se jauh mana pula lebuhraya di Malaysia menggunakan komponen MYGHI dalam projek pembinaan mereka? Adakah pihak kementerian khususnya Lembaga Lebuhraya Malaysia telah menjalinkan kerjasama dengan TNB Energy Services Sdn. Berhad, dan *Malaysia Industry Government Group for Hi-Tech* (MIGHT) bagi memastikan semua lebuhraya baharu menggunakan konsep MIGHI?...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat, masa sudah tamat.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jadi sekian. Terima kasih, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Beaufort, Yang Berhormat Jelutong selepas itu Yang Berhormat Sandakan dan Parit Sulong.

#### 8.22 mlm.

**Dato'Hajah Azizah binti Mohd Dun [Beaufort]:** Terima kasih, Tuan Pengerusi.

Saya terus kepada Butiran 056900 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan, peruntukan RM80 juta.

Saya minta kementerian memberikan perhatian kepada penyelenggaraan Jalan Persekutuan Beaufort ke Menumbok yang mana saya minta kerja-kerja dibuat dengan baik supaya ianya selamat dan selesa untuk dilalui. Saya perhatikan ada kerja-kerja yang amat tidak memuaskan hati dan berbahaya kepada pengguna jalan raya khususnya di kawasan Kampung Sinapukan dan Kampung Melikai di Daerah Kuala Penyu.

Saya juga menyentuh kepada khusus untuk Sabah Butiran 08270 – Memulih Jalan, Butiran 082280 – Pembinaan Jalan-jalan. Saya minta supaya pihak kementerian melihat kepada Jalan Kerukan ke Tanjong Aru di Kuala Penyu yang mana mengalami banyak kerosakan dan saya minta supaya dapat dipulihkan jalan tersebut kerana petang tadi pun sudah ada Majlis Pecah Tanah yang dihadiri oleh Yang Amat Berhormat Ketua Menteri Sabah di mana *Clubmed* akan membina *resort* lima bintang di sana, dan saya ingin supaya jalan tersebut diperbaiki kerana ini akan digunakan oleh para pelancong yang datang daripada luar negara nanti.

Begitu juga saya meminta supaya Jalan Susur dibina daripada Jalan Utama Alor Gilat di Daerah Beaufort dan Jalan Klias Baru di Beaufort juga yang rosak disebabkan oleh gegaran gempa beberapa tahun yang lalu juga di baik pulih di dalam peruntukan ini. Saya ucap terima kasih kerana banyak peruntukan yang diturunkan kepada untuk negeri Sabah hampir setengah bilion. Juga saya meminta supaya Jalan Melabau dan Jalan Klias juga di baik pulih yang mengalami kerosakan sekian lama sudah dan saya berharap ini akan diberikan perhatian oleh kementerian di dalam peruntukan ini.

Menyentuh tentang penyelenggaraan juga, tepi jalan saya minta supaya dimasukkan pembersihan sampah-sampah di tepi jalan sepanjang Jalan Persekutuan kerana saya dapati memang sampah-sampah berlambak-lambak di tepi jalan yang menyebabkan satu perkara yang menjelikkan kita yang tidak sesuai untuk siapa sahaja melihatnya. Bukan sahaja pelancong daripada luar negara tetapi kita sendiri juga jelik melihatnya dan saya berharap ini akan dimasukkan di dalam pakej pembersihan tepi-tepi jalan ataupun bahu jalan ini.

Saya juga ingin merujuk kepada Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo. Saya ingin bertanya kepada kementerian, kenapakah pembinaan di tempat-tempat tertentu daripada Lok Kawi ke Beaufort ini masih lagi lambat, *s/ow*. Ada tempat-tempat yang tertentu seolah-olah tidak berlaku apa-apa pembinaan.

Saya merasakan bahawa ini adalah sesuatu yang boleh membahayakan para pengguna, orang seperti saya yang menggunakan setiap minggu dan ramai lagi yang menggunakannya juga

setiap hari. Ini adalah suatu perkara yang membahayakan mereka. Jadi saya berharap sangat supaya ini dapat dilihat oleh kementerian dan saya ingin bertanya kenapakah ini berlaku? Adakah ini disebabkan masalah pembayaran yang tidak dibuat kepada kontraktor ataupun ada sebab-sebab yang lain.

Saya mohon kepada kementerian tolong berikan perhatian kepada perkara ini kerana laluan ini daripada Lok Kawi sampai ke Beaufort adalah laluan yang digunakan oleh pekerja setiap hari. Begitu ramai yang datang juga daripada negara Brunei melalui laluan ini untuk ke Kota Kinabalu, mereka ini merupakan para pelancong, pelawat yang setia dan menyumbang kepada ekonomi di negeri Sabah. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih. Yang Berhormat Jelutong. Sila.

#### **8.26 mlm.**

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Saya ingin merujuk kepada Butiran 61000 – Naik taraf Jalan-jalan, dan Butiran 9000 – Lain-lain Pembinaan. Saya membangkitkan perkara ini kerana baru-baru ini kita lihat terdapat banyak kemalangan yang berlaku di atas jalan raya di mana kita lihat kebanyakan kemalangan ini berlaku kerana kenderaan daripada arah melintang, arah di sebelah kanan sama ada kita sedang berjalan ke kawasan sebelah utara ataupun sebelah selatan kebanyakannya berlaku apabila kenderaan di sebelah kanan itu terbabas malahan melanggar pengadang jalan dan terus masuk ke hala tuju kenderaan di sebelah yang sedang melintang itu yang melawan arus jalan.

So, saya ingin tanya sama ada pihak JKR telah bercadang membuat penyelidikan di kawasan-kawasan tertentu. Baru-baru ini kita lihat satu kejadian di kawasan Seremban di mana berlakunya kemalangan apabila sebuah lori *trailer* yang terbabas dan terus melanggar kenderaan yang datang daripada arah sebelah kanan.

So, sama ada pihak JKR bercadang untuk membina pengadang-pengadang jalan yang lebih kuat nombor satu dan yang lebih tinggi untuk menghalang daripada kemalangan-kemalangan ini terus berlaku. Soalan kedua saya adalah sama ada pihak JKR telah menjalankan penyelidikan di mana kemalangan-kemalangan ini berlaku dan kalau boleh adakah apa-apa cadangan untuk melarang sama sekali daripada kenderaan-kenderaan ini menggunakan jalan raya-jalan raya utama PLUS pada waktu-waktu puncak ataupun pada siang hari.

Isu kedua yang saya ingin bangkitkan adalah saya kurang pasti sama ada Yang Berhormat Menteri boleh memberi penjelasan tetapi ini adalah rayuan daripada saya sebagai salah seorang wakil daripada Pulau Pinang merujuk kepada Butiran 051500 – Bayaran Balik Pinjaman LLM dinyatakan jumlah RM100,000.

Saya kurang pasti sama ada perkara ini ada kena-mengena dengan pengutipan tol di Jambatan Pulau Pinang Pertama. Kita memang mengetahui bahawa di Pulau Pinang sekarang terdapat dua jambatan. Jadi rakyat di Pulau Pinang terpaksa membayar untuk kedua-dua

jambatan tersebut ketika kita menyeberangi kedua-dua jambatan tersebut walaupun daripada satu hala iaitu daripada Seberang Perai ataupun daripada Nibong Tebal ke Pulau Pinang.

Jadi permintaan saya adakah pihak Jabatan Kerja Raya (JKR), PLUS, Kementerian Pengangkutan telah berbincang dan boleh memberi satu kata putus bilakah pengutipan tol di jambatan yang pertama yang telah dibina sejak lebih kurang 35 tahun itu akan dihentikan.

#### ■2030

Ini kerana kalau kita lihat sekarang, rakyat di Pulau Pinang terpaksa membayar untuk kedua-dua jambatan tersebut, maka saya ingin mengangkat perkara ini kepada perhatian pihak kementerian, juga kerajaan kita yang saya rasa memang prihatin, dan akan mengkaji perkara ini dan memberi maklum balas dengan kadar yang segera.

Pada masa yang sama, saya juga ingin tanya sama ada pihak kementerian bercadang untuk menaikkan lagi ciri-ciri keselamatan di kedua-dua jambatan kerana maklumlah dewasa ini apabila ada dua jambatan, kejadian orang membunuh diri di kedua-dua jambatan itu pun telah meningkat. Di Pulau Pinang tahun ini sahaja, banyak sangat kes yang telah berlaku.

Jadi saya ingin tanya kepada pihak JKR sama ada mereka bercadang untuk membincangkan perkara ini dengan PLUS dan pihak yang menyelenggarakan kedua-dua jambatan itu, untuk menaikkan lagi ciri-ciri keselamatan di kedua-dua jambatan itu, bukan sahaja memasang kamera untuk kita memantau keselamatan tetapi pada masa yang sama juga meningkatkan lagi rondaan pihak PLUS di kedua-dua jambatan itu untuk kita mengurangkan kes-kes, kalau ada orang-orang yang ingin terjun daripada kedua-dua jambatan itu untuk membunuh diri. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Jelutong. Yang Berhormat Sandakan, selepas itu Yang Berhormat Parit Sulong. Yang Berhormat Libaran, Yang Berhormat Setiu dan Papar menutup tirai.

Sila Yang Berhormat Sandakan, padat dan ringkas.

#### 8.31 mlm.

**Puan Vivian Wong Shir Yee [Sandakan]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Pertama sekali saya ingin merujuk kepada muka surat 284, Butiran 050900 dan Butiran 051000 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan W.P Labuan. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada kementerian di atas peningkatan peruntukan daripada RM30 juta pada tahun 2019 kepada RM100 juta pada tahun 2020.

Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah peruntukan yang akan dibelanjakan bagi kerja-kerja pembaikan, pembetulan jalan raya antara Batu 32, Sandakan dan Telupid yang merupakan sebahagian jalan Persekutuan A22 yang dalam keadaan amat buruk dan membahayakan nyawa ribuan pemandu yang menggunakan jalan ini pada setiap hari.

Kedua, saya ingin merujuk kepada muka surat 287, Butiran 82000 – Lebuhraya Pan Borneo di mana anggaran untuk tahun 2020 adalah RM2 bilion. Saya ingin bertanya kepada



kementerian, apakah status *work Package 27* dari Kampung Lot M ke Batu 32, *checkpoint*? Bilakah kerja ini akan disiapkan? Status kemajuan kerja amat lambat semenjak permulaan kerja pada bulan Mei 2017. Adakah *Package 27A*, Lebuhraya Libaran Bypass dimasukkan ke dalam pakej Lebuhraya Pan Borneo pada tahun hadapan?

Ketiga, saya ingin merujuk kepada muka surat 286, Butiran 08230 – Pembinaan Jambatan di negeri Sabah. Buat masa ini, "Berat dalam muatan iaitu BDM, bagi lori-lori di Sabah adalah serendah 30 *percent* berbanding dengan Semenanjung Malaysia. Hal ini demikian kerana terdapat 25 jambatan yang perlu dinaiktarafkan sebelum BDM boleh setaraf dengan Semenanjung Malaysia. BDM yang lebih rendah ini telah menyebabkan kos pengangkutan yang lebih tinggi dan justeru menyumbang kos sara hidup yang lebih tinggi di Sabah. Oleh itu, saya menggesa kementerian untuk menangani isu ini secara mendesak.

Keempat, saya ingin merujuk kepada Butiran 05100, Butiran 08260, Butiran 08280 dan Butiran 08600. Saya ingin bertanya kepada kementerian, berapakah peruntukan bagi pembinaan jalan-jalan di kawasan Sandakan? Jalan utama yang ditambah dan akhir sekali bagi kawasan Sandakan adalah naik taraf Jalan Labuk dari Batu 9 hingga Batu 14 kepada jalan dua hala pada tahun 2015. Dengan kenaikan populasi kereta tahunan sekitar empat *percent*- Sandakan memerlukan tindakan segera untuk menaik taraf rangkaian jalannya termasuk pembinaan dua *flyover* di persimpangan Jalan Lapangan Terbang, Jalan Lintas Utara serta persimpangan Jalan Lintas Labuk dan Jalan Labuk.

Berapakah peruntukan ini yang akan digunakan untuk menaik taraf jalan utama antara Sandakan-Kota Kinabalu, dan Sandakan-Tawau yang sedang mengalami kesesakan trafik pada setiap hari di mana terdapat beberapa jalan yang berekabentuk. Menurut kepada statistik Kementerian Pengangkutan, purata trafik harian atau *average daily traffic count*, dengan izin, untuk tahun 2018, jumlah kenderaan di antara Sandakan dan Tawau adalah sebanyak 8629 buah setiap hari. Dengan demikian, kerja naik taraf dan memulihkan jalan-jalan utama ini memerlukan perhatian dengan segera. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Sandakan. Yang Berhormat Parit Sulong.

### 8.35 mlm.

**Dato' Dr. Noraini Ahmad [Parit Sulong]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Saya terus kepada Butiran 050500 – Penyelenggaraan Bil Lampu Jalan dan Lampu Isyarat Jalan Persekutuan. Saya hendak membawa dua isu di bawah butiran ini berkaitan dengan lampu jalan federal.

Pertama, saya telah memohon pemasangan di jalan Federal FT5 dari Semerah ke *area* Bagan, daripada Mukim 1 sehingga Mukim 2 yang telah diluluskan sebahagian daripadanya oleh pihak kementerian.

Jadi soalan saya, bilakah tambahan kepada yang telah diluluskan itu akan mula dipasang? Kawasan ini adalah kawasan yang berbahaya dan sering berlaku kemalangan maut. Lagi persoalan yang saya hendak utarakan adalah mengenai laluan FT24 daripada Batu 21 hingga ke *area* Sri Wangi di mana tidak ada lampu jalan federal langsung yang berada di kawasan ini, jadi saya ingin memohon agar lampu jalan federal dipasang di kawasan ini.

Butiran 00700 – Pembinaan Lain-lain Jalan Persekutuan dan Jambatan. Di bawah butiran ini, saya ingin bertanya mengenai status cadangan untuk membina jambatan kedua di jalan utama Batu Pahat, daripada Muar. Ini kerana pada masa ini, jambatan sedia ada yang merentasi kawasan Sungai Batu Pahat itu adalah terlampau sempit hingga menyebabkan kesesakan lalu lintas. Cadangannya telah diangkat sebelum ini dan telah dibawa ke peringkat negeri, dan juga di Pusat tetapi saya tidak tahu di mana hilangnya cadangan tersebut. Jadi, saya mohon agar pihak kementerian dapat meneliti semula cadangan untuk membina jambatan kedua di jalan utama Batu Pahat-Muar ini.

Kemudian untuk jambatan laluan daripada pekan Parit Sulong ke Yong Peng perlukan penaiktarafan kerana jambatan Parit Sulong ke Yong Peng ini agak sempit untuk kegunaan harian. Jadi, saya hendak bertanya- sebab apabila cuti sekolah, hujung minggu sahaja ia akan menimbulkan kesesakan Yang Berhormat Menteri dan kesesakannya bukan kesesakan yang sedikit, kesesakannya yang amat sangat. Oleh sebab itulah saya memohon agar kedua-dua jambatan ini dinaiktarafkan, dan salah satu daripadanya dibina jambatan yang kedua.

Butiran 613000 – Naik Taraf Jalan. Saya lihat berlaku peningkatan yang agak banyak daripada butiran ini banding tahun lepas iaitu daripada RM750 juta kepada RM926 juta. Jadi, bagi setiap projek penaiktarafan jalan disenaraikan, bolehkah tidak nyatakan berapa yang diperuntukkan untuk kawasan Parit Sulong, kerana kawasan Parit Sulong masih banyak lagi masalah jalan tidak rata kesan daripada reaksi tanah gambut yang perlu diatasi dengan kadar segera terutamanya di jalan utama daripada Muar ke Batu Pahat. Saya minta perhatian daripada pihak KKM mengenai perkara ini.

Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan. Saya ingin merujuk kepada isu yang berbangkit di kawasan Parlimen Parit Sulong iaitu isu banjir kilat yang sering berlaku di sepanjang Jalan Persekutuan. Apabila hujan lebat, ini mengakibatkan longkang di jalan raya yang tidak diselenggarakan dengan baik, menyebabkan air naik ke jalan raya dan mengganggu lalu lintas. Jadi, saya ingin bertanya kepada pihak kementerian, apakah kementerian ada cadangan untuk mewujudkan sistem penyelenggaraan secara berskala untuk jangka panjang kerana jalan Persekutuan di bawah kawasan Parlimen Parit Sulong adalah jalan utama penggunaan masyarakat tempatan.

Butiran 051100 – Penyelenggaraan Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia (Bukan Pavemen). Selain daripada itu, dalam butiran ini saya ingin menyentuh berkenaan dengan perabot jalan seperti papan-papan tanda dan penanda-penanda jalan bahaya. Saya ingin bertanya, apakah kementerian ada cadangan untuk memasang, menambah perabot jalan

bersesuaian supaya dapat menjamin keselamatan pemandu-pemandu terutamanya penunggang motosikal untuk mengelakkan daripada berlakunya kemalangan.

■2040

Saya juga ingin bertanya, adakah kementerian akan melakukan usaha untuk meratakan bahu-bahu jalan di sepanjang jalan Muar-Batu Pahat, memandangkan jalan ini jalan utama menghubungkan bandar Muar hingga bandar Batu Pahat dan tadi saya sudah maklumkan pada awal dengan tiada lampunya dan segalanya. Jadi, saya harap Yang Berhormat Menteri dapat mengambil kira persoalan yang saya bawakan tadi. Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Parit Sulong, Yang Berhormat Libaran, sila.

8.40 mlm.

**Datuk Zakaria bin Mohd. Edris @ Tubau [Libaran]:** Terima kasih Tuan Pengerusi kerana memberi peluang kepada saya untuk berbahas Perbekalan Kementerian Kerja Raya.

Saya merujuk kepada P.27, Butiran 08280 – Pembinaan Jalan-jalan (I). Dengan peruntukkan pada tahun 2020 bagi Sabah, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan yang diberi ataupun diberi kepada kawasan Libaran? Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini, iaitu di kawasan yang memerlukan peruntukan ini satu daripadanya ialah untuk menaik taraf jalan raya menuju kepada Kampung Pertanian dan Kampung Memanjang. Di mana keperluan jalan ini yang diperlukan oleh penduduk-penduduk di sini. Sudah beberapa tahun yang lalu, masih juga jalan ini belum dinaiktarafkan.

Selain daripada itu, ialah jalan Lintas-Libaran. Jalan Lintas-Libaran ini telah pun dibina beberapa tahun yang lalu dan adalah menjadi keperluan bagi rakyat di persekitarannya. Akan tetapi, sehingga sekarang ini belum lagi siap. Saya hendak bertanya kepada kementerian atau Yang Berhormat Menteri, berapakah peruntukan untuk menyiapkan jalan ini?

Selain daripada itu, ialah Jalan Kampung Sungai Beruang ke Kampung Kuala Gum Gum dan Kampung Lubuk ke Kampung Tanjung Pisau. Jalan-jalan yang saya sebutkan ini ialah keperluan untuk rakyat di kawasan ini. Adakah pihak kementerian selepas ini untuk memberi keutamaan untuk memasang lampu-lampu di kawasan jalan-jalan raya ini dan saya mohon supaya juga dapat diperuntukkan demi untuk mengelakkan daripada kemalangan yang berlaku di jalan-jalan raya di kawasan ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Libaran. Yang Berhormat Setiu, sila.

8.43 mlm.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

Tuan Pengerusi, saya hendak sentuh Butiran 050200 – Penyelenggaraan dan Pembaikan Kecil Jambatan. Di dalam perbincangan sebelum ini saya pernah sebut tentang isu jambatan sempit di Kampung Desa Jaya, Sungai Tong. Di mana jambatan sempit di Kampung Desa Jaya, Sungai Tong ini amat memerlukan kepada pembesaran disebabkan dua sebab.

Pertama kerana jambatan tersebut berada di kawasan selekoh tajam. Kedua, sebelum pengguna jalan raya sampai ke jambatan tersebut, mereka melalui jalan *carriageway* tiba-tiba sampai di jambatan berubah menjadi sempit. Sering kali berlaku pengguna jalan raya terbabas disebabkan tidak menyedari berlaku perubahan serta-merta daripada *carriageway* kepada sempit jambatan ini.

Kedua, jambatan sempit di Kampung Sungai Lerek. Kedua-dua ini saya sebut dalam perbincangan yang lepas tetapi sampai hari ini belum dapat sebarang jawapan daripada kementerian.

Saya juga mencadangkan supaya di-*upgrade*, dinaiktaraf jalan utama Persekutuan daripada Sungai Tong kepada Kampung Jabi. Disebabkan berlakunya kesesakan lalu lintas khususnya di musim perayaan.

Seterusnya, Butiran 71000 – Memperelok dan Membaik Pulih Jalan. Saya mengucapkan Terima kasih kepada kementerian kerana telah meluluskan *block area treatment, black spot treatment* di sempadan Kuala Nerus-Setiu dengan kos sebanyak RM400 ribu di mana dibaik pulih jalan sepanjang 300 meter. Akan tetapi sebenarnya apa yang diharapkan agar dapat diluruskan dengan segera selekoh ini. Ini kerana selekoh ini sering mengundang kemalangan maut. Saya dimaklumkan pihak konsesi RoadCare telah memohon peruntukan kerja-kerja *overlay* termasuk membaiki *super elevation* dengan kos sebanyak RM1 juta tetapi sebagai penyelesaian sementara, penyelesaian jangka pendek tetapi belum dapat diluluskan sehingga ke hari ini. Saya memohon supaya diluluskan segera projek ini.

Seterusnya, berkaitan dengan LPT2. Saya hendak tahu sejauh manakah penyelenggaraan yang dibuat oleh kementerian dalam mengatasi masalah jalan LPT2 yang beralun dan apakah langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan dalam meningkatkan kualiti permukaan jalan berikutan LPT2 adalah merupakan lebuh raya bertol yang sepatutnya berada dalam keadaan yang sistematik dan terbaik. LPT2 ini juga, ada hubung kait dengan kematian hidupan liar yang perlu diberi perhatian oleh pihak kementerian. Merujuk laporan Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) sebanyak 2,444 pelbagai hidupan liar yang dilindungi melibatkan 35 spesies direkodkan mati akibat kemalangan jalan raya sepanjang tahun 2012 sehingga tahun 2017. Di antara lokasi yang sering berlaku kemalangan yang melibatkan hidupan liar ini ialah di LPT2 ini.

Tuan Pengerusi, akhir sekali Butiran 040300 – Kejuruteraan Cerun...

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Setiu, Setiu minta laluan, Hulu Terengganu. Terima kasih Yang Berhormat Setiu, LPT2 juga bukan sahaja binatang buas yang terlindung *accident* tetapi ada juga binatang-binatang peliharaan seperti lembu yang

berkeliaran. Persoalannya, apakah tindakan konsesi yang menjaga LPT2 itu mengambil tindakan untuk mengatasi masalah lembu-lembu berkeliaran ini. Terima kasih Yang Berhormat Setiu.

**Tuan Shahrizukirnain bin Abd Kadir [Setiu]:** Okey. Masukkan apa yang disebut oleh Yang Berhormat Hulu Terengganu sebahagian daripada ucapan saya. Oleh sebab saya dapati kadang-kadang berlaku pencerobohan oleh binatang-binatang peliharaan masuk ke dalam kawasan lebuh raya ini.

Seterusnya yang akhir, Butiran 040300 – Kejuruteraan Cerun. Saya melihat fungsi kejuruteraan cerun ini cukup besar dalam mewujudkan pengurusan dan keselamatan cerun yang sering kali berlaku cerun runtuh mahupun tanah runtuh dalam negara kita ekoran pembangunan yang tidak lestari di cerun bukit. Oleh hal yang demikian, saya ingin bertanya, sejauh manakah kejuruteraan cerun ini benar-benar dimanfaatkan sepenuhnya dalam menangani isu kemalangan cerun yang boleh meragut nyawa dan apakah program-program yang dilaksanakan dalam meningkatkan kesedaran kepada semua pihak tentang bahaya tanah runtuh ini. Sekian, Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya. Terima kasih. Yang Berhormat Papar, pembahas terakhir. Sila.

#### **8.48 mlm.**

**Tuan Haji Ahmad bin Hassan [Papar]:** *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Tuan Pengerusi. Dengan visi sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara, Kementerian Kerja Raya telah diberikan peruntukan Pembangunan sebanyak RM6.24 bilion. Daripada jumlah ini, sebanyak RM494 juta diperuntukkan untuk negeri Sabah bagi pembinaan jalan-jalan, jambatan-jambatan perlindungan dan pembaikan cerun-cerun, naik taraf dan memulihkan jalan. Jumlah ini hanya 7.9 peratus daripada jumlah peruntukkan pembangunan untuk Kementerian Kerja Raya.

Keluasan negeri Sabah seperti mana yang kita tahu ialah 73,631 kilometer persegi iaitu 22 peratus jumlah keluasan negara Malaysia. Jadi, jikalau keluasan besar sememangnya memerlukan peruntukan yang munasabah untuk pembangunan infrastruktur yang mampan. Kepala P.27, jumlah peruntukan jalan raya dan jambatan di seluruh Sabah hanya diperuntukkan sebanyak RM494 juta berbanding dengan RM402.53 juta tahun sebelumnya, di sini kita melihat kenaikan.

#### **■2050**

Akan tetapi kenaikan ini apabila kita meneliti kepada butiran-butiran tertentu, ada peruntukan yang dikurangkan. Ini saya rasa tidak selaras dengan konsep untuk merapatkan jurang pembangunan infrastruktur dengan apa yang ada di Semenanjung Malaysia.

Butiran 05100 - Jalan-jalan Besar di Sabah, diberi peruntukan pembangunan sebanyak RM60 juta berbanding RM50 juta tahun sebelumnya. Dengan dana yang ada, saya percaya orang-orang Sabah akan berasa gembira kerana ada lagi jalan baharu yang akan dibuat

terutamanya di luar bandar dan di pedalaman. Saya berharap jalan-jalan yang akan dibuat mestilah sempurna.

Butiran 08230 - Pembinaan Jambatan, hanya diperuntukkan sebanyak RM500 ribu berbanding dengan RM14.52 juta sebelumnya. Dengan jumlah peruntukan RM500 ribu berapa jambatan kah yang boleh kita bina? Kita semua tahu misalnya di P175 Papar, banyak kampung yang memerlukan jambatan demi membolehkan mereka berhubung dengan kampung-kampung yang lain. Dengan dana RM500,000, kemungkinan hanya sebuah jambatan konkrit sahaja yang boleh dibuat.

Akan tetapi untuk jambatan gantung di kampung-kampung, kita boleh membina 10 unit. Keperluan jambatan gantung di kampung-kampung ini sangat-sangat mendesak kerana inilah sahaja laluan mereka untuk keluar daripada kampung-kampung mereka. Budak-budak sekolah juga menggunakan jambatan gantung ini untuk pergi ke sekolah. Kebanyakannya jambatan-jambatan kampung sangat usang dan tidak ada penyelenggaraan dan ini dikhuatiri akan mengundang risiko kemalangan jiwa dan kehilangan nyawa juga.

Butiran 08250 - Kajian Perlindungan/Pembaikan Cerun-cerun, diberikan peruntukan sebanyak RM10.7 juta berbanding dengan sebelumnya iaitu RM20.3 juta. Ini menunjukkan penurunan sebanyak RM9.6 juta. Memangnya di Sabah banyak jalan di tepi bukit, sudah tentu banyak cerun-cerun yang telah dibina dan memerlukan penyelenggaraan. Pengurangan peruntukan ini sudah tentu akan memberi kesan ke atas perancangan untuk membaiki cerun-cerun yang dikenal pasti berisiko runtuh.

Butiran 08260 - Naik Taraf dan Memulihkan Jalan, diberi peruntukan sebanyak RM259 juta berbanding dengan RM143 juta tahun sebelumnya. Dengan kenaikan ini adalah diharapkan seluruh penduduk negeri Sabah terutamanya yang di luar bandar yang sangat memerlukan dana untuk menaik taraf dan memulihkan jalan-jalan ke tahap yang sempurna. Sebagai wakil rakyat, saya sentiasa melawat kampung-kampung di luar bandar dan pedalaman. Setiap kali saya masuk memakai kereta pacuan empat roda, setiap kali juga saya terpaksa membuat *wheel alignment*, dengan izin, disebabkan jalan-jalan yang tidak sempurna dan kalau waktu hujan, susah hendak dilalui.

Butiran 08270 - Memulihkan Jalan, hanya diberikan dana sebanyak RM1.3 juta berbanding RM6 juta tahun sebelumnya. Saya ingin bertanya, kenapakah butiran ini dikurangkan demi untuk kesejahteraan rakyat-rakyat di kampung pedalaman?

Butiran 08280 - Pembinaan Jalan-jalan (I), hanya diperuntukkan sebanyak RM106 juta berbanding RM95 juta tahun sebelum. Dengan dana yang ada, dapatlah kita membuat jalan-jalan yang baru di negeri Sabah terutamanya di pedalaman dan di luar bandar. Ini bermakna akan membuka mata orang-orang kampung akan keprihatinan Kerajaan Pakatan Harapan. Jadi terima kasih, saya menyokong bajet ini.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Terima kasih Yang Berhormat Papar. Baiklah, masa perbahasan peringkat Jawatankuasa Kementerian Kerja Raya telah tamat. Seramai 32

orang Ahli Parlimen telah mengambil bahagian dalam perbahasan. Memandangkan kebanyakan soalan sebenarnya adalah soalan spesifik kawasan seperti isyarat lampu, jalan, jambatan, saya cadangkan Yang Berhormat Menteri boleh beri jawapan bertulis. Yang Berhormat Menteri sila jawab dalam masa 45 minit.

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Tuan Pengerusi, Lawas minta tadi.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Lawas boleh bagi soalan bertulis. Sila Yang Berhormat Menteri.

#### 8.55 mlm.

**Menteri Kerja Raya [Tuan Baru Bian]:** Terima kasih Tuan Pengerusi. Terlebih dahulu saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada 32 orang Ahli Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam sesi perbahasan ke atas Rang Undang-undang Bajet 2020 Peringkat Jawatankuasa yang menyentuh isu-isu di bawah butiran perbelanjaan Kementerian Kerja Raya. Saya akan cuba menjawab sebaik mungkin isu-isu yang telah dibangkitkan kepada semua Ahli Yang Berhormat.

Namun jika tidak ada yang tidak sempat, maka akan diberikan jawapan secara bertulis kepada Ahli-ahli Yang Berhormat. Tuan Pengerusi, saya juga mencadangkan supaya saya akan menjawab secara lisan kepada Ahli Yang Berhormat yang ada di dalam Dewan, yang tidak ada, saya akan menjawab secara bertulis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, betul. Teruskan.

**Tuan Baru Bian:** Saya akan mula dengan Yang Berhormat Segamat. Yang Berhormat Segamat ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada.

**Tuan Baru Bian:** Soalan yang dikemukakan iaitu mengenai FT01, naik taraf jalan dari Kampung Kong Sai ke FELDA Temu Jodoh, mengenai statusnya. Projek membina semula jalan Persekutuan FT01 dari Kampung Desa Temu Jodoh (Seksyen 134) hingga Kampung Kong Sai (Seksyen 174) Daerah Segamat, Johor telah diluluskan dalam *Rolling Plan* 3 RMKe-10 dan kontraktor telah masuk tapak pada 17 Julai 2017. Projek melibatkan skop seperti berikut:

- (i) membaiki jalan sepanjang 40 kilometer, piawaian R5 dari Seksyen 134 hingga Seksyen 174 melalui kaedah 1CPR 25 kilometer;
- (ii) *overlay* 4 kilometer;
- (iii) *overlay* CMA 10 kilometer;
- (iv) *approach road* 1 kilometer dan menggantikan tiga jambatan sedia ada; dan
- (v) membina sistem perparitan, perabot jalan, pembahagi jalan, lampu jalan dan kerja-kerja tanah.

Keseluruhan kos projek diluluskan ialah RM92.31 juta. Jangkaan siap pada 20 April 2020 dan kemajuan semasa 84 peratus sehingga 30 Oktober 2019.

Seterusnya mengenai jalan Muar-Tangkak-Segamat (MTS). Untuk makluman Yang Berhormat Segamat, pihak agensi pusat telah meluluskan projek MTS Fasa 1 Pakej 5 dengan skop kerja membina jalan baharu empat lorong dua hala dengan piawaian R5 sepanjang 14 kilometer. Dijangka tender pada Mei 2020 dengan anggaran kos sebanyak RM269 juta dan projek ini status semasa adalah peringkat reka bentuk.

Seterusnya Yang Berhormat Jelevu, Yang Berhormat Jelevu ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Tidak ada ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, jawapan bertulis.

**Tuan Baru Bian:** Jawapan bertulis ya.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Yang Berhormat Menteri, maksudnya yang lain-lain Yang Berhormat Menteri akan berikan saya secara bertulis ya? Segamat, yang tadi itu, yang lain itu diberikan bertulis?

**Tuan Baru Bian:** Ya. Ya, pasti. Kalau tidak dijawabkan, itu akan diberikan secara bertulis.

**Dato' Seri Dr. Santhara [Segamat]:** Okey, terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** *I guarantee with that.* Seterusnya Tuan Pengerusi ialah Yang Berhormat Bandar Kuching, Yang Berhormat Bandar Kuching ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada.

**Tuan Baru Bian:** Okey. Yang Berhormat Jelevu ya. Yang Berhormat Bandar Kuching mengenai isu penamatan PDP untuk Projek Lebuhraya Pan Borneo dan kesannya terhadap kakitangan PDP yang bakal ditamatkan. Notis penamatan PDP telah dikeluarkan kepada PDP Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak iaitu LBU Sdn. Bhd. pada 20 September 2019. Notis penamatan ini akan ambil masa 5 bulan untuk dikuatkuasakan iaitu pada 19 Februari 2020. Penamatan perjanjian PDP ini akan memberikan penjimatan sebanyak anggaran RM1.25 bilion kepada Kerajaan Persekutuan. Kementerian Kerja Raya akan memastikan penjimatan projek-projek negeri Sarawak seperti Lebuhraya Pan Borneo ini akan dikembalikan semula untuk projek-projek lain di negeri Sarawak.

#### ■2100

Mengenai isu kakitangan PDP yang akan ditamatkan pada bulan Februari tahun 2020 nanti Kementerian Kerja Raya akan memastikan pihak lebuh raya untuk menjaga kebajikan dan hak-hak mereka sebagaimana termaktub dalam Akta Kerja 1985. Seterusnya mengenai isu kawasan Bandar Kuching Jalan Tun Razak ada kerja penyelenggaraan ya, kerja oleh syarikat konsesi.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak syarikat konsesi komited melaksanakan kerja. Kerja dilaksanakan adalah melibatkan kaedah yang taktikal, *progress* tapak adalah 70 peratus yang akan siap pada Januari tahun 2020 dan konsesi juga telah mengikut SOP peletakan *Traffic Management Plan (TMP)* untuk mengawal keadaan trafik di tapak.



**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Sedikit Bandar Kuching.

**Tuan Baru Bian:** Yes.

**Dr. Kelvin Yii Lee Wuen [Bandar Kuching]:** Saya cuba hendak minta perhatian khusus kepada isu tersebut oleh kerana *actually on the ground* tidak ada beberapa- tidak cukup pesanan untuk mengawal trafik di kawasan tersebut.

Sebenarnya banyak kerja yang mereka lakukan telah ditunda, *has been delayed* jadi saya hendak minta jika boleh bagi perhatian khusus kepada isu tersebut dan juga jika boleh juga *help more* personel untuk tolong mengawal trafik di kawasan tersebut. Terima kasih Yang Berhormat Menteri atas keprihatinan.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Kita akan ambil berat tentang isu yang telah dikemukakan ya. Seterusnya Tuan Pengerusi adalah Yang Berhormat Kuala Krai. Yang Berhormat Kuala Krai ada? Okey.

Yang Berhormat membangkitkan Jalan Kota Bharu-Kuala Krai-Gua Musang perlu dibesarkan dari satu *lane* kepada dua *lane*. Masalah ini dapat diselesaikan dengan pelaksanaan Lebuhraya Kota Bharu-Kuala Krai dan *Lebuhraya Central Spine Road* yang pelaksanaannya telah diluluskan secara berfasa melalui RMKe-10, dan Cabang Tiga Guchill menjadi sesak dan dicadangkan supaya jalan alternatif *bypass* dibangunkan. Beberapa usaha telah dilakukan merentasi kesesakan ini ialah:

- (i) telah menyiapkan projek membina jambatan dan menaik taraf di Guchil pada bulan Mac 2018 yang mana menggantikan jambatan yang sempit dan lama. Jalan diluruskan dan dilebarkan kepada empat lorong serta di naik ke aras melepasi paras banjir dengan kos RM33 juta; dan
- (ii) pembinaan Jambatan Kenor baharu menggantikan jambatan lama yang sempit empat lorong dengan kos RM8.9 juta dalam pembinaan.

Mengenai penyelesaian yang prinsip kementerian untuk mengatasi masalah kesesakan di Tol Gombak. Berkaitan kesesakan yang berlaku di Plaza Tol Gombak, pihak konsesi lebuhraya telah melaksanakan tindakan seperti berikut:

- (i) memastikan supaya semua lorong plaza tol dibuka secara maksimum iaitu 12 lorong selain turut menyediakan lorong tambahan manual mengikut keperluan operasi;
- (ii) menambah kakitangan operasi tol bagi membantu pengguna yang mempunyai masalah di lorong tol selain menyediakan *portable reader* bagi membantu mempercepatkan transaksi pengguna;
- (iii) menutup operasi tambah nilai di lorong bagi mengurangkan masa menunggu atau *waiting time* di plaza tol khususnya semasa kesesakan;

- (iv) mewujudkan *Travel Time Advisory* (TTA) bagi memberi panduan dan nasihat kepada pengguna lebuhraya merancang perjalanan bagi mengelakkan trafik dijangka pada waktu puncak;
- (v) penggunaan papan tanda elektronik (TMS) secara konsisten untuk memberitahu pengguna mengenai kenderaan semasa di lebuhraya supaya pengguna dapat merancang perjalanan mereka dan juga untuk meningkatkan kesedaran pengguna mengenai tambah nilai *Touch 'n Go* sebelum memasuki lebuhraya; dan
- (vi) pembukaan lorong RFID di Plaza Tol Gombak dan Bentong untuk melancarkan transaksi trafik di plaza tol dan meminimumkan kesesakan.

Bagi mengurangkan kesesakan di laluan Pantai Timur ini, pihak kerajaan telah mengambil tindakan secara holistik iaitu mempertingkatkan keupayaan pengangkutan awam melalui pembinaan ECRL yang dijangka akan dapat membantu mengurangkan kesesakan yang berlaku. Setakat ini kerajaan tidak berhasrat untuk memansuhkan kutipan tol di Plaza Tol Gombak di bawah konsesi KL-Karak atau ANIH Berhad memandangkan ia melibatkan kos yang tinggi.

Seterusnya isu kesesakan Tol Gombak dan jajaran alternatif naik taraf FT-02. Kajian keperluan jalan alternatif Lebuhraya Gombak-Bentong Pahang diluluskan pada tahun 2020 dengan kos RM1.5 juta dan kajian perlu dilaksanakan terlebih dahulu oleh kerana kawasan sensitif melibatkan kesan sekitar dan sosial dan keperluan anggaran kos pembinaan bagi jalan alternatif.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah Yang Berhormat Beluran. Yang Berhormat Beluran ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Dia tiada.

**Tuan Baru Bian:** Okey, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Next, ya.

**Tuan Baru Bian:** Seterusnya Yang Berhormat Bintulu.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tiada.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Bintulu saya akan jawab secara bertulis. Seterusnya Yang Berhormat Padang Serai. Okey, Yang Berhormat Padang Serai ya.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Padang Serai, permohonan pemasangan lampu isyarat dan lampu jalan di Simpang Batu Putih dan Taman Mutiara. Permohonan peruntukan telah diangkat bagi pemasangan baharu lampu jalan dan lampu isyarat dengan kadar sebanyak RM8.6 juta dan menaik taraf jalan Keliu ke Baling atau FT004. Projek ini akan disenaraikan dalam permohonan projek baharu RMKe-12 negeri Kedah. Pelaksanaan adalah tertakluk kepada kelulusan agensi pusat. Seterusnya, Yang Berhormat Paya Besar ada?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Yang Berhormat Paya Besar ada.

**Tuan Baru Bian:** Ada ya, banyak Yang Berhormat Paya besar. Mengenai isu DUKE tiada bahu jalan Tuan Pengerusi. Pembinaan bahu jalan di lebuh raya bertingkat di dalam bandar seperti DUKE akan melibatkan kos yang tinggi seterusnya akan meningkatkan kos dan akan menyebabkan projek-projek penswastaaan lebuh raya tidak berdaya maju.

Perkara ini telah dipersetujui semasa rundingan perjanjian konsesi. Reka bentuk ini telah melalui peringkat *Road Safety Audit* sebelum diluluskan. Terdapat bahu jalan kurang 2.5 meter di Lebuhraya NKVE di sebabkan *land constraint*, dengan izin, semasa pembinaan projek pelebaran lorong keempat. Kawasan *land constraint* ini adalah di kawasan Bukit Lanjan dan persimpangan bertingkat Damansara. Namun demikian, perkara ini telah melalui audit keselamatan jalan *Road Safety Audit* dan *value engineering*. Isu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Yang Berhormat Menteri sekejap.

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Menteri. Saya faham kalau dikatakan oleh sebabkan kos itu sebabnya bahu jalan itu dikecilkan akan tetapi apakah intervensi yang dibuat oleh kementerian oleh sebab peletakan kon apabila kereta itu rosak pun siapa yang audit?

Adakah kita hanya membiarkan kepada *management* konsesi yang menguruskan? Dan sekiranya *damage* berlaku di sebabkan salah konsesi kita hendak salahkan pada siapa? Saya minta Yang Berhormat Menteri oleh sebab perkara ini perkara melibatkan keselamatan. Pengguna menggunakan lebuh raya tersebut dan membayar caj perkhidmatan melalui tol dan Yang Berhormat Menteri memberikan komitmen tol tidak akan dihapuskan.

Jadi macam mana Yang Berhormat Menteri melihat keseimbangan dan kepentingan pengguna dalam hal yang saya bangkitkan. Terima kasih Tuan Pengerusi.

■2110

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Seperti mana yang saya telah maklumkan bahawa kawasan ini dia adalah di bawah konsesi dan kita akan mengarahkan konsesi ini bertanggungjawab atas pengguna di jalan raya. Itu sahaja yang kita akan memantau situasi ini dan kita akan mengambil tindakan sekiranya konsesi ini cuai dalam tanggungjawab mereka. Terima kasih.

Isu peruntukan RM140 juta bagi pembaikan cerun pada tahun 2020. Kementerian telah mengenal pasti cerun yang perlu dibaiki bagi Jalan Persekutuan seluruh Semenanjung Malaysia dan sedang dalam peringkat perancangan dan reka bentuk.

Seterusnya mengenai isu kuarters Kementerian Pendidikan. Adakah ia di bawah tanggungjawab KKR atau tidak? Kuarters Kementerian Pendidikan bukan di bawah kawalan Kementerian Kerja Raya tetapi adalah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Seterusnya, isu...

**Tuan Mohd Shahar bin Abdullah [Paya Besar]:** Okey, kejam isu cerun sedikit. Cuma saya hendak tahu kes spesifik tadi Yang Berhormat Menteri. Mungkin Yang Berhormat Menteri

boleh beri secara bertulis berkaitan Jalan Genting-Amber Court yang baru berlaku pada 5 November 2019. Bagaimana mungkin Yang Berhormat Menteri boleh menggunakan teknologi? Ini disebabkan Pahang ini terkenal dengan kawasan-kawasan peranginan berbukit tinggi. Saya mengharapkan sangat supaya RM140 juta yang diperuntukkan ini, berapa jumlah untuk membaiki cerun-cerun bukan sahaja di Genting Yang Berhormat Menteri, di Cameron Highlands, di Bukit Tinggi. Perkara-perkara ini akan menjejaskan pelancong untuk datang ke kawasan Paya Besar dan kawasan Pahang.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya akan menjawab secara bertulis ya. Isu teknologi pengadang jalan atau *guard rail* dalam skop pembinaan jalan lebuhraya. Pembinaan perabot jalan seperti *guard rail* adalah mengikut standard piawaian yang ditetapkan oleh *British Standard* (BS) yang diubahsuai, dan *Road Engineering Association of Malaysia* (REAM). Penetapan kriteria *guard rail* yang akan digunakan dalam pembinaan suatu jalan atau lebuhraya itu akan mengambil kira faktor kejuruteraan trafik semasa dan keselamatan pengguna secara keseluruhan. Kementerian Kerja Raya sentiasa terbuka dalam isu teknologi-teknologi baharu seperti *guard rail*, lampu jalan dan lain-lain perabot jalan.

Seterusnya, mengenai cerun di Genting Highlands, kajian tanah runtuh di Genting Highlands berlaku di tanah persendirian iaitu milik Genting Highlands Berhad. Kerja pembaikan perlu dilaksanakan oleh pemilik harta dan tidak melibatkan peruntukan kerajaan.

Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Hulu Selangor...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Tuan Pengerusi, mohon izin mencelah.

**Tuan Baru Bian:** Sila, okey.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, Yang Berhormat Petrajaya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Mungkin berhubung kait dengan *guard rail* Yang Berhormat Menteri. Sewaktu saya dahulu pun, satu isunya ialah mengapa *guard rail* boleh menjadi ancaman kepada pengguna disebabkan berlakunya kecurian kepada bahan-bahan di *guard rail* yang menyebabkan *guard rail* itu kadang-kadang tertanggal dan sebagainya.

Jadi, isu sebenarnya sekarang ini, bagaimana kita hendak memantau syarikat konsesi ataupun JKR itu sendiri untuk memantau di lapangan supaya *guard rail* yang dipasang mengikut standard yang ditetapkan tidak mendedahkan pengguna kepada kecederaan yang lebih teruk disebabkan melanggar *guard rail* yang boleh menembusi kenderaan dan sebagainya. Ini berlaku kepada salah seorang kepada Ahli Parlimen baru-baru ini. Keretanya tertusuk dengan *guard rail* yang tertanggal. Kemungkinan disebabkan ada kecurian dan sebagainya. Jadi, ini sebenarnya isu yang harus kita tangani dalam sudut keselamatan. Terima kasih.

**Tuan Sanisvara Nethaji Rayer a/l Rajaji [Jelutong]:** Dengan izin Yang Berhormat Menteri. Saya cuma ingin tanya berkenaan dengan *guard rail*. Saya pun telah bangkitkan kerana kita lihat *guard rail* ini tidak menghalang kenderaan daripada arus melintang itu daripada terbabas dan melanggar kenderaan yang datang daripada arah yang bertentangan. Akan tetapi, kita lihat

di kawasan-kawasan tertentu seperti selepas Terowong Menora, pihak JKR dan PLUS juga telah membina *guard rail* ataupun tembok konkrit setelah berlakunya beberapa kemalangan melibatkan bas-bas ekspres.

Jadi soalan saya, adakah apa-apa cadangan untuk kita memanjangkan lagi atau memperluaskan penggunaan tembok konkrit ini di sepanjang Lebuhraya Utara-Selatan? Ini kerana kita lihat bahawa kejadian-kejadian kenderaan berat terbabas melanggar *guard rail* ini dan terus melanggar masuk ke dalam kenderaan daripada arus bertentangan ini banyak sangat berlaku sejak kebelakangan ini. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Sila Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Ahli-ahli Yang Berhormat yang mencadangkan apa yang harus kita buat. Kami terima dengan baik semua cadangan itu dan kita akan kaji semua cadangan yang telah dibangkitkan.

Yang Berhormat Hulu Selangor...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, ada.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih ya. Projek menggantikan dan melebarkan jambatan di atas Sungai Batang Kali, FT001/438/10 Daerah Hulu Selangor dan pengambilan tanah mengambil tempoh yang lama dan juga pengalihan utiliti kes tinggi. Yang Berhormat, pengambilan Tanah Lot 11953, Rizab Melayu perlu penggantian lot. Pemilik lot tanah tidak setuju dengan penggantian dan mohon untuk dibuat pengambilan. Siri perbincangan diadakan dan dalam proses penyelesaian. Kos pengalihan utiliti melibatkan pengalihan paip air melibatkan kos yang tinggi dan dalam proses diangkat untuk kelulusan agensi Pusat.

Mengenai FT01 perlu dinaiktarafkan. Perancangan naik taraf FT01 dari Sungai Choh ke Tanjung Malim telah dibuat dan diangkat untuk kelulusan. Walau bagaimanapun, belum diluluskan. JKR Selangor telah mengemukakan semula dalam senarai projek baharu bagi Rancangan Malaysia Ke-12 untuk kelulusan agensi pusat.

Mengenai pembaikan cerun di Hulu Selangor, program pembaikan sedang dilaksanakan melalui *contract* jangka panjang bermula tahun 2017 hingga Oktober 2020 oleh syarikat yang dilantik iaitu Pintas Utama Sdn. Berhad. Untuk Hulu Selangor, terdapat cadangan lima lokasi pembaikan cerun bagi Jalan Persekutuan bagi tahun 2020. Walau bagaimanapun, senarai tersebut belum dimuktamadkan.

Mengenai keutamaan pembaikan *asphalt pavement*. Keutamaan pemilihan lokasi pembaikan *asphalt pavement* dilaksanakan mengikut SOP senggara jalan bagi mengenal pasti jenis kerosakan dan tahap kecacatan di samping turut mengambil kira aduan awam dan kategori jalan terlibat.

Seterusnya Yang Berhormat dari Tumpat. Yang Berhormat Tumpat ada? Ada? Tidak ada? Tiada saya akan menjawab secara bertulis. Yang Berhormat Merbok. Yang Berhormat Merbok- ada? Terima kasih. Yang Berhormat Merbok bertanya tentang status selenggaraan Jalan Kuala Muda, Yan. Permohonan telah diangkat untuk kelulusan bagi tahun 2020 dan -ini

tidak dapat baca inilah [*Ketawa*] Penambahbaikan dengan menggunakan pelbagai kaedah mengikut kesesuaian lokasi, okey.

Seterusnya mengenai isu turapan *cup lump* dan sebagainya itu ya. Yang Berhormat Merbok, Yang Berhormat Lipis dan Yang Berhormat Pontian juga mengangkat isu ini. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam usaha untuk meningkatkan penggunaan getah dalam pembinaan jalan raya pada masa ini, Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR) dan Lembaga Getah Malaysia (LGM) telah melaksanakan kajian bagi menentukan kesesuaian bahan turapan jalan menggunakan *Cup Lump Modified Asphalt (CMA)*.

Ia merujuk kepada empat lokasi kajian CMA iaitu di Tampin, Negeri Sembilan, di Baling, Kedah dan di Temerloh, Pahang setelah projek *Central Spine Road*, membina jalan Kota Bharu ke Kuala Krai, Kelantan, Pakej 1B, Pasir Hor ke Kadok. Pelaksanaan projek perintis menggunakan CMA sedang dilaksanakan dalam projek membina semula Jalan Persekutuan FT01 dari Kampung Desa Temu Jodoh hingga Kampung Kwong Sai di Segamat, Johor sepanjang 10 kilometer.

#### ■2120

Penemuan terhadap pemantauan prestasi SMA di semua tapak kajian yang dibina setakat ini tidak menunjukkan perbezaan yang signifikan berbanding bahan turapan jalan konvensional.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selain daripada getah asli *cup lump*, JKR juga telah menggunakan getah tempatan dalam bentuk lain sebagai bahan campuran dalam bahan turapan jalan seperti getah asli lateks yang seperti mana getah asli *cup lump* juga diperolehi dari pokok getah serta serbuk getah yang diproses dari tayar terpakai yang dikenali sebagai *crumb rubber*.

Terkini pada tahun 2018, getah asli lateks telah digunakan dalam pembinaan jalan raya di Temerloh dan Raub, Pahang, di Kemaman, Terengganu serta di Muar dan Batang Padang, Perak.

Pada tahun yang sama juga, bahan turapan jalan bercampur *crumb rubber* telah digunakan di Sepang, Selangor dan penggunaan getah asli lateks *crumb rubber* ini telah terbukti menepati spesifikasi yang digunakan dan menawarkan jaminan lima tahun daripada kerosakan turapan jalan khususnya bagi *crumb rubber*.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, bagi Jalan Pan Borneo pula dipertimbangkan menggunakan bahan turapan jalan bercampur getah asli yang sesuai digunakan dan dapat memberi pulangan yang ekonomik. Pada masa yang sama, penggunaan getah asli ini dapat meningkatkan pendapatan serta sosioekonomi peladang, petani dan pekebun kecil.

Seterusnya Tuan Pengerusi, Yang Berhormat bagi Yang Berhormat Petra Jaya...

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya ada.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Isu pembinaan projek *Sarawak-Sabah Link Road* atau SSLR- berapa kosnya, dan adakah telah mendapati kelulusan daripada Kerajaan Negeri

Sarawak. Skop projek ini melibatkan pembinaan jalan baharu dari Lawas ke Long Semadu hingga ke Long Lama di Marudi tanpa melalui Negara Brunei Darussalam. Panjang keseluruhan ialah lebih 400 kilometer. Anggaran kos keseluruhan ialah RM5.2 bilion. Kelulusan Fasa 1 SSLR sepanjang 90 kilometer sahaja dari Lawas ke Berunut. Kos Fasa 1- RM1.2 bilion termasuk tanah dan lain-lain. Statusnya ialah telah mendapat persetujuan jajaran jalan daripada *Sarawak Planning Authority* dan ia dijangka akan memulakan kerja-kerja fizikal pada pertengahan tahun 2020. Fasa 2- SSLR masih dalam peringkat rancangan dan akan dibincangkan bersama dengan Kerajaan Negeri Sarawak.

Mengenai isu perbezaan antara jalan raya *Trans Borneo* dan SSLR. Jalan raya *Trans Borneo* merupakan cadangan jalan yang menghubungkan Sarawak, Sabah dan Kalimantan. Manakala SSLR merupakan sebahagian daripada jalan raya *Trans Borneo*.

Status SSLR tender pra kelayakan akan ditutup pada 26 November 2019, dan panjang jalan ialah 90 kilometer seperti mana yang saya kata tadi dari Lawas ke Berunut dan peruntukan adalah RM1.2 bilion dan kerja-kerja ukur sedang dilaksanakan.

Seterusnya mengenai isu...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Sebelum Yang Berhormat pindah. Salah satu soalan saya tadi, hendak tahu berapa peruntukan untuk tahun 2020 bagi jajaran ini. Adakah peruntukan- berapakah peruntukan dalam Bajet 2020 untuk jajaran ini, Sabah Sarawak?

**Tuan Baru Bian:** SSLR itu?

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Ya.

**Tuan Baru Bian:** *I will write to you, will answer in writing. I do not have the figure* sekarang ini.

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Tuan Pengerusi, Lawas.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Akan tetapi kan projek ini sudah dilancarkan?

**Tuan Baru Bian:** Ya.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Kalau sudah dilancar, sudah pasti ada peruntukan yang sudah diluluskan.

**Tuan Baru Bian:** Saya boleh cek, apa yang pasti ada. Ya Yang Berhormat Lawas.

**Dato' Henry Sum Agong [Lawas]:** Ya, terima kasih Tuan Pengerusi, terima kasih Yang Berhormat Menteri.

Saya tidak sempat bahas tadi, dan saya ingin mengambil kesempatan ini mengucapkan terima kasih kepada kerajaan di atas kelulusan *Link Road* yang akan dilaksanakan di kawasan Parlimen Lawas. Khusus kepada Yang Berhormat Menteri yang telah melancarkan projek ini pada 5 November lepas di Lawas.

Seterusnya saya ingin bertanya dengan Yang Berhormat Menteri mengenai peruntukan di bawah Butiran 09260 – Naik Taraf Jalan-jalan Sarawak tadi, sebanyak RM33 juta dan membina jalan-jalan sebanyak RM18 juta sahaja. Apakah projek-projek yang akan dilaksanakan dengan

menggunakan peruntukan yang diluluskan ini di dalam bajet tahun depan? Ini kerana peruntukan ini tidak banyak berbanding dengan peruntukan bajet tahun-tahun yang sudah, kini sangat *limited* ya.

Seterusnya, saya ingin bertanya dalam Sesi Persidangan tahun lepas, saya telah mengesyorkan kepada Kerajaan Pusat untuk membina jalan- *Link Road* menghubungkan negara jiran Indonesia di sebelah utara Sarawak dengan mengambil alih dan menaik taraf jalan sedia ada dari Lawas ke Ba'kelalan dan terus ke sempadan Indonesia di Long Bawan sebagai satu projek di bawah gabungan negara-negara BIMP-EAGA.

Soalan saya, apakah- saya ingin bertanya pihak kerajaan, apakah ada perancangan kerajaan untuk projek tersebut bagi meningkatkan perhubungan dan perniagaan di antara kedua-dua wilayah dan negara selaras dengan hasrat dan matlamat penubuhan gabungan tersebut. Itu sahaja. Sekian, terima kasih.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Lawas atas isu yang dibangkitkan, saya akan menjawab secara bertulis ya.

Satu isu lagi yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Petrajaya adalah isu *Trans Borneo Highway*. Bagi makluman Yang Berhormat, *Trans Borneo Highway* tujuan menambahbaikkan rangkaian hubungan serta mempertingkatkan kebolehcapaian rangkaian dan kesalinghubungan sedia ada di Sabah dan Sarawak. Pembangunan *Trans Borneo Highway* perlu diberi perhatian oleh Kerajaan Pusat di dalam Wawasan Kemakmuran Bersama 2030 ini bagi membantu mempertingkatkan kesalinghubungan, memangkinkan kegiatan serta pertubuhan ekonomi setempat terutamanya di bahagian pedalaman Sabah dan Sarawak.

Inisiatif ini juga seiring dengan perubahan kepentingan geopolitik, geoekonomi serta pengumuman pemindahan pusat pentadbiran Indonesia dari Jakarta ke Kalimantan pada 16 Ogos 2019 yang bakal mewujudkan ruang dan peluang kepada Malaysia dalam menjana pembangunan ekonomi setempat khususnya dan serantau amnya.

Keperluan mewujudkan rangkaian *Trans Borneo Highway* ini juga mengambil kira rangkaian hubungan sedia ada serta mewujudkan keperluan mengadakan hubungan jalan raya baharu yang lebih baik di antara negeri Sarawak, Sabah dan juga negara Indonesia.

Dengan pelaksanaan *Trans Borneo Highway*, kesalinghubungan rangkaian jalan raya di antara Sarawak, Sabah dan Kalimantan akan dapat menghubungkan Serudong, Kalabakan, Sepulut, Keningau, Sipitang, Long Pasia di Sabah yang akan dihubungkan ke Ba'kelalan, Sarawak melalui *Sarawak-Sabah Link Road*. Buat masa ini Sabah dan Kalimantan Utara hanya dihubungkan melalui kaedah pengangkutan air sahaja dan perhubungan melalui jalan darat amat terbatas.

*Trans Borneo Highway* ini melibatkan spesifikasi jalan berpiawai R5 daripada sepanjang 335 kilometer. Inisiatif ini selari dengan usaha kerajaan untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang terus menerus membangun secara mampan seiring dengan pengagihan ekonomi yang adil dan inklusif.



Cadangan rangkaian *Trans Borneo Highway* ini tidak terhad hanya kepada rangkaian hubungan rakyat setempat tetapi menjangkau kepada penyediaan pembangunan prasarana awalan dan penjana ekonomi di timur Sabah, di samping dapat mempertingkatkan kebolehcapaian hubungan jalan terarah kepada penduduk setempat serta dapat menyediakan rangkaian hubungan jalan antara Indonesia dan Malaysia melalui rangkaian *Asian Highway Network* secara lebih sistematik dan efisien bagi memperkukuhkan lagi hubungan diplomatik dua hala antara Malaysia dan Indonesia.

■2130

Inisiatif kemudahan jaringan rangkaian yang sistematik dan efisien ini dapat dipertingkatkan kebolehcapaian rangkaian dan kesalinghubungan kepada penduduk setempat serta perhubungan antara Malaysia dan Indonesia. Inisiatif ini amatlah diperlukan bagi mengukuhkan kedudukan Malaysia khususnya Malaysia Timur sebagai hab perdagangan dan kewangan serantau, agar pembangunan sosioekonomi secara holistik dapat direalisasikan seterusnya mengurangkan jurang pembangunan antara negeri.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat Petrajaya, kos RM600 juta untuk projek Trans Borneo hanya melibatkan skop jajaran dari Kalabakan ke sempadan Indonesia sepanjang empat kilometer, termasuk pembinaan kuarters dan kompleks CIQ, di sempadan. Kalau ada yang belum dijawab, kita akan jawab secara bertulis Yang Berhormat Petrajaya.

Yang Berhormat Kalabakan?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Untuk Pan Borneo?

**Tuan Baru Bian:** Kita akan- kalau tidak ada di sini, kita akan...

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Akan tetapi saya hendak bangkitkan apa yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bandar Kuching juga tadi. Persoalan yang saya bangkitkan, berapa banyak konsultan selain daripada LBU yang akan ditamatkan?

Kedua mekanisme. Saya kira jawapan ini penting sebab sudah diputuskan oleh kerajaan untuk menamatkan, mesti ada mekanisme. Sebab dikatakan RM1.2 bilion penjimatan. Saya hendak tahu penjimatan ini adakah disebabkan LBU ditamatkan ataupun bersama dengan PDP Sabah? Apakah jumlah itu? Sebab sudah diumumkan. Yang Berhormat Menteri sepatutnya sudah ada *figure* itu. Tidak boleh beri secara bertulis. Saya hendak jawapan secara lisan.

**Tuan Baru Bian:** Ya, saya akan- tidak ada maklumat dalam tangan saya sekarang ini.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Akan tetapi Yang Berhormat Menteri sudah umumkan dalam media. Maknanya *figure* itu sepatutnya sudah *off-hand*.

**Tuan Baru Bian:** Okey, akan menjawab secara terperinci secara bertulis. Terima kasih.

**Dato' Sri Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Baik, terima kasih. Saya akan tunggu.

**Tuan Baru Bian:** Okey, terima kasih. Yang Berhormat Kalabakan? Status pembinaan Lebuhraya Pan Borneo Sabah yang melibatkan Kunak ke Tawau. Perancangan pelaksanaan 35 pakej kerja turut merangkumi dari Kunak ke Tawau. Namun, Jemaah Menteri telah memutuskan

agar 15 pakej kerja akan diteruskan dalam RMKe-11 berbaki 20 pakej kerja yang turut melibatkan laluan Kunak ke Tawau akan dilaksanakan seawal RMKe-12, tertakluk kepada kemampuan kewangan kerajaan.

Seterusnya, Tuan Pengerusi, Yang Berhormat Lipis? Okey akan dijawab secara bertulis.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Arau?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Okey, saya akan jawab secara bertulis. Yang Berhormat Rasah?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Okey, Yang Berhormat Rasah- peruntukan pembaikan cerun RM140 juta. Peruntukan pembaikan cerun sebanyak RM140 juta B.27 adalah kepada pembaikan cerun di seluruh Semenanjung Malaysia. Bagi Negeri Sembilan, cerun yang perlu dibaiki telah dikenal pasti dan ia dalam proses perancangan dan reka bentuk. Bilangan lokasi cadangan bagi N.9 ke 10 lokasi.

Projek jalan di Negeri Sembilan. Untuk makluman Yang Berhormat Rasah, terdapat beberapa projek dalam pembinaan di Negeri Sembilan. Satu projek jalan menghubungkan ke kawasan pembangunan baru selepas *Interchange* Temiang ke Jalan Pantai- FT86, dan kos projek RM190 juta.

Membina jalan baru dari Nilai, Labu ke Bandar Enstek, dan menaik taraf jalan utama Bandar Sri Sendayan, dan Bandar 'Ainsdale' dengan kos projek RM150 juta.

Seterusnya Tuan Pengerusi ialah Yang Berhormat Sibuti. Yang Berhormat Sibuti?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Status sekolah CSR di SK Kampung Bulan Subis yang dilaksanakan oleh LBU PDP. Ini hampir siap dilaksanakan dan akan diteruskan.

Kawasan yang dinaiki air ladang kelapa sawit dan kawasan Sungai Tangap. Kementerian ambil maklum dan akan ambil tindakan sewajarnya.

Seterusnya, ialah Yang Berhormat Pontian...

**Tuan Lukanisman bin Awang Sauni [Sibuti]:** Menteri ada belum jawab tadi. Kenapa butiran berkenaan tentang jambatan-jambatan di Sarawak sudah dikeluarkan sepenuhnya dalam Belanjawan 2020?

**Tuan Baru Bian:** Saya akan jawab secara bertulis. Tidak ada maklumat di dalam tangan saya.

Yang Berhormat Pontian?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Tidak ada ya, okey. Yang Berhormat Pontian akan dijawab secara bertulis.

Yang Berhormat Pengkalan Chepa? Tidak ada ya, okey.

Yang Berhormat Bagan Serai? Tidak ada, Yang Berhormat Bagan Serai tidak ada.

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ya, tidak ada.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Taiping?

**Tuan Pengerusi [Tuan Nga Kor Ming]:** Ada.

**Tuan Baru Bian:** Tidak ada, ya. Yang Berhormat Hulu Terengganu?

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Ada, ada.

**Tuan Baru Bian:** Ada ya, okey. Isu Jalan Gua Musang ke Kenyir. Jalan ini termasuk dalam jajaran jalan raya Simpang Pulai Lojing, Gua Musang-Kuala Berang sepanjang 304 kilometer. Terdapat tiga pakej yang belum disiapkan iaitu pakej 6A dari Aring ke sempadan Kelantan-Terengganu sepanjang dua kilometer, dan projek dalam pembinaan dan tarikh siap semasa pada 12 Mac 2022.

Keduanya, pakej lapan Kuala Jenaris ke Kuala Temerloh sepanjang 15.75 kilometer telah lulus di bawah RP3.

**Dato' Rosol bin Wahid [Hulu Terengganu]:** Yang Berhormat Menteri Kuala Jenaris ke Kuala Telemong, bukan Temerloh

**Tuan Baru Bian:** Telemong. Okey, *that's correct*. Projek ini dalam proses lantikan perunding dan dijangka tender pada Jun 2020.

Ketiganya, pakej tujuh- Tasik Kenyir ke Kuala Jenaris, sepanjang 11 kilometer. Projek ini belum diluluskan. Pertimbangan dan kelulusan pelaksanaan projek adalah tertakluk kepada komitmen kerajaan dan keutamaan pelaksanaan oleh agensi pusat...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Menteri, tadi Taiping. Selepas Taiping, Limbang. Yang Berhormat Menteri belum jawab lagi untuk Limbang.

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Taiping pun belum jawab lagi.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Taiping pun ada sini.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Taiping?

**Tuan Teh Kok Lim [Taiping]:** Taiping belum dapat lagi.

**Tuan Baru Bian:** Yang Berhormat Taiping?

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Lepas Taiping, Limbang.

**Tuan Baru Bian:** Okey, tunggu Yang Berhormat Limbang. Kalau ada jawapannya saya akan menjawab ya.

Yang Berhormat Taiping, membangkitkan berkenaan jalan-jalan ke tol di Taiping. Sejumlah bajet telah diperlu untuk dilaksanakan melalui konsesi. Pelbagai kaedah pembaikan telah disokong bergantung pada kesesuaian lokasi.

Mengenai pembaikan dan penyelenggaraan lampu-lampu jalan. Sebanyak RM4.8 juta telah diperuntukkan bagi penyelenggaraan pada tahun 2020.

#### ■1930

Mengenai isu kemajuan terkini tempoh kebolehsiapan dan tarikh boleh guna pakai Lebuhraya Pantai Barat Banting ke Changkat Jering, Taiping. Status kemajuan terkini penyiapan lebuhraya persiaran Pantai Barat di bawah skop penswastan sehingga 15 November 2019

adalah 64.5 peratus. Kemajuan secara terperinci mengikut negeri pula adalah 82.24 peratus pada negeri Perak. Manakala sebanyak 55.07 peratus bagi negeri Selangor.

Aktiviti pembinaan lebuhraya kini sedang giat dilaksanakan yang melibatkan seperti kerja-kerja pembersihan tanah, kerja-kerja penambakan tanah, kerja pembinaan struktur jambatan, kerja penurapan jalan dan kerja pemasangan perabot jalan. Jalan lebuhraya ini telah mula dibuka secara berperingkat mengikut penyiapan bermula tahun 2019 iaitu pembukaan pertama pada 31 Mei 2019 dari persimpangan Hutan Melintang ke persimpangan Teluk Intan dan pembukaan kedua pada 23 September 2019 melibatkan jajaran dari persimpangan Kampung Lekir ke persimpangan Beruas.

Kelewatan pembidaan Lebuhraya Pantai Barat ini secara amnya disebabkan proses pengambilan tanah dan penempatan jajaran seksyen tujuh antara Tanjung Karang dan Kuala Selangor.

Yang Berhormat Pendang. Isu pemansuhan tol Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) dan berapa kos pembinaan PLUS. Projek Lebuhraya Utara-Selatan (PLUS) telah mula dibina pada tahun 1982 dan disiapkan sepenuhnya pada tahun 1996 dengan kos keseluruhan projek ialah RM6 bilion.

Mengenai isu konsesi PLUS- tempoh konsesi asal ialah selama 30 tahun iaitu dari sebelum 1988 ke 2018. Namun telah dilanjutkan sehingga pada 2038 selepas proses penstrukturan semula kadar tol PLUS pada tahun 2011. Isu cadangan pengambilalihan konsesi tol PLUS akan dibincangkan secara holistik oleh tiga kementerian iaitu KKR, MOF dan MEA yang akan diadakan pada pertengahan bulan Disember 29 nanti.

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Yang Berhormat Menteri, Limbang ada tidak Yang Berhormat Menteri? Ini sudah Yang Berhormat Pendang dah. Sudah *bypass* dah.

**Tuan Baru Bian:** Minta maaf Yang Berhormat Limbang. Kita...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Ataupun pegawai tidak bagi jawapan dengan Yang Berhormat Menteri? *[Ketawa]*

**Tuan Baru Bian:** Saya- kalau tidak ada dalam tangan saya Yang Berhormat Limbang, saya akan memberi jawapan yang terperinci secara bertulis.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Jumlah kutipan tidak diberitahu daripada sejak...

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Macam ini sahaja Yang Berhormat Menteri. Kalau boleh Tuan Pengerusi, yang saya minta betul ini Yang Berhormat Menteri *just maybe to help you answer me* dengan terperinci *the present Federal road yang ada must be upgraded if since you already cancel the fasa dua then we move* terdahulu yang ini mesti *because the people are still using it with very heavy volume*. Hendak tunggu jalan di utara siap lama berapa tahun lagi? Itu sahaja *that is what I want* lah. *The answer* lah. *If you can commit, you have to by phase or what. You know, you have to – Limbang and Lawas. That's our area. Your area. My area.* Terima kasih Tuan Pengerusi.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih Yang Berhormat Limbang kerana saya sendiri pun menggunakan jalan itu. Saya faham dan tahu keadaan jalan itu ya dan kita akan membuat apa yang harus dibuat dan *take it from me* sebagai seorang dari Lawas dan Limbang dan kita akan membuat apa yang harus dibuatkan. Okey, terima kasih

**Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]:** Terima kasih. *Thank you for your commitment.*

**Tuan Baru Bian:** *Thank you.*

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey Yang Berhormat Menteri. Tadi sudah jawab RM6 bilion. Terima kasih. Akan tetapi, kos *collections* selama daripada mula kita mula kutip ikut Tol Utara-Selatan sehingga hari ini. Pembinaan kos RM6 bilion *but collection?*

**Tuan Baru Bian:** Okey, saya akan jawab secara bertulis.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Okey.

**Tuan Baru Bian:** Terima kasih. Tuan Pengerusi, saya tahu bahawa- oh, Tuan Pengerusi. Saya tahu bahawa masa pun sudah habis tetapi beberapa...

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Yang Berhormat Menteri.

**Tuan Baru Bian:** ...Jawapan dalam tangan saya ini.

**Tuan Pengerusi:** Yang Berhormat Tanjong Piai.

**Tuan Shahrizukir bin Abd Kadir [Setiu]:** Yang Berhormat Menteri. Setiu.

**Dato' Sri Dr. Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]:** Tanjong Piai. Belum, tidak jawab.

**Tuan Haji Awang bin Hashim [Pendang]:** Itu daerah Pendang. Hospital daerah Pendang.

**Tuan Baru Bian:** Okey, saya akan memberi jawapan secara bertulis Tuan Pengerusi.

**Tuan Pengerusi:** Semua dah merah.

**Tuan Baru Bian:** Ya, masa pun sudah lewat ya. Secara khususnya Tuan Pengerusi, bagi maklumat umum dan Ahli-ahli Yang Berhormat mengenai isu-isu dan cadangan-cadangan menaik taraf jalan, jambatan dan cadangan jalan raya baharu oleh Ahli-ahli Yang Berhormat dan mungkin permohonan projek-projek baharu ya yang tidak diluluskan dalam Rancangan Malaysia Ke-12 inilah pandangan kita.

Untuk makluman Ahli-ahli Yang Berhormat, adalah dimaklumkan bahawa cadangan naik taraf jalan atau jambatan dan rancangan jalan raya baharu yang tidak diluluskan di dalam *Rolling Plan* empat tahun 2020 seperti mana yang dibangkitkan di dalam sesi Parlimen hari ini akan diselaraskan semula oleh kementerian bersama pihak kerajaan negeri-negeri yang berkaitan di dalam perancangan RMK-12. Mesyuarat penyelarasan tersebut akan diadakan pada awal Disember 2019 ini.

Sekian sahaja Tuan Pengerusi jawapan daripada Kementerian Kerja Raya dan terima kasih pada semua Ahli-ahli Yang Berhormat yang telah membangkitkan isu-isu dan seperti mana yang saya katakan tadi, yang tidak sempat dijawab pada hari ini akan dijawab secara bertulis dan kita akan menerima itu dalam minggu ini juga. Terima kasih.

**Tuan Pengerusi:** Terima kasih Yang Berhormat Menteri. Baik.

Ahli-ahli Yang Berhormat, masalahnya ialah bahawa wang sejumlah RM1,792,114,200 untuk Maksud B.27, di bawah Kementerian Kerja Raya jadi sebahagian daripada Jadual hendaklah disetujui.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM1,792,114,200 untuk Maksud B.27, diperintahkan jadi sebahagian daripada Jadual]*

Masalahnya ialah bahawa perbelanjaan sebanyak RM6,240,717,500 untuk Maksud P.27 yang disebutkan dalam Anggaran Pembangunan 2020 hendaklah diluluskan.

*[Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujui]*

*[Wang sebanyak RM6,240,717,500 untuk Maksud P.27 diluluskan jadi sebahagian daripada Anggaran Pembangunan 2020]*

***[Majlis Mesyuarat bersidang semula]***

***[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Dengan itu Ahli-ahli Yang Berhormat mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10 pagi, hari Selasa, 26 November 2019. Terima kasih kepada semua.

*Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Selamat malam.*

***[Dewan ditangguhkan pada pukul 9.47 malam]***